

**KEMISKINAN DAN AGIHAN PENDAPATAN DI
KAWASAN TRANSMIGRASI DAN BUKAN
TRANSMIGRASI: KAJIAN KES DI KAMPAR, RIAU**

DEDI ZARGUSTIN

**DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
Ogos 2015**

**KEMISKINAN DAN AGIHAN PENDAPATAN DI KAWASAN
TRANSMIGRASI DAN BUKAN TRANSMIGRASI:
KAJIAN KES DI KAMPAR, RIAU**

**OLEH
DEDI ZARGUSTIN**

**Tesis dikemukakan kepada
Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business,
Universiti Utara Malaysia, bagi memenuhi syarat untuk Ijazah Doktor Falsafah**

KEBENARAN MERUJUK

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan pengurniaan Ijazah Sarjana Ekonomi daripada Universiti Utara Malaysia (UUM). Saya bersetuju menbenarkan pihak Perpustakaan Universiti Utara Malaysia mempamerkannya sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik perlulah mendapat kebenaran daripada Penyelia Tesis atau Dekan Othman Yeop Abdullah *Graduate School of Business* terlebih dahulu. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penyelidik dan Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika rujukan terhadap tesis ini dilakukan.

Kebenaran untuk membuat salinan atau menggunakan tesis ini sama ada sebahagian atau sepenuhnya hendaklah dipohon melalui:

Dekan, Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman

ABSTRAK

Indonesia adalah salah sebuah negara sedang membangun dan berpendapatan menengah dengan catatan kadar pertumbuhan KDNK 6.2 peratus pada tahun 2012. Bagaimanapun Indonesia berhadapan dengan masalah kemiskinan yang ketara terutamanya di kawasan luar bandar. Justeru, kerajaan telah memberi penekanan kepada pembangunan luar bandar melalui dasar penempatan semula penduduk di bawah program transmigrasi sejak Rancangan Pembangunan Lima Tahun II (REPELITA: 1974 -1979). Program transmigrasi ini merupakan program penempatan semula penduduk yang terbesar di dunia. Malangnya, di dalam pelaksanaan dasar-dasar pembasmian kemiskinan ini, kerajaan beranggapan bahawa masalah dan ciri-ciri masyarakat luar bandar adalah sama. Sebaliknya, sebahagian besar kajian-kajian lepas membuktikan bahawa masalah kemiskinan dan agihan pendapatan adalah berbeza antara kawasan di luar bandar kesan daripada perbezaan faktor-faktor sosio-ekonomi, budaya dan institusi sosial. Sehubungan itu, kajian ini cuba menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi kemiskinan dan agihan pendapatan di kawasan transmigrasi dan kawasan bukan transmigrasi, di Kabupaten Kampar. Reka bentuk kajian merangkumi kaedah diskriptif dan analisis kuantitatif berdasarkan persampelan rawak berlapis, melibatkan proses temubual bersemuka dengan 752 orang responden. Kajian menggunakan Model Regresi Linear Berganda bagi menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi agihan pendapatan, Model Regresi Logistik, melalui pendekatan nisbah kemungkinan dan kebolehjadian maksimum (maximum likelihood) bagi menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi kemiskinan serta Ujian Khi Kuasa Dua untuk menganalisis faktor-faktor penentu kemiskinan. Faktor-faktor penentu agihan pendapatan dan kemiskinan yang diuji ialah saiz tanah yang diusahakan, tingkat penggunaan teknologi, tingkat pendidikan, tahap kesihatan, akses kepada institusi dan penglibatan dalam pekerjaan sampingan. Secara keseluruhan, ketidakseimbangan agihan pendapatan di kawasan bukan transmigrasi adalah lebih besar dibandingkan dengan kawasan transmigrasi. Bagaimanapun, ketidakseimbangan ini semakin berkurangan apabila pendapatan KIR daripada pekerjaan utama (hasil ladang) digabungkan dengan lain-lain sumber pendapatan sampingan. Hampir kesemua pembolehubah yang diuji mempunyai hubungan yang signifikan negatif dengan agihan pendapatan. Sementara, perbezaan faktor-faktor penentu pendapatan juga menyebabkan jumlah hasil per hektar yang berbeza di antara kedua-dua kawasan. Secara keseluruhan, hasil per hektar lebih tinggi di kawasan transmigrasi dengan purata pendapatan lebih tinggi dan kadar kemiskinan yang lebih rendah di kawasan ini berbanding kawasan bukan transmigrasi. Kajian merumuskan bahawa, dasar pembasmian kemiskinan dan agihan pendapatan seharusnya ditumpukan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan keupayaan sumber manusia, mempergiatkan peluang-peluang perniagaan, meningkatkan pemilikan harta fizikal, mengaktifkan akses terhadap institusi serta meningkatkan penggunaan teknologi, khususnya di kawasan yang berkaitan.

Kata Kunci: Agihan pendapatan, institusi sosial, kemiskinan, ketua isi rumah, Transmigrasi

ABSTRACT

Indonesia is one of the developing and middle income countries with a GDP growth rate of 6.2 percent in 2012. However, Indonesia faced a significant poverty problem especially in the rural areas and poverty is highly associated with rural sector. Therefore, the government had emphasized on the rural sector development through population resettlement policies under the transmigration program since the Second Five Year Development Plan (REPELITA: 1974-1979). This is the largest resettlement program in the world. Unfortunately, in implementing the poverty eradication policy, the government presumed that the problem and characteristics of the rural society are relatively similar. Indeed, most previous researches revealed that they are different. Poverty and income distribution are influenced by several factors such as the socio-economic, culture and social institution backgrounds of the population. Thus, this study intends to analyse factors affecting the poverty and income distribution inequality within transmigration and non-transmigration areas located in Kabupaten Kampar. This study used a descriptive and quantitative analysis based on a stratified random sampling, involving face to face interviews with 752 respondents. The Multiple Linear Regression model were applied to analyze the factors affecting distribution of income, the Logistic Regressions model with maximum likelihood approach were used to analyze the factors affecting poverty, while the Chi Square test used to analyse the determinants of poverty. The determining factors tested for poverty and income distribution were the size of land, the use of technology, level of education, status of health, accessibility to institutions and off-farm income. Overall, the inequality of income distribution is much greater in a non-transmigration area compared to transmigration areas. However, the gap is significantly reduced when an off-farm income were added to the main employment (farm produce) of the head of households' income. Almost all variables tested had significantly negative relation with distribution of income, while different income determinant contributed differently toward total yield per hectare in both areas. Overall, the revenue per hectare was higher in the transmigration area, leading towards higher average income levels and lower poverty rate for the transmigration as compared to non-transmigration areas. In conclusion, the development policy for poverty eradication and income distribution should be focused on increasing the capacity of human resources, increasing business opportunities, improving physical property ownership, enabling access to institutions and increasing the use of technology, especially within specified location.

Keywords: *Income distribution, social institution, poverty, head of household, transmigration*

PENGHARGAAN



Alhamdulillah, puji syukur penulis ucapkan kehadiran Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan karuniaNya sehingga tesis ini dapat diselesaikan.

Pertamanya terima kasih kepada Prof.DR.Asan Ali Golam Hassan sebagai penyelia, LT KOL Prof DR.Abdul Razak Chik, Prof.DR.Ishak Yussof (Universiti Kebangsaan Malaysia) selaku penilai dan Prof.Madya DR.Hussin Abdullah serta DR. Khairuddin Kasiran yang telah banyak membantu dalam penyelesaian tesis ini.

Ribuan terima kasih kepada Prof.DR. Syafrani, M.Si, Rektor Universitas Lancang Kuning (UNILAK) ; Dra. Enny Mutryarny, MP, Dekan Fakultas Pertanian Unilak; Ir.Mufti, M.Si, Mantan Dekan Fakultas Pertanian Unilak ; Prof. DR. H.Detry Karya, Rektor Universitas Islam Riau (UIR); Prof. DR.H.Hassan Basri Jumin M.Sc, Dir.Program Pascasarjana UIR ; Prof. DR. Ir. H.Irwan Effendi, M.Sc, Mantan Rektor Universitas Lancang Kuning; DR. Agusnimar, Wkl.Dir.PPS UIR dan En. Zulachyar, Pengurus Pasca UIR, di atas segala dorongan.

Setulus penghargaan kepada En. Surul, Koordinator Penyelidik kawasan bukan transmigrasi dan En. Soebagyo, Koordinator Penyelidik kawasan transmigrasi yang banyak membantu dalam kerja lapangan di kawasan yang berkaitan.

Teristimewa buat isteriku tercinta Neneng Suprihatin, SE dan anak-anakku tersayang Ika Nindya Putri, Tiwi Nedi Amelia, Rizky Ananda Putra ;Kedua orangtuaku yang telah tiada Drs. Ridwan Auzar (papa) Marlia Titin (mama); Kakek dan Nenek, H.Dt.Auzar Bin Abdurrahman (kakek), Hj. Hafsah (nenek) yang sentiasa membantu, memahami dan menyuntik semangat waja yang berpanjangan.

Terima kasih dan moga dirahmati ALLAH.

Dedi Zargustin
Program Studi Sosial Ekonomi (Agribisnis)
Fakultas Pertanian
Universitas Lancang Kuning
Pekanbaru, Riau, Indonesia
23 Ogos 2015

KANDUNGAN

TAJUK	i
PERAKUAN KERJA TESIS	ii
KEBENARAN MERUJUK	iv
ABSTRAK	v
PENGHARGAAN	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SINGKATAN	xvii

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Penyataan Masalah	9
1.4 Motivasi Kajian	13
1.5 Persoalan Kajian	15
1.6 Objektif Kajian	16
1.7 Kepentingan Kajian	16
1.8 Skop dan Batasan Kajian	17
1.9 Istilah Operasional	18
1.10 Struktur Kajian	21

BAB 2: TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	22
2.2 Teori Pembangunan	22
2.2.1 Konsep dan Ukuran Pembangunan	23
2.3 Teori Kemiskinan dan Agihan Pendapatan	25
2.3.1 Konsep dan Ukuran Kemiskinan dan Agihan Pendapatan	32
2.3.2 Konsep dan Ukuran Kemiskinan di Indonesia	39
2.4 Teori Migrasi dan Penempatan Semula	42
2.4.1 Konsep dan Jenis-Jenis Penempatan Semula	43
2.4.2 Rancangan Pembangunan Tanah Baru dan Transmigrasi	50
2.5 Faktor-Faktor Penentu Kemiskinan	55
2.6 Kajian Empirikal Faktor-Faktor Penentu Kemiskinan di Indonesia	74
2.6.1 Saiz Tanah Pertanian	74
2.6.2 Tingkat Penggunaan Teknologi	80
2.6.3 Tingkat Pendidikan	81
2.6.4 Tingkat Kesehatan	84
2.6.5 Penglibatan Dalam Institusi	86
2.6.6 Penglibatan Dalam Pekerjaan Sampingan	88
2.7 Kesimpulan	93

BAB 3: PERANCANGAN PEMBANGUNAN DAN PROGRAM TRANSMIGRASI DI INDONESIA

3.1 Pendahuluan	100
3.2 Perancangan Pembangunan Di Indonesia	100
3.3 Program Transmigrasi	103
3.3.1 Pola Syarikat Inti Rakyat Khusus	107
3.3.2 Pola Syarikat Inti Rakyat Transmigrasi	110

BAB 4: METODOLOGI KAJIAN

4.1 Pendahuluan	116
4.2 Reka Bentuk dan Konseptual Kajian	116
4.2.1 Latar Belakang Kawasan Kajian	119
4.2.2 Responden dan Sampel Kajian	127
4.2.3 Prosedur Pengumpulan Data Dan Kerja Lapangan	133
4.3 Instrumen Kajian	135
4.4 Analisis Data	137
4.4.1 Pendapatan dan Kemiskinan	137
4.4.2 Agihan Pendapatan	141
4.4.3 Model Regresi Logistik	144
4.4.4 Spesifikasi Model	146

BAB 5: DAPATAN KAJIAN

5.1 Pendahuluan	149
5.2. Profil Sosio Demografi Responden	149
5.2.1 Agihan Mengikut Suku	149

5.2.2 Struktur Umur dan Jantina	150
5.2.3 Taraf Perkahwinan	156
5.3 Insiden Kemiskinan	157
5.3.1 Tingkat Pendapatan	157
5.3.2 Agihan Pendapatan	162
5.3.3 Kadar Kemiskinan	173
5.4 Faktor Penentu Kemiskinan	177
5.4.1 Luas Tanah yang Diusahakan	177
5.4.2 Tingkat Penggunaan Teknologi	181
5.4.3 Tingkat Pendidikan	186
5.4.4 Bilangan Ahli Isi Rumah	192
5.4.5 Tingkat Kesihatan	194
5.4.6 Akses Kepada Institusi	196
5.4.7 Pekerjaan Sampingan	198
5.5 Analisis Model Regresi Logistik	203
5.5.1 Luas Tanah yang Diusahakan	207
5.5.2 Tingkat Penggunaan teknologi	208
5.5.3 Tingkat Pendidikan	209
5.5.4 Tingkat Kesihatan	210
5.5.5 Akses Kepada Institusi	211
5.5.6 Pekerjaan Sampingan	212

BAB 6: KESIMPULAN DAN IMPLIKASI DASAR

6.1 Pendahuluan	213
6.2 Ringkasan Dapatan Kajian	213
6.3 Kesimpulan, Implikasi Teori dan Dasar	219
6.3.1 Implikasi Teori	222
6.3.2 Implikasi Dasar	225
6.4 Kajian Lanjutan	233
6.5 Penutup	234
 Rujukan	 236
 Lampiran 1 Borang Soalselidik	 248
Lampiran 2 Angkali Gini dan Kelok Lorenz; Bukan Transmigrasi	265
Lampiran 3 Angkali Gini dan Kelok Lorenz; Transmigrasi	270
Lampiran 4 Output Model Regresi Linear Berganda: Bukan Transmigrasi	275
Lampiran 5 Output Model Regresi Linear Berganda: Transmigrasi	277
Lampiran 6 Output Ujian Khi Kuasa Dua; Bukan Transmigrasi	279
Lampiran 7 Output Ujian Khi Kuasa Dua; Transmigrasi	282
Lampiran 8 <i>Chi-Squared Distribution Table</i>	285

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1	Ringkasan Konsep dan Teori Kemiskinan dan Agihan Pendapatan	94
Jadual 2.2	Ringkasan Faktor Penentu Pendapatan, Kemiskinan & Agihan Pendapatan	95
Jadual 3.1	Pemerintahan Republik Indonesia (1945-2013)	101
Jadual 3.2	Luas Kawasan Tanaman Kelapa Sawit Pola SIR-Sus di Provinsi Riau	109
Jadual 3.3	Luas Kawasan Tanaman Kelapa Sawit NES II ADB	110
Jadual 4.1	Jumlah Kecamatan dan Jumlah Isi Rumah Kabupaten Kampar Provinsi Riau	121
Jadual 4.2	Bilangan Penduduk Mengikut Jenis Kelamin di Kabupaten Kampar	122
Jadual 4.3	Tingkat Kepadatan Penduduk Mengikut Kecamatan di Kabupaten Kampar	124
Jadual 4.4	Bilangan Penduduk Mengikut Tingkat Umur di Kabupaten Kampar	125
Jadual 4.5	Penduduk Mengikut Taraf Pendidikan Yang Pernah Diikuti di Kabupaten Kampar	126
Jadual 4.6	Penduduk Mengikut Bidang Pekerjaan di Kabupaten Kampar	127
Jadual 4.7	Saiz Sampel Berdasarkan Bilangan Populasi	131
Jadual 4.8	Bilangan Sampel Di Kawasan Transmigrasi dan Bukan Transmigrasi	132
Jadual 4.9	Bahagian dan Sub Bahagian dalam Borang Soal Selidik	136
Jadual 5.1	Agihan Responden Mengikut Suku	150
Jadual 5.2	Struktur Umur KIR	151
Jadual 5.3	Struktur Jantina KIR	151
Jadual 5.4	Hubungan KIR dan AIR	152

Jadual 5.5	Struktur Umur AIR	153
Jadual 5.6	Struktur Umur Penduduk (KIR+AIR)	153
Jadual 5.7	Nisbah Tanggungan	154
Jadual 5.8	Struktur Jantina AIR	155
Jadual 5.9	Struktur Jantina Penduduk (KIR+AIR)	155
Jadual 5.10	Taraf Perkahwinan KIR	156
Jadual 5.11	Taraf Perkahwinan AIR	157
Jadual 5.12	Pendapatan dan Perubahan Pendapatan di Kawasan Transmigrasi Dan Bukan Transmigrasi	160
Jadual 5.13	Kumpulan Penerima Pendapatan Mengikut Sumber Pendapatan	167
Jadual 5.14	Analisis Regresi Linear Berganda	172
Jadual 5.15	Pendapatan Tahunan Purata Perkapita	175
Jadual 5.16	Kadar Kemiskinan	175
Jadual 5.17	Angkali Gini Pendapatan Berdasarkan Status Isi Rumah	176
Jadual 5.18	Saiz Penguasaan Tanah dan Tanah Perkapita	177
Jadual 5.19	Saiz Mengusahakan Tanah	178
Jadual 5.20	Angkali Gini Penguasaan Tanah Total dan Perkapita Isi Rumah	179
Jadual 5.21	Saiz Penguasaan Tanah Berdasarkan Status Isi Rumah (Hektar)	180
Jadual 5.22	Angkali Gini Luas Penguasaan Tanah Berdasarkan Status Isi Rumah	180
Jadual 5.23	Penggunaan Teknologi	182
Jadual 5.24	Penggunaan Teknologi Untuk Input Pertanian	183
Jadual 5.25	Tingkat Penggunaan Teknologi	184

Jadual 5.26	Tingkat Pendidikan Petani	186
Jadual 5.27	Tingkat Pendidikan AIR	187
Jadual 5.28	Taraf Pendidikan Anak-Anak Petani (KIR)	188
Jadual 5.29	Perbandingan Tingkat Pendidikan Petani dengan Anak-Anak Petani (%)	189
Jadual 5.30	Ahli Isi Rumah Purata	192
Jadual 5.31	Akses Kepada Institusi	196
Jadual 5.32	Jenis Pekerjaan Sampingan	200
Jadual 5.33	Analisis Model Regresi Logistik Di Kawasan Transmigrasi	204
Jadual 5.34	Analisis Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kemiskinan Isi Rumah di Kawasan Transmigrasi	205
Jadual 5.35	Analisis Model Regresi Logistik di Kawasan Transmigrasi Dan Bukan Transmigrasi	206
Jadual 6.1	Ringkasan Profil Demografi	214
Jadual 6.2	Ringkasan Profil Kemiskinan dan Agihan Pendapatan	215
Jadual 6.3	Ringkasan Faktor Penentu Kemiskinan	217
Jadual 6.4	Hasil dan Pendapatan per Hektar	218

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Indonesia, Pertumbuhan KDNK Perkapita, 2000 – 2013	2
Rajah 1.2	Indonesia, Pendapatan Perkapita, 2000 – 2013	3
Rajah 1.3	Indonesia, Kadar Kemiskinan Bandar dan Luar Bandar, 1976 – 2013	4
Rajah 1.4	Indonesia, Kadar Kemiskinan Mengikut Provinsi, 2013	5
Rajah 1.5	Indonesia, Angkali Gini, 2013	6
Rajah 2.1	Rantaian Ketidakseimbangan Di Negeri Kurang Maju	67
Rajah 2.2	Faktor Penentu Kemiskinan	97
Rajah 2.3	Gambaran Pengaruh Faktor Suntikan	98
Rajah 3.1	Gambaran Syarikat Inti dan Kawasan Plasma	106
Rajah 4.1	Konseptual Kajian	117
Rajah 4.2	Kabupaten Kampar	120
Rajah 4.3	Kawasan Kajian	129
Rajah 5.1	Tingkat pendapatan Di Kawasan Transmigrasi dan Bukan Transmigrasi	159
Rajah 5.2	Agihan Pendapatan di Kawasan Bukan Transmigrasi	169
Rajah 5.3	Agihan Pendapatan di Kawasan Transmigrasi	169
Rajah 5.4	Koefisien Gini Di Kawasan Transmigrasi dan Bukan Transmigrasi	170

SINGKATAN

<i>ADB</i>	-	<i>Asian Development Bank</i>
AIR	-	Ahli Isi Rumah
APBN	-	Anggaran Pendapatan dan Belanja Negara
BAPPENAS	-	Badan Perencanaan Pembangunan Nasional
BCA	-	Bank Central Asia
BIL	-	Bilangan
BKKBN	-	Badan Koordinasi Keluarga Berencana Nasional
BNI	-	Bank Negara Indonesia
BPS	-	Badan Pusat Statistik
BRI	-	Bank Rakyat Indonesia
BULOG	-	Badan Urusan Logistik
DEB	-	Dasar Ekonomi Baru
DEPNAKERTRANS	-	Departemen Tenaga Kerja dan Transmigrasi
<i>FDI</i>	-	<i>Foreign Direct Investment</i>
<i>FELDA</i>	-	<i>Federal Land Development Authority</i>
GBHN	-	Garis Besar Haluan Negara
GKM	-	Garis Kemiskinan Makanan
GKNM	-	Garis Kemiskinan Non Makanan
<i>HDI</i>	-	<i>Human Development Index</i>
IDT	-	Inpres Desa Tertinggal
<i>ILO</i>	-	<i>International Labour Organization</i>
JPS	-	Jaring Pengaman Sosial
KDNK	-	Keluaran Dalam Negeri Kasar
KIR	-	Ketua isi rumah
KKPA	-	Kredit Koperasi Primer Anggota
KUD	-	Koperasi Unit Desa
LKMD	-	Lembaga Ketahanan Masyarakat Desa
MPR	-	Majlis Permusyawaratan Rakyat
<i>NES</i>	-	<i>Nucleous Estate Smallholder</i>
PBN	-	Perusahaan Besar Negara
PBB	-	Perserikatan Bangsa-Bangsa
PIR-Sus	-	Perusahaan Inti Rakyat Khusus
PTP	-	Perseroan Terbatas Perkebunan
PTPN	-	Perseroan Terbatas Perkebunan Negara
PIR	-	Pola Syarikat Inti Rakyat
PLTA	-	Perusahaan (syarikat) Listrik Tenaga Air
PPL	-	Penyuluh Pertanian Lapangan
PROPPENAS	-	Program Pembangunan Nasional
PT	-	Perguruan Tinggi
PUSKESMAS	-	Pusat Kesehatan Masyarakat
REPELITA	-	Rencana Pembangunan Lima Tahun
RI	-	Republik Indonesia
Rp	-	Rupiah
SD	-	Sekolah Dasar

<i>SL</i>	-	<i>Sustainable Livelihood</i>
<i>SLA</i>	-	<i>Sustainable Livelihood Approach</i>
<i>SDM</i>	-	<i>Sumber Daya Manusia</i>
<i>SMA</i>	-	<i>Sekolah Menengah Atas</i>
<i>SMP</i>	-	<i>Sekolah Menengah Pertama</i>
<i>SPSS</i>	-	<i>Statistical Package For Social Science</i>
<i>UNDP</i>	-	<i>United Nations Development Program</i>
<i>WHO</i>	-	<i>World Health Organization</i>
<i>WTC</i>	-	<i>World Trade Centre</i>

BAB 1


PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab satu merupakan pengenalan kepada keseluruhan kajian yang telah dijalankan. Bahagian pertama bab ini ialah ialah pendahuluan. Bahagian kedua bab ini akan membincangkan latar belakang kajian berkaitan dengan fenomena kemiskinan dan strategi penempatan semula penduduk melalui program transmigrasi di Indonesia. Bahagian ketiga bab ini ialah penyataan masalah dan seterusnya bahagian keempat membincangkan persoalan-persoalan kajian manakala bahagian kelima dan keenam bab ini membincangkan motivasi dan objektif kajian yang telah dijalankan. Bahagian ketujuh bab ini membincangkan kepentingan kajian iaitu mengapa kajian ini penting untuk dijalankan terutamanya kepada pihak pembuat dasar di Provinsi Riau. Bahagian kelapan bab ini akan membincangkan skop dan batasan kajian. Seterusnya ialah istilah operasional yang digunakan dalam kajian yang telah dijalankan dan bahagian terakhir bab ini, bahagian ke sepuluh membincangkan struktur kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Indonesia merupakan salah satu negara membangun yang telah mampu memacu pertumbuhan ekonomi yang secara relatif tinggi. Dalam tempoh 1990 hingga 1996, kadar pertumbuhan *Produk Domestik Bruto* atau Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ialah sekitar 7.28 peratus setahun. Bagaimanapun kadar pertumbuhan KDNK ini berkurangan akibat daripada krisis ekonomi Asia pada tahun 1997 hingga 1998 dan mula meningkat semula pada tahun 2000. Pada tahun 2013, kadar pertumbuhan KDNK Indonesia ialah sekitar 6.25 peratus (Rajah 1.1).



Rajah 1.1

Indonesia : Pertumbuhan KDNK Perkapita, 2000 – 2013


Sumber: Badan Pusat Statistik. 2014

<http://dds2.bps.go.id/eng/index.php>

Menurut Biro Pusat Statistik Indonesia (1996), dalam tempoh 1990 hingga 1996 purata pendapatan perkapita penduduk Indonesia telah mencapai Rp1,605,178 (RM465). Pendapatan perkapita ini meningkat kepada Rp6,171,343 pada tahun 2000 dan Rp9,798,899 pada tahun 2013 (Rajah 1.2). Berdasarkan pendapatan perkapita tersebut, Indonesia boleh dikategorikan sebagai salah sebuah negara sedang membangun dan berpendapatan menengah (Bank Dunia 1990).


Kejayaan negara Indonesia dalam mengekalkan kadar pertumbuhan yang tinggi masih belum boleh dibanggakan jika dibandingkan dengan kadar kemiskinannya yang masih tinggi terutamanya di kawasan luar bandar. Jika berdasarkan piawai (*standard*) hidup minimum, iaitu pengeluaran perkapita per hari sebanyak US\$1.00, kemiskinan di Indonesia berjumlah sekitar 35 juta orang. Manakala jika dihitung dengan piawai

US\$2.00, maka penduduk yang berada di bawah garis kemiskinan meningkat sekitar 175 juta orang, yaitu meningkat sekitar lima kali ganda (Bank Dunia 2006).



Rajah 1.2
Indonesia : Pendapatan Perkapita, 2000 – 2013
Sumber: Badan Pusat Statistik. 2014
<http://dds2.bps.go.id/eng/index.php>

Pada tahun 2000 jumlah penduduk miskin ialah seramai 38.7 juta orang (19.1%) dan berkurangan kepada 35.1 juta orang (15.9%) pada tahun 2005 dan terus berkurangan kepada 28.1 juta orang (11.7%) pada tahun 2012. Daripada jumlah ini, jumlah penduduk miskin di kawasan bandar ialah seramai 10.5 juta orang dan 18.1 juta orang di kawasan luar bandar (2012). Walaupun pertumbuhan KDNK Indonesia secara relatifnya tinggi, tetapi kadar kemiskinan juga agak tinggi iaitu sekitar 11 peratus pada tahun 2013. Pada tahun yang sama, kadar kemiskinan di kawasan bandar ialah sekitar 8.5 peratus manakala di kawasan luar bandar ialah sekitar 14.4 peratus (Rajah 1.3).



Rajah 1.3


Indonesia : Kadar Kemiskinan Bandar dan Luar Bandar, 1976 – 2013

Sumber: Badan Pusat Statistik. 2014

<http://dds2.bps.go.id/eng/index.php>

Jika dibandingkan dengan kadar kemiskinan mengikut Provinsi seperti dalam Rajah 1.4 (terdapat 33 Provinsi di Indonesia), ialah antara 4.1 peratus (Provinsi DKI Jakarta) sehingga 27.8 peratus (Provinsi Papua). Sekitar separuh (16 Provinsi) daripada jumlah Provinsi di Indonesia mencatatkan kadar kemiskinan yang lebih tinggi daripada kadar kemiskinan purata Indonesia (11%) (Rajah 1.4).

Dari sudut agihan pendapatan di Indonesia pula, didapati ketidakseimbangan agihan pendapatan secara relatifnya tinggi. Angkali Gini untuk purata Indonesia ialah sekitar 0.41. Jika dibandingkan antara provinsi, didapati angkali Gini ini adalah paling rendah di Provinsi Kepulauan Bangka Belitung (0.31) dan paling tinggi di Provinsi Papua (0.44). Lapan daripada jumlah provinsi di Indonesia (33) mencatatkan angkali Gini yang lebih tinggi daripada jumlah purata angkali Gini Indonesia (Rajah 1.5).




Rajah 1.4

Indonesia : Kadar Kemiskinan Mengikut Provinsi, 2013

Sumber: Badan Pusat Statistik. 2014

<http://dds2.bps.go.id/eng/index.php>



Rajah 1.5

Indonesia : Angkai Gini, 2013

Sumber: Badan Pusat Statistik Indonesia

<http://dds2.bps.go.id/eng/index.php>

Di Indonesia, seperti juga di negara-negara membangun yang lain, memperlihatkan masalah dualistik ekonomi yang ketara. Kemiskinan secara umumnya sangat berkait rapat dengan sektor pertanian atau sektor luar bandar. Sekitar 75.7 peratus insiden kemiskinan berlaku di kawasan luar bandar. Dalam masa yang sama, sekitar 67 peratus dari penduduk miskin bergantung hidup kepada sektor pertanian (Universitas Indonesia 2001).

Secara amnya, perancangan pembangunan Indonesia pada era Soekarno (1945 -1966) lebih tertumpu kepada memulihkan kestabilan ekonomi dan politik selepas mencapai kemerdekaan pada tahun 1945. Perancangan pembangunan untuk mengurangkan masalah kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar telah diberi perhatian yang serius dalam era Orde Baru (1966-1998) iaitu semasa pemerintahan Presiden Soeharto. Sejak Repelita II (1974-1979), tumpuan diberi kepada pembangunan luar bandar melalui dasar penempatan semula penduduk dalam skim pembangunan tanah baru atau dikenali sebagai program Transmigrasi¹ (*resettlement schemes*).

Walaupun transmigrasi di Indonesia telah bermula sejak zaman penjajahan Belanda, program ini lebih tertumpu kepada migrasi keluar penduduk dari pulau Jawa ke Sumatera. Program transmigrasi ini semakin diberi perhatian sejak era Orde Baru di bawah presiden Soeharto². Program ini telah dikembangkan meliputi migrasi keluar penduduk dari pulau Jawa ke ke Kalimantan, Sulawesi dan Irian Jaya (Papua).

¹ Ia disebut sebagai transmigrasi kerana melibatkan perpindahan penduduk dari pulau Jawa ke kawasan penempatan baru di luar pulau Jawa. Peneroka ialah peserta program transmigrasi yang diperuntukkan tanah antara 5 ekar hingga 10 ekar dan Syarikat Inti ialah agensi pelaksana. Syarikat Inti dimiliki oleh sektor swasta atau kerajaan.

² Program transmigrasi di Indonesia akan dibincangkan dalam Bab 4.

Program transmigrasi semakin berkembang pada awal 1970an, setelah memperoleh pembiayaan pinjaman daripada pihak Bank Dunia (*World Bank*), *Asian and Islamic Development Bank* dan PBB (*United Nation*).

Dalam masa yang sama peningkatan harga minyak dunia pada tahun 1970an juga telah membantu negara Indonesia dalam merencanakan pembangunan luar bandar termasuk program transmigrasi. Program transmigrasi (*resettlement*) di Indonesia merupakan program penempatan semula penduduk yang terbesar di dunia (Babcock 1983). Melalui program ini pula sekitar dua juta orang penduduk telah dipindahkan setiap tahun terutamanya dalam tempoh Rencana Pembangunan Lima Tahun (REPELITA) ketiga antara tahun 1978/79 hingga 1983/84 (Arndt 1988).

Di dalam program transmigrasi, setiap peserta telah diperuntukkan tanah seluas 2 hingga 5 hektar (sekitar 5 hingga 10 ekar) bergantung kepada keluasan tanah yang ada di kawasan penempatan baru tersebut³. Tanaman utama di kawasan transmigrasi ditetapkan oleh kerajaan sama ada dikhususkan untuk padi, getah atau kelapa sawit. Untuk kawasan yang dikhususkan untuk tanaman padi, di luar musim menanam padi, peserta transmigrasi akan menanam tanaman kontan (hortikultura)⁴.

³ 1 hektar = 2.47105 ekar.

⁴ Merujuk kepada tanaman hortikultura seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan tanaman hias (bunga-bunga).

1.3. Penyataan Masalah

Walaupun pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak pemerintah untuk mengurangkan kadar kemiskinan, namun pencapaiannya masih belum memuaskan. Dalam sesetengah keadaan dasar-dasar pemerintah didapati belum cukup efektif untuk mengurangi masalah kemiskinan. Menurut Dartanto (2007), dasar pemerintah biasanya bersifat reaktif, tidak tertumpu dalam mengimplementasikan dasar pembasmian kemiskinan yang menyeluruh serta kurangnya sinergi dan koordinasi antara berbagai agensi-agensi pemerintah. Ini kerana usaha pemerintah dalam pengurangan kemiskinan adalah berdasarkan kepada:-

1. Terlalu tertumpu pada pertumbuhan ekonomi secara makro (*aggregate*).
2. Lebih banyak bersifat menyembuhkan (*curative*) dan kebajikan (*charity*).
3. Program yang bersifat kebajikan yang tidak mengambilkira faktor-faktor penyebab kemiskinan.
4. Kurang integrasi dan kesinambungan dalam implementasi program-program pembasmian kemiskinan,
5. Dasar (progran kebijakan) yang ditentukan oleh pemerintah pusat cenderung seragam untuk semua kawasan di luar bandar.

Pemerintah mengandaikan persoalan yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar dan ciri-ciri masyarakat luar bandar ialah sama. Oleh itu, dasar pembasmian kemiskinan yang seragam adalah tidak sesuai kerana ciri-ciri sosioekonomi dan budaya serta penentu kemiskinan yang berbeza di kawasan luar bandar terutamanya di kalangan masyarakat di kawasan transmigrasi dengan masyarakat tempatan (bukan transmigrasi).

Selain itu, dengan rendahnya aksesibiliti masyarakat dalam menggunakan institusi-institusi ekonomi yang sedia ada (bank, persatuan petani dan koperasi), akan menghadkan peluang ekonomi yang dapat dijalankan oleh masyarakat tersebut dalam meningkatkan pendapatan isi rumah mereka yang kemudiannya akan meyulitkan masyarakat luar bandar untuk meningkatkan taraf hidup mereka (kesejahteraan). Selain itu institusi ekonomi yang ada di kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi juga adalah berbeza.

Melalui program transmigrasi ini masalah kemiskinan di kawasan luar bandar telah dapat dikurangkan. Walau bagaimanapun dijangka berlaku pula masalah ketidakseimbangan pendapatan antara kawasan transmigrasi dengan kawasan bukan transmigrasi. Di kawasan transmigrasi, peserta terdiri daripada penduduk pulau Jawa (yang sebahagian besarnya kaum Jawa) yang berlainan budaya (cara dan semangat bekerja) dengan masyarakat tempatan. Selain itu, di kawasan transmigrasi juga, saiz ladang, institusi sosial yang ada dan tanaman utama adalah seragam. Oleh itu dalam satu kawasan (wilayah) yang sama, masalah kemiskinan dilihat berbeza di antara kawasan transmigrasi dengan kawasan bukan transmigrasi (masyarakat tempatan).

Di kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi, rendahnya tingkat pendapatan masyarakat, menyebabkan mereka cenderung melakukan kegiatan usahatani tambahan dan mencari pekerjaan sampingan di luar kegiatan bertani (berladang). Oleh itu, di kawasan luar bandar masyarakat akan cenderung mempunyai lebih daripada satu sumber pendapatan. Iaitu pendapatan tetap dari hasil utama aktiviti pertanian (ladang) dan pendapatan sampingan dari sumber yang di luar sektor pertanian. Penglibatan dalam pekerjaan sampingan akan dapat menambah pendapatan isi rumah

walaupun pekerjaan mereka pada tingkat produktiviti (atau upah) yang rendah. Penglibatan dalam pekerjaan sampingan (pendapatan dari lebih satu sumber pekerjaan atau disebut sebagai pola nafah ganda) akan dapat meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar, kerana masing-masing isi rumah tidak hanya menumpukan sumber pendapatan dari kegiatan bertani. Walau bagaimanapun penglibatan dalam pekerjaan sampingan ini adalah berbeza antara masyarakat transmigrasi dan bukan transmigrasi.

Selain itu, dengan semakin banyaknya pendapatan dari pekerjaan sampingan yang berasal dari kegiatan bukan pertanian akan mengakibatkan agihan pendapatan antara isi rumah cenderung menjadi tidak merata. Hal ini disebabkan pekerjaan sampingan di luar bidang pertanian cenderung beragam (pelbagai pekerjaan sampingan), oleh itu pendapatan yang diterima juga cenderung tidak tetap dan kadang kala bermusim (Mellor 1976).

Adalah dijangka pendapatan utama masyarakat tempatan (bukan transmigrasi) lebih beragam berbanding masyarakat di kawasan transmigrasi. Selain itu, di kawasan bukan transmigrasi juga dijangka isi rumah miskin memiliki luas tanah (ladang) yang relatif kecil tetapi lebih merata (tidak seragam) jika dibandingkan dengan isi rumah di kawasan transmigrasi.

Dalam masa yang sama, usaha yang telah dijalankan oleh pemerintah ternyata belum membuahkan hasil optimal kerana sebagian besar masyarakat lapisan terbawah (masyarakat transmigrasi dan bukan transmigrasi) masih belum mengalami perubahan, mereka masih *subsisten*. Keadaan tersebut disebabkan oleh kebijaksanaan

(strategi perancangan) pemerintah yang kurang tepat. Kebijaksanaan pembangunan selama ini cenderung bersifat sektoral dan kurang menumpukan kepada dimensi sumber semulajadi (kesuburan dan topografi kawasan) dan sumber daya manusia (modal insan) yang berbeza antara kawasan transmigrasi dengan kawasan bukan transmigrasi.

Masalah kemiskinan yang berlaku tidaklah berdiri sendiri, ianya merupakan suatu rangkaian yang saling kait mengait. Orang miskin ialah orang yang tidak memiliki kemampuan dalam pelbagai sumber, tidak mempunyai aset (harta fizikal), tahap pendidikan dan tingkat kesihatan yang rendah, serta tidak mempunyai pengaruh atau kekuasaan politik. Sebagai akibat dari faktor tersebut orang miskin lemah dalam kemampuan berusaha dan kurang dapat menikmati kemudahan awam dalam melakukan aktiviti ekonomi utamanya dalam meningkatkan taraf hidup mereka. Dalam sesetengah keadaan, mereka pasrah dan menerima keadaan yang berlaku kerana sukar bagi mereka untuk keluar dari perangkap kemiskinan berdasarkan sumber daya manusia dan peluang (untuk memperbaiki hidup) yang mereka miliki (Hagul 1986). Manakala Batten (1989) pula berpendapat, rendahnya taraf sosioekonomi masyarakat luar bandar akan mengakibatkan mereka tidak responsif dan terhadapnya akses kepada peluang-peluang yang ada dalam proses pembangunan ekonomi negara.

Secara amnya, keadaan kemiskinan luar bandar disebabkan oleh:-

1. Relatif kecilnya hasil ladang yang diperoleh kerana terbatasnya luas ladang (tanah) yang diusahakan dan tingkat teknologi yang rendah

2. Sumber daya manusia rendah yang disebabkan oleh tingkat pendidikan yang rendah, tingkat kesehatan yang rendah, penglibatan dalam institusi (kelembagaan) yang juga rendah, serta rendahnya penglibatan dalam pekerjaan sampingan

Seperti yang telah dibincangkan, dasar-dasar pembasmian kemiskinan sering beranggapan bahawa masalah dan ciri-ciri masyarakat luar bandar adalah sama. Sebabnya sebahagian besar kajian-kajian lepas mendapati bahawa masalah kemiskinan dan agihan pendapatan adalah berbeza diantara kawasan di luar bandar disebabkan oleh perbezaan faktor-faktor sosioekonomi, budaya dan institusi sosial khususnya bagi kawasan transmigrasi dengan bukan transmigrasi. Inten kajian ini melihat bahawa faktor-faktor sosio ekonomi, budaya dan institusi sosial yang berbeza akan mempengaruhi kadar kemiskinan dan agihan pendapatan di kawasan tersebut walaupun terletak dalam wilayah yang sama serta mengusahakan jenis tanaman yang sama. Bezanya cuma dari segi fizikal kawasan transmigrasi berbanding kawasan bukan transmigrasi.

1.4 Motivasi Kajian

Sehingga kini masih belum ada kajian yang dapat menjelaskan fenomena kemiskinan yang berbeza di antara kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi dalam satu wilayah yang sama seperti di Propinsi Riau. Namun, terdapat kajian-kajian mengenai masalah kemiskinan dan faktor penyebabnya yang banyak tertumpu di Pulau Jawa, dimana hasil kajian tersebut tidak dapat digeneralisasi untuk daerah lain khususnya

untuk Provinsi⁵ Riau di Kabupaten⁶ Kampar kerana perbedaan geografi dan sosio budaya masyarakat setempat di setiap Kacamatan⁷ dan Desa⁸.

Dalam masa yang sama terdapat pula pendapat umum bahawa program transmigrasi di Indonesia gagal mencapai matlamatnya. Program transmigrasi penduduk hanya memindahkan penduduk miskin dari pulau Jawa ke pulau yang lain (kawasan transmigrasi) yang menyebabkan kemiskinan di pulau (di kawasan yang menerima transmigran) yang lain meningkat. Oleh itu satu kajian yang mendalam perlu dilakukan dengan membandingkan pendapatan dan kemiskinan di antara kawasan transmigrasi dengan kawasan di sekitarnya (penduduk tempatan).

Selain itu, walaupun telah terdapat banyak kajian kemiskinan yang telah dijalankan termasuk di Indonesia, masih terdapat satu lompong ilmu yang belum dikaji. Adalah dijangka faktor-faktor sosio ekonomi, budaya dan institusi sosial yang berbeza di antara masyarakat transmigrasi dan bukan transmigrasi akan mempengaruhi kadar

⁵ Provinsi – merujuk kepada Bahagian (*Administrative divisions*) dalam satu pulau. Contoh pulau Sumatera terbahagi kepada sembilan (9) provinsi iaitu Aceh, Sumatera Utara, Sumatera Barat, Riau, Kepulauan Riau, Jambi, Bengkulu, Sumatera Selatan, Kepulauan Bangka Belitung dan Lampung..

⁶ Kabupaten – merujuk kepada Daerah atau Kota (di Malaysia disebut sebagai Majlis Daerah, Dewan/Majlis Bandaraya). Provinsi Riau meliputi 10 kabupaten dan 2 kota yaitu Kabupaten Bengkalis, Kabupaten Indragiri Hilir, Kabupaten Indragiri Hulu, Kabupaten Kampar, Kabupaten Kuantan Singingi, Kabupaten Pelalawan, Kabupaten Rokan Hilir, Kabupaten Rokan Hulu, Kabupaten Siak, Kabupaten Kepulauan Meranti, Kota Dumai dan Kota Pekanbaru. Bupati atau Wali Kota merupakan ketua Kabupaten (di Malaysia disebut sebagai Pegawai Daerah/Yang Dipertua Daerah atau Datuk Bandar).

⁷ Kecamatan – merujuk kepada Mukim. Kabupaten Kampar meliputi 21 kecamatan iaitu Bangkinang, Bangkinang Barat, Bangkinang Seberang, Gunung Sahilan, Kampar, Kampar Kiri, Kampar Kiri Hilir, Kampar Kiri Hulu, Kampar Timur, Kampar Utara, Perhentian Raja, Rumbio Jaya, Salo, Siak Hulu, Tambang, Tapung, Tapung Hilir, Tapung Hulu, Koto Kampar, Kampar Kiri Tengah dan Koto Kampar Hulu. Camat merupakan ketua untuk kacamatan.

⁸ Desa atau Kelurahan – merujuk kepada kampung-kampung yang terdapat dalam sebuah Kacamatan (mukim). Kepala Desa atau Lurah merupakan ketua Desa atau Kelurahan

kemiskinan dan agihan pendapatan di kawasan tersebut. Walaupun ia terletak dalam wilayah yang sama (atau bersebelahan) dengan tingkat kesuburan dan topografi tanah serta jenis tanaman yang sama. Selain itu dasar yang seragam untuk kedua-dua kawasan (transmigrasi dan bukan transmigrasi) adalah tidak sesuai kerana latar belakang demografi, sosio-budaya yang berbeza antara masyarakat transmigrasi (majoritinya kaum Jawa) dengan masyarakat tempatan (bukan transmigrasi).

1.5 Persoalan Kajian

Secara amnya, keadaan kemiskinan luar bandar (transmigrasi dan bukan transmigrasi) disebabkan oleh relatif kecilnya hasil ladang yang diperoleh kerana terbatasnya luas ladang (tanah) yang diusahakan, dan tingkat teknologi yang rendah. Disamping itu, tingkat pendidikan yang rendah, tingkat kesihatan yang rendah, penglibatan dalam institusi (kelembagaan) yang juga rendah, serta rendahnya penglibatan dalam pekerjaan sampingan juga ikut mempengaruhi keadaan kemiskinan.

Persoalan kajian ini boleh dibahagikan kepada tiga iaitu ;

1. Apakah luas tanah (ladang) yang dimiliki, teknologi yang digunakan, tingkat pendidikan, tingkat kesihatan, penglibatan dalam institusi dan pekerjaan sampingan berpengaruh terhadap miskin atau tidak miskinnya isi rumah di kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi?
2. Mengapa berlaku perbezaan agihan pendapatan di kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi?
3. Apakah faktor-faktor yang berkemungkinan mempengaruhi keadaan ini?

1.6 Objektif Kajian

Berdasarkan persoalan kajian, objektif umum kajian ini ialah untuk mengenalpasti mengapa wujud perbezaan pendapatan, agihan pendapatan dan kemiskinan di kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi dalam satu wilayah yang sama iaitu di Kabupaten Kampar.

Secara khusus objektif kajian ini ialah;

1. Menilai masalah kemiskinan yang berlaku di kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi.
2. Menilai masalah agihan pendapatan yang berlaku di kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi.
3. Menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya masalah kemiskinan di kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi.
4. Menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya masalah ketidakseimbangan agihan pendapatan di kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi.

1.7 Kepentingan Kajian

Sumbangan utama kajian ini ialah untuk menjawab persoalan program transmigrasi tidak berjaya dalam mengatasi masalah kemiskinan. Selain itu kajian ini juga akan menunjukkan bahawa fenomena kemiskinan dan agihan pendapatan adalah berbeza untuk satu kawasan (wilayah atau daerah) di luar bandar yang mempunyai masyarakat transmigrasi dan bukan transmigrasi.

Masalah kemiskinan yang berlaku di kawasan luar bandar haruslah ditangani secara lebih serius supaya kesejahteraan masyarakatnya dapat ditingkatkan. Hal ini menjadi satu perhatian yang serius oleh para pemerintah supaya penduduk yang tinggal di luar bandar dapat memainkan peranan yang aktif terhadap perkembangan ekonomi negara melalui tumpuan terhadap sektor ekonomi di luar bandar.

Keadaan serba kekurangan tersebut bukan sesuatu yang diinginkan oleh penduduk miskin melainkan suatu hal yang tidak dapat dihindari dengan kekuatannya mereka sendiri. Untuk mengurangkan masalah kemiskinan tersebut pemerintah telah melakukan berbagai strategi seperti memperkenalkan berbagai macam peralatan/kaedah teknologi pertanian ke kawasan luar bandar. Disamping itu pemerintah juga perlu membentuk beberapa institusi formal di kawasan luar bandar. Strategi-strategi ini diharapkan dapat meningkatkan aktiviti ekonomi masyarakat luar bandar supaya mereka terlepas dari belenggu kemiskinan dan kemunduran.

Melalui kajian ini diharap lebih banyak maklumat sosioekonomi yang berbeza antara masyarakat transmigrasi dan masyarakat bukan transmigrasi (masyarakat tempatan) dapat dikumpul. Dengan diketahuinya keadaan kemiskinan yang berlaku di kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi dalam Kabupaten Kampar, ia akan membantu pihak pemerintah (pembuat dasar di peringkat kerajaan tempatan) dalam merangka dasar-dasar yang bersesuaian untuk pembasmian kemiskinan.

1.8 Skop dan Batasan Kajian

Skop kajian ini hanya mengambil kira sosioekonomi masyarakat transmigrasi dan bukan transmigrasi di kawasan kajian sahaja. Kajian dibatasi kepada maklumat lokasi dan gambaran keadaan di kawasan kajian berdasarkan pemerhatian penyelidik dan temubual dengan pegawai kerajaan dan ketua masyarakat⁹. Maklumat mengenai sumber dan jumlah pendapatan sampingan, tabungan, profil isirumah dan lain-lain maklumat faktor-faktor kemiskinan adalah berdasarkan temuduga (soalselidik) yang

⁹ Ketua masyarakat - merujuk kepada ketua desa di kawasan yang berkenaan.

dijalankan. Maklumat demografi AIR sama ada yang telah bekerja atau tidak bekerja adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada KIR.

1.9 Istilah Operasional

- a) Produk Domestik Bruto merujuk kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).
- b) Perancangan pembangunan Indonesia pada era Soekarno (Orde Lama) merujuk kepada tahun 1945 hingga 1966. Perancangan ekonomi selepas mencapai kemerdekaan pada tahun 1945 yang lebih tertumpu kepada memulihkan kestabilan ekonomi dan politik. Orde Lama merujuk kepada era pemerintahan Presiden Soekarno manakala Orde Baru merujuk kepada era pemerintahan Presiden Soeharto.
- c) Program transmigrasi merujuk kepada perpindahan penduduk dari pulau Jawa ke kawasan penempatan baru di luar pulau Jawa. Transmigrasi juga merujuk kepada Pemukiman baru atau penempatan semula (*resettlement, displacement, rehabilitation*) merupakan satu bentuk perpindahan penduduk yang dirancang oleh pihak pemerintah (*government-sponsored migrants*) yang berlaku secara sukarela (*voluntary resettlement*).
- d) Syarikat Inti ialah agensi pelaksana program transmigrasi. Ia dimiliki oleh sektor swasta atau kerajaan.

- e) Kebijakan pemerintah merujuk kepada strategi perancangan pemerintah dan kebijakan pembangunan merujuk kepada strategi perancangan pembangunan.
- f) Penglibatan dalam kelembagaan atau aksesibiliti perkumpulan merujuk kepada penglibatan dalam institusi seperti persatuan, koperasi dan lain-lain.
- g) Provinsi merujuk kepada Bahagian (*Administrative divisions*). Kabupaten merujuk kepada Daerah atau Kota. Kecamatan merujuk kepada Mukim. Desa atau Kelurahan merujuk kepada kampung.
- h) KIR merujuk kepada Ketua Isi Rumah dan AIR merujuk kepada Ahli Isi Rumah.
- i) Petunjuk Gini atau Pekali Gini atau Indeks Gini atau koefisien Gini merujuk kepada *Gini coefficient* (bernilai 0 hingga 1) atau *Gini Index* (dalam bentuk peratusan) untuk mengukur pengagihan pendapatan atau kekayaan (*wealth*), yang berdasarkan keluk Lorenz (*Lorenz Curve*) yang diperkenalkan oleh Max O. Lorenz pada tahun 1905.
- j) Keadaan fizikal merujuk kepada iklim, tingkat kesuburan dan topografi wilayah.
- k) Keadaan infrastruktur merujuk kepada sistem pengairan, jalan raya, kesihatan, pendidikan, bekalan elektrik, air dan kemudahan komunikasi.

- l) Aktiviti atau khidmat penyuluhan merujuk kepada aktiviti atau khidmat kaunseling.
- m) Pola *nafah ganda* merujuk kepada pendapatan daripada pelbagai sumber pekerjaan. lebih satu sumber pekerjaan.
- n) Isi rumah miskin dibahagikan kepada empat kategori ;
- i. *Isi rumah paling miskin*. Pendapatan tahunan purata perkapita kurang daripada Rp 1,170,000 (RM334) atau setara dengan penggunaan 180 kg beras setahun.
 - ii. *Isi rumah miskin sekali*. Pendapatan tahunan purata perkapita antara Rp 1,170,000 (RM334) - Rp 1,560,000 (RM446) setara dengan penggunaan beras antara 180 hingga 240 kilogram beras setahun.
 - iii. *Isi rumah miskin*. Pendapatan tahunan purata perkapita antara Rp 1,566,500 (RM446) - Rp 2,080,000 (RM594) atau setara dengan penggunaan beras antara 241 hingga 320 kilogram beras setahun.
 - iv. *Isi rumah tidak miskin*. Pendapatan tahunan purata perkapita melebihi Rp 2,080,000 (RM594) atau setara dengan penggunaan beras melebihi 320 kilogram setahun

1.10 Struktur Kajian

Bab satu membicarakan pendahuluan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, motivasi kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian dan skop serta batasan kajian. Bab dua membicarakan tinjauan literatur literature yang meliputi konsep dan teori pembangunan, kemiskinan dan penempatan semula yang meliputi pembangunan, ketidakseimbangan dan kemiskinan, penempatan dan skim pembangunan tanah baru. Seterusnya bab ini juga akan membicarakan faktor-faktor penentu kemiskinan. Ia meliputi luas tanah (tanah), teknologi, pendidikan, kesihatan, institusi (perkumpulan) dan pekerjaan sampingan. Bab tiga membicarakan perancangan dan pembangunan di Indonesia, ia meliputi tentang program transmigrasi yang telah dijalankan. Program transmigrasi ini terbagi dua iaitu Pola Perusahaan Inti Rakyat Khusus (PIR-Sus) dan Pola Perusahaan Inti Rakyat Transmigrasi (PIR-Trans).

Bab empat membicarakan metodologi kajian yang membicarakan reka bentuk kajian, Reka bentuk kajian meliputi kawasan kajian, sampel kajian, prosedur pengumpulan data dan kerja lapangan. Bab ini juga membicarakan tentang instrumen kajian dan teknik penganalisan data.

Bab lima ialah dapatan kajian yang membicarakan hasil analisis statistik dapatan kajian yang merupakan hasil analisis statistik berdasarkan kepada model yang telah dirangka, pengujian hipotesis dan pemboleh ubah kajian. Bab enam membicarakan kesimpulan kajian dengan mengemukakan cadangan-cadangan yang bersesuaian untuk kawasan kajian.. Bab ini juga mencadangkan beberapa kajian lanjutan berkaitan dengan fenomena kemiskinan yang berlaku di kawasan traansmigrasi dan bukan transmigrasi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bahagian pertama dalam ulasan literatur ialah pendahuluan dan dilanjutkan kepada bahagian kedua yang akan membincangkan tentang konsep dan teori pembangunan, ketidakseimbangan dan kemiskinan. Bahagian ini juga akan membincangkan tentang penempatan semula dan skim pembangunan tanah baru.

Seterusnya bahagian ketiga akan membincangkan tentang kajian-kajian lepas yang pernah dilakukan penyelidik lain yang berhubungan dengan kemiskinan dan agihan pendapatan. Bahagian ketiga bab ini akan membincangkan tentang faktor-faktor penentu kemiskinan iaitu luas tanah (tanah), teknologi, pendidikan, kesihatan, aksesibiliti perkumpulan (persatuan). Seterusnya bahagian keempat akan membincangkan pengaruh pekerjaan sampingan dan ekonomi global terhadap kemiskinan dan agihan pendapatan.

2.2 Konsep dan Teori Pembangunan

Penyelidikan ekonomi pembangunan bermula dengan kajian berkaitan pertumbuhan dan ketidakseimbangan ekonomi. Kajian-kajian ini telah dilakukan sejak zaman ahli ekonomi klasik lagi seperti Adam Smith pada tahun 1776, Thomas Malthus pada tahun 1798 dan David Ricardo pada tahun 1817. Kajian oleh ahli ekonomi klasik ini kemudiannya dikembangkan oleh Frank Ramsey dan Allyn Young pada tahun 1928, Frank Knight pada tahun 1944 dan Joseph Schumpeter pada tahun 1934. Secara am, pertumbuhan ekonomi sangat ditentukan oleh peranan tingkah laku yang berdaya

saing, hubungan antara pulangan berkurangan terhadap pengumpulan modal fizikal dan manusia. Ini juga termasuk kepentingan insentif teknologi, pengkhususan buruh, dan kaedah pengeluaran dalam proses pembangunan (Barro & Sala-i-Martin 1999).

Walau bagaimanapun, kajian pertumbuhan ekonomi lebih tertumpu kepada peningkatan kadar pengeluaran negara yang bersifat makro dan terlalu agregat. Pertumbuhan ekonomi merujuk kepada dimensi kuantitatif dalam pendapatan negara, output perkapita atau jumlah pengeluaran dalam tempoh masa di mana pendapatan negara dianggarkan oleh Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara (KDNK) dan pendapatan perkapita (Chaudhuri 1989). Pertumbuhan sebenarnya merujuk kepada peningkatan kuantitatif dalam KDNK manakala pembangunan telah dikonsepsikan sebagai perubahan kualitatif dalam pembolehubah bukan ekonomi (Brinkman 1995).

2.2.1 Konsep dan Ukuran Pembangunan

Sejak tahun 1970-an, petunjuk-petunjuk pembangunan yang digunakan ialah seperti pewujudan peluang-peluang pekerjaan moden, keseimbangan agihan pendapatan, agihan sumber seperti tanah ladang dan pengurangan kemiskinan mutlak (Smith 1997). Pembangunan ekonomi boleh ditakrifkan sebagai proses pergerakan ke atas sistem sosial secara keseluruhannya, seperti peningkatan dalam produktiviti, persamaan sosial dan ekonomi, pengetahuan moden, perubahan institusi sosial dan sikap, pengurangan kadar kemiskinan dan agihan pendapatan yang lebih seimbang (Zuvekas 1979; Smith 1997; Meier 1988; Goulet Denis 1971; Bernstein 1971; Chenery 1979 & Todaro 1989).

Kemiskinan merupakan petunjuk penting dalam pembangunan. Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui *United Nations Development Program* (UNDP) pada 1990 telah memperkenalkan Indeks Pembangunan Manusia (*Human Development Index, HDI*) untuk mengukur tahap pembangunan sesebuah negara. Indeks ini terdiri daripada empat indikator, iaitu ketahanan hidup (*longevity*), celek huruf (*literacy*), pendaftaran sekolah (*school enrolment*) dan pendapatan perkapita (*percapita income*) (UNDP 1997; Hassan et al. 1999).

Selain itu, PBB pada *Millennium Summit* September 2000, telah merangka dan memperkenalkan Matlamat Pembangunan Milenium (*Millennium Development Goals* atau MDG. MDG meliputi lapan indikator. Indikator pertama dan terpenting ialah membasmi Kemiskinan dan kelaparan. Tujuh indikator lain ialah, mencapai pendidikan rendah yang universal, meningkatkan kesaksamaan gender dan memperkasakan wanita, mengurangkan mortaliti kanak-kanak, memperbaiki kesihatan ibu bersalin, mencegah HIV/Aids, malaria and lain-lain penyakit, memastikan alam sekitar yang mapan dan mewujudkan perkongsian global untuk pembangunan (Woube 2005).

Selain daripada HDI dan MDG, kemiskinan juga merupakan penekanan yang penting dalam kaedah *Sustainable Livelihood* (SL). SL merupakan satu pendekatan yang lebih bersepadu untuk membasmi kemiskinan. Ia telah diperkenalkan oleh Suruhanjaya Brundtland mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan pada tahun semasa Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan pada tahun 1992 (*Brundtland Commission on Environment and Development, United Nations Conference on Environment and Development*).

Sustainable Livelihoods Approach (SLA) merupakan kaedah untuk meningkatkan pemahaman tentang kehidupan orang-orang miskin. SLA digunakan untuk memahami faktor-faktor yang mempengaruhi kehidupan harian golongan miskin (*livelihoods of poor people*) dan keupayaan golongan miskin dari segi modal dan pengetahuan teknikal dalam melaksanakan program-program ekonomi untuk meningkatkan taraf hidup mereka secara mampan/lestari (*sustainable*). Dua komponen utama SLA adalah rangka kerja yang membantu dalam memahami kerumitan kemiskinan dan satu set prinsip-prinsip yang membimbing tindakan yang perlu diambil bagi menangani masalah kemiskinan (IFAD 2010; Morse & McNamara 2013).

2.3 Teori Kemiskinan dan Agihan Pendapatan

Kemiskinan berbeza dengan masalah ketidakseimbangan agihan pendapatan (*income inequality*). Kemiskinan berkaitan rapat dengan rendahnya pendapatan/taraf hidup yang berlaku dalam sesuatu masyarakat (kemiskinan mutlak). Sedangkan agihan pendapatan menunjukkan ketidakseimbangan pendapatan yang berlaku dalam masyarakat (kemiskinan relatif). Pada tingkat ketidakseimbangan yang maksimum, kekayaan hanya dimiliki oleh satu kumpulan masyarakat sahaja oleh berlaku kemiskinan relatif yang sangat ketara.

Pertumbuhan ekonomi semata-mata tidak dapat menerangkan masalah kemiskinan dan ketidakseimbangan kerana ia melibatkan kajian tentang gelagat tingkah laku manusia secara menyeluruh. Pembangunan ekonomi sebagai satu bidang sub-ekonomi berlaku selepas Perang Dunia Kedua terutama dalam tahun 1950-an dan 1960-an apabila kebanyakan negara-negara mencapai kemerdekaan mereka. Dalam tempoh ini, kebanyakan negara tersebut sering menghadapi masalah kemiskinan, pengangguran

yang tinggi dan pengangguran dan ketidakseimbangan agihan pendapatan (Bernstein 1971; Moore 1975; Seers 1979).

Pada masa yang sama, perumusan awal proses pembangunan yang berkaitan perubahan struktur ekonomi dengan ketidaksamaan dalam arus perdana pembangunan ekonomi adalah berdasarkan teori W. Arthur Lewis (1954)¹⁰. Menurut teori perubahan struktur Lewis, ketidaksamaan pada mulanya meningkat tetapi kemudian berkurangan kerana perubahan struktur ekonomi dan gunatenaga yang berlaku. Menurut beliau ketidakseimbangan dari segi pendapatan buruh akan terus meningkat sehingga separuh daripada tenaga buruh yang bekerja di sektor moden dan selepas itu akan ketidakseimbangan akan mula merosot.

Kajian awal tentang ketidakseimbangan dalam proses pembangunan telah dipelopori Simon Kuznets (1955), melalui "*Inverted U-Shaped Hypothesis*". Seperti juga Lewis (1954), Kuznets (1955; 1963) juga berpendapat ketidakseimbangan pembangunan ekonomi akan berkurangan dalam jangka masa panjang. Menurut Kuznet, pada peringkat awal pertumbuhan ekonomi, pengagihan pendapatan akan menjadi semakin tidak sama rata tetapi akan bertambah baik pada peringkat akhir pertumbuhan ekonomi. Kuznets menggunakan data daripada pendapatan isi rumah dan Keluaran Negara Kasar (KNK) sebagai proksi untuk peringkat pembangunan. Petunjuk Gini (*Gini coefficient*) digunakan untuk mengukur pengagihan pendapatan pada satu-satu peringkat pembangunan. Pekali Gini ini diukur berdasarkan keluk Lorenz (*Lorenz Curve*). Dengan menggunakan kaedah yang sama, Rahman (1999) mendapati bahawa

¹⁰ Juga disebut sebagai *Lewis's two-sector model of development* atau *dualistic development*.

hubungan yang signifikan songsang-U diantara ketidaksamaan dengan nisbah modal manusia dan institusi sosial.

Pelopop kajian ketidakseimbangan yang lain ialah seperti Williamson (1965) melalui indeks yang disebut sebagai Indek Williamson. Kajian beliau cuba menerangkan mengapa berlaku ketidak seimbangan antara kawasan (wilayah) dalam proses pembangunan ekonomi. Beliau mendapati wujud hubungan yang songsang antara kawasan dengan peringkat-peringkat pembangunan (masa). Selain daripada ini, Bornscher (1983) mendapati bahawa pengagihan pendapatan yang tidak sama rata adalah rendah dalam masyarakat pertanian tradisional sistem sara diri. Pengagihan pendapatan yang tidak sama rata mula meningkat apabila terdapat perubahan daripada sistem sara diri kepada sistem pertanian yang lebih maju. Ini kerana peluang untuk menambah kekayaan (*wealth*), luas tanah, penggunaan teknologi dan pendidikan yang akan mula meningkat di peringkat awal dan kemudian akan menjadi hampir seragam dalam proses pembangunan.

Menurut Todaro (1976), ketidakseimbangan yang berlaku di negara-negara membangun kerana pelaburan tidak produktif dan tahap modal insan yang rendah. Selain itu ia juga disebabkan oleh pengumpulan (*capital accumulation*) modal manusia yang perlahan dan terhad di wilayah yang mundur (Lucas 1988). Selain itu, suatu negara itu miskin kerana di dalam negara tersebut berlaku banyak faktor-faktor yang tidak mendukung kepada peningkatan kesejahteraan masyarakat (Jinghan 1978). Kemiskinan dalam sesebuah negara menyebabkan lambatnya proses perkembangan modal, sedangkan proses perkembangan modal disertai dengan insentif-insentif yang sesuai adalah sangat penting dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Menurut Todaro (1998) juga terdapat hubungan antara faktor penentu kemiskinan dan kemuduran (keterbelakangan) dengan beberapa aspek ekonomi dan bukan ekonomi. Kemiskinan juga berlaku disebabkan oleh tiga komponen utama, iaitu rendahnya taraf hidup, rendahnya sumber daya manusia dan terbatasnya kebebasan. Dimana ketiga-tiga aspek tersebut berhubung secara langsung antara satu sama lain. Rendahnya taraf hidup disebabkan oleh rendahnya kadar produktiviti tenaga kerja (gunatenaga), bilangan tenaga kerja yang ramai menyebabkan kadar produktiviti menjadi rendah, selain daripada itu bilangan tenaga kerja yang ramai menyebabkan pengangguran yang tinggi dan rendahnya pelaburan perkapita.

Selain itu, menurut Todaro (1998) dikebanyakan negara yang struktur pemilikan ladangnya tidak merata menjadi punca utama ketidakseimbangan agihan pendapatan dan kesejahteraan luar bandar. Pendapatan daripada bekerja di luar daripada tanah pertanian sangat penting sebagai tambahan pendapatan selain daripada pendapatan yang berpunca daripada kegiatan pertanian. Pendapatan dari kegiatan bukan pertanian dalam ekonomi secara teorinya boleh memberi kesan positif kepada agihan pendapatan jika agihan pemilikan tanah pertanian secara relatifnya tidak seimbang. Ia memberi kesan negatif jika agihan pemilikan tanah pertanian secara relatifnya seimbang (Hayami & Ruthan 1985).

Selain itu tingginya angka pengangguran juga disebabkan oleh oleh tingginya kebergantungan terhadap teknologi yang akan mengurangkan penggunaan tenaga kerja. Selanjutnya rendahnya tingkat pendapatan akan menyebabkan rendahnya tingkat kesihatan dan taraf pendidikan. Selain itu, terdapat bukti yang kukuh yang menunjukkan wujud korelasi negatif diantara saiz isirumah dan penggunaan atau

pendapatan perkapita di negara-negara sedang membangun. Lazimnya mereka yang terdiri daripada isirumah yang ramai serta isirumah yang muda dianggap lebih miskin (Lanjouw & Ravallion 1995).

Seperti Todaro, Malisis (1975) juga berpendapat kemiskinan merupakan kombinasi faktor penentu kemiskinan yang meliputi beberapa variabel yang saling kait mengait satu sama lain. Oleh kerana itu fenomena kemiskinan yang dialami masyarakat bukanlah suatu fenomena yang berdiri sendiri tetapi merupakan suatu fenomena yang berhubung satu sama lain.

Masalah kemiskinan juga merupakan satu kitaran jangka panjang. Ia boleh diterangkan melalui “langkaran ganas kemiskinan” (*vicious circle of poverty*) iaitu faktor-faktor atau peristiwa mengapa kemiskinan itu berlaku dan mungkin akan terus berlaku jika tiada campur tangan luar, akan menyebabkan keluarga miskin menjadi terperangkap dalam kemiskinan untuk sekurang-kurangnya tiga generasi. Ini berlaku apabila orang-orang miskin tidak mempunyai sumber modal yang diperlukan untuk keluar dari perangkap kemiskinan, seperti modal kewangan (tabungan dan modal), pendidikan atau perhubungan dengan masyarakat luar (Sumodiningrat 2000).

Seterusnya menurut Chambers (1995), masalah utama dari kemiskinan dan ketidakseimbangan pembangunan berlaku disebabkan oleh *deprivation trap* atau perangkap kekurangan. Ia berlaku disebabkan oleh lima faktor utama iaitu, kemiskinan, kelemahan jasmani, kebebasan yang terhad, golongan yang mudah menjadi miskin, memiliki sumber daya manusia yang terhad. Kelima unsur tersebut saling berkaitan dan mempengaruhi satu sama lainnya (sebab musabab).

Menurut Sumodiningrat (2000), kemiskinan bersifat multidimensi, yaitu ia berkaitan dengan aspek sosial, ekonomi, budaya, politik dan lain-lain. Manakala menurut Kartasasmita (1996), kemiskinan merupakan masalah dalam pembangunan yang menyebabkan berlaku masalah pengangguran dan kemunduran yang kemudian boleh memburukkan lagi masalah ketidakseimbangan pembangunan ekonomi. Masyarakat miskin pada umumnya lemah dalam kemampuan berusaha dan terbatas aksesnya kepada kegiatan ekonomi sehingga tertinggal jauh dari masyarakat lainnya yang mempunyai potensi lebih tinggi. Hal tersebut senada dengan yang dikatakan Friedmann (1996), bahawa kemiskinan sebagai akibat dari ketidakseimbangan dalam akses kepada institusi-institusi sosial (persatuan petani, bank dan lain-lain) menyebabkan keupayaan golongan miskin untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

Malisis (1975) pula, mengemukakan bahawa kemiskinan terlihat dari rendahnya pendapatan. Rendahnya tingkat pendapatan berkait rapat dengan faktor-faktor kemiskinan yang lain. Rendahnya pendapatan berakibat terhadap rendahnya pendapatan perkapita dan tingkat tabungan. Rendahnya tingkat tabungan disebabkan oleh rendahnya tingkat pelaburan dalam bidang pendidikan. Rendahnya pelaburan dalam pendidikan menyebabkan rendahnya keupayaan teknologi yang boleh digunakan. Rendahnya pelaburan juga menyebabkan terjadinya pengangguran. Tingginya angka pengangguran dan kurangnya kemahiran pekerja mengakibatkan rendahnya pengeluaran. Rendahnya pengeluaran menyebabkan rendahnya tingkat pendapatan dan pendapatan perkapita masyarakat.

Kemiskinan ialah ketidakanggupan untuk mendapatkan keperluan asas barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan untuk memenuhi keperluan hidup yang paling minimum. Hal ini diperkuat oleh Salim (1984) yang mengatakan bahwa kemiskinan digambarkan sebagai kurangnya pendapatan untuk memperoleh keperluan hidup yang asas. Selain itu, kemiskinan juga merupakan fenomena umum di negara-negara sedang membangun di mana kadar kemiskinan adalah tinggi dalam sektor pertanian terutama dikalangan pekebun kecil (Williams 1991)¹¹.

Selain itu, teori Keynes mengemukakan bahawa ketidakseimbangan antara pendapatan, kemiskinan dan pertumbuhan penduduk jika berterusan akan menyebabkan terjadinya ketidakcukupan pendapatan perkapita. Jika keuntungan meningkat maka pendapat perkapita juga akan meningkat. Peningkatan pendapatan perkapita akan mempengaruhi agihan pendapatan (Arndt 1992).

Secara keseluruhan ketidakseimbangan pembangunan dalam proses pembangunan sesebuah negara boleh berlaku kerana tiga faktor penting (Hoover & Giarratani 1999);

1. Faktor-faktor sumber asli yang tidak mobil (*imperfect factor mobility*);
2. Penumpuan aktiviti ekonomi di suatu kawasan terpilih (*imperfect divisibility*);
dan;
3. Faktor pengangkutan dan komunikasi (*imperfect mobility of goods and services*).

¹¹ Contoh seperti di Malaysia, insidens kemiskinan dalam sektor pertanian hanya mengalami penurunan daripada 68.3% pada tahun 1970 kepada 46.1% dalam tahun 1980 manakala dalam sektor bukan pertanian pula, ia mengalami pengurangan yang secara relatifnya lebih cepat iaitu daripada 27.8% pada tahun 1970 kepada 16.8% dalam tahun 1980 (Malaysia 1981; Rancangan Malaysia Keempat). Kadar kemiskinan di Malaysia telah terus berkurangan kepada 3.8% pada tahun 2009 dengan kadar kemiskinan di kawasan bandar 1.7% dan untuk kawasan luar bandar 8.5% (Malaysia 2010).

Selain faktor geografi (lokasi), ketidakseimbangan pembangunan ini juga berkait rapat dengan faktor sosio-ekonomi mengikut etnik (agama, budaya, bahasa), ketidakseimbangan ekonomi (kesan daripada ekonomi dualisme) dan faktor sejarah serta latarbelakang politik (Asan 2003).

2.3.1 Konsep dan Ukuran Kemiskinan dan Agihan Pendapatan

Dalam mengukur kemiskinan ada beberapa kriteria yang sering digunakan oleh para penyelidik diantaranya ialah berdasarkan pendapatan perkapita, keperluan kalori minimum dan penggunaan beras perkapita. Sementara Samuelson dan Nordhaus (1985), mengingatkan bahawa dalam mengukur kemiskinan berdasarkan kriteria-kriteria di atas terdapat beberapa kelemahan. Diantara kelemahan ini adalah seperti kecenderunga yang tidak tepat dalam menggambarkan keadaan kesejahteraan kerana masih ada sumber pendapatan masyarakat yang belum dapat diperhitungkan secara lebih tepat. Selain daripada itu waktu rehat yang diperolehi oleh isi rumah dan pencemaran alam sekitar adalah sukar untuk diukur dalam bentuk wang.

Definisi kemiskinan mutlak pertama kalinya dibuat secara terperinci oleh Rowntree pada tahun 1901. Beliau mengenalpasti kemiskinan sebagai keadaan ekonomi yang menyebabkan individu atau sebuah unit keluarga tidak mampu mengekalkan taraf hidup yang minimum. Doktrin ini adalah berdasarkan garis kemiskinan yang berteraskan tingkat penggunaan yang diperlukan untuk hidup. Keperluan minimum ini ditentukan oleh bahan-bahan asas termasuklah makanan, tempat tinggal, pakaian, pengangkutan serta kemudahan pendidikan, perkhidmatan kesihatan, bekalan air bersih dan lain-lain. Senarai ini kemudian diukur secara kewangan dan dijumlahkan

untuk menerbitkan tingkat pendapatan garis kemiskinan (Hashim 1998; IFAD 20001; World Bank 2001).

Apabila garis kemiskinan telah ditetapkan, cara yang paling mudah bagi mengukur kemiskinan adalah ‘pengiraan kepala’. Kaedah ini adalah merujuk kepada bilangan penduduk yang berpendapatan dibawah daripada garis kemiskinan atau disebut sebagai insidens kemiskinan. Bagi pendekatan relatif pula, seseorang itu dianggap miskin jika pendapatannya secara signifikan adalah lebih rendah daripada tingkat pendapatan purata nasional. Satu pengukuran relatif mendefinisikan kemiskinan sebagai paras terendah dalam pengagihan, contohnya 20 peratus terendah (Loehr & Powelson 1981).

Menurut Kuncoro (1997), kemiskinan didefinisikan sebagai ketidakmampuan untuk memenuhi standar hidup yang minimum. Definisi tersebut meliputi tiga persoalan iaitu bagaimanakah mengukur taraf hidup, apa yang dimaksud dengan taraf hidup minimum dan apakah indikator dapat menjelaskan mengapa berlaku masalah kemiskinan.

Manakala menurut Friedmann (1996) pula, untuk memahami lebih jauh persoalan kemiskinan, terdapat beberapa istilah yang perlu difahami, diantaranya ialah:

1. Garis kemiskinan (*poverty line*), iaitu tingkat penggunaan suatu keluarga paling minimum iaitu hanya mampu menyara dua pertiga daripada pendapatannya untuk makanan, pakaian dan tempat tinggal. Kelompok ini hanya mampu memenuhi persediaan kalori dan protein yang paling minimum.

2. Kemiskinan absolut dan relatif (*absolute and relative poverty*). Kemiskinan mutlak ialah keadaan yang dialami oleh sebuah keluarga dimana ia tidak mampu memenuhi taraf penggunaan yang minimum dan kerananya ia bergantung pada sumbangan/bantuan masyarakat/pemerintah. Sedangkan kemiskinan relatif ialah kemiskinan yang wujud sebagai akibat dari ketidakseimbangan antara kelompok miskin dan kelompok tidak miskin berdasarkan pendapatan relatif.
3. Menerima untuk miskin (*Deserving poor*) ialah orang miskin yang mahu bermasyarakat dengan kelompok yang lain (miskin dan tidak miskin), menguatkan hidup yang bersih, bertanggungjawab dan bekerja apa saja demi memperoleh upah yang ditawarkan.
4. Populasi sasaran (*target population*) ialah kelompok orang tertentu yang dijadikan sebagai objek dalam strategi pembasmian kemiskinan oleh pemerintah. Mereka terdiri daripada ketua isi rumah wanita, anak-anak, petani tradisional yang tidak memiliki, pesara anggota keselamatan, terlibat dengan wabah penyakit, serta penghuni kawasan bandar yang bermasalah (*slam areas*)

Di samping itu terdapat juga bentuk-bentuk kemiskinan yang sekaligus menjadi faktor penyebab berlakunya kemiskinan (asal mula kemiskinan). Ia terdiri dari: *Kemiskinan semula jadi (natural)*, *Kemiskinan budaya*, dan *Kemiskinan struktural* (Kartasasmita 1996; Baswir 1997).

1. Kemiskinan semula jadi (*natural*) ialah keadaan miskin kerana dari awalnya mereka memang miskin. Kelompok masyarakat tersebut menjadi miskin kerana tidak memiliki sumber daya yang memadai baik sumber daya alam, sumber daya manusia maupun sumber daya pembangunan. Jika mereka melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi (pembangunan), mereka hanya mendapat pendapatan yang rendah. Kemiskinan natural ialah kemiskinan yang disebabkan oleh faktor-faktor alamiah (fizikal) seperti kerana cacat, sakit, usia lanjut atau kerana bencana alam. Kondisi kemiskinan seperti ini menurut Kartasasmita (1996) disebut sebagai "*Persisten Poverty*" yaitu kemiskinan yang telah serius (kronis) atau yang diwarisi turun temurun. Kawasan luar bandar atau daerah seperti ini pada umumnya merupakan daerah yang tidak mempunyai sumber daya alamnya atau daerah yang jauh di pedalaman.
2. Kemiskinan budaya (*kuktural*) merujuk kepada sikap hidup seseorang atau kelompok masyarakat yang disebabkan oleh gaya hidup, kebiasaan hidup dan budaya di mana mereka telah berpuas hati dengan taraf hidup yang mereka perolehi sekarang (hidup berkecukupan dan tidak merasa kekurangan). Kelompok masyarakat seperti ini tidak mudah untuk diajak terlibat sama dalam program pembangunan, tidak mahu berusaha untuk memperbaiki dan mengubah tingkat kehidupannya. Akibatnya tingkat pendapatan mereka rendah menurut ukuran yang dipakai secara umum. Faktor budaya ini seperti malas, tidak berdisiplin, boros dan lain-lainnya.

3. Kemiskinan struktur ialah kemiskinan yang disebabkan oleh faktor-faktor buatan manusia seperti dasar ekonomi yang tidak adil, agihan faktor pengeluaran yang tidak merata, rasuah (korupsi) dan perundingan/kersama yang tidak rasmi yang tidak menguntungkan kesejahteraan masyarakat tertentu, serta sistem ekonomi dunia yang cenderung kepada menguntungkan sebahagian kelompok masyarakat sahaja. Selanjutnya Sumodiningrat (2000) mengatakan bahwa munculnya kemiskinan struktural disebabkan oleh dasar pemerintah yang tidak menyeluruh dalam program pembasmian kemiskinan menyebabkan ketidakseimbangan dalam pembangunan. Hal ini juga menyebabkan penglibatan masyarakat menjadi tidak menyeluruh, akhirnya menimbulkan ketidakseimbangan kesejahteraan. Menurut Kartasasmita (1996), perkara ini berlaku diakibatkan oleh “*accidental poverty*”, iaitu kemiskinan yang berlaku akibat daripada dasar pemerintah yang matlamat tidak berpihak kepada kelompok masyarakat tertentu.

Secara amnya untuk mengetahui perbezaan yang terjadi antara satu negara, keluarga dan individu yang kaya dan miskin dilakukan dengan cara membandingkan pendapatan diantara mereka. Kaedah yang digunakan adalah menggunakan KDNK suatu negara, suatu keluarga atau perkapita (Goldfhorpe 1992).

Secara khusus, kaedah mengukur jurang agihan pendapatan boleh dibahagikan kepada dua pendekatan, iaitu *axiomatic* dan *stochastic dominance*. Kaedah yang sering digunakan ialah kaedah *axiomatic*, kaedah ini terbahagi kepada tiga alat ukur iaitu *The Generalized Entropy (GE)*, *saiz atkinson* dan Pekali Gini atau *Gini Ratio* (Tambunan, 2006). Pekali *Gini* merupakan pendekatan mengukur agihan pendapatan

yang paling banyak digunakan secara empirikal untuk mengkaji jurang agihan pendapatan.

Cara pengukuran agihan pendapatan yang lain ialah seperti yang digunakan oleh World Health Organization (WHO) iaitu dengan mengumpulkan penduduk kepada tiga kumpulan. Kumpulan pertama ialah 40 peratus penduduk dengan pendapatan terendah, diikuti oleh 40 peratus penduduk dengan pendapatan menengah dan 20 peratus penduduk dengan pendapatan tinggi daripada keseluruhan jumlah penduduk.

Seterusnya ketidakseimbangan pendapatan diukur mengikut pendapatan yang dimiliki oleh 40 peratus penduduk berpendapatan terendah. Tahap ketidakseimbangan dalam agihan pendapatan adalah tinggi jika 40 peratus penduduk daripada kumpulan berpendapatan terendah menerima lebih kecil daripada 12 peratus jumlah pendapatan keseluruhan penduduk. Tahap ketidakseimbangan sederhana, apabila kumpulan tersebut menerima pendapatan antara 12 peratus hingga 17 peratus daripada jumlah pendapatan keseluruhan penduduk. Tahap ketidakseimbangan adalah rendah jika kumpulan tersebut menerima lebih besar daripada 17 peratus jumlah pendapatan keseluruhan.

Banyak definisi dan konsep yang berbeza tentang kesejahteraan (*well being*). Menurut *World Bank* 1990, *poverty is pronounced deprivation in well-being* dimana kesejahteraan boleh diukur oleh kekayaan yang dimiliki seseorang, kesihatan, pemakanan, pendidikan, asset, perumahan dan hak-hak tertentu dalam masyarakat.

Bagi mengukur tahap kesejahteraan boleh dilihat daripada penggunaan pendapatan yang diterima bagi memenuhi keperluan makanan dan bukan makanan. Semakin besar pendapatan yang digunakan bagi membeli makanan menunjukkan semakin rendahnya tahap kesejahteraan masyarakat. Sebaliknya semakin kecil penggunaan pendapatan bagi membeli makanan maka semakin besar kesejahteraan masyarakat (Scaat & Arndt 1991).

Manakala untuk mengukur kesejahteraan isi rumah di kawasan luar bandar telah dikemukakan oleh Kikuchi (1977). Menurut beliau bahawa kemakmuran isi rumah akan berlaku berdasarkan kombinasi faktor-faktor berikut:

1. Faktor pengeluaran, teknologi dan dasar pemerintah melalui suatu institusi sosial dan struktur pentadbiran yang ada. Oleh kerana itu institusi sosial yang ada harus mampu mengkombinasikan ketiga-tiga faktor tersebut dengan baik. Sebaliknya jika institusi sosial tidak mampu mengkombinasikan ketiga-tiga faktor tersebut dengan baik maka akan wujud akibat negatif daripada penggunaan teknologi; dan
2. Kombinasi antara teknologi dan faktor pengeluaran serta institusi akan mempengaruhi rendahnya taraf pengeluaran output. Oleh kerana itu perlu kombinasi yang keserasian dari keseluruhan faktor pengeluaran agar kesejahteraan masyarakat ditingkatkan sebagaimana yang diharapkan.

Salah satu penunjuk keseimbangan iaitu dengan melihat bagaimana pengagihan dari pemilikan ladang dan agihan pendapatan yang diperolehi oleh suatu golongan masyarakat. Keseimbangan akan terwujud jika agihan saiz ladang yang lebih seragam dan pendapatan yang dimiliki oleh sekumpulan masyarakat tertentu sama besarnya

dengan saiz kumpulan tersebut. Keseimbangan akan terujud jika 40 peratus daripada jumlah penduduk yang berpendapatan paling rendah menguasai 40 peratus daripada jumlah pendapatan.

2.3.2 Konsep dan Ukuran Kemiskinan di Indonesia

Di Indonesia, pengukuran kadar kemiskinan dilakukan dengan menggunakan ukuran kemiskinan yang dikira oleh Badan Pusat Statistik (BPS) dan ukuran kemiskinan yang dikumpul oleh Badan Koordinasi Keluarga Berencana Nasional (BKKBN).

Pengukuran kemiskinan yang dikira oleh BPS dilakukan dengan cara menetapkan nilai ukuran keperluan asas minimum bagi makanan dan bukan makanan. Nilai keperluan asas minimum tersebut digunakan sebagai ukuran bagi memisahkan antara penduduk miskin dan tidak miskin. Ukuran bagi memisahkan antara penduduk miskin dan tidak miskin disebut dengan garis kemiskinan (*poverty line*).

Garis kemiskinan merupakan sejumlah rupiah yang diperlukan oleh setiap individu untuk membolehkannya membayar keperluan makanan yang bersamaan dengan penggunaan 2,100 unit kalori sehari dan keperluan bukan makanan yang meliputi perumahan, pakaian, kesihatan, pendidikan dan pengangkutan. Kos bagi membayar 2,100 kalori sehari disebut Garis Kemiskinan Makanan (GKM) dan kos bagi membayar keperluan minimum bukan makanan disebut Garis Kemiskinan Non Makanan (GKNM). Seseseorang yang tidak boleh memenuhi GKM dan GKNM tergolong sebagai masyarakat yang hidup dibawah garis kemiskinan (BPS, 2010).

Bank Dunia (2006), membuat garis kemiskinan mutlak yang bernilai US\$1.00 dan US\$2.00 kuasa beli sehari (*Purchasing Power Parity/PPP*). Dengan tujuan untuk membandingkan angka kemiskinan antara negara/kawasan diperingkat antarabangsa. PPP ialah banyaknya wang dalam mata wang negara tersebut yang bersamaan dengan US\$1.00 untuk membeli sejumlah keperluan barang dan perhidmatan sehari.

Chen dan Ravallion (2001), membuat suatu penyesuaian angka kemiskinan dunia dengan menggunakan garis kemiskinan US\$1.00 sehari. Berdasarkan penghitungan yang dilakukan, pada tahun 1993 garis kemiskinan US\$1.00 PPP sehari ialah bersamaan dengan Rp 20,811 sehari. Garis kemiskinan PPP disesuaikan antara waktu dengan angka inflasi relatif, iaitu menggunakan angka indeks harga pengguna. Pada tahun 2006, garis kemiskinan US\$1.00 PPP bersamaan dengan Rp 97,218 dan garis kemiskinan US\$2.00 PPP bersamaan dengan Rp 194.439.

Disamping ukuran kemiskinan yang ditetapkan oleh BPS dan BKKBN, terdapat juga ukuran garis kemiskinan yang dikeluarkan oleh para pakar mengenai batas garis kemiskinan, antara lain mengikut pendapatan perkapita, keperluan kalori minimum, pengambilan beras perkapita. Daripada ketiga-tiga ukuran kemiskinan tersebut yang paling banyak digunakan iaitu kriteria pendapatan perkapita.

Sajogyo (Quibria 1996), mencadangkan batas garis kemiskinan ditunjukkan oleh pendapatan perkapita sama dengan 320 kilogram beras bagi kawasan luar bandar dan sama dengan 480 kilogram beras bagi kawasan bandar. Klasifikasi kemiskinan Sajogyo iaitu:

1. Isi rumah paling miskin jika pendapatan perkapitanya dibawah 180 kilogram beras pertahun;
2. Isi rumah miskin sekali, jika pendapatan perkapitanya sama dengan 180 kilogram sampai dengan 240 kilogram beras pertahun; dan
3. Isi rumah miskin jika pendapatan perkapitanya sama dengan 240 kilogram sampai dengan 320 kilogram beras pertahun.

Kriteria Sajogyo di atas mempunyai kekuatan kerana beras merupakan keperluan utama masyarakat Indonesia. Bagi masyarakat ekonomi yang mempunyai taraf ekonomi yang rendah perbelanjaan untuk membeli beras lebih besar dari jumlah pendapatan. Dengan demikian tinggi atau rendahnya harga beras akan sangat menentukan terhadap kesejahteraan masyarakat miskin. Oleh kerana itu menggunakan ukuran beras untuk mengukur saiz kemiskinan mempunyai pengertian yang cukup baik jika dibandingkan dengan pendekatan pendapatan dan pengeluaran perkapita kerana pendekatan menggunakan nilai penggunaan beras tidak dipengaruhi oleh faktor inflasi (perubahan harga).

Manakala Djojohadikusumo (1994), mengambil ukuran kemiskinan berdasarkan pendapatan perkapita. Ukuran ini berbeza dengan pendapat Sajogyo. Djojohadikusumo menggunakan ukuran kemiskinan mengikut pada pendapatan perkapita setahun iaitu sebanyak US\$50.00 bagi kawasan luar bandar dan US\$75.00 bagi kawasan bandar. Ukuran yang dikemukakan oleh Djojohadikusumo lebih rendah daripada Bank Dunia. Bank Dunia menetapkan ukuran kemiskinan sebanyak US\$275.00 perkapita setahun (World Bank 1990).

Sumber pendapatan isi rumah terdiri daripada penerimaan upah dan gaji dari pekerjaan tenaga kerja, kekayaan yang dimilikinya dan pendapatan yang berasal dari selain daripada gaji dan upah. Pendapatan tersebut digunakan untuk perbelanjaan, tabungan dan dihantara kepada isi rumah yang tidak tinggal bersama. Hasil penerimaan upah dan gaji dari pekerjaan yang diusahakan serta dan kekayaan yang dimiliki merupakan input dalam proses pengeluaran seterusnya. Perpaduan antara tenaga kerja dan kekayaan akan menghasilkan output melalui proses pengeluaran. Dengan demikian yang dihitung sebagai pendapatan isi rumah ialah daripada pendapatan tenaga kerja (penerimaan upah dan gaji dari pekerjaan tenaga), kekayaan (harta-harta yang disewakan) dan dicampur dengan kiriman dari luar isi rumah. Besarnya pendapatan isi rumah dalam sekumpulan masyarakat dapat dijadikan sebagai asas dalam mengukur kesejahteraan masyarakat (Luthfi 1993).

2.4 Teori Migrasi dan Penempatan Semula

Program transmigrasi yang dijalankan di Indonesia merupakan satu bentuk penempatan semula penduduk yang dirancang. Dalam kajian ekonomi pembangunan, rangkakerja teoritikal (*conceptual frameworks*), penempatan semula boleh dikaitkan dengan pendekatan migrasi Sjaastad pada tahun 1962 dan Everett Lee pada tahun 1966. Pendekatan Sjaastad menekankan faktor peruntukan dan pengagihan sumber ekonomi yang cekap melalui proses migrasi. Menurut Sjaatad, migrasi adalah satu pelaburan dalam mempertingkatkan daya pengeluaran (produktiviti). Manakala Everett Lee's melalui "*Theory of Migration*" pula, menekankan kepada faktor tolakan dan tarikan (*Push-Pull Model*) sebagai punca berlakunya migrasi. Faktor positif merujuk kepada faktor-faktor yang boleh 'menarik' migran ke tempat yang akan dituju,

manakala faktor negatif pula, merujuk kepada faktor yang menolak migran supaya berpindah keluar dari lokasi sekarang (Asan et.al 2003).

Menurut Suwanmontri (2010)¹² tiada teori yang khusus dalam kajian penempatan semula penduduk. Oleh itu, kajian beliau berdasarkan konsep utiliti pengguna. Pendekatan ini digunakan untuk mengukur taraf hidup mereka yang dipindahkan berdasarkan kepuasan mereka di kawasan penempatan semula. Kepuasan ini meliputi kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan seperti sistem komunikasi dan pengangkutan, bekalan elektrik, air, pendidikan, kesihatan dan perkhidmatan agama. Menurut beliau lagi, faktor-faktor lain menyumbang secara positif kepada utiliti ialah seperti kualiti perumahan, nilai hartanah (*household properties*), peluang untuk masa lapang (*opportunity for leisure*), dan peluang untuk menyertai projek-projek pembangunan yang lain.

2.4.1 Konsep dan Jenis-Jenis Penempatan Semula

Pemukiman baru atau penempatan semula (*resettlement, displacement, rehabilitation*) merupakan satu bentuk perpindahan penduduk yang dirancang oleh pihak pemerintah (*government-sponsored migrants*). Proses penempatan semula ini boleh berlaku secara sukarela (*voluntary resettlement, induced displacement*) atau melalui paksaan (*involuntary resettlement, forced relocation*) oleh pihak pemerintah. Secara am, penempatan semula boleh dikategorikan kepada tiga iaitu; (Messay & Bekure 2011).

¹² Penyelidik/perunding kepada pihak World Bank, UNDP dalam perancangan projek hidro elektrik Rajjaprabha di Thailand, Don Sahong Hydropower Project di Laos dan Ta Sang Hydropower Project di Myanmar.

1. Penempatan semula akibat daripada konflik politik (*conflict-induced displacement* atau *refugee resettlement*),
2. Penempatan semula akibat daripada masalah bencana alam (*environmental-induced displacement* atau *climate refugees*)
3. Penempatan semula akibat daripada sesuatu projek pembangunan (*development-induced displacements*)

Melalui penempatan semula iaitu selepas penduduk berpindah ke kawasan baru akan berlaku proses intergasi atau asimilasi. Integrasi iaitu proses jangka panjang di mana pendatang baru menjadi sama rata dalam semua dimensi masyarakat. Asimilasi berlaku apabila identiti pendatang baru semakin hilang dalam masyarakat yang dominan (*melts into the dominant society*). Manakala integrasi berlaku apabila kumpulan berinteraksi dengan masyarakat yang lebih besar dan juga mengekalkan identiti sendiri (Gray & Elliott 2001). Secara am, Program penempatan semula melalui perpindahan sukarela didapati lebih berjaya dibanding dengan penempatan penduduk secara paksaan (Asan Ali & Devamany 2015).

Sebahagian besar penduduk dipindahkan ke kawasan penempatan semula akibat daripada pengambilan tanah untuk projek-projek infra pembangunan. Menurut Doris & Peter 2003, sekitar 10 juta penduduk di negara sedang membangun dipindahkan setiap tahun untuk membolehkan pembinaan empangan, projek pembangunan bandar dan pengangkutan. Proses penempatan semula boleh menjejaskan sosioekonomi dan kesejahteraan (*well-being*) masyarakat di kawasan berkenaan. Walau bagaimanapun, jika program penempatan semula dapat dilaksanakan dengan baik, ia boleh menjadi

peluang pembangunan khusus untuk masyarakat yang terpinggir di negara berkenaan (World Bank 2004; Asan Ali & Devamany 2015).

Selain daripada penempatan semula akibat daripada projek-projek pembangunan, satu lagi bentuk penempatan semula yang banyak dijalankan di negara sedang membangun ialah melalui Skim Pembangunan Tanah Baru (*New Land Development Scheme*). Walaupun matlamat negara-negara ini adalah sama iaitu meningkatkan pendapatan dan taraf hidup penduduk luar bandar yang tidak mempunyai tanah, namun pendekatan dan tujuan mereka dalam rancangan penempatan ini adalah berbeza.

Perpindahan penduduk ini merupakan salah satu strategi kerajaan untuk mengatasi masalah dualisma-ekonomi yang berlaku pada zaman penjajahan dan tumpuan dasar merapatkan perbezaan taraf hidup penduduk bandar-luar bandar (McNicoll & Cain 1989). Skim baru ini akan dibiayai oleh kerajaan termasuk bantuan tanah (ladang) rumah dan kemudahan asas (*government-sponsored migrants*). Matlamat utama penempatan semula penduduk ialah untuk meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar melalui peningkatan pendapatan yang lebih stabil dan mengatasi masalah kemiskinan (Hardoy & Satterhwaite 1981).

Selain Indonesia, antara negara lain yang menjalankan dasar penempatan semula melalui skim pembangunan tanah baru ialah Malaysia, Tanzania, Brazil, Iran, Egypt, Peru dan Thailand. Di Indonesia, strategi pengagihan semula penduduk melalui perancangan penempatan semula dilaksana bagi mengatasi masalah kesesakan di kawasan (pulau Jawa) tertentu dan dalam masa yang sama meningkatkan kadar pengeluaran makanan (beras) (Arndt 1988). Manakala di Malaysia, Tanzania dan

Brazil, rancangan penempatan semula digunakan bagi meningkatkan eksport pertanian komoditi utama (Tungku Shamsul 1988; Henriques 1988).

Strategi penempatan semula juga digunakan untuk penempatan semula masyarakat orang asli (*aboriginal communities*) yang terpinggi (*vulnerable segments of society*) dan jauh berselerak di kawasan pendalaman ke kawasan baru yang dilengkapi dengan kemudahan asas dan peluang aktiviti pertanian moden. Penempatan semula masyarakat orang asli ini dilaksanakan seperti di Malaysia, Indonesia¹³, Laos, China, India, Filipina, Bangladesh, Vietnam, Bolivia, Chile, Brazil, Australia dan di New Zealand (Asan Ali & Devamany 2015).

Terdapat juga contoh di mana program penempatan secara besar-besaran telah dilaksanakan dalam bentuk reformasi pertanian yang lebih radikal seperti di Iran, Mesir, Peru dan Thailand. Strategi penempatan semula dilaksanakan di Iran (Amid 1990), Egypt (Radwan 1986), Peru (Alberts 1983) dan Thailand (Scholz 1988), Sri Lanka (Aruna & Asan 2012) bagi meningkatkan lagi kadar mampu diri pengeluaran makanan negara berkenaan dalam masa yang sama mengurangkan masalah kemiskinan di kawasan luar bandar.

Kebanyakan program pembangunan tanah telah mengajukan objektif mengurangkan kemiskinan dan menyediakan taraf kehidupan yang lebih baik kepada rakyat yang sangat miskin (mereka yang tidak mempunyai tanah, pekebun-pekebun kecil, pelarian, mangsa bencana alam dan lain-lain). Adalah dijangkakan penempatan baru

¹³ Orang asli di Indonesia di kategorikan sebagai Masyarakat Adat dan Komunitas Adat Terpencil.

ini akan memberikan pendapatan yang lebih baik. Selain daripada itu juga pengelompokan penduduk didalam penempatan ini juga akan memudahkan kerajaan menyediakan perkhidmatan sosial seperti perumahan, kesihatan dan pendidikan.

Sebagai sebahagian daripada dasar penempatan negara, adalah menjadi trend umum bagi kerajaan negara-negara membangun untuk terlibat dengan mendalam bagi menentukan halatuju pembangunan ekonomi serta memberi penekanan yang lebih kepada pengagihan pelaburan ekonomi dan sosial. Corak pembangunan pertanian dan perindustrian yang didorong oleh pasaran serta dasar yang telah dilaksanakan oleh kerajaan pada masa lalu dikenalpasti sebagai tunjang kepada pertumbuhan bandar yang pesat dipusat-pusat bandar yang besar dan selalunya pula ekonomi adalah stagnant di negeri-negeri kurang membangun dan kawasan luarbandar. Walau bagaimanapun, menjelang akhir tahun 1960an dan 1970an, rancangan-rancangan pembangunan negara diberikan tumpuan yang lebih dalam menyediakan perkhidmatan sosial serta cuba memperjelaskan lagi bahawa tujuan mereka adalah untuk menyebarkan pembangunan ekonomi dan sosial dengan lebih meluas (Hardoy & Satterhwaite 1981). Dalam hal ini, sistem pentadbiran penjajah telah digunakan sebagai usaha meransang pertumbuhan ekonomi luarbandar yang berterusan serta meningkatkan gaya hidup penduduk luarbandar (McNicol & Cain 1989).

Terdapat pelbagai alasan mengapa kerajaan mengambilalih dan membangunkan kawasan yang mundur dan berpenduduk padat. Antaranya ialah untuk meningkatkan output pertanian, sebagai langkah keselamatan negara, menyediakan tanah kepada mereka yang tidak memilikinya atau mereka yang kehilangan tempat tinggal serta mengurangkan tekanan di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi.

Namun begitu pengambilalihan kawasan baru ini bukanlah langkah atau kaedah terakhir tetapi lebih merupakan alat bagi mencapai matlamat-matlamat yang lain. Dengan kata lain, program pembangunan tanah selalunya dilihat sebagai alat bagi merangsang pembangunan wilayah.

Masalah mengekalkan peneroka dikebanyakan rancangan penempatan merupakan masalaah yang rumit dan mendesak. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan kadar peneroka yang mengabaikan atau meninggalkan penempatan adalah tinggi. Selain daripada prestasi dan pencapaian objektif adalah lemah, para peneroka juga merasa kecewa dengan jangkaan atau harapan mereka yang tinggi terhadap kehidupan baru ini. Ia seterusnya mendorong peneroka meninggalkan penempatan baru ini dan mencari peluang yang lebih baik di tempat lain.

Namun begitu, jika jarak diantara penempatan baru dan tempat asal peneroka adalah jauh, kemungkinan peneroka meninggalkan penempatan baru adalah rendah. Dalam pada itu latarbelakang peneroka juga penting dalam menentukan kejayaan di penempatan baru ini. Peneroka yang mempunyai latarbelakang pertanian dijangka dapat menyesuaikan diri di kawasan baru ini berbanding dengan mereka yang hidup secara nomad atau penduduk bandar yang sebelum ini menganggur. Jenis dan 'kematangan' penempatan merupakan faktor tambahan yang mempengaruhi kadar pengekalan peneroka (Chole & Mulat 1988). Destinasi dan darjah perbandaran di kawasan luarbandar sangat menentukan keputusan individu untuk berhijrah serta pilihan destinasi (Baydar et.al 1990). Tujuan atau sebab untuk berhijrah adalah berbeza diantara kaum lelaki dan wanita. Kaum lelaki biasanya berhijrah atas alasan

ekonomi manakala bagi kaum wanita pula mereka berpindah kerana mengikut suami setelah berkahwin (Chattopadhyay 1998).

Dalam jangka panjang, perancangan perpindahan secara sukarela ke kawasan penempatan semula telah berjaya meningkatkan taraf hidup golongan berkenaan yang secara tidak langsung mengubah sistem pertanian daripada sistem pertanian tradisional kepada pertanian yang moden, meningkatkan pendapatan, mengatasi masalah kemiskinan, pengangguran dan penggunaan sumber (tanah) dengan lebih efisien (Asan & Hassan 2003).

Walau bagaimanapun pembangunan tanah baru ini hanya berupaya menarik minat generasi pertama sahaja. Jika dilihat, pada asalnya satu plot tanah seluas 4 hingga 5 hektar mungkin cukup bagi memberikan pendapatan minimum bagi sebuah keluarga, menggunakan keluarga sebagai buruh serta memberi kepuasan emosi dalam memiliki tanah. Ini mungkin memadai pada peringkat awal sementara saiz keluarga adalah kecil. Ini bermakna anak-anak peneroka terpaksa meninggalkan rancangan penempatan untuk mencari peluang pekerjaan ditempat lain. Keadaan ini mewujudkan aliran migrasi keluar yang baru. Bagi generasi kedua (anak daripada generasi pertama) dan ketiga (anak daripada generasi kedua) mereka akan lebih cenderung untuk berkerja di luar dari sektor pertanian. Ini kerana luas tanah sudah menjadi tidak menjadi ekonomik untuk dibahagikan kepada anak dan cucu. Selain itu golongan ini (anak/cucu) hanya akan tertarik untuk mengambilalih ladang tersebut jika pulangan hasil pertanian yang diperolehi adalah sama dengan peluang pekerjaan yang lain (Johnson & Da Vanzo 1998; Fold 2000).

2.4.2 Rancangan Pembangunan Tanah Baru dan Transmigrasi

Penempatan semula penduduk di Asia Tenggara pertama kalinya di perkenalkan pada tahun 1909 oleh Belanda di Indonesia¹⁴ dan pada tahun 1939 di Filipina (Tunku 1971). Manakala Perancangan pembangunan tanah baru di Malaysia telah bermula pada tahun 1954 atas cadangan pihak Bank Dunia. Selanjutnya pada tahun 1956, *Federal Land Development Authority (FELDA)*¹⁵ telah ditubuhkan khusus bagi memajukan sektor luar bandar melalui tanaman komersial (getah dan kelapa sawit) (Tunku 1971; Tunku & Lee 1988).

FELDA adalah alat yang direkacipta untuk membangunkan tanah terbiar, menempatkan semula rakyat miskin yang tidak bertanah serta memberikan pendapatan yang lebih baik kepada mereka yang dibawah guna tenaga penuh. Selain daripada itu juga ia memberikan peluang kepada mereka yang tinggal di kampung-kampung yang terpencil untuk terlibat sama dengan program ini (Wikkramatilleke 1962).

Matlamat utama FELDA ialah untuk mengatasi masalah berikut (Sulong 1985; Asan et al. 1999):-

1. Pengangguran dan pengangguran tidak penuh di kawasan luar bandar,
2. Pemilikan dan pemecahan tanah yang tidak ekonomik,
3. Meningkatkan pendapatan serta taraf hidup masyarakat luar bandar,
4. Mewujudkan masyarakat luar bandar yang bersikap positif terhadap pembangunan, progresif, berdisplin dan maju

¹⁴ Dikenali sebagai Program Transmigrasi. Akan dibincangkan dalam Bab 4 - Perancangan Pembangunan Dan Program Transmigrasi Di Indonesia.

¹⁵ Sebelum tahun 1980an FELDA juga dikenali sebagai FLDA.

Semenjak Rancangan Malaysia Pertama dilancarkan pada tahun 1956 dan kemudian disusuli dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1971 – 1990), salah satu strategi pembangunan wilayah yang penting yang disasarkan ialah pembangunan tanah dan sumber baru. Halatuju strategi ini ialah kearah penggunaan tanah yang sedia ada di kawasan yang kurang membangun. Dalam masa yang sama ia juga bertujuan meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar, menghapuskan kemiskinan dan mencapai keseimbangan yang lebih baik dalam agihan pendapatan dengan memindahkan penduduk luarbandar yang miskin secara besar-besaran ke rancangan pembangunan tanah yang lebih produktif.

Dalam penempatan semula FELDA, akan ditempatkan antara 400 hingga 600 peserta yang telah berkahwin dan berumur 18 hingga 35 tahun kecuali bekas polis dan tentera yang umur mereka tidak lebih daripada 45 tahun. Di peringkat awal penubuhan FELDA, setiap peserta diperuntukan 7 ekar kawasan ladang dan suku ekar untuk kawasan rumah. Keluasan ini telah ditingkatkan kepada 10 ekar kawasan ladang untuk tanah rancangan yang dibuka mulai tahun 1970. Setiap peserta dimestikan membayar semua kos yang terlibat dengan penempatan semula ini kadar faedah 6.25 peratus setahun. Mereka akan mendapat hakmilik kawasan ladang dan rumah selepas 15 hingga 20 tahun kawasan penempatan semula tersebut dididuki (Tunku 1971; Sulong 1985; Tunku et al. 1992).

Sebagai agensi pembangunan tanah yang terbesar, FELDA telah membangunkan tanah seluas 104,200 hektar yang meliputi 34 peratus daripada jumlah keseluruhan tanah yang dibangunkan oleh pelbagai agensi lain. FELDA sahaja telah menempatkan semula sebanyak 15,800 buah keluarga yang terdiri daripada terutamanya mereka

yang tidak bertanah atau penganggur tidak ketara. Rancangan pembangunan ini telah berjaya meningkatkan pendapatan purata bersih bulanan peneroka FELDA ke paras yang lebih tinggi daripada pendapatan garis kemiskinan (PGK) (Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia keempat 1981 –1985). Kejayaan FELDA dalam melaksanakan objektifnya untuk meningkatkan taraf hidup penduduk luarbandar tidak dapat dinafikan serta mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Di Malaysia, walaupun kadar kemiskinan adalah tinggi dalam sektor pertanian terutama dikalangan pekebun kecil, namun keadanya berbeza di negeri Pahang. Pembukaan tanah baru bagi penempatan semula memperlihatkan salah satu program yang menyumbang ke arah pengurangan kemiskinan. Terdapat lebih kurang 30 peratus daripada isirumah luarbandar di negeri ini terlibat dalam rancangan FELDA¹⁶. Peningkatan pendapatan dikalangan peneroka rancangan pembangunan tanah ini adalah lebih ketara. Pendapatan purata bulanan peneroka FELDA adalah diantara RM490 hingga RM810 dalam tahun 1979 berbanding pendapatan daripada pekerjaan lama mereka yang hanya disekitar RM80 hingga RM120 sahaja (Malaysia 1981; Rancangan Malaysia Keempat).

Menurut Baydar et.al. (1990), sebagai rancangan pembangunan luar Bandar, FELDA secara amnya telah menerima pelbagai pandangan yang menyokong. Vreeland et. al. (1977) pula menyifatkan FELDA sebagai salah satu rancangan perumahan di kawasan luar bandar yang paling berjaya. Ini dipersetujui oleh Fong (1985, 1987) kerana kejayaan FELDA dalam menggabungkan objektifnya dan memberikan perkhidmatan sosial dan pendidikan kepada kumpulan sasaran. Bagi Tunku (1988) pula, FELDA

¹⁶ Sehingga tahun 1994, sejumlah 114,170 peneroka ditempatkan di rancangan FELDA. Ini bersamaan lebih kurang 600,000 orang jika kita mengambilkira purata saiz isirumah ialah 5.21 orang (UNDP 1995 :47).

berjaya dalam mempelbagaikan pertanian luar bandar serta menanggung kos yang paling rendah bagi setiap peneroka (jika dibandingkan dengan negara-negara lain yang melaksanakan program yang sama) dan juga kesan yang diluar jangkaan ke atas pendapatan dan agihan pendapatan di luar bandar. Menurut Oberai (1986), walaupun pengagihan semula penduduk bukanlah merupakan objektif FELDA, ianya dibentuk untuk mengekalkan penduduk luar bandar, rancangan penempatannya selalunya terletak di kawasan yang mengalami migrasi keluar yang tinggi.

Model FELDA yang telah diterima di peringkat antarabangsa sebagai salah satu model untuk mengatasi masalah kemiskinan di kawasan luar bandar. Manakala menurut Fold, N. (2000:473);

“The rate of development of the resettlement program has been impressive and the FELDA program is considered as one of the most successful example of settlement schemes in developing countries in terms of economics viability and political stability. The Malaysian way of organizing poor and landless people in commercial agricultural production has been stressed by many observers as an ideal model to deal with rural poverty”

Di Indonesia rancangan penempatan semula bermula sejak tahun 1909 yang diperkenalkan oleh penjajah Belanda (*Netherlands East Indies*) bagi mengatasi masalah kesesakan penduduk di Pulau Jawa. Kawasan tumpuan penempatan semula penduduk yang paling utama di Indonesia ialah di selatan Sumatera. Antara tahun 1902 hingga 1922, 22,000 orang peserta telah berpindah ke penempatan semula di Lampung dan Bengkulu di selatan Sumatera. Sehingga 1940, terdapat sekitar 200,000 peneroka di kawasan penempatan semula, dengan kadar 4,000 peneroka berpindah masuk setahun. Pada tahun 1947 hingga 1982, pemerintah mensasarkan perpindahan seramai 49 juta penduduk ke kawasan penempatan semula dalam tempoh 35 tahun. (Arndt 1988).

Walaupun melalui program transmigrasi, perpindahan penduduk dari pulau Jawa ke kepulauan lain telah berjaya meningkatkan pendapatan para peserta, tetapi program ini juga telah menimbulkan konflik penerokaan dan pemilikan tanah dengan masyarakat tempatan termasuk penerokaan tanah adat (tanah keterunan masyarakat orang asli) Masyarakat Adat di Indonesia (Arifin 2009). Menurut Barron et al. (2004:1) dalam kajiannya di Indonesia mendapati;

“The quantitative analysis shows positive correlations between local conflict and unemployment, inequality, natural disasters, changes in sources of incomes, and clustering of ethnic groups within villages”.

Walaupun terdapat kajian bahawa skim penempatan semula telah berjaya meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar (contoh di Malaysia), terdapat juga kajian-kajian mengenai program penempatan tanah mencadangkan setakat ini sumbangan yang diberikan dalam mengatasi masalah agihan penduduk, pengangguran dan juga kemiskinan adalah sederhana. Walaupun peningkatan dalam pengeluaran pertanian dan peningkatan taraf hidup dapat dilihat disesetengah negara, namun kesan keseluruhan ke atas gunatenaga, pengeluaran dan pembasmian kemiskinan masih lagi terhad sedangkan kos bagi menempatkan seseorang peneroka adalah tinggi. Selain daripada itu juga, di kebanyakan negara sedang membangun, kadar kemiskinan adalah tinggi dalam sektor pertanian terutamanya dikalangan pekebun kecil (Williams 1991; Malaysia 2001).

Dalam hal ini, satu isu utama yang dihadapi oleh sektor pertanian ialah pertumbuhan produktiviti serta pendapatan yang lembab dalam sektor pekebun kecil yang tidak terancang sedangkan sektor ini mendominasi sebahagian besar sektor pertanian negara. Masalah-masalah seperti kekurangan tenaga kerja, umur buruh yang meningkat (lanjut) serta kurangnya input teknologi baru (termasuk racun perosak dan

baja) menyebabkan kebanyakan kawasan pertanian menjadi tidak produktif atau terbiar. Sebagai contoh di Semenanjung Malaysia, adalah dianggarkan terdapat lebih kurang 25 peratus daripada tanah pertanian yang terbiar (Fold 2000). Walau bagaimanapun berbeza dengan di Indonesia, isunya bukan tanah terbiar tetapi saiz tanah dan input pertanian (teknologi) yang terhad menyebabkan output pekebun kecil yang terhad dan tidak produktif.

2.5 Faktor-Faktor Penentu Kemiskinan

Banyak faktor yang mempengaruhi pendapatan isi rumah baik yang bersifat dalaman ataupun luaran. Secara internal pendapatan yang diperoleh merupakan hasil daripada prestasi kerja yang dilakukan. Dengan demikian besarnya pendapatan tersebut akan ditentukan oleh lama waktu berkerja dan produktivitinya. Disamping itu kesihatan yang baik, pendidikan dan ketrampilan yang tinggi akan dapat meningkatkan produktiviti dan selanjutnya akan dapat pula meningkatkan pendapatan. Selain itu tingkat pendapatan ditentukan juga oleh penguasaan aset faktor-faktor pengeluaran (Sigit 1993).

Hadiwegeno, Soetatwo dan Agus Pakpahan (1993) berpendapatan bahawa kemiskinan tersebut disebabkan oleh beberapa faktor antara lain seperti:-

1. Sumber daya alam yang rendah;
2. Teknik pengeluaran yang rendah (teknologi);
3. Sumber daya manusia yang rendah; dan
4. Kemudahan awam tidak mudah diakses oleh masyarakat luar bandar.

Rendahnya pemilikan faktor-faktor tersebut menyebabkan rendahnya aktiviti ekonomi yang dapat dilakukan oleh masyarakat. Dengan rendahnya produktiviti dan pendapatan yang diterima, impaknya menyebabkan masyarakat tidak mampu memenuhi keperluan asas yang minimum yang menyebabkan terjadinya proses kemiskinan yang berterusan.

Beban kemiskinan di negara sedang membangun seperti di Indonesia, selalunya ditanggung oleh kanak-kanak yang terpaksa bekerja pada usia yang muda bagi menanggung hidup. Berbeza dengan di Malaysia, kalau ada pun kanak-kanak Malaysia daripada keluarga miskin yang terlibat, mereka tidak terlibat dalam aktiviti yang produktif atau jam bekerja yang panjang berbanding kanak-kanak negara miskin yang lain (De Tray 1983).

Kemiskinan sekumpulan masyarakat juga terjadi sebagai akibat daripada keterbatasannya akses ekonomi (*economy exlusion*). Akses ekonomi yang terbatas dapat ditunjukkan oleh kemampuan masyarakat dalam mengakses pasaran (*primary market*). Pasaran tersebut tersebut terdiri dari pasaran tenaga kerja, pasaran produk dan pasaran input dan kemudahan kredit. Proses kemiskinan tersebut juga disebabkan oleh rendahnya kemampuan tawar menawar oleh sekumpulan masyarakat tertun dalam pasaran-pasaran yang berkaitan (Rodgers 1996).

Oleh kerana itu, Pakpahan (1989), berpendapat bahawa disamping lemahnya keupayan dalam proses tawar menawar oleh sekumpulan masyarakat, struktur politik juga boleh mempengaruhi terjadinya kemiskinan dalam masyarakat. Selama ini campur tangan politik telah menyebabkan rendahnya pencapaian daripada program

pembasmian kemiskinan. Program anti kemiskinan lebih banyak dinikmati oleh kelompok-kelompok tertentu sahaja. Kedua-dua faktor ini telah mempercepatkan lagi terjadinya kemiskinan dalam masyarakat.

Terdapat dua jenis proses kemiskinan yang berlaku dalam jangka masa panjang di negara yang sedang membangun, iaitu dari segi penawaran modal dan dari segi permintaan. Dari sisi penawaran modal, kemiskinan yang berlaku dalam masa panjang dimulai dari tingkat pendapatan masyarakat yang rendah sebagai akibat daripada produktiviti yang rendah. Rendahnya tingkat pendapatan mengakibatkan kadar tabungan masyarakat juga akan menjadi rendah, pada akhirnya tingkat penciptaan modal juga akan rendah dan seterusnya produktiviti juga akan menjadi rendah. Dari segi penawaran pula, rendahnya tingkat produktiviti akan menyumbang kepada peningkatan terjadinya kemiskinan.

Rendahnya produktiviti tersebut disebabkan oleh beberapa faktor iaitu kecilnya keluasan tanah pertanian, rendahnya teknologi, rendahnya taraf pendidikan, rendahnya akses kepada kemudahan awam, rendahnya tingkat kesihatan dan penglibatan dalam pekerjaan sampingan yang terhad. Keadaan serba kekurangan ini menjadikan masyarakat desa terus menjadi miskin dalam jangka masa panjang. Mereka tidak memiliki kekuatan untuk keluar dari belenggu kemiskinan tersebut.

Arief (1990) juga berpendapat bahawa kemiskinan juga boleh terjadi disebabkan oleh eksploitasi sumber semula jadi yang pada sesebuah kawasan. Eksploitasi alam sekitar ini boleh terjadi dalam bentuk-bentuk seperti;

1. Komoditi pertanian yang dijual pada harga yang lebih rendah daripada harga yang berlaku di pasaran. Ketidakadilan pembayaran komoditi pertanian ini disebabkan oleh sifat dari komoditi pertanian tersebut yang mudah rusak. Akibat sifat komoditi pertanian, petani cenderung tidak memperoleh tambahan pendapatan walaupun terjadi kenaikan output, kerana kenaikan output cenderung diikuti oleh penurunan harga;
2. Pembayaran yang tidak setimpal dengan masa/tempoh yang digunakan dalam mengeluarkan sesuatu produk pertanian; dan
3. Kos pengeluaran seunit output pertanian yang besar untuk aktiviti pertanian kecil-kecilan dibandingkan dengan aktiviti pertanian besar-besaran. Oleh sebab itu aktiviti ekonomi penduduk miskin cenderung dijual dengan harga mahal.

Manakala menurut Chamhuri (2004), yang banyak membuat kajian mengenai kemiskinan di Malaysia, mencadangkan beberapa petunjuk-petunjuk ini mencerminkan keadaan serba kekurangan keperluan asas yang dihadapi oleh golongan miskin boleh digunakan sebagai penggenap kepada kaedah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Kemiskinan mencerminkan fenomena kekurangan daripada pelbagai dimensi iaitu;

1. Kekurangan upaya untuk memenuhi keperluan asas.
2. Kekurangan keselesaan tempat tinggal.
3. Kekurangan kawalan terhadap sumber-sumber.
4. Tahap kesihatan dan pemakanan yang kurang memuaskan.

5. Tahap pendidikan dan pembangunan sumber manusia yang rendah.
6. Kekurangan akses kepada bekalan air bersih, elektrik dan sanitasi.
7. Kemudah-terancaman kepada krisis, kegawatan, jenayah dan kekejaman.

Menurut Chamhuri (2013) juga dalam kajiannya di Malaysia mendapati kemiskinan mutlak lebih ketara di kawasan desa dan daerah terpencil berbanding kawasan bandar. Walaupun fenomena kemiskinan mutlak telah berkurangan di Malaysia, tunjangan dasar harus diberi kepada masalah kemiskinan relatif, iaitu masalah jurang pendapatan antara etnik, sektor dan wilayah.

Pengagihan pemilikan ladang dan agihan pendapatan luar bandar merupakan dua isu yang cenderung menjadi fokus faktor penentu kemiskinan. Perkara ini berlaku kerana pengagihan pemilikan ladang cenderung mempengaruhi agihan pendapatan. Ladang bagi masyarakat luar bandar merupakan salah satu input pengeluaran yang sangat menentukan pendapatan. Oleh kerana itu apabila ladang teragih dengan seimbang, maka agihan pendapatan juga akan menjadi seimbang.

Berkaitan dengan isu di atas kajian oleh Mintoro (1983), menyimpulkan bahawa di kawasan luar bandar apabila peluang pekerjaan luar musim pertanian sangat terhad, agihan saiz pemilikan tanah ladang akan mempengaruhi agihan pendapatan. Sebaliknya di kawasan luar bandar apabila peluang pekerjaan luar musim pertanian adalah banyak, agihan pemilikan saiz tanah ladang tidak mempengaruhi agihan pendapatan. Peluang bekerja di luar daripada tanah pertanian (*non farm income*) yang dimiliki menunjukkan bahawa hasil petani bukan hanya berasal daripada sektor pertanian tetapi juga berasal daripada kegiatan lain. Oleh sebab itu pemilikan ladang

bukan satu-satunya sumber pendapatan bagi petani dan yang menentukan agihan pendapatan.

Kajian Hayami & Ruthan (1985) yang dilakukan di Indonesia, Malaysia dan Thailand, menemukan bahawa kemiskinan dan ketidakseimbangan disebabkan oleh beberapa faktor iaitu:

1. Produktiviti tenaga kerja rendah sebagai akibat rendahnya teknologi, penyediaan tanah dan modal jika dibanding tenaga kerja; dan
2. Tidak meratanya agihan kekayaan terutama tanah.

Selain dari pada itu kajian oleh Kartsamita (1996) di Indonesia mendapati empat faktor penyebab kemiskinan iaitu taraf pendidikan dan kesihatan yang rendah, serta peluang pekerjaan yang terhad dan kehidupan yang jauh dari pedalaman.

Kajian Pusat Penelitian Sosial Ekonomi (PPSE) Departemen Pertanian (1995) yang dijalankan di tujuh belas provinsi di Indonesia menyimpulkan bahawa ada enam faktor utama penyebab kemiskinan masyarakat luar bandar di Indonesia. Faktor tersebut ialah:

1. Rendahnya kualiti sumber daya manusia. Hal ini berlaku kerana rendahnya tingkat pendidikan, tingginya nisbah tanggungan, rendahnya semangat kerja, rendahnya ketrampilan dan bilangan ahli isi rumah yang ramai;
2. Rendahnya sumber daya fizikal. Hal ini disebabkan oleh rendahnya kualiti dan asset sumber pengeluaran dan modal kerja;

3. Rendahnya penerapan teknologi. Hal ini ditunjukkan oleh rendahnya penggunaan input dan mekanisma pertanian;
4. Rendahnya potensi wilayah yang ditunjukkan oleh rendahnya potensi fisik dan infrastruktur. Keadaan fisik wilayah ditunjukkan oleh iklim, tingkat kesuburan dan topografi wilayah. Keadaan infrastruktur ditunjukkan oleh sistem pengairan, kemudahan pengangkutan, pasaran, kesihatan, pendidikan, pemprosesan hasil pertanian, bekalan elektrik dan kemudahan komunikasi;
5. Kurang tepatnya program yang dilakukan oleh pemerintah dalam pelaburan untuk mengatasi masalah kemiskinan; dan
6. Kurangnya aktiviti institusi sosial (persatuan) yang ada. Persatuan tersebut antaranya ialah untuk tujuan pemasaran, penyuluhan (kaunseling) dan bank/koperasi.

Kajian yang dilakukan oleh Pusat Penelitian Sosial Ekonomi (PPSE) di atas memiliki tujuan yang sama dengan kajian penyelidikan iaitu untuk menganalisis faktor penentu kemiskinan. Perbedaannya ialah kepada objek kajian dan teknik analisis yang digunakan. Objek kajian penyidik ialah isi rumah dengan teknik analisis kuantitatif. Manakala PPSE objek kajiannya wilayah kabupaten dan teknik analisisnya deskriptif kualitatif

.

Both dan Firdausy (1994), menyimpulkan bahawa beberapa faktor yang mempengaruhi kemiskinan masyarakat di luar bandar di negara-negara Asia ialah:

1. Faktor ekonomi iaitu modal, tanah dan teknologi;
2. Faktor sosial dan budaya iaitu pendidikan dan kesempatan kerja;
3. Faktor geografi/topografi dan alam sekitar; dan
4. Faktor profil demografi isi rumah yang terdiri daripada struktur umur, jantina, pendidikan dan kesihatan. Keempat faktor tersebut akan mempengaruhi tingkat kemudahan awam.

Lebih lanjut Both dan Firdausy menunjukkan bahawa tingkat penggunaan masyarakat terhadap keempat-empat faktor tersebut akan mempengaruhi tingkat kemiskinan. Kajian ini memiliki kesamaan dengan kajian yang penyelidik lakukan, iaitu sama-sama bertujuan untuk mengetahui faktor penentu kemiskinan. Pembolehubah yang diduga sebagai penentu kemiskinan sama dengan kajian penyelidik iaitu tanah, teknologi, pendidikan, kesihatan. Perbezaan kajian penyelidik dengan kajian Both dan Firdausy ialah kepada pendekatan yang digunakan, dimana penyelidik menggunakan pendekatan kuantitatif *model logistic regresion*, manakala kajian Both dan Firdausy menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif.

Kajian di Amerika Latin, menunjukkan terdapat dua faktor dominan yang menentukan tahap kemiskinan masyarakat. Faktor tersebut ialah, rendahnya perkhidmatan sosial yang disediakan oleh kerajaan dan tingginya migrasi penduduk ke kawasan bandar. Rendahnya perkhidmatan sosial diukur daripada kurangnya penyediaan kemudahan perkhidmatan awam seperti perkhidmatan kesihatan, air bersih dan kemudahan kredit. Rendahnya perkhidmatan awam mengakibatkan

rendahnya kualiti kehidupan masyarakat. Sementara tingginya migrasi penduduk kekawasan bandar mengakibatkan peningkatan jumlah pekerja yang berpindah di sektor yang tidak formal dan produksi rendah dari kawasan luar bandar ke sektor formal berproduktiviti tinggi di kawasan bandar (Schuber 1994).

Selain itu, migrasi akan terus berlaku selagi wujud perbezaan antara pendapatan jangkaan di bandar dengan pendapatan sebenar di kawasan luar bandar (seperti yang diterangkan oleh teori migrasi). Dari satu segi penghijrahan penduduk dari kawasan desa ke bandar membolehkan lebih buruh di desa dapat dikurangkan dan juga membolehkan para penghijrah yang terlibat berpindah daripada pekerjaan berproduktiviti rendah kepada pekerjaan berproduktiviti tinggi. Namun demikian, para penghijrah lazimnya terdiri daripada golongan muda dan mempunyai taraf pendidikan yang lebih baik, maka penghijrahan desa-bandar telah membawa perubahan yang agak signifikan kepada taburan umur penduduk di kawasan luar bandar. Keadaan ini menyebabkan sebilangan penduduk di kawasan desa akan terdiri daripada mereka yang berumur di bawah 15 tahun dan lebih dari 60 tahun. Keadaan ini, menyebabkan timbulnya masalah kekurangan buruh terutamanya buruh berpengetahuan (berpendidikan) di kawasan desa dan membawa kepada pengeluaran pertanian yang tidak produktif, pengangguran tidak ketara yang tinggi, penglibatan dalam institusi (kredit) yang rendah, masalah untuk menyebarkan teknologi baru dan masalah tanah pekebun kecil yang terbiar (Ishak & Asan 2001).

Sementara itu, Ilave dan Elizabeth (1994), kajian di Papua New Guinea mengenai peranan wanita terhadap program pembasmian kemiskinan menyimpulkan bahawa:

1. Penggunaan masa oleh bilangan isi rumah yang banyak terhadap kegiatan yang produktif akan cenderung menyebabkan isi rumah tersebut menjadi tidak miskin;
2. Isi rumah yang mudah mendapatkan akses terhadap maklumat perkhidmatan awam akan terhindar dari masalah kemiskinan. Isi rumah yang mempunyai akses terhadap maklumat dasar kerajaan berkaitan dengan pembasmian kemiskinan akan bertindak balas kepada kepada dasa yang dibuat oleh pemerintah. Ternyata kumpulan yang mempunyai maklumat tersebut juga mempunyai akses terhadap pasaran dan kegiatan-kegiatan produktif yang mampu meningkatkan pendapatan isi rumah;
3. Isi rumah yang berpendidikan lebih rendah ternyata lebih terdedah dengan kemiskinan dan sebaliknya; dan
4. Isi rumah yang mempunyai aspirasi dan harapan masa depan yang positif cenderung mengelakkan daripada terlibat dalam belenggu kemiskinan.

Model Logistic dengan pendekatan *Ordinary Least Square* pernah digunakan oleh Ghaiha (1985) dalam kajian kemiskinan di India. Kajian ini menemubual seramai 2,290 isi rumah. Pembolehubah kajian ialah (1) lokasi, (2) teknologi, (3) demografi, (4) pendidikan. Pembolehubah lokasi dikembangkan menjadi tiga sub pembolehubah iaitu (a) rangkaian pengangkutan ke kampung, (b) kemudahan perkhidmatan

kesihatan, dan (c) kemudahan perkhidmatan ekonomi. Pembolehubah teknologi mengandungi lima sub pembolehubah iaitu (a) penggunaan traktor, (b) penggunaan elektrik, (c) penggunaan benih berkualiti, (d) keluasan ladang 1 hektar, dan (e) penggunaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Masing-masing sub pembolehubah dikira dengan *dummy* iaitu nilai 1 jika ada dan skor 0 jika tiada. Pembolehubah demografi mengandungi empat sub pembolehubah iaitu (a) bilangan isi rumah, (b) nisbah tanggungan (c) umur ketua isi rumah, dan (d) nisbah pekerja lelaki dengan pekerja perempuan. Pembolehubah pendidikan diukur dengan *dummy* iaitu skor 1 bagi ketua isi rumah yang berpendidikan enam tahun ke bawah dan skor 0 bagi isi rumah berpendidikan enam tahun dan ke atas.

Hasil kajian Ghaiha menyimpulkan bahawa secara keseluruhannya semua sub pembolehubah bebas mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap probabiliti kemiskinan isi rumah. Bagaimanapun terdapat empat sub pembolehubah yang tidak menunjukkan pengaruh signifikan terhadap probabiliti kemiskinan. Sub pembolehubah tersebut ialah penggunaan traktor, penggunaan elektrik dan nisbah jumlah pekerja lelaki dengan pekerja perempuan.


Kajian Ghaiha tersebut di atas juga mempunyai persamaan dengan kajian penyelidikan iaitu sama-sama mengambil objek kajian tentang isi rumah, pemboleh ubah teknologi dan pendidikan. Namun terdapat perbezaan dengan kajian penyelidikan terutamanya berkenaan dengan cara pengukuran pemboleh ubah dan teknik analisis yang digunakan. Cara pengukuran pembolehubah oleh Ghaiha ialah dengan menggunakan *dummy* (semua pemboleh ubah dengan *dummy* 1 dan 0, sementara kajian penyelidikan menggunakan pengukuran *dummy* dan kategori). Manakala teknik analisis Ghaiha

ialah analisis logistic dengan pendekatan OLS, sedangkan penyelidik menggunakan analisis logistic dengan pendekatan *maximum likelihood*.

Kajian Visaria (1991) di Semenanjung Malaysia, menyimpulkan bahawa terdapatnya hubungan yang sangat signifikan antara luas penguasaan tanah, tingkat pendidikan dan kesihatan terhadap kemiskinan masyarakat. Kajian dilakukan kepada 240 isi rumah dengan menggunakan *model multivariat analysis*. Ada lima pemboleh ubah bebas (*independen*) iaitu jumlah aset pengeluaran, tingkat pendidikan, kesihatan, teknologi dan akses terhadap sumber informasi.

Kajian Visaria di atas juga memiliki kesamaan dengan kajian yang dijalankan oleh penyelidik, iaitu beberapa pemboleh ubah juga sama serta objek penelitian juga sama. Manakala dilihat dari segi teknik analisis dan ukuran variabel, kajian penyelidik mengukur data dalam bentuk data kategori dan dummy sedangkan Visaria semua datanya diukur dalam bentuk skala ratio.

Seperti yang telah dibincangkan bahawa kemiskinan itu saling berkait dengan pelbagai faktor yang akhirnya akan menyebabkan seseorang itu terus berada dalam belunggu atau kitaran kemiskinan. Asan (2003; 2006; Asan & Muszafarshah 2012) dalam kajiannya di Malaysia menunjukkan bahawa sesebuah wilayah (negeri) tersebut boleh terus tidak membangun kerana berlakunya satu putaran ketidakseimbangan di peringkat wilayah (Rajah 2.1).



Rajah 2.1
Rantaian Ketidakeimbangan Di Negeri Kurang Maju
 Sumber: Asan 2004; 2006

Menurut beliau kebanyakan aktiviti sektor pertindustrian di negeri kurang membangun ialah industri berasaskan sumber dan lebih kepada intensif buruh. Keadaan ini bersesuaian dengan latarbelakang penawaran buruh di negeri-negeri berkenaan, yang mana memperlihatkan migrasi buruh yang berpendidikan dan berkemahiran. Keadaan ini menyebabkan persekitaran industri berteknologi rendah.

Industri berasaskan sumber kebanyakan diusahakan oleh pelabur tempatan dan menumpukan kepada pasaran domestik. Berbanding dengan pelabur asing, yang lebih kepada aktiviti industri insentif modal dan produk untuk pasaran antarabangsa.

Persekitaran industri berteknologi rendah, tingkat pembangunan sumber manusia yang rendah, tingkat penyelidikan dan pembangunan yang rendah dan kadar nilai tambah yang rendah menyebabkan tingkat produktiviti yang juga rendah di negeri-negeri kurang membangun. Keadaan ini membawa kepada tingkat pertumbuhan output sektor perindustrian yang rendah yang seterusnya membawa kepada masalah ketidakseimbangan pembangunan ekonomi antara wilayah. Dipihak pengusaha, kadar pertumbuhan output yang rendah juga bermaksud kadar margin keuntungan pengusaha yang rendah yang seterusnya menyebabkan kadar tabungan yang rendah.

Kadar tabungan yang rendah sudah tentulah menyebabkan kadar pelaburan yang rendah. Industri juga akan lebih kepada insentif buruh berbanding dengan insentif modal. Manakala dipihak pekerja pula, marginal keuntungan yang rendah menyebabkan kadar upah (dan kenaikan upah) yang rendah yang seterusnya menyebabkan tingkat pendapatan yang juga rendah dan tabungan yang rendah. Kurangnya aktiviti perindustrian serta tingkat upah yang rendah secara relatifnya, menyebabkan kadar migrasi keluar yang juga tinggi.

Kemiskinan yang berlaku dalam masa panjang juga dapat dilihat dari segi permintaan modal. Akibat daripada terhadnya motivasi dalam penciptaan modal fizikal menyebabkan terjadinya penggunaan teknologi yang rendah. Sementara itu perkara ini disebabkan juga oleh pendapatan masyarakat yang rendah, pendapatan yang

rendah disebabkan oleh kurangnya proses penciptaan modal. Disamping itu rendahnya penciptaan modal juga disebabkan oleh kecilnya usaha-usaha ekonomi (industri kecil) yang dilakukan oleh sesebuah masyarakat (*internal demonstration effect*).

Pendapat tersebut juga menerangkan bahawa belenggu kesmiskinan bermula dengan rendahnya insentif dalam penciptaan modal. Rendahnya insentif disebabkan oleh terhadnya kepada pasaran modal dan kurangnya aktiviti perekonomian masyarakat luar bandar. Oleh sebab itu tingkat pelaburannya juga rendah. Rendahnya aktiviti ekonomi di sesebuah kawasan menyebabkan para pelabur akan mencari tempat-tempat lain yang relatifnya lebih menguntungkan.

Jika pendapat ini dikaitkan dengan masalah luar bandar dengan segala kekurangannya, maka sudah tentu calon pelabur tidak akan memilih luar bandar sebagai tempat untuk melaburkan modalnya. Hal ini disebabkan oleh rendahnya tingkat keuntungan yang akan mereka terima bila dibandingkan dengan pelaburan di kawasan bandar. Pelaburan di kawasan bandar cenderung memberikan tingkat keuntungan yang lebih tinggi. Dalam keadaan ini daerah luar bandar akan tetap ketinggalan dan masyarakatnya akan tetap miskin kerana kurangnya aktiviti pelaburan.

Kajian di Malaysia mendapati ketidakseimbangan juga boleh berlaku dari segi agihan kumpulan industri mengikut wilayah. Di dapati hanya industri-industri seperti memproses makanan, minuman, perabot, kertas dan keluaran kertas, getah dan keluaran getah dan keluaran bukan logam yang tidak memerlukan teknologi tinggi

mudah untuk tersebar di wilayah kurang maju yang pada keseluruhannya daya pengeluaran buruh yang rendah dan tingkat upah yang juga rendah. Di wilayah-wilayah ini juga masalah kemiskinan berlaku pada kadar yang lebih besar dibandingkan dengan wilayah yang maju. Kurangnya pekan di kawasan ini yang dapat ditakrifkan sebagai kawasan bandar. Ketidadaan kawasan bandar di wilayah-wilayah ini akan melambatkan pembangunan kerana pekan-pekan kecil kurang mampu menjana aliran perdagangan/perniagaan antara bandar/wilayah (Asan 1998). Selain itu, galakan-galakan kepada syarikat-syarikat besar secara berlebihan akan menyebabkan agihan sektor perindustrian menjadi semakin tidak seimbang antara wilayah kerana industri-industri besar (moden) tersebut akan memilik kawasan yang secara relatifnya lebih priktikal dan kompatitif (Osman Rani 1983).

Untuk mengatasi masalah kemiskinan tersebut, perlu adanya dasa pemerintah yang memfokus pada beberapa aspek iaitu, pengembangan sumber daya manusia, memperbagaikan aktiviti pertanian, kesihatan, tenaga kerja dan pendapatan sampingan. Pembangunan kawasan luar bandar berkait rapat dengan sumber semula jadi yang ada di kawasan tersebut.

Menurut Wiradi (1984) pula, bahawa masalah kemiskinan di luar bandar merupakan kesan dari beberapa faktor antara lain pertumbuhan penduduk yang tinggi, rendahnya kualiti sumber daya manusia dan rendahnya produktiviti. Seterusnya Salim (1984), mengemukakan bahawa soalan kemiskinan yang ada pada diri penduduk miskin, disebabkan oleh kerana mereka tidak memiliki aset pengeluaran dan kemampuan untuk meningkatkan produktiviti. Mengakibatkan mereka terperangkap dalam lingkaran kemiskinan yang berterusan.

Uphoff dan Rasahan (1992), mengemukakan pendapatnya bahawa belunggu kemiskinan akan terjadi kerana adanya faktor-faktor yang saling mempengaruhi satu sama lainnya. Kemiskinan yang berlaku dalam masa panjang bermula dari rendahnya sumber daya alam dan sumber daya manusia. Rendahnya sumber daya alam akan terlihat dari faktor lokasi dan sumber semula jadi yang ada dalam kawasan tersebut. Manakala rendahnya sumber daya manusia terlihat dari taraf pendidikan dan kesihatan yang rendah. Terhadapnya sumber daya alam dari faktor lokasi dan sumber semula jadi menyebabkan kegiatan pengembangan aktiviti pertanian dan kemajuan kawasan luar bandar menjadi perlahan.

Kedua-dua faktor ini akan mempengaruhi pendapatan masyarakat. Rendahnya pendapatan masyarakat menyebabkan masyarakat menjadi miskin. Selanjutnya dengan rendahnya pendapatan akan menyebabkan rendahnya tingkat kesihatan dan kemajuan kawasan luar bandar. Seterusnya, tingkat kemiskinan juga akan menyebabkan rendahnya kualiti sumber daya manusia. Tinggi atau rendahnya kualiti sumber daya manusia akan mempengaruhi tahap penggunaan teknologi dan inovasi.

Seseorang dikatakan miskin kerana memang dia miskin dari segala aspek kehidupan. Dengan kemiskinan tersebut menyebabkan aktiviti ekonomi yang dapat mereka lakukan adalah terbatas untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka. Perkara ini berlaku kerana rendahnya sumber daya (manusia modal) yang mereka miliki (Salim 1984).

Manakala kajian Atiq (1994) yang dijalankan di Bangladesh dengan menggunakan jumlah sampel 520 isi rumah mendapati terdapat hubungan yang sangat signifikan

antara pemilikan tanah dengan pendapatan perkapita bagi petani yang memiliki saiz tanah lebih daripada 1 hektar. Manakala bagi petani yang memiliki saiz tanah yang kurang daripada 1 hektar, tiada hubungan yang signifikan antara saiz tanah dengan pengambilan kalori dan pendapatan perkapita. Berlakunya hal tersebut disebabkan oleh saiz tanah pertanian yang kecil.

Kemiskinan dari segi pendidikan juga dikaitkan dengan masalah kemiskinan minda, tahap pengetahuan, ilmu dan prestasi pelajaran yang rendah. Keciciran pendidikan boleh menyumbang kepada “putaran ganas” kemiskinan melalui pencapaian akademik, pekerjaan dan pendapatan rendah. Dalam zaman ekonomi berasaskan pengetahuan (K-ekonomi) dan teknologi maklumat masa kini, ketinggalan dari segi penguasaan pengetahuan komputer dan teknologi maklumat akan membawa kepada masalah “jurang digital” yang melebar antara kawasan luar bandar dan bandar (Chamhuri 2004).

Asan et.al (1999) dalam kajiannya di kawasan penempatan semula di Malaysia (tanah rancangan FELDA) berpendapat, kebanyakan Ketua isi rumah mempunyai anak-anak yang bekerja di luar sektor pertanian dan memberi bantuan kewangan bulanan kepada Ketua isi rumah. Di sesetengah tanah rancangan FELDA sumbangan daripada anak yang sudah bekerja ini merupakan 50 peratus daripada pendapatan bulan Ketua isi rumah. Bagi anak-anak Ketua isi rumah pula, mereka tidak begitu bergantung hidup kepada pendapatan di sektor pertanian.

Kajian di Taiwan menunjukkan pendapatan bukan ladang mengurangkan ketidakseimbangan pendapatan di kawasan luar bandar. Pendapatan bukan ladang

memberi faedah kepada golongan miskin kerana bahagian perolehan pendapatan ini adalah berbeza mengikut saiz ladang. Peningkatan dalam peluang mendapatkan pendapatan bukan ladang dalam tahun 1960an dan 1970an telah mengurangkan jurang pendapatan isirumah bandar dan luarbandar di Taiwan serta memperbaiki keseimbangan agihan dalam sektor luar bandar. Bahagian pendapatan yang diperolehi daripada sumber bukan ladang adalah berbeza secara songsang dengan saiz ladang dan oleh itu pendapatan bukan ladang ini boleh menyumbang kearah keseimbangan agihan luarbandar (Shand 1987; Adams 1994).

Dalam pada itu, terdapat juga kajian-kajian yang memperolehi hasil yang bertentangan. Sebagai contoh, kajian oleh Collier (1986) di Tanzania mendapati pendapatan bukan ladang mempunyai kesan negatif ke atas agihan pendapatan luarbandar. Ketidakkonsistenan hasil kajian ini mungkin berpunca daripada perbezaan lokasi kajian. Di negara yang kekurangan tanah tetapi mempunyai sumber buruh yang banyak seperti di Taiwan dan kebanyakan negara Asia, pemilikan tanah yang kecil dan tidak mencukupi cenderung untuk 'menolak' isirumah yang miskin keluar dari sektor pertanian. Di negara-negara seperti ini, sektor bukan ladang luarbandar selalunya dilihat sebagai sumber utama pendapatan bagi isirumah luarbandar, dan dengan ini ia dijangka mempunyai kesan yang baik keatas keseimbangan. Sebaliknya pula, di negara yang mempunyai sumber tanah yang banyak (seperti di Afrika), manakala buruh pula kurang, ianya cenderung mengekalkan isirumah dalam sektor pertanian dan 'menarik' isirumah yang kaya kedalam sektor bukan ladang.

Boleh dikatakan setakat mana permodenan dalam sektor pertanian dan/atau pendapatan bukan ladang mempengaruhi pengagihan jumlah pendapatan isirumah luarbandar sangat bergantung kepada sumbangan relatif kedua-dua sumber ini. Oleh itu keseimbangan yang semakin buruk dalam agihan pendapatan ladang dalam agihan jumlah pendapatan hampir tidak berlaku jika pekebun kecil memperolehi kebanyakan daripada pendapatan mereka daripada pendapatan bukan ladang.

Terdapat perkembangan dalam dual pekerjaan bagi pekerja pertanian dan aktiviti bukan ladang di kawasan yang mempunyai kemudahan untuk berulang-alik. Individu yang terdiri daripada isirumah ladang yang berulang-alik untuk bekerja di sektor bukan ladang membentuk sebahagian besar daripada pekerja bukan ladang di Jepun (Mary 1996).

2.6 Kajian Empirikal Faktor-Faktor Penentu Kemiskinan di Indonesia

Kajian empirikal faktor-faktor penentu kemiskinan di Indonesia boleh dibahagikan kepada lima faktor penentu kemiskinan iaitu;

1. Luas tanah pertanian
2. Tingkat penggunaan teknologi
3. Tingkat pendidikan
4. Tingkat kesihatan
5. Penglibatan dalam institusi dan penglibatan dalam pekerjaan sampingan

2.6.1 Saiz Tanah Pertanian

Tanah mempunyai kedudukan yang sangat penting dalam aktiviti ekonomi masyarakat luar bandar, kerana tanah merupakan tempat bagi melaksanakan kegiatan

pertanian. Di kawasan luar bandar, tanah merupakan penyumbang terbesar kepada pendapatan dibandingkan dengan faktor pengeluaran yang lain. Tambahan masa atau bilangan pekerja ke atas satu kawasan tanah pertanian akan meningkatkan hasil pertanian dan pendapatan bagi petani yang kehidupan mereka sangat bergantung kepada tanah pertanian (hukum pulangan hasil bertambah kurang) (Mubyarto 1991).

Tanah pertanian adalah produktiviti untuk digunakan bagi memenuhi keperluan makanan yang berbentuk tumbuhan (nabati) dan haiwan ternakan (hewani). Tanah juga mempunyai peranan sebagai bahan mentah dalam proses mengeluarkan beraneka jenis barang perindustrian (Reksohadiprodjo 1996). Bagi suatu usahatani, tanah pertanian merupakan salah satu faktor pengeluaran selain daripada tenaga kerja, modal dan pengurusan (manajemen). Sebagai salah satu faktor pengeluaran tanah pertanian mempunyai sifat yang khusus iaitu, a) luasnya adalah tetap, b) tidak boleh dipindah-pindahkan, c) boleh dijualbeli (Hernanto 1996). Disamping sebagai faktor pengeluaran, nilai tanah juga bergantung kepada beberapa keadaan iaitu a) tahap kesuburan, b) kemudahan pengairan, c) lokasi tanah terhadap sama ada berhampiran dengan jalan atau kemudahan awam yang lain.

Pakar ekonomi pertanian Indonesia, Mubyarto (1991), sependapat dengan David Ricardo, berkaitan dengan teorinya mengenai sewa tanah. Menurutnya tinggi rendahnya sewa tanah dipengaruhi oleh perbezaan kesuburan tanah pertanian tersebut. Makin subur tanah makin tinggi sewa tanah tersebut. Selain itu, sewa tanah pertanian juga mempunyai hubungan positif dengan harga komoditi yang dihasilkan daripada tanah pertanian tersebut. Selain itu Mubyarto (1991) juga berpendapat penduduk akan sentiasa bertambah, walau bagaimanapun luas tanah adalah tetap. Keadaan ini akan

menimbulkan ketidakcukupan tanah pertanian. Perkara ini seperti yang dibincangkan oleh Malthus di tahun 1798, hubungan antara tanah dan penduduk sudah pernah dibincangkan di dalam bukunya yang bertajuk *An Essay On Population*, dimana menurut Malthus terdapatnya kecendrungan pertumbuhan penduduk yang tinggi. Keadaan ini akan menyebabkan keluasan tanah yang digunakan untuk tujuan pertanian akan berkurang.

Bagi masyarakat di kawasan luar bandar, tanah pertanian tidak hanya mempengaruhi pendapatan sahaja, tetapi mempunyai hubungan yang rapat melalui ahli di dalam persatuan-persatuan yang wujud di kawasan luar bandar. Persatuan-persatuan ini sama ada dari segi bantuan kewangan atau bantuan teknikal. Selain itu pemilikan tanah juga mempunyai hubungan yang erat dengan status sosial seseorang di dalam masyarakat.

Wiradi (1984), bercadang bahawa pemilikan dan penguasaan tanah mempunyai erti yang berbeza. Pemilikan menunjukkan kepada pemilikan formal (grant tanah). Pemilikan merujuk kepada pemilik tanah, manakala penguasaan tanah merujuk kepada bagaimana caranya tanah diusahakan secara produktif oleh pemilik atau penyewa tanah tersebut. Dalam mengusahakan tanah yang perlu diberi perhatian ialah:

1. Adakah tanah yang diusahakan tersebut milik sendiri atau orang lain (sewa);
2. Adakah tenaga kerja yang digunakan merupakan tenaga kerja isi rumah atau pekerja yang dibayar gaji; dan
3. Jika tanah yang diusahakan adalah disewa daripada orang lain, maka perlulah jelas tentang kontrak mengusahakan tanah, sewa dan pembahagian hasil.

Penguasaan tanah pertanian tidak selalu diusakan oleh pemilik tanah kerana memang ada pelbagai jalan bagi menguasai tanah iaitu misalnya melalui sewa, kerjasama (penyakap atau beri hasil) dan gadai. Penyewaan iaitu pemidahan mengerjakan tanah oleh pemilik kepada pengusaha kerana pemilik telah mengambil sewa. Penyewa mempunyai kebebasan bagi mengelola usahatannya sebagai tanah milik sendiri sampai tamat tempoh sewa seperti yang ada dalam perjanjian. Kerjasama pemilik dan pengusaha iaitu perbincangan penguasaan tanah pertanian berdsarakan perjanjian pembahagian kerja dan hasil yang telah dipersetujui. Dalam hubungan ini penyakap biasanya berbincang dengan pemilik tanah tentang penentuan aktiviti usahatani dan pilihan teknologi yang akan digunakan dalam penguasahaan tanah. Gadai iaitu penyerahan tanah kepada pihak penerima gadaian menurut ketentuan yang dipersetujui secara bersama.

Ilhalauf (1991), berpendapat pemilikan tanah merupakan penguasaan petani dengan tanah pertanian yang dimilikinya. Penguasaan itu meliputi pengambilan tanah bagi mendapat hasil. Oleh kerana penguasaan tanah pertanian meliputi pemilikan, penyewaan ataupun pengelola tanah tersebut.

Masalah pemilikan tanah di kawasan luar bandar merupakan masalah yang kompleks, kerana berhubungkait dengan pelbagai aspek ekonomi, demografi, hukum, politik, dan sosial. Keadaan yang telah berlaku menunjukkan bahawa sudah terjadi ketidakseimbangan dalam bentuk pemilikan tanah terutama pada kampung-kampung di Jawa (Wiradi 1984).

Saat ini tanah pertanian merupakan faktor pengeluaran yang terhad kerana tidak boleh ditambah, sementara itu keperluan terhadap tanah pertanian semakin meningkat sama ada untuk tujuan perumahan, pertanian ataupun perindustrian. Oleh kerana itu jumlah petani yang mempunyai tanah semakin berkurangan dari masa ke masa dan cenderung taraf guna tanah ditukar dari tanah pertanian kepada lain-lain kegunaan.

Menurut Badan Pusat Statistik (1995) jumlah petani yang mempunyai keluasan tanah yang kurang daripada 0.50 hektar telah meningkat daripada 10 juta isi rumah pada tahun 1983 kepada 11 juta isi rumah pada tahun 1993. Bagi isi rumah dimana sumber pendapatan utamanya adalah daripada sektor pertanian, pemilikan tanah merupakan sesuatu yang amat penting sama ada sebagai pemilikan atau penyewa. Pekara ini disebabkan oleh tanah merupakan faktor pengeluaran terpenting dalam kegiatan pertanian yang akan mempengaruhi tingkat pendapatan penduduk luar bandar.

Hayami & Ruthan (1985), berpendapat sistem pemilikan tanah merupakan penentu pengagihan sumber daya manusia dan agihan pendapatan dalam masyarakat petani. Seperti juga yang dikemukakan oleh Mintoro (1983) bahawa luas pemilikan tanah akan mempengaruhi banyaknya pendapatan isi rumah yang akan diperolehi daripada pelbagai sumber. Pemilik tanah yang luas cenderung menyebabkan pendapatan mereka lebih tinggi kerana mereka boleh melakukan mempelbagaikan aktiviti pertanian dengan pelbagai jenis tanaman berbanding dengan petani yang mempunyai saiz tanah yang kecil. Seterusnya kajian Mintoro (1983) juga menyimpulkan bahawa secara amnya isi rumah yang berhadapan dengan masalah kemiskinan di luar bandar merupakan mereka yang memiliki keluasan tanah dengan saiz kecil atau tidak mempunyai tanah.

Seterusnya pertambahan penduduk yang cepat dalam keadaan luas tanah yang terhad akan mengakibatkan penurunan produktiviti marginal tenaga kerja jika dibandingkan dengan penurunan produktiviti marginal tanah. Sedangkan pemilikan tanah adalah lebih sedikit dibandingkan dengan pekerja. Dengan demikian, pendapatan yang lebih besar akan lebih ramai diperolehi oleh pemilik tanah dibandingkan dengan para pekerja. Dengan menurunnya produktiviti marginal tenaga kerja menyebabkan tingkat upah yang mereka terima juga akan berkurang dibandingkan dengan hasil yang diterima oleh pemilik tanah (Hayami & Ruthan 1985).

Gunawan & Erwidodo (1992), dalam kajian mereka di kawasan luar bandar Jawa Barat, mendapati kemiskinan mempunyai hubungan yang tinggi dengan pemilikan tanah pertanian. Kajian ini membincangkan perhubungan pemilikan tanah dengan kemiskinan. Keluasan pemilikan tanah dibahagikan kepada tiga kategori iaitu, (1) keluasan tanah yang kurang daripada 0.50 hektar, (2) keluasan tanah $\geq 0.50 - \leq 1.00$ hektar, dan (3) keluasan tanah yang lebih besar dari 1 hektar. Kemiskinan dikategorikan kepada tiga kumpulan iaitu paling miskin, miskin sekali dan miskin.

Perkumpulan Dinamika Luar bandar Agro Ekonomi (SDPAE), telah menjalankan pelbagai kajian mikro di sepuluh kampung di Jawa, iaitu empat kampung di Jawa Barat (1979), tiga kampung di Jawa Timur (1981/82). Hasil kajian di sepuluh kampung tersebut menunjukkan bahawa agihan pemilikan tanah sangat tidak seimbang dengan Angkai Gini, bernilai 0.91 hingga 0.57. Bagi tiga kampung di Jawa tengah menunjukkan Angkai Gininya antara 0.85 hingga 0.61. Manakala bagi tiga kampung di Jawa Timur angka Angkai Gininya menunjukkan antara 0.67, hingga 0.82 (Wiradi 1984). Manakala kajian oleh Triyono & Nasikun (1992), di Kampung

Bajang Jawa Timur mendapati agihan tanah pertanian juga tidak seimbang. Kajian ini menghasilkan Angkali Gini sebanyak 0.759 hingga 0.627.

2.6.2 Tingkat Penggunaan Teknologi

Teknologi pertanian sama ada secara biokimia mahupun yang secara semulajadi (organik) akan membantu dalam revolusi sektor pertanian. Penggunaan teknologi baru boleh ini meliputi penggunaan input pertanian modern baik secara kimia mahupun biologi yang canggih dan mungkin juga lebih mahal. Menurut Muchtar (1992), teknologi pertanian bukan hanya menggunakan input modern dan penggunaan peralatan mekanik akan tetapi termasuk juga sistem pengairan dan pelaksanaan tanaman kontan (pasca panen selepas menuai hasil).

Di kawasan luar bandar yang serba kekurangan. Faedah dari penggunaan input dan teknologi pertanian moden lebih banyak dirasi oleh petani yang mempunyai sumber-sumber pengeluaran yang besar (petani dengan luas tanah yang besar) berbanding dengan petani bersaiz tanah yang kecil. Seberapa tingginya tahap penggunaan teknologi yang digunakan akan sangat ditentukan oleh kebolehan petani membiayai kos yang terlibat. Hadiwegeno & Pakpahan (1993), dalam kajiannya menyimpulkan bahawa rendahnya pengenalan dan penerapan teknologi merupakan salah satu faktor yang paling menonjol seperti punca kemiskinan di pekampungan. Gunawan & Erwidodo (1992) dan Gunawan 1984 pula berpendapat, penerapan teknologi pertanian berperanan penting dalam mengurangkan jumlah penduduk miskin di kawasan luar bandar daripada sekitar 40 peratus tahun 1976 kepada 17 peratus pada tahun 1987.

2.6.3 Tingkat Pendidikan

Tingkat pendidikan petani sangat berkait rapat dengan respon petani dalam hal penggunaan teknologi baru. Semakin tinggi tahap pendidikan petani, khususnya pendidikan formal, semakin baik pemilikan terhadap inovasi yang diperkenalkan dalam meningkatkan hasil pertanian. Artinya petani yang mempunyai tahap pendidikan formal yang relatif tinggi akan lebih cepat menerapkan inovasi pertanian moden dengan lebih baik.

Menurut Badan Pusat Statistik (2001), terdapat seramai 67.1 peratus daripada isi rumah miskin di Indonesia berasal daripada ketua isi rumah yang tidak tamat sekolah rendah, 26.6 peratus berasal daripada ketua isi rumah tamat sekolah rendah, 4.2 peratus ketua isi rumah bersekolah tahap menengah dan hanya seramai 2.1 peratus ketua isi rumah berpendidikan peringkat tertiar. Daripada sebaran tersebut boleh disimpulkan bahawa semakin rendah tahap pendidikan ketua isi rumah semakin besar peluang bagi mereka bagi berstatus miskin, begitu pula sebaliknya.

Selain itu, Roger (1996), mengatakan bahawa kecepatan perubahan seseorang bagi menerima suatu inovasi baru dipengaruhi oleh tahap pendidikan. Petani yang berpendidikan lebih tinggi akan lebih cepat menerima pakai teknologi maju yang diperkenalkan secara lebih efektif. Oleh itu, pendidikan merupakan satu pelaburan sumber manusia bagi mempertingkatkan kualiti petani/pasaran buruh.

Prayitno (1992), berpendapat bahawa kegiatan pendidikan boleh dilakukan secara formal dan informal. Pendidikan formal merupakan pendidikan yang berstruktur dan diselenggarakan oleh sesebuah institusi pemerintah atau oleh satu perkumpulan resmi,

sementara pendidikan informal iaitu pendidikan yang diperolehi melalui pengalaman. Tahap pendidikan formal lebih mudah diukur jika dibandingkan dengan pendidikan informal, kerana pendidikan formal mempunyai tahap yang jelas dan setiap tahap diukur dengan pencapaian (atau peperiksaan). Dengan demikian mengukur tahap pendidikan boleh dilakukan mengikut pencapaian pendidikan dan boleh juga dilakukan mengikut tahun pendidikan yang pernah dilalui oleh seseorang.

Melalui proses pendidikan, kualiti pasaran tenaga kerja akan boleh ditingkatkan. Tenaga kerja yang berpendidikan rendah lebih banyak menggunakan kekuatan fizikalnya daripada daya fikir dan kemampuan intelektualnya. Oleh kerana itu, tenaga kerja yang berpendidikan rendah biasanya hanya mampu mengerjakan pekerjaan manual dengan sistem dan peralatan yang sederhana. Dengan demikian peluang untuk mereka melakukan pekerjaan yang berproduktiviti tinggi adalah terhad kerana rendahnya kemampuan dan rendahnya kemahiran yang dimiliki (Ananta 1988).

Kualiti sumber manusia boleh dibahagikan dua bentuk iaitu kualiti fizikal dan bukan fizikal. Kualiti fizikal seseorang boleh diukur dari segi tahap kesihatannya, sedangkan kualiti bukan fizikal seseorang tercermin oleh tahap pendidikan dan kemahiran yang diperolehiinya (Lains 1987).

Simanjuntak (1992) berpendapat, rendahnya tahap pendidikan dan kemahiran kerja akan menyebabkan rendahnya pula tahap pendayagunaan tenaga kerja. Rendahnya tahap pendayagunaan tenaga kerja mengakibatkan produktiviti rendah dan akhirnya pendapatan isi rumah juga akan menjadi rendah. Pendidikan dan latihan tidak hanya menambah pengetahuan akan tetapi juga akan mempertingkatkan kemahiran dalam

bekerja dan seterusnya akan mempertingkatkan produktiviti dan akhirnya boleh mengelak dari masalah kemiskinan.

Tambunan (2006) pula berpendapat, ada dua penyebab kemiskinan di luar bandar iaitu;

1. Pendidikan petani sangat rendah. Walaupun ada variasi di Jawa dan luar Jawa, secara umumnya sebagian besar bilangan petani hanya berpendidikan sekolah rendah dan juga banyak petani yang sama sekali tidak pernah sekolah. Kondisi seperti ini tentu akan sangat berpengaruh negatif terhadap produktiviti dan kemampuan inovasi di sektor pertanian yang seterusnya membuat usaha pengurangan kadar kemiskinan di sektor tersebut lebih sulit; dan
2. Sektor pertanian merupakan sektor yang paling sedikit memperoleh bantuan kewangan dari perkumpulan (institusi) kewangan. Pihak bank kurang berminat membiayai projek-projek pertanian yang berskala kecil.

Pendidikan merupakan strategi paling berkesan dalam usaha mengatasi masalah kemiskinan yang berhubung erat dengan pendapatan isi rumah (Todaro 1998). Seperti juga Todaro, Esmara (1998) juga berpendapat bahawa pendidikan dianggap seperti salah satu faktor yang mampu mengatasi masalah kemiskinan.

Menurut Djojohadikusumo (1994), pendidikan merupakan sesuatu yang diperlukan sebelum sesuatu perkara dapat dibuat bagi mempertingkatkan martabat manusia. Melalui pendidikan masyarakat mendapat kesempatan bagi membina kebolehan dan mengatur kehidupan mereka secara lebih wajar. Perluasan kesempatan bagi mendapat

pendidikan, bererti membuka kesempatan ekonomik bagi mengupayakan perbaikan dan kemajuan dalam kehidupan masyarakat.

2.6.4 Tingkat Kesihatan

Secara amnya, mereka yang sehat akan mendapat banyak peluang dalam melakukan kegiatan ekonomi. Dengan itu, rendahnya aksesibilitas melakukan kegiatan ekonomi mengakibatkan produktiviti yang boleh dicapai akan menjadi rendah dan akhirnya masyarakat akan semakin terdedah dengan masalah kemiskinan. Sehat merujuk kepada keadaan fizikal, mental mahupun sosio dan tidak hanya bebas daripada penyakit. Dengan demikian, sehat itu pada dasarnya iaitu keseimbangan kesihatan antara faktor dalaman mahupun luaran (Abbas 1994).

Bagi mencapai keadaan keseimbangan kesihatan tersebut, maklumat berkaitan penyakit dan kaedah mengatasinya perlulah meluas. Pelaksanaan pelbagai program kesihatan dalam pelbagai bentuknya antara lain pemberian maklumat akan mampu menghasilkan faedah eksternalities (luaran). Faedah eksternalities iaitu peningkatan produktiviti seperti kesan daripada peningkatan kesihatan. Oleh sebab itu, tahap kesihatan merupakan salah satu penentu tahap produktiviti. Semakin baik tahap kesihatan, akan semakin tinggi tahap produktiviti dan demikian sebaliknya. Seterusnya dengan rendahnya produktiviti mengakibatkan terdedahnya suatu isi rumah dengan kemiskinan (Elfindri 1994).

Lains (1987), pula berpendapat bahawa bagi petani yang memiliki taraf kesihatan yang rendah akan mempunyai kekuatan fizikal yang tidak mencukupi bagi mengerjakan

ladang, keupayaan penggunaan teknologi moden dan terhadapnya perancangan untuk memperbaiki taraf hidup atau untuk keluar dari masalah kemiskinan.

Masyarakat miskin pada awamnya kurang memberi perhatian terhadap taraf/masalah kesihatan mereka dan keluarga. Ini kerana rendahnya tahap sosioekonomi mereka, lokasi penempatan yang jauh dari tempat perkhidmatan kesihatan dan terhadapnya perkhidmatan kesihatan yang disediakan di kawasan pendalaman. Selain itu, masyarakat miskin pada amnya tinggal di rumah-rumah yang tidak memenuhi persyaratan kesihatan. Rumahnya terbuat daripada bahan bangunan yang sangat sederhana sekali, saiznya yang tidak memadai dengan bilangan ahli isi rumah dan keadaan persekitaran yang tidak bersih.

Kemiskinan juga boleh berpunca daripada tingginya angka pertumbuhan penduduk dibanding dengan pertumbuhan ekonomi (Abbas 1994). Hal ini terjadi disebabkan oleh jangkaan masyarakat tradisional terhadap tingginya kemungkinan anak mereka akan meninggal dunia akibat penyakit. Tingginya angka kematian anak mendorong masyarakat bagi mempunyai bilangan anak lebih ramai bagi berjaga-jaga terhadap kematian anak mereka. Tingginya angka kematian merupakan keputusan dan penyakit infeksi seperti akibat persekitaran kotor dan kekurangan zat makanan yang dialami oleh ibu dan anak, kerana tidak cukup tersedianya makanan yang diperlukan. Hal ini berpunca daripada rendahnya tingkat pendidikan dan kemiskinan masyarakat. Rendahnya tingkat pendidikan merupakan faktor punca persekitaran yang tidak bersih dan berkembangnya penyakit berjangkit. Dalam masa yang sama kemiskinan dan rendahnya tingkat pendidikan dan kesihatan akan saling mempengaruhi antara satu sama lain.

2.6.5 Penglibatan Dalam Institusi (Persatuan/Perkumpulan)

Persatuan merupakan suatu perkara yang penting dalam kehidupan masyarakat kerana persatuan merupakan satu persetujuan untuk berkerjasama dalam meningkatkan tkuali hidup secara berkumpulan. Ia juga seperti satu keputusan bersama dalam mengadakan perbincangan (*bargaining*) dengan individu mahupun dengan kumpulan yang lain (Hanafiah 1989).

Persatuan ini wujud khusus untuk menyelesaikan masalah secara bersama-sama. Oleh kerana itu perkumpulan akan berkembang dengan semakin kompleksnya permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat. Perkumpulan boleh lahir secara evolusi iaitu timbul dari persefahaman masyarakat atau persatuan/perkumpulan yang dibentuk/dicadangkan oleh pemerintah bagi suatu kepentingan tertentu biasanya untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat (Pakpahan 1989).

Perkumpulan pada dasarnya mengatur tiga perkara iaitu pemilikan, pemanfaatan dan pembangunan sumber asli/manusia. Ia berfungsinya sebagai suatu institusi sosial dalam mengatur ketiga hal di atas. Disamping itu, perkumpulan juga harus mampan dalam suatu tempoh tertentu. Kemampanan itu sendiri ditentukan oleh orang-orang yang berada di dalam persatuan tersebut dan sejauh mana perkumpulan tersebut mampu memenuhi keperluan anggota masyarakatnya (Pakpahan 1989).

Perkumpulan formal yang ada luar bandar dewasa ini antara lain Koperasi Unit Desa (KUD), Perkumpulan kewangan Perkreditan, Kumpulan Tani, Karang Taruna dan Lembaga Ketahanan Masyarakat Desa (LKMD). Semua perkumpulan ini ditubuhkan bagi meningkatkan keupayaan ekonomi masyarakat luar bandar. Perkumpulan ini

terbentuk mengikut keinginan kerajaan bagi mempertingkatkan kesejahteraan masyarakat. Jika perkumpulan yang ada boleh menjalankan peranannya dengan baik maka sebahagian daripada masalah berkaitan dengan kehidupan seharian masyarakat di kawasan luar bandar akan boleh diselesaikan.

Peranan suatu perkumpulan akan sangat ditentukan oleh sejauh mana suatu perkumpulan mampu memberi manfaat kepada ahli-ahlinya seperti mana yang ditetapkan oleh objektif penubuhan persatuan/institusi sosial tersebut. Bagaimanapun dalam kenyatannya, belum banyak masyarakat kampung yang boleh memanfaatkan perkumpulan ekonomi yang ada secara efektif, hal ini disebabkan oleh kurangnya kefahaman masyarakat terhadap objektif penubuhan perkumpulan tersebut.

Tjondronegoro (1990) berpendapat masyarakat kampung tergolong ke dalam lapisan masyarakat yang berlatar belakang sosioekonomi yang relatifnya rendah. Rendahnya sosioekonomi masyarakat dapat dilihat daripada pendidikan yang rendah, wawasan berfikir itu sangat sederhana dan kurangnya pandangan terhadap masa depan. Akibat daripada hal tersebut menyebabkan masyarakat kampung kurang akses dan berminat terhadap perkumpulan yang ada terutama perkumpulan ekonomi. Dengan kurangnya akses masyarakat kampung terhadap perkumpulan ekonomi yang ada, mereka cenderung tidak mendapat manfaat daripada perkumpulan tersebut. Akibatnya sebahagian masyarakat kampung tetap berada dalam keadaan miskin. Selain itu, petani yang mendapat kemudahan kredit dari perkumpulan kewangan iaitu petani yang berladang luas (Sinaga & White 1984).

Manakala menurut Hagul (1986), program kerajaan melalui Bimas (Bimbingan masyarakat, untuk kualiti tanaman, penggunaan teknologi dan yang berkaitan dengan kebijakan petani), Koperasi Unit Kampung (KUD), program Inpres Desa Tertinggal (IDT, program tambahan di samping program pembangunan luar bandar yang telah sedia ada khusus untuk kawasan luar bandar yang jauh di pedalaman) hanya dinikmati oleh petani yang memiliki ladang yang luas. Sebaliknya, bagi petani kecil, taraf hidup mereka hampir tidak mengalami perubahan melalui institusi sosial yang telah ditubuhkan.

2.6.6 Penglibatan Dalam Pekerjaan Sampingan

Pekerjaan sampingan iaitu suatu pekerjaan diluar pekerjaan utama merupakan alat utama bagi isi rumah untuk memperbaiki taraf hidup keluarga. terutamanya bagi petani miskin yang dan mempunyai sumber tanah yang terhad. Pekerjaan sampingan ertinya ketua dan ahli isi rumah terlibat mencari nafkah dipelbagai sumber baik di sektor pertanian mahupun luar sektor pertanian (Sajogyo 1991).

Pekerjaan sampingan yang dilakukan masyarakat luar bandar dapat mengurangkan tahap kemiskinan dan meningkatkan tahap kesejahteraan mereka. Jenis pekerjaan sampingan berhubung rapat dengan lokasi perkampungan mereka. Di kawasan yang hampir dengan kawasan bandar, pekerjaan sampingan oleh masyarakat kampung tidak lagi bertumpu kepada sektor pertanian, tetapi sudah mulai bercampur dengan sektor industri dan perkhidmatan. Meskipun demikian, sektor pertanian masih lagi merupakan sektor yang paling utama bagi penduduk luar bandar.

Sinaga & White (1984), menyatakan bahawa semua golongan isi rumah luar bandar cenderung melakukan kegiatan di luar sektor pertanian disamping kegiatan dalam bidang pertanian. Setiap golongan petani memberi alasan untuk meningkatkan pendapatan masing-masing melalui penglibatan dalam pekerjaan sampingan di luar sektor pertanian. Kegiatan pekerjaan sampingan di luar sektor pertanian berhubung erat dengan pola pemilikan ladang. Semakin sempit (kecil) ladang yang dimiliki oleh petani, semakin tinggi penglibatan mereka dalam kegiatan di luar sektor pertanian. Petani memiliki ladang sempit iaitu kurang daripada 0.5 hektar, hasil dari pekerjaan sampingan di luar sektor pertanian mempunyai peranan penting terhadap pembentukan pendapatan isi rumah iaitu sebanyak 47.1 peratus (47.1 peratus daripada jumlah pendapatan bulannya disumbangkan oleh pendapatan dari luar sektor pertanian). Manakala petani yang memiliki ladang 0.5 hektar hingga 1 hektar, sumbangan kegiatan luar pertanian sebanyak ialah 39.5 peratus. Seterusnya petani yang mempunyai ladang diatas 1 hektar, sumbangan kegiatan luar pertanian sebanyak 16.60 peratus Oleh keluasan ladang sangat mempengaruhi penglibatan petani dalam pekerjaan di luar sektor pertanian. Semakin kecil saiz ladang, semakin tinggi penglibatan petani dengan pekerjaan sampingan. Dalam masa yang sama, pekerjaan di luar sektor pertanian juga mampu memberi pendapatan yang hampir tetap setiap bulan kerana tidak dipengaruhi oleh faktor musim dan cuaca.

Sektor pertanian (primer) masih merupakan sektor yang dominan dalam menyerap tenaga kerja di kawasan luar bandar. Sektor pertanian penyerapan sebanyak 66.2 peratus dari jumlah tenaga kerja di kawasan luar bandar. Sektor industri (sekunder) pula menyerap sebanyak 10.80 peratus jumlah tenaga kerja di kawasan luar bandar. Sedangkan sektor lainnya iaitu sektor perkhidmatan dan pendidikan (sektor jasa dan

tersier) hanya menyerap sebanyak 23.10 peratus daripada jumlah tenaga kerja di kawasan luar bandar (Komalig 1989).

Manning (1984), mengemukakan bahawa dalam tempoh 1971-1980 koefisien penyerapan tenaga kerja sektor pertanian jauh lebih rendah dari sektor sekunder dan perkhidmatan (tersier). Dalam tempoh tersebut koefisien penyerapan tenaga kerja sektor pertanian menurun daripada 0.6 dalam tempoh 1961-1971 menjadi 0.3 dalam tempoh 1971-1980. Rendahnya koefisien penyerapan tenaga kerja sektor pertanian mengakibatkan terjadinya penghijrahan tenaga kerja dari sektor pertanian ke sektor industri dan perkhidmatan.

Manakala Soemaryanto (1989) pula mengemukakan bahawa menurunnya peratusan tenaga kerja dalam sektor pertanian dan kenaikan dalam sektor sekunder dan perkhidmatan sangat berhubungan erat dengan perkembangan teknologi industri di luar bandar dan semakin lancarnya arus informasi serta transportasi. Dengan lancarnya transportasi akan memberikan peluang bagi masyarakat luar bandar untuk melakukan pola nafkah ganda (pendapatan dari pelbagai sumber) selain daripada bertani. Iaitu seperti berdagang, supir, tukang sepatu, tukang becak atau dalam lain-lain aktiviti ekonomi dalam sektor informal.

Menpunyai punca lebih daripada satu sumber pendapatan (Pola nafkah ganda) merupakan salah satu cara yang dilakukan oleh isi rumah miskin dalam meningkatkan pendapatan mereka. Pekerjaan yang merendahkan martabat sekalipun mereka masih lakukan meskipun pendapatannya tidak seberapa. Dengan demikian pola nafkah

ganda merupakan sumber utama bagi isi rumah miskin untuk meneruskan kehidupan mereka walaupun dalam keadaan yang serba kekurangan (Quibria 1996).

Kajian Atiq (1994), yang dilakukan di Bangladesh di berbagai status kampung yang terdiri dari kampung yang mundur, kampung berkembang dan kampung maju menunjukkan bahawa petani yang memiliki saiz tanah yang kecil cenderung memperoleh sumber pendapatan terbesar dari pekerjaan yang diusahakan di luar sektor pertanian. Kegiatan di luar pertanian tersebut antara lain ialah buruh tani, buruh industri, berniaga atau buruh dalam sektor perkhidmatan. Namun semakin tinggi status kampung tersebut akan cenderung terjadi perubahan kegiatan di luar sektor pertanian (bertani) yang dilakukan oleh ketua isi rumah iaitu daripada bekerja sampingan sebagai buruh kepada berniaga. Dengan meningkatnya status sesebuah kampung maka semakin terbuka peluang di luar sektor pertanian, iaitu penglibatan dalam pekerjaan yang memiliki produktiviti yang lebih tinggi.

Meningkatkan penglibatan ketua isi rumah dalam pekerjaan sampingan merupakan strategi sosial ekonomi di kawasan luar bandar. Hal tersebut disebabkan oleh beberapa faktor iaitu (Sitorus 1993);

1. Keterbatasan akses terhadap sumber daya ekonomi, menyebabkan isi rumah miskin berupaya mengoptimalkan pemanfaatan potensi tenaga kerjanya di luar pertanian sama ada berniaga atau sebagai buruh; dan
2. Kegiatan luar pertanian merupakan sumber nafkah yang sangat penting untuk meningkatkan pendapatan petani di kawasan luar bandar .

Pekerjaan sampingan berbeza antara satu lapisan masyarakat dengan lapisan masyarakat lainnya disebabkan oleh faktor sosial ekonomi masyarakat luar bandar yang berbeda (Wahyuni 1993). Sajogyo (1991) mengelompokkan pekerjaan sampingan sebagai berikut;

1. Lapisan atas - pekerjaan sampingan merupakan strategi untuk mengakumulasikan surplus pertanian di luar sektor pertanian.
2. Lapisan tengah – pekerjaan sampingan merupakan strategi konsolidasi dimana sektor luar pertanian dipertimbangkan sebagai penopang ekonomi.
3. Lapisan bawah – pekerjaan sampingan merupakan strategi bertahan hidup, dimana sektor luar pertanian merupakan sumber nafkah penting untuk menutup kekurangan pendapatan yang diterima dari sektor pertanian.

Semenjak beberapa tahun kebelangan ini, pandangan yang melihat ekonomi luarbandar negara Dunia Ketiga sebagai sinonim dengan pertanian mulai berubah. Dua kunci utama sumber pertumbuhan pendapatan selepas perang adalah perubahan teknologi dan pertumbuhan produktiviti dalam pertanian serta peningkatan pendapatan daripada pekerjaan bukan ladang (Shand 1987). Peningkatan dalam kepelbagaian aktiviti termasuk sektor kerajaan, perdagangan, perkilangan dan perkhidmatan di dalam sektor bukan ladang di luarbandar memainkan peranan penting bagi isirumah luar bandar dikebanyakan negara Dunia Ketiga. Perubahan pandangan ini adalah hasil kajian ke atas bajet luar bandar di beberapa buah negara sedang membangun yang mencadangkan sektor bukan ladang mewakili diantara 13 hingga 67 peratus daripada jumlah pendapatan isirumah luar bandar. Berdasarkan kajian ini, sumbangan pendapatan bukan ladang kepada jumlah pendapatan isi rumah

di kawasan luar bandar adalah tinggi terutamanya di kawasan dimana nisbah buruh kepada tanah yang besar (bilangan buruh yang ramai berbanding keluasan tanah).

2.7 Kesimpulan

Kajian literatur merupakan konsep dan teori serta kajian lepas yang berhubungan dengan persoalan kajian iaitu tentang kemiskinan. Dalam mengukur kemiskinan di Indonesia, ada penyelidik menggunakan saiz kemiskinan yang dikira oleh Badan Pusat Statistik (BPS), berdasarkan saiz kemiskinan yang dikumpul oleh Badan Koordinasi Keluarga Berencana Nasional (BKKBN). Saiz kemiskinan ini bersesuaian dengan konsep dan teori yang dikemukakan oleh pakar kajian kemiskinan di Indonesia berdasarkan keputusan kajian yang dilakukan pada beberapa lokasi kajian.

Sementara itu Sajogyo, menetapkan batas garis kemiskinan mengikut kepada pendapatan perkapita isi rumah yang bersamaan dengan kuantiti beras yang digunakan. Sementara itu, Djojohadikusumo (1994), menggunakan ukuran kemiskinan mengikut pendapatan perkapita pertahun iaitu US\$50.00 bagi kawasan luar bandar dan US\$75.00 bagi kawasan bandar. Manakala Bank Dunia menetapkan pendapatan perkapita sebanyak US\$275 pertahun.

Ada sejumlah cara bagi mengukur tahap jurang (kesenjangan) dalam agihan pendapatan yang boleh dibagi dalam dua kumpulan pendekatan iaitu *axiomatic* dan *stochastic dominance*. Yang sering digunakan dalam rujukan iaitu kumpulan pendekatan *axiomatic*, dengan tiga alat ukur iaitu *The Generalized Entropy* (GE), *index atkinson* dan Pekali Gini (*Gini Ratio*). Pekali Gini dikira berdasarkan keluk Lorenz. Manakala Bank Dunia dalam melihat agihan pendapatan (kemiskinan relatif)

ialah dengan cara jumlah penduduk dikumpul menjadi tiga kumpulan, 40 peratus penduduk dengan pendapatan rendah, 40 peratus penduduk dengan pendapatan menengah dan 20 peratus penduduk dengan pendapatan tinggi daripada jumlah penduduk. Secara keseluruhannya konsep teori kemiskinan dan agihan pendapatan dan faktor-faktor penentu pendapatan, kemiskinan dan agihan pendapatan ini dapat diringkaskan seperti Jadual 2.1 dan 2.2.

Jadual 2.1

Ringkasan Konsep dan Teori Kemiskinan dan Agihan Pendapatan

Badan/Individu	Konsep & Teori	Huraian/Pendekatan
Badan Pusat Statistik (BPS)	Pendapatan Garis Kemiskinan	Penggunaan kalori makanan
Badan Kordinasi Keluarga Berencana Nasional (BKKBN)	Garis Kemiskinan Makanan (GKM) Garis Kemiskinan Non Makanan (GKNM).	Kiraan kemiskinan berdasarkan penggunaan makanan & bukan makanan
Sajogyo (1977)	Garis Kemiskinan Sajogyo	Penggunaan beras per kapita setahun bandar & luar bandar
Djojohadikusumo (1996)	Ukuran kemiskinan	Pendapatan per kapita setahun iaitu US \$ 50 bagi luar bandar dan USD 75 bagi bandar
World Bank (1990)	Ukuran kemiskinan	Pendapatan per kapita setahun USD 275
Uphoff dan Rasahan (1992)	Lingkaran kemiskinan	Pengembangan sumber manusia - kepelbagaian pertanian - kesihatan - tenaga kerja dan pendapatan - pembangunan kawasan dan luar bandar - pengembangan sumber alam.
Malasis (1975); Asan (2004)	Lingkaran kemiskinan	Kemiskinan - pendapatan - tabungan - pelaburan - pengangguran – pengeluaran. Faktor lokasi (wilayah)
Malthus (1798)	Lingkaran kemiskinan	Bilangan penduduk - makanan - kemiskinan
Todaro (1998)	Lingkaran kemiskinan	Produktiviti -pendapatan - kemiskinan-migrasi

J. M. Keynes (1936)	The General Theory of Employment, Interest and Money	ketidakmerataan antara pendapatan dan pertumbuhan penduduk, pekerjaan, pengangguran & kemiskinan
Lorenz (1905)	Keluk Lorenz & Pekali Gini	Agihan pendapatan
World Bank (1990)	kesejahteraan hiddup (<i>well being</i>)	Kesejahteraan = kekayaan, kesihatan, pemakanan, pendidikan, asset, perumahan dan hak-hak tertentu dalam masyarakat.


Jadual 2.2

Ringkasan Faktor Penentu Pendapatan, Kemiskinan & Agihan Pendapatan

Pengarang/Penyelidik	Faktor Penentu Pendapatan, Kemiskinan & Agihan Pendapatan
Universitas Indonesia (2001).	Lokasi - 76% insiden kemiskinan berlaku di kawasan luar bandar. Aktiviti ekonomi - 67% dari penduduk miskin bergantung hidup kepada sektor
Elfindri (2009); Ilave & Eizabeth (1994);	Budaya, kebiasaan masyarakat tempatan, lokasi, demografi, musim, cuaca
Arief (1990)	Exploitasi dan ketidakadilan dalam proses tukar menukar komoditi
Soewardi (1982); Roger (1996); Prayitno (1992); Ananta (1988); Lains (1987); Simanjuntak (1992); Tambunan (2006); Esmara (1986); Stewart & Streeten (1981); Sigit (1993); WHO (1994); Elfindri (1994); Lains (1987); Morley (1994); Visaria (1991); Atiq (1994)	Sistem perekonomiannya statik, kurang akses dalam memanfaatkan peluang-peluang ekonomi, prestasi kerja, lama masa kerja, produktiviti, kesihatan, pendidikan, kemahiran, pemilikan asset pengeluaran.
Hayami & Ruthan (1985); Hernanto (1980); Mubyarto (1991); Schubert (1994); Muchtar (1992); Hadiwegeno & Pakpahan (1993); Gunawan & Erwidodo (1993);	Upaya intensifikasi ladang yang terhad, kemajuan teknologi, implementasi program kerajaan, produktiviti, modal
Hayami (1986); Pakpahan (1989); T.jondronegoro (1990); Sinaga & White (1984); Raharjo & Hagul (1986)	Institusi formal & tidak formal, institusi kewangan (koperasi) - pemilikan, pemanfaatan dan transfer sumber daya
Hernanto, 1996; Sajogyo, 1991). Sinaga & White (1984; Sitorus, 1993).; Mintoro (1984; (Colier dalam Hayami, 1985	Tenaga kerja, modal, pengurusan, luas ladang, tahap kesuburan, kemudahan pengairan, posisi lokasi, pendapatan sampingan, pendapatan anak

Wiradi (1984); Mubyarto (1991); Tricahyono (1992); Tedjoyuwono (1996); Minto (1983); Gunawan & Erwidodo (1992); Mubyarto (1984); Rumokoi (1990)	Pemilikan ladang secara formal; Keluasan ladang, kesuburan, harga komoditi
Hayami & Ruthan (1985);	Sistem pemilikan ladang penentu alokasi sumber daya dan agihan pendapatan dalam komuniti agrarian
Dartanto (2007)	Dasar pemerintah bersifat reaktif, tidak fokus dan koordinasi antara berbagai agensi-agensi pemerintah.
Asan et.al 1999, 2004	Pengaruh pendapatan sampingan, lokasi, keatas pendapatan, kemiskinan dan agihan pendapatan
Hagul (1986)	pasrah dan menerima keadaan yang berlaku kerana sukar bagi mereka untuk keluar dari perangkap kemiskinan berdasarkan sumber daya manusia dan peluang (untuk memperbaiki hidup) yang mereka miliki.
Batten (1989)	rendahnya taraf sosioekonomi masyarakat luar bandar akan mengakibatkan mereka tidak responsif dan terhadap akses kepada peluang-peluang yang ada dalam proses pembangunan ekonomi negara

Seperti yang telah diterangkan dalam teori dan kajian-kajian lepas mengenai pendapatan dan kemiskinan, dapat disimpulkan bahawa kemiskinan merupakan kombinasi faktor penentu kemiskinan yang meliputi beberapa variabel yang saling kait mengait satu sama lain. Faktor-faktor ini merupakan satu kitaran jangka panjang yang memerlukan campur tangan kerajaan melalui suatu dasar yang khusus berdasarkan keperluan dikawasan yang berkenaan (Rajah 2.2). Secara amnya faktor-faktor kemiskinan ini dapat dibahagikan kepada dua iaitu faktor-faktor dalaman dan faktor-faktor luaran, disamping terdapat juga faktor-faktor dalaman yang bersifat luaran.




Rajah 2.2
Faktor-Faktor Penentu Kemiskinan

Faktor-faktor luaran dan faktor-faktor dalaman ini disamping suntikan melalui dasar kerajaan (seperti meningkatkan peluang perniagaan kecil di kawasan yang berkaitan) berupaya mengkatkan penglibatan masyarakat dalam pekerjaan sampingan di dalam atau diluar sektor pertanian. Gabungan faktor-faktor dalaman, luaran dan dasar kerajaan ini akan mempengaruhi tingkat pendapatan yang seterusnya akan menentukan kadar kemiskinan dan agihan pendapatan di regional dan nasional.

Kajian-kajian lepas mengenai konsep dan pengiraan kemiskinan didapati kemiskinan boleh dibahagikan kepada dua konsep yang utama iaitu kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif.

Berdasarkan tinjauan literatur teori, konsep dan kajian-kajian lepas mengenai faktor-faktor penentu kemiskinan, kajian ini akan menggunakan pengaruh lokasi sebagai faktor suntikan dasar (*treatment factor*) iaitu dasar transmigrasi dan dibandingkan dengan kawasan bukan transmigrasi (tiada suntikan dasar) bagi menentukan bagaimana hubungannya dengan faktor-faktor penentu kemiskinan seperti luas tanah yang diusahakan, tingkat penggunaan teknologi, tingkat pendidikan, tingkat kesihatan, akses kepada institusi dan penglibatan dalam pekerjaan sampingan.



Rajah 2.3
Gambaran Pengaruh Faktor Suntikan, Kawasan Transmigrasi
Sumber: Lakaran Penyelidik

Faktor lokasi yang dikaji ialah dasar kerajaan mengenai pemukiman baru atau penempatan semula (*resettlement, displacement, rehabilitation*) yang merupakan satu bentuk perpindahan penduduk yang dirancang oleh pihak pemerintah. Skim penempatan baru ini dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan. Setiap peneroka akan menerima bantuan tanah (ladang), rumah dan kemudahan asas yang diperlukan (termasuk pendidikan & kesihatan). Matlamat utama program ini ialah untuk meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar melalui pendapatan yang lebih stabil bagi mengatasi masalah kemiskinan.

BAB 3

PERANCANGAN PEMBANGUNAN DAN PROGRAM TRANSMIGRASI DI INDONESIA

3.1 Pendahuluan

Bab ini terbagi kepada empat bahagian. Bahagian kedua bab ini akan membincangkan secara am perancangan pembangunan yang telah dan sedang berjalan di Indonesia. Bahagian ketiga bab ini akan membincangkan secara khusus mengenai program transmigrasi. Bahagian ini terbagi kepada dua iaitu program transmigrasi di bawah Pola Perusahaan Inti Rakyat Khusus dan program transmigrasi di bawah Pola Perusahaan Inti Rakyat Transmigrasi. Bahagian terakhir bab ini ialah kesimpulan.

3.2 Perancangan Pembangunan Di Indonesia

Indonesia telah merdeka dari penjajahan Belanda pada tahun 1945. Presiden pertama Indonesia ialah Presiden Soekarno yang memerintah Indonesia dalam tempoh 1945 hingga 1966. Pemerintahan Presiden Soekarno juga disebut sebagai era Orde Lama.

Pada era Orde Lama, tumpuan perancangan lebih kepada mengstabilkan persekitaran ekonomi, sosial dan politik negara Indonesia yang ketika itu baru sahaja mencapai kemerdekaan. Ketika itu tumpuan dasar kepada pertumbuhan ekonomi agak kurang diberi perhatian. Keadaan ekonomi masyarakat masih minimum dan kebanyakan perusahaan besar yang ada ketika itu ialah perusahaan dari zaman penjajah yang majoritinya dimiliki oleh rakyat asing. Dalam masa yang sama negara juga menghadapi masalah hiperinflasi yang tinggi yang ditunjukkan oleh tingkat harga umum dan pengganguran yang tinggi.

Jadual 3.1
Pemerintahan Republik Indonesia (1945-2013)

	Masa Pemerintahan	Tempoh	Era
1.	Presiden Soekarno	1945-1966	Oder Lama
2.	Presiden Soeharto	1966-1998	Oder Baru
3.	Presiden B.J. Habibie	1998-1999	Reformasi
4.	Presiden Abdurrahman Wahid	1999-2001	Reformasi
5.	Presiden Megawati	2001-2004	Reformasi
6.	Presiden Susilo Bambang Yudhoyono	2004- 2013	Reformasi

Sumber: Daripada pelbagai sumber

Perancangan pembangunan secara terencana baru dimulai pada masa pemerintahan Presiden Soeharto hingga kepada masa pemerintahan Presiden Susilo Bambang Yudhoyono (Jadual 3.1). Semasa pemerintahan Soeharto (1966-1998) yang dikenal sebagai era Orde Baru telah diperkenalkan perancangan pembangunan REPELITA (Rencana Pembangunan Lima Tahun), dimana semasa pemerintahan Orde Baru Pemerintah Indonesia telah melaksanakan enam Perancangan Pembangunan Lima Tahun (REPELITA I hingga REPELITA VI).

Selepas 32 tahun pelaksanaannya, REPELITA telah digantikan Program Pembangunan Nasional lima tahun (PROPENAS). Kaedah yang digunakan dalam merangka REPELITA sangat mendalam (komprehensif) yaitu menguraikan secara terinci rencana pembangunan mengikut sektor dan daerah. Manakala kaedah perancangan dalam PROPENAS lebih menekankan pada skala keutamaan (*priority*) dalam perumusan masalah dan pelan penyelesaiannya (*strategic choices*).

Dalam perancangan PROPENAS, yang lebih diutamakan dan ditonjolkan ialah agenda-agenda kebijakan yang penting, mendesak dan strategi yang menjadi keutamaan bagi bangsa Indonesia untuk lima tahun akan datang. Pendekatan ini sejajar dengan sumber kewangan yang terhad akibat daripada krisis ekonomi 1997-1999. PROPENAS kemudian diperincikan dalam Anggaran Pendapatan dan Belanja Negara (APBN). PROPENAS merupakan komitmen pemerintah Indonesia untuk melanjutkan dan meningkatkan sosioekonomi negara dalam Sembilan bidang strategis yang ada dalam Garis Besar Haluan Negara (GBHN) (wawasan negara) iaitu Undang-Undang, Ekonomi, Politik, Agama, Pendidikan, Sosial dan Budaya, Pembangunan Daerah, Sumberdaya Alam dan Lingkungan Hidup (kualiti hidup) , Pertahanan dan Keamanan (BAPPENAS 2000).

Jika dilihat daripada pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pasca krisis kewangan serantau 1997, pertumbuhan KDNK Indonesia tidak menentu, misalnya pada tahun 1999, KDNK turun kepada 0.8 peratus. Tanda-tanda menuju pemulihan berlangsung hingga tahun 2000 dengan pertumbuhan ekonomi mencapai 4.9 peratus. Walau bagaimanapun pada tahun 2001 pertumbuhan KDNK Indonesia semula mengalami penurunan kepada 3.3 peratus, akibat daripada serangan terhadap gedung *World Trade Centre* (WTC) di Amerika Serikat. Pada tahun 2006 pertumbuhan ekonomi Indonesia mengalami peningkatan kepada 5.5 peratus (Andi 2006). Pada tahun 2012, Indonesia mempunyai seramai 246.9 juta orang penduduk, dengan nilai KDNK US\$878.2 billion, kadar pertumbuhan KDNK 6.2 peratus dan kadar inflasi 4.3 peratus (Bank Dunia, 2013).

Perancangan pembangunan yang telah diperkenalkan baik REPELITA maupun PROPENAS dalam mengekalkan pertumbuhan KDNK yang tinggi belum boleh dibanggakan jika dibandingkan dengan kadar kemiskinan yang masih tinggi terutamanya di kawasan luar bandar baik kawasan transmigrasi mahupun bukan transmigrasi.

3.3 Program Transmigrasi

Program transmigrasi (emigrasi) di Indonesia mula dilaksanakan sejak tahun 1905 yang telah diperkenalkan oleh penjajah Belanda (*Netherlands East Indies*) dengan program yang dinamakan *kolonisasi* bagi mengatasi masalah kesesakan penduduk, masalah kemiskinan dan kekurangan tanah pertanian di Pulau Jawa.

Di peringkat awal, kawasan penempatan semula yang paling utama di Indonesia ialah di selatan Sumatera. Antara tahun 1902 hingga 1922, seramai 22,000 orang peneroka telah dipindahkan ke kawasan penempatan semula di Lampung dan Bengkulu. Sehingga tahun 1940, terdapat sekitar 200,000 peneroka di kawasan penempatan semula dengan kadar 4,000 peneroka berpindah masuk setahun. Program penempatan semula ini berhenti seketika akibat penjajahan Jepun pada tahun 1942. Di bawah Rancangan Tahun 1947 (*A 1947 plan*), kerajaan mengasaskan perpindahan seramai 49 juta penduduk ke kawasan penempatan semula dalam tempoh 35 tahun iaitu dari tahun 1947 sehingga tahun 1982. Dalam tempoh antara 1947 hingga 1966, purata seramai 25,000 orang peneroka telah berpindah ke kawasan penempatan semula (Arndt 1988).

Program transmigrasi di Indonesia semakin ketara sejak era Orde Baru (tahun 1966) iaitu di bawah Presiden Soeharto. Program transmigrasi yang sebelum itu tertumpu dari Jawa ke Sumatera, telah dikembangkan ke Kalimantan, Sulawesi dan Irian Jaya (Provinsi Papua).

Sejak awal 1970an, Program Transmigrasi ini mendapat pembiayaan pinjaman dari Bank Dunia, *Asian and Islamic Development Bank* dan PBB. Tambahan lagi peningkatan harga minyak sekitar tahun 1970an juga telah membantu dalam program transmigrasi termasuk perancangan pembangunan. Di bawah Rancangan Pembangunan Lima Tahun Pertama (REPELITA I), 1969/70 hingga 1974/75, kerajaan mengasaskan perpindahan penduduk seramai 50,000 orang setahun. Angka ini terus meningkat kepada 200,000 orang setahun di bawah REPELITA II (1974/75 - 1978/79) dan kepada 2 juta orang setahun di bawah REPELITA III (1978/79-1983/84 (Arndt 1988).

Menurut Departemen Transmigrasi dan Tenaga Kerja (2004), Transmigrasi Indonesia boleh dibahagikan kepada lima fasa iaitu :

1. Fasa Kolonisasi bermula pada tahun 1905, sejumlah 155 keluarga yang berasal daripada Jawa Tengah telah dipindahkan ke Tanjung Karang Lampung, Sumatera. Seterusnya pada tahun 1905 hingga 1942 seramai 60,155 keluarga telah berpindah keluar dari Jawa ke sembilan kawasan penempatan semula yang terletak di luar pulau Jawa.
2. Fasa Pra-REPELITA (1950-1968) : penempatan semula seramai 76.109 keluarga


3. Fasa REPELITA I hingga VI (1969-1998) : menempatkan semula seramai 1,808,823 keluarga.
4. Fasa kabinet Reformasi (1999-2000) : penempatan semula seramai 33,995 keluarga.
5. Fasa kabinet Goro (Gotong Royong) (2000-2004) : penempatan semula seramai 61,477 keluarga.

Di peringkat awal program penempatan semula, setiap peneroka/peserta diberi kemudahan pengangkutan percuma ke kawasan penempatan semula. Tanaman utama di kawasan penempatan semula ialah padi (60%) dan lain-lain tanaman ialah seperti tanaman kontan (30%) dan getah (10%). Setiap peneroka diberi 2 hektar (5 ekar) kawasan ladang dan pinjaman kewangan (Hardjono 1977). Sejak tahun 1970an juga terdapat kawasan transmigrasi yang mempunyai keluasan ladang antara 3.5 hingga 5 hektar (termasuk 1 hektar kawasan tanaman lain dan rumah). Tanah tidak boleh dipindah milik dalam tempoh 15 tahun. Peneroka yang dipilih berumur antara 20 hingga 40 tahun dan sudah berkahwin. Bilangan ahli isi rumah yang tidak lebih dari 5 orang. Tiada ahli isi rumah yang berumur lebih dari 60 tahun atau kurang dari 6 bulan atau yang sedang mengandung (Suratman & Guinness 1977).

Program transmigrasi di Indonesia, pada mulanya dikenali dengan nama Pola Syarikat Inti Rakyat (PIR). Pola Syarikat Inti Rakyat (PIR) ialah suatu institusi pelaksanaan pembangunan ladang dengan menggunakan ladang besar yang berfungsi seperti inti yang kemudiannya akan membantu dan membimbing ladang rakyat di sekitarnya dalam suatu sistem perkhidmatan yang saling menguntungkan, utuh dan berterusan (*sustanlibility*). Projek pembangunan ladang dengan pola PIR ini mengandungi

aktiviti pembangunan ladang inti dan kawasan sekitarnya (plasma) yang dilaksanakan oleh syarikat intinya dalam jangka masa tertentu.

Syarikat inti ialah syarikat ladang besar baik milik swasta mahupun milik kerajaan yang ditetapkan seperti pelaksana projek PIR. Sedangkan ladang inti ialah ladang besar lengkap dengan kemudahan perhubungan jalan yang dibina/dibangunkan dan dimiliki oleh syarikat inti dalam rangka pelaksanaan projek PIR. Plasma ialah suatu kawasan pemukiman penduduk dengan usahatani yang dibangunkan oleh petani yang juga merupakan peserta dalam rangka pelaksanaan projek PIR. Kawasan plasma, meliputi kawasan perkampungan perumahan dan ladang peserta transmigrasi plasma. Ladang plasma ialah ladang milik peserta transmigrasi yang dengan tanaman ladang yang telah ditetapkan seperti padi, kelapa sawit, getah, tebu dan tanaman kontan lain yang ditetapkan oleh Menteri Pertanian. (Rajah 3.1).



Rajah 3.1
Gambaran Syarikat Inti dan Kawasan Plasma
Sumber: Lakaran Penyelidik

Pembangunan ladang dengan pola Syarikat Inti Rakyat (SIR) ini dilakukan oleh pemerintah dengan tujuan untuk membangun ladang rakyat di kawasan penempatan baru dengan sokongan teknologi, pemprosesan, pemasaran dan pengurusan tanaman yang sistematik. Ia diharap dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar yang terlibat dengan program transmigrasi.

Dalam pembangunan ladang kelapa sawit melalui pola SIR yang dikaitkan dengan program transmigrasi, dilakukan melalui pelbagai bentuk Pola SIR (jenis/agensi/institusi inti yang berbeza) iaitu:

1. Pola Syarikat Inti Rakyat Khusus (Pola SIR-Sus)
2. Pola Syarikat Inti Rakyat NES-ADB (SIR-NES I dan II ADB)
3. Pola Syarikat Inti Rakyat Transmigrasi (Pola PIR-Trans)
4. Pola Kredit Koperasi Primer Anggota (Pola KKPA)

3.3.1 Pola Syarikat Inti Rakyat Khusus (Program Transmigrasi dikaitkan dengan Pola SIR-Sus dan NES ADB)

Program transmigrasi di Kawasan Riau, mulai terlaksana melalui Surat Keputusan Menteri Tenaga Kerja dan Transmigrasi/Ketua Penyelarasan Penyelenggaraan Transmigrasi Nombor 50 Tahun 1982 tentang pola pelaksanaan transmigrasi yang dikaitkan dengan pola Syarikat Inti Rakyat (SIR) dengan komoditi utama tanaman kelapa sawit.

Pembangunan ladang kelapa sawit melalui pola SIR-Sus I (SIR-khusus) pertama yang dilaksana ialah pada tahun 1981 di Sei Tapung. Manakala SIR-Sus II dilaksanakan mulai tahun 1982 di Sei Buatan, Bagan Sinembah dan Lubuk Dalam.

Syarikat Inti yang berperanan dalam pola SIR ialah ladang milik kerajaan (PTN) iaitu PTP II (Lubuk Dalam dan Sei.Buatan), PTP IV (Bagan Sinembah) dan PTP V (SeiTapung).

Pada tahun 1996, dilakukan pengurusan semula seluruh PTP di Indonesia supaya ladang-ladang PTP yang ada di Kawasan Riau dikelola oleh PTPN V. Selama tempoh pelaksanaan SIR-Sus I dan SIR-Sus II jumlah kawasan ladang kelapa sawit plasma yang sekaligus ladang kelapa sawit rakyat pertama di Kawasan Riau telah dibangunkan seluas 26,000 hektar dan ladang inti meningkat kepada 10,669.50 hektar. Kawasan plasma ini diduduki oleh 13,000 keluarga transmigran yang berasal daripada Jawa sepertimana ditunjukkan dalam Jadual 3.2.

Pada tahun 1984, pemerintah Indonesia memperoleh pinjaman kewangan daripada ADB (*Asian Development Bank*) yang digunakan untuk pembangunan ladang rakyat. Mulai tahun 1985, pemerintah melaksanakan pembangunan ladang kelapa sawit rakyat yang dinamakan NES –II ADB di Kawasan Riau. Syarikat inti yang dilantik kerajaan masih Perusahaan Besar Kerajaan (PTP). Pembangunan ladang kelapa sawit rakyat dengan sebutan PIR/NES II ADB dilaksana di Sei Garo dan Sei Galuh dengan syarikat inti PTP V dan PTP II.

Jadual 3.2.

Luas Kawasan Tanaman Kelapa Sawit Pola SIR-Sus di Provinsi Riau

No	Syarikat Inti	Luas (Hektar)		Jumlah	Kumpulan
		Inti	Plasma	KIR	Tani
1.	PTPN V Sei.Tapung	2,669.5	5,000.0	2,500,	310
2.	PTPN V Sei Buatan	2,000.0	9,500.0	4,750	203
3.	PTPN V Lubuk Dalam	4,000.0	5,500.0	2,750	118
4.	PTPN V Bagan	2,000.0	6,000.0	3,000	123
	Sinembah				754
	Jumlah	10,669.5	20,000.0	13,000	754

Sumber : Disbun Provinsi Riau, 2005.

Penanaman ladang NES II ADB Sei Galuh dilaksana pada tahun 1985/1986 hingga 1990/91 dengan ladang plasma seluas 8,000 hektar untuk 4,000 keluarga transmigrasn dan ladang inti seluas 2,658 hektar. NES II ADB Sei Garo dilaksana pada tahun 1986 hingga 1989 dengan ladang plasma seluas 6,000 hektar untuk 2,987 keluarga transmigran dan ladang inti sebanyak 3,198 hektar. Dalam tempoh pelaksanaan NES II ADB, luas ladang sawit plasma yang telah dibagunkan ialah seluas 14,000 hektar untuk 6,987 keluarga transmigran dan ladang inti seluas 5,645 hektar sepertimana dalam Jadual 3.3.

Jadual 3.3.

Luas Kawasan Tanaman Kelapa Sawit NES II ADB

No	Syarikat Inti	Luas(Hektar)		Jumlah
		Inti	Plasma	
1.	PTPN V Sei. Galuh	2,658.0	8,000.0	4,000
2.	PTPN V Sei. Garo	3,198.0	6,000.0	2,987
Jumlah		5,645.0	14,000.0	6,987

Sumber : Disbun Kawasan Riau, 2005.

3.3.2 Pola Syarikat Inti Rakyat Transmigrasi (Program Transmigrasi dikaitkan dengan Pola SIR-Trans dan Pola KKPA)

Program transmigrasi di Indonesia, khususnya di Kawasan Riau, iaitu Program Pembangunan Ladang dengan Pola Syarikat Inti Rakyat yang dikaitkan dengan program transmigrasi (PIR-Trans), pertama kali diperkenalkan ialah pada tahun 1986. Ia berasaskan kepada halaan (arahan) Presiden Republik Indonesia Nombor I Tahun 1986.

Projek PIR-Trans merupakan suatu pakej pembangunan kawasan yang utuh yang mengandungi :

1. Bahagian utama, yang meliputi :
 - a. Pembangunan ladang inti
 - b. Pembangunan ladang plasma
 - c. Pembangunan pemukiman yang mengandungi kawasan perkampungan dan kawasan perumahan.
2. Pembangunan prasarana umum (infra-sosial asas).

Ladang inti dimiliki oleh syarikat inti. Peneroka mendapat seluas satu hektar tanah untuk kawasan rumah dan ladang plasma. Prasarana/kemudahan awam disediakan untuk kepentingan umum sesuai dengan peraturan pemerintah yang sedia ada.

Tanah yang disediakan dalam Projek PIR-Trans mengandungi:

1. Tanah untuk ladang inti dan ladang plasma yang luasnya ditetapkan oleh Menteri Pertanian.
2. Tanah untuk pekarangan termasuk untuk rumah untuk para peserta transmigrasi.
3. Tanah untuk kemudahan awam yang lain.

Luas tanah yang disediakan untuk petani/peserta ialah :

1. Tanah ladang plasma seluas 2 hektar
2. Tanah pekarangan, termasuk tapak perumahan seluas 0.5 hektar.

Syarikat yang boleh bertindak sebagai syarikat inti ialah syarikat dalam bidang perladangan baik milik kerajaan mahupun milik swasta yang memenuhi syarat seperti yang ditetapkan oleh Menteri Pertanian.

Kewajipan syarikat inti :

1. Membina ladang inti yang lengkap dengan kemudahan pemprosesan hasil ladang yang boleh menampung hasil ladang inti dan ladang plasma.
2. Melaksanakan pembangunan ladang plasma sesuai dengan petunjuk operasi dan standard fizikal yang ditetapkan oleh Menteri Pertanian.

3. Bertindak seperti pelaksana dalam menyediakan tanah perkarangan dan pembangunan perumahan petani peserta dengan petunjuk teknikal daripada Jabatan Transmigrasi.
4. Membantu secara teknikal para petani/peserta supaya mampu mengusahakan ladangnya dengan baik.
5. Menampung/membeli hasil ladang plasma dengan harga yang bersesuaian dengan peraturan yang ditetapkan oleh pemerintah (Menteri Pertanian).

Kos bagi pembangunan ladang inti termasuk kemudahan pemprosesan ditanggung oleh syarikat inti. Pada peringkat awal, syarikat inti juga membiaya kos menanam tanaman di kawasan ladang plasma. Kutipan semula bayaran kredit dari para petani/peserta akan dilakukan oleh institusi kewangan kerajaan atau institusi kewangan swasta yang diluluskan oleh pihak pemerintah pada waktu penyerahan pemilikan ladang plasma yang berkaitan kepada petani/peserta.

Kos untuk pembersihan tanah ladang, tanah pekarangan rumah, perumahan peserta, penyediaan air bersih dilakukan oleh kerajaan melalui pembiayaan Jabatan Transmigrasi. Manakala membiaya prasarana lain yang diperlukan di kawasan transmigrasi akan dilakukan oleh kerajaan melalui Jabatan teknikal/sektoral yang berkaitan.

Kos pembangunan ladang plasma yang dibiayai (diambil alih) oleh institusi kewangan ialah kos pembangunan (termasuk faedah 16%) ladang plasma daripada membersihkan hutan hingga penyerahan ladang plasma kepada peserta. Ia dikira berasaskan unit kos ditambah (*overhead cost*) dan perkhidmatan pengurusan sebanyak 15 peratus (15%). Kos ini ditetapkan dan boleh dikaji semula setiap tahun oleh Menteri Kewangan dan Menteri Kerajaan Perancangan Pembangunan Kerajaan.

Petani peserta/projek SIR – Trans mengandungi:

1. Transmigran yang ditetapkan oleh Menteri Transmigrasi
2. Penduduk tempatan, termasuk para petani yang tanahnya termasuk dalam kawasan projek transmigrasi yang berkaitan, yang ditetapkan oleh kerajaan daerah.

Seterusnya, bilangan jumlah petani/peserta yang berasal daripada program transmigrasi dan penduduk tempatan dalam projek PIR akan ditetapkan oleh Menteri Transmigrasi. Persiapan dan penentuan calon petani/peserta dilakukan oleh Menteri transmigrasi dan kerajaan daerah berasaskan syarat-syarat yang ditetapkan Menteri Pertanian.

Para calon petani/peserta yang merupakan penduduk tempatan diberi kesempatan untuk terlibat serta dalam pembangunan ladang (sebelum perpindahan masuk peserta transmigrasi) dengan bayaran gaji bulanan. Manakala para calon petani peserta yang berasal daripada para transmigran mendapat bantuan/jaminan hidup (bantuan sara hidup sebelum pokok mengeluarkan hasil) seperti yang dianggarkan oleh Jabatan Transmigrasi.

Seterusnya, petani peserta bertanggung jawab untuk:

1. Membayar kos penanaman tanaman di kawasan ladang plasma.
Bayaran ansuran kredit jangka panjang kepada Institusi kewangan Indonesia.
2. Melaksanakan pengusahaan ladangnya sesuai dengan bimbingan daripada syarikat inti .
3. Menyerahkan/menjual hasil ladang plasmanya kepada syarikat inti dengan syarat dan harga wajar yang saling menguntungkan.

Selama pelaksanaan SIR-Trans di Kawasan Riau, jumlah kawasan tanaman kelapa sawit ialah seluas 122,780.5 hektar yang mengandungi 34,960.5 hektar ladang inti dan 87,820 hektar ladang plasma dan melibatkan 43,190 keluarga.

Syarikat Besar Kerajaan (PTP Nusantara V) merupakan syarikat inti pertama yang melaksanakan pembangunan ladang kelapa sawit SIR-Trans di Kawasan Riau yang membangun ladang plasma di Sei Galuh dan Sei Intan seluas 12,000 hektar untuk 600 keluarga.

Disamping itu, terdapat sebanyak 8 syarikat Besar Swasta (PBS) yang turut menyertai program ini sebagai syarikat inti dalam program PIR-Trans di kawasan Riau. Syarikat Besar Swasta yang pertama terlibat dengan program transmigrasi ini ialah PT Sari Lembah Subur dan PT Indo Sawit iaitu pada tahun 1987. Langkah kedua-dua syarikat tersebut diikuti oleh enam syarikat swasta lain iaitu PT Surya Bratasena Plantation pada tahun 1989, PT Wanasari Nusantara pada tahun 1990, PT Buana Wira Lestari dan PT Ramajaya Pramukti pada tahun 1991, PT Rigunas Agri

Utama dan PT Perdana Inti Sawit Perkasa pada tahun 1994. Jumlah kawasan kelapa sawit PIR-Trans yang telah dibangun oleh lapan PBS di sembilan lokasi seluas 105,165 hektar, mengandungi 29.345 hektar ladang inti dan 75,820 hektar ladang plasma.

Pada tahun 1994, Pola SIR-Trans digantikan dengan Pola KKPA (Kredit Koperasi Primer boleh Anggota). Sumber pembiayaan pembangunan ladang melalui Pola KKPA ini ialah daripada Kredit Likuiditas Institusi kewangan Indonesia. Kadar bunga yang ditetapkan ialah 14 peratus setahun seperti mana yang ditetapkan oleh institusi kewangan Indonesia No.31/145.A/Kep/Dir/1998. Syarikat inti dalam Pola KKPA berperanan seperti penjamin (*avalis*).

Seterusnya pada tahun 2000 Pola KKPA dihapuskan. Oleh itu sebahagian besar pembangunan ladang sawit KKPA terpaksa menggunakan pinjaman institusi kewangan dengan kadar faedah komersil iaitu sebanyak 19 peratus setahun. Kos pembangunan kelapa sawit petani/peserta Pola KKPA telah disusun semula bersesuaian dengan peningkatan keseluruhan kos pembangunan ladang dan kadar faedah yang berlaku. Selama tempoh pelaksanaan Pola KKPA di Kawasan Riau, antara tahun 1998-2005 terdapat ladang plasma KKPA seluas 168,877 hektar yang menempatkan 85,911 keluarga dan dilakukan oleh 29 syarikat inti.

BAB 4

METODOLOGI KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Bahagian pertama bab ini membincangkan rekabentuk dan konseptual kajian. Ia meliputi kawasan kajian, responden dan kaedah persampelan yang digunakan dan prosedur pengumpulan data semasa kerja lapangan. Bahagian kedua membincangkan instrumen kajian diikuti dengan perbincangan mengenai teknik-teknik penganalisan data yang digunakan dalam kajian ini.


4.2 Reka Bentuk dan Konseptual Kajian

Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kajian kes, dengan fokus kepada persoalan ‘kenapa dan bagaimana’ . Ini meliputi persoalan – persoalan pendapatan, kemiskinan dan agihan pendapatan yang berbeza di antara kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi¹⁷. Kajian menggunakan data primer yang diperoleh daripada borang soalselidik melalui proses temubual bersemuka dengan responden yang dipilih dalam kawasan kajian yang telah ditentukan.

Kemiskinan adalah saling berkait antara satu faktor dengan faktor yang lain, oleh itu asas teori dalam kajian ini ialah teori kemiskinan seperti yang dibincangkan oleh Uphoff dan Rasahan (1992), Malasis (1975), Asan (2004), Malthus (1798), Todaro (1998), Keynes (1936). Berdasarkan teori-teori dan kajian-kajian lepas berkaitan

¹⁷ Seperti yang dibincangkan oleh Yin (1989:17), dalam bukunya *Case Study Research, Design and Methods*. Menurut beliau *the case study (field experiment) approach will focus on “how” and “why” questions*.

faktor-faktor penentu pendapatan, kemiskinan & agihan pendapatan¹⁸, reka bentuk dan konseptual kajian ini dapat diringkaskan seperti dalam Rajah 4.1. Kajian dijalankan di Kabupaten Kampar yang meliputi kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi. Kedua-dua kawasan ini mempunyai latar belakang demografi, sosio-budaya dan geografi yang berbeza.



Rajah 4.1
Konseptual Kajian

¹⁸ Seperti yang dibincangkan dalam BAB 2: TINJAUAN LITERATUR. Rujuk juga Jadual 2.1 Ringkasan Konsep dan Teori Kemiskinan dan Agihan Pendapatan dan Jadual 2.2 Ringkasan Faktor Penentu Pendapatan, Kemiskinan & Agihan Pendapatan

Insiden kemiskinan bukanlah sesuatu fenomena yang terjadi sendiri tetapi amat berkaitan rapat dengan faktor-faktor lain, seperti luas ladang, akses kepada penggunaan teknologi, tingkat pendidikan, taraf kesihatan, akses kepada institusi (bank, koperasi, persatuan petani/penduduk) dan penglibatan petani dalam pekerjaan sampingan.

Walaupun faktor-faktor penentu kemiskinan dan agihan pendapatan telah diterangkan oleh pelbagai teori dan kajian oleh penyelidik secara global dan di Indonesia, namun sejauhmana faktor-faktor penentu ini menentukan kemiskinan dan perbandingannya di antara masyarakat tempatan dengan masyarakat transmigrasi masih belum dilaksanakan. Adalah dijangka disebabkan oleh latar belakang demografi, sosio-budaya dan geografi yang berbeza di kawasan transmigrasi dengan kawasan bukan transmigrasi (masyarakat tempatan), pengaruh (signifikan) faktor-faktor penentu kemiskinan dan agihan pendapatan ini akan berbeza di kawasan transmigrasi dengan kawasan bukan transmigrasi.

Oleh itu kajian ini akan menganalisis hubungan antara luas ladang, akses kepada penggunaan teknologi, tingkat pendidikan, taraf kesihatan, akses kepada institusi dan penglibatan petani dalam pekerjaan sampingan yang berbeza di antara kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi dengan hubungannya terhadap tingkat pendapatan, kadar kemiskinan dan agihan pendapatan. Selain itu, disebabkan oleh faktor-faktor penentu pendapatan seperti dalam Rajah 4.1, kajian ini juga akan menganggarkan kadar hasil perhektar yang mungkin berbeza di antara kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi.

Seperti yang telah dibincangkan dalam kajian-kajian yang lepas, dasar pembangunan luar bandar yang seragam untuk kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi mungkin tidak sesuai kerana latar belakang demografi, sosio-budaya dan geografi berbeza di kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi. Walaupun faktor-faktor penentu pendapatan, kemiskinan dan agihan pendapatan hampir sama di antara kawasan transmigrasi dengan bukan transmigrasi tetapi pendekatan dasar untuk mengurangkan kesan (atau meningkatkan kesan) faktor-faktor ini kepada petani mungkin berbeza. Sehubungan itu, kajian ini akan mencadangkan dasar-dasar yang khusus dan dasar pelengkap untuk kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi

4.2.1 Latar Belakang Kawasan Kajian

Kabupaten (daerah) Kampar dipilih sebagai kawasan kajian kerana mempunyai bilangan Ketua Isi Rumah (KIR) transmigrasi terbesar di dalam Provinsi Riau. Kabupaten Kampar terletak di bahagian tengah Provinsi Riau dan bersempadan dengan Provinsi Sumatera Barat (Rajah 4.2).

Keluasan Kabupaten Kampar adalah 1,128,928 hektar¹⁹. Sebelah utaranya bersempadan dengan kota Pekanbaru dan Kabupaten Siak, sebelah selatannya Kabupaten Kuantan Singingi. Manakala sebelah barat Kabupaten Rokan Hulu dan sebelah timur Kabupaten Pelalawan.

¹⁹ Keluasan Provinsi Riau = 87,023 km². Keluasan Kabupaten Kampar = 11,289 km². Secara bandingan dengan Semenanjung Malaysia = 131,598 km² dan Kedah = 9,425 km². Keluasan Provinsi Riau sekitar 2/3 daripada keluasan Semenanjung Malaysia dan Kabupaten Kampar lebih luas dari negeri Kedah.



Rajah 4.2
Kabupaten Kampar
 Sumber: Sekretariat Kabupaten Kampar, 2014

Kabupaten Kampar meliputi 21 kecamatan (mukim) dengan bilangan isi rumah seramai 162,125 keluarga (Jadual 4.1). Daripada 21 kecamatan yang terdapat di Kabupaten Kampar, 13 kecamatan memiliki kampung-kampung transmigrasi yang terlibat dalam tanaman kelapa sawit atau tanaman kontan (pangan).

Salah satu ciri demografi kependudukan di Indonesia ialah agihan penduduk yang tidak merata, termasuk di Kabupaten Kampar. Mengikut hasil pendaftaran Penduduk Kabupaten Kampar tahun 2010, penduduk Kabupaten Kampar berjumlah 687,797 orang (Jadual 4.2) (BPS 2010). Daripada bilangan penduduk tersebut, seramai 106,728 orang (24,699 KIR) tinggal di kawasan transmigran. Mereka berasal

daripada beberapa provinsi seperti Daerah Khusus Ibu Kota Jakarta (DKI), Jawa Barat, Jawa Tengah, Daerah Istimewa Yogyakarta (DIY), Jawa Timur, dan Lampung. Bilangan Transmigran terbesar berasal dari pada provinsi Jawa Timur dengan jumlah 15,595 orang (3,968 KIR) dan transmigran paling sedikit ialah dari provinsi Lampung iaitu seramai 2,692 orang (624 KIR).

Jadual 4.1

Jumlah Kecamatan dan Jumlah Isi rumah Kabupaten Kampar, Provinsi Riau

No	Kecamatan	Bilangan Isi Rumah (keluarga)
1	Kampar Kiri	6,129
2	Kampar Kiri Hulu	2,603
3	Kampar Kiri Hilir	2,463
4	Kampar Kiri Tengah	4,265
5	Gunung Sahilan	4,934
6	Siak Hulu	20,656
7	Perhentian Raja	3,825
8	Tambang	12,532
9	Kampar	9,650
10	Kampar Utara	3,204
11	Rumbio Jaya	3,525
12	Kampar Timur	4,886
13	Bangkinang	7,673
14	Bangkinang Seberang	6,553
15	Salo	5,138
16	Bangkinang Barat	4,850
17	Tapung	20,380
18	Tapung Hilir	12,664
19	Tapung Hulu	17,046
20	XIII Koto Kampar	5,042
21	Koto Kampar Hulu	4,107
Jumlah		162,125

Sumber: BPS. 2010. Kampar Hasil Sensus Penduduk, 2010.

Jadual 4.2.

Bilangan Penduduk Mengikut Jenis Kelamin di Kabupaten Kampar

No	Kecamatan	Penduduk		
		Laki-laki	Perempuan	Jumlah
1	Kampar Kiri	13,555	12,638	26,193
2	Kampar Kiri Hulu	5,356	5,186	10,542
3	Kampar Kiri Hilir	5,282	4,807	10,089
4	Kampar Kiri Tengah	12,347	11,243	23,590
5	Gunung Sahilan	9,030	8,115	17,145
6	XIII Koto Kampar	10,845	10,330	21,175
7	Koto Kampar Hulu	8,566	8,070	16,636
8	Bangkinang Barat	11,157	10,971	22,128
9	Salo	11,609	11,166	22,775
10	Tapung	43,066	39,183	82,249
11	Tapung Hulu	36,368	33,105	69,473
12	Tapung Hilir	27,191	24,931	52,122
13	Bangkinang	17,501	16,991	34,492
14	Bangkinang Seberang	14,711	14,376	29,087
15	Kampar	22,340	22,206	44,546
16	Kampar Timur	10,799	10,504	21,303
17	Rumbio Jaya	7,691	7,485	15,176
18	Kampar Utara	7,540	7,617	15,157
19	Tambang	27,091	25,543	52,634
20	Siak Hulu	44,340	41,541	85,881
21	Perhentian Raja	8,049	7,355	15,404
Jumlah		354,434	333,363	687,797

Sumber: Kampar Dalam Angka 2010

Kepadatan penduduk mengikut kecamatan di Kabupaten Kampar, menunjukkan Kecamatan Bangkinang mempunyai kepadatan penduduk tertinggi iaitu seramai 115 orang per km² dan Kecamatan Kampar Kiri Hulu mempunyai tingkat kepadatan penduduk yang jarang iaitu seramai 8 orang per km². Tingginya tingkat kepadatan penduduk di kecamatan Bangkinang berhubung rapat dengan perkembangan daerah ini iaitu sebagai ibu negeri Kabupaten Kampar (Jadual 4.3)

Di Kabupaten Kampar, 34.3 peratus penduduk berumur 14 tahun ke bawah, 61.5 peratus penduduk berumur 15 - 64 tahun dan 4.2 peratus penduduk yang berumur di atas 64 tahun. Berdasarkan jumlah ini, nisbah tanggungan ialah sebanyak 62.6. Hal ini boleh diertikan bahawa setiap 100 orang umur produktif hanya menanggung sebanyak 62.6 orang umur yang tidak produktif, angka ini merupakan angka yang relatif kecil (Jadual 4.4).

Kecilnya nisbah beban tanggungan berhubung rapat dengan relatif kecilnya bilangan penduduk yang belum produktif (umur 14 tahun ke bawah) ditambah dengan penduduk yang tidak produktif (umur di atas 64 tahun) jika dibandingkan dengan bilangan penduduk yang produktif (umur 15-64 tahun). Relatif kecilnya nisbah tanggungan memberikan penunjuk bahwa salah satu bukti kejayaan program Keluarga Berencana di Kabupaten Kampar, dalam mengurangkan kadar kelahiran. Dengan demikian di Kabupaten Kampar telah wujud pola keluarga kecil sesuai dengan anjuran pemerintah.

Jadual 4.3

Tingkat Kepadatan Penduduk Mengikut Kecamatan Di Kabupaten Kampar

No	Nama Kecamatan	Luas Kecamatan (km ²)	Peratus (%)	Jumlah penduduk	Tingkat kepadatan (orang per km ²)
1	Kampar Kiri	915.33	14,52	26,193	29
2	Kampar Kiri Hulu	1,301.74	14,08	10,542	8
3	Kampar Kiri Hilir	759.74	13,52	10,089	13
4	Kampar Kiri Tengah	330.59	9,11	23,590	71
5	Gunung Sahilan	597.97	7,95	17,145	29
6	XIII Koto Kampar	732.4	7,77	21,175	25
7	Koto Kampar Hulu	674	7,74	16,636	146
8	Bangkinang Barat	151.41	3,93	22,128	110
9	Salo	207.83	4,25	22,775	60
10	Tapung	1.365.97	3,33	82,249	59
11	Tapung Hulu	1.169,15	3.13	69.473	51
12	Tapung Hilir	1.013,56	1.91	52.122	195
13	Bangkinang	177,18	1.60	34.492	115
14	Bangkinang Seberang	253,50	1.45	29.087	327
15	Kampar	136,28	1.30	44.546	123
16	Kampar Timur	173,08	1.19	21.303	197
17	Rumbio Jaya	76,92	0.91	15.176	190
18	Kampar Utara	79,84	0.85	15.157	142
19	Tambang	371,94	0.75	52.634	125
20	Siak Hulu	689,80	0.71	85.881	138
21	Perhentian Raja	111,54	1.12	15.404	123
Jumlah		11,289,28	100	687,797	51

Sumber : Kampar Dalam Angka, 2010

Disisi lain pula kecilnya nisbah tanggungan juga memberikan maklumat yang sebaliknya berkaitan jangka hayat penduduk. Hal ini boleh dilihat dari kepada relatif kecilnya bilangan penduduk yang berumur diatas 64 tahun. Rendahnya jangka hayat memberikan penunjuk bahawa masih rendahnya taraf kesihatan masyarakat di Kabupaten Kampar.

Jadual 4.4

Bilangan Penduduk Mengikut Tingkat Umur di Kabupaten Kampar

No	Golongan Umur	Bilangan
1	0-4	55,679
2	5-9	64,200
3	10-14	72,123
4	15-19	55,438
5	20-24	43,112
6	25-29	96,650
7	30-34	51,650
8	35-39	85,110
9	40-44	31,112
10	45-49	23,112
11	50-54	49,980
12	55-59	19,111
13	60-64	16,869
14	> 64	73,631
Jumlah		687,797

Sumber : BPS Kabupaten Kampar, 2010

Komposisi Penduduk mengikut taraf pendidikan diperlukan bagi mengetahui salah satu aspek taraf kualiti Sumber Daya Manusia (SDM) yang ada di Kabupaten Kampar. Taraf pendidikan yang dimiliki oleh penduduk di Kabupaten Kampar tergolong relatif rendah. Hal ini boleh diketahui daripada taraf pendidikan formal yang pernah diikuti oleh penduduk di Kabupaten Kampar. Hanya sekitar 2.8 peratus penduduk menamatkan pendidikan tertiar (Kolej/Universiti). Manakala sekitar 56.4 peratus penduduk yang berpendidikan Sekolah Dasar (Sekolah Rendah) dan 5.5 peratus penduduk tidak pernah bersekolah (Jadual 4.5).

Jadual 4.5

Penduduk Mengikut Taraf Pendidikan Yang Pernah Diikuti di Kabupaten Kampar

No	Taraf Pendidikan	Peratus (%)
1.	Tidak Bersekolah	5.47
2.	Sekolah Dasar	56.43
3.	Sekolah Menengah Pertama	13.62
4.	Sekolah Menengah Atas	21.60
5.	Pendidikan Tinggi (Tertiar)	2.88
Jumlah		100

Sumber : BPS Kabupaten Kampar, 2010

Relatif rendahnya taraf pendidikan penduduk di Kabupaten Kampar berhubung rapat dengan faktor sosioekonomi masyarakat seperti rendahnya kemampuan ekonomi masyarakat bagi menghantar anaknya untuk bersekolah dan kurangnya kesedaran akan pentingnya erti pendidikan (BPS, 2010).

Bidang pekerjaan yang dilakukan oleh penduduk di Kabupaten Kampar agak beragam. Hampir 60% (59.89%) populasi terlibat sebagai petani.. Manakala bidang pekerjaan industri ialah bidang yang paling sedikit dilakukan oleh penduduk iaitu sebanyak 5.41 peratus (Jadual 4.6). Ini berhubung rapat dengan budaya masyarakat

Kampar yang sudah melakukan kegiatan pertanian secara turun temurun. Kalaupun ada kegiatan dalam bidang industri, lebih tertumpu kepada industri rumah tangga (*home industry*), seperti agroindustri tahu, ikan asap, kuih muih.

Jadual 4.6

Penduduk Mengikut Bidang Pekerjaan di Kabupaten Kampar

No	Bidang Pekerjaan	Bil (%)
1	Pertanian	59.8
2	Industri	5.41
3	Perdagangan	17.61
4	Perkhidmatan	15.90
5	PNS/ABRI (Polis & Tentera)	1.29
	Jumlah	100

Sumber : BPS Kabupaten Kampar, 2010

4.2.2 Responden dan Sampel Kajian

Responden kajian ialah KIR. KIR yang dipilih sebagai responden kajian akan ditemuramah oleh penyelidik berdasarkan borang soalselidik yang telah dirangka. Selain KIR, penyelidik juga mengadakan perbincangan dengan pegawai dari Jabatan Tenaga Kerja dan Transmigrasi (*depnakertrans*) serta ketua-ketua kampung yang terlibat dalam kawasan kajian ini.

Supaya tidak wujud perbezaan dari segi jenis tanamam, kawasan kajian hanya dilaksanakan pada lima kecamatan terpilih yang memiliki kampung-kampung transmigrasi dan bukan transmigrasi dengan tanaman utama yang sama, iaitu kelapa sawit.

Lima kecamatan ini ialah (Rajah 4.3);

1. Kampar Kiri Tengah
2. Perhentian Raja
3. Tapung Hilir
4. Bangkinang Seberang
5. XIII Koto Kampar

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak berlapis (*stratified random sampling*) bagi mendapatkan kebarangkalian setiap KIR di kawasan kajian sebagai responden. Pemilihan sampel dilakukan melalui dua peringkat.

- a. Peringkat pertama : dengan mengira jumlah KIR di kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi di setiap kacamatan. Setelah mengetahui jumlah KIR di kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi, saiz sampel (KIR) ditentukan dengan merujuk kepada Jadual saiz sampel berdasarkan bilangan populasi (Jadual 4.7). Jumlah KIR di kawasan transmigrasi ialah sebanyak 18,850 dan di kawasan bukan transmigrasi ialah sebanyak 13,658 (Jadual 4.8). Oleh itu dengan berdasarkan Jadual 4.7, jumlah sampel yang diperlukan di kawasan transmigrasi ialah sebanyak 377 KIR dan di kawasan bukan transmigrasi ialah sebanyak 375 KIR.



Rajah 4.3
Kawasan Kajian

Sumber:
<http://petapahanjaya.wordpress.com/download>

- b. Peringkat kedua : bilangan KIR yang diperlukan di setiap kampung di dalam kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi dikira berdasarkan pemberat jumlah penduduk di setiap kampung tersebut (Jadual 4.8). Contoh di kecamatan Perhentian Raja, yang mempunyai dua kampung transmigrasi (Sialiang Kubah dan Hang Tuah) dan tiga kampung bukan transmigrasi (Pantai Raja, Kg. Pinang & Lubuk Sakat). Bilangan sampel yang diperkan di setiam kampung di kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi dikira seperti conton berikut;

Kawasan transmigrasi, (contoh kampung Sialang Kubah) :

$$\frac{\text{Jumlah KIR Sialang Kubah}}{\text{Jumlah KIR di kawasan Transmigrasi di Kabupaten Kampar}} \times \text{Bil Sampel di kawasan transmigrasi (Sekaran)}$$

Sampel untuk kampung Sialang Kubang :

$$\frac{824}{18,850} \times 377 = 17 \text{ KIR (Jumlah sampel di kampung Sialang Kubang)}$$

Kawasan bukan transmigrasi, (contoh kampung Pantai Raja) :

$$\frac{\text{Jumlah KIR Pantai Raja}}{\text{Jumlah KIR di kawasan Bukan Transmigrasi di Kabupaten Kampar}} \times \text{Bil Sampel di kawasan bukan transmigrasi (Sekaran)}$$

Sampel untuk kampung Pantai Raja :

$$\frac{743}{13,658} \times 375 = 20 \text{ KIR (Jumlah sampel di kampung Pantai Raja)}$$

Berdasarkan kaedah ini, bilangan sampel yang diperlukan bagi 5 kecamatan terpilih ialah seperti yang disenaraikan dalam Jadual 4.8.

Jadual 4.7

Saiz Sampel Berdasarkan Bilangan Populasi

Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel
10	10	220	140	1200	291
15	14	230	144	1300	297
20	19	240	148	1400	302
25	24	250	152	1500	306
30	28	260	155	1600	310
35	32	270	159	1700	313
40	36	280	162	1800	317
45	40	290	165	1900	320
50	44	300	169	2000	322
55	48	320	175	2200	327
60	52	340	181	2400	331
65	56	360	186	2600	335
70	59	380	191	2800	338
75	63	400	196	3000	341
80	66	420	201	3500	346
85	70	440	205	4000	351
90	73	460	210	4500	354
95	76	480	214	5000	357
100	80	500	217	6000	361
110	86	550	226	7000	364
120	92	600	234	8000	367
130	97	650	242	9000	368
140	103	700	248	10000	370
150	108	750	254	15000	375
160	113	800	260	20000	377
170	118	850	265	30000	379
180	123	900	269	40000	380
190	127	950	274	50000	381
200	132	1000	278	75000	382
210	136	1100	285	1000000	384

Sumber: Sekaran, U. 1999. Table 11.3, ms. 295

Jadual 4.8

Bilangan Sampel di Kawasan Transmigrasi dan Bukan Transmigrasi

No	KECAMATAN	Kampung TRANSMIGRASI	Bil. KIR	SAMPLE	Kampung BUKAN TRANSMIGRASI	Bil. KIR	SAMPLE
1	Kampar Kiri Tengah	1. Penghidupan	365	7	1. Bina Baru	389	11
		2. Simalinyang	432	9	2. Hidup Baru	465	13
		3. Mayang Pongkai	399	8	3. Karya Bakti	342	9
		4. Lubuk Sakai	440	9	4. Utama Karya	307	8
		5. Koto Damai	398	8			
		6. Bukit Sakai	490	10			
		7. Mekar Jaya	397	8			
		<i>Jumlah</i>	<i>2,921</i>	<i>58</i>		<i>1,503</i>	<i>41</i>
2	Perhentian Raja	1. Sialang Kubang	842	17	1. Pantai Raja	743	20
		2. Hang Tuah	654	13	2. Kampung Pinang	725	20
					3. Lubuk Sakat	861	24
		<i>Jumlah</i>	<i>1,496</i>	<i>30</i>		<i>2,329</i>	<i>64</i>
3	Bangkinang Seberang	1. Pasir Sialang	765	15	1. Pulau Lawas	587	16
		2. Bukit Sembilan	642	13	2. Muara Uwai	654	18
		3. Laboi Jaya	704	14	3. Pulau	789	22
		4. Suka Mulya	865	17	4. Bukit Payung	768	21
					5. Binuang	779	21
		<i>Jumlah</i>	<i>2,976</i>	<i>60</i>		<i>3,577</i>	<i>98</i>
4	Tapung Hilir	1. Kijang Jaya	765	15	1. Sekijang	654	18
		2. Kota Garo	908	18	2. Tebing Lestari	765	21
		3. Suka Maju	758	15	3. Tanah Tinggi	564	15
		4. Kota Baru	765	15	4. Tapung Makmur	1245	34
		5. Koto Bangun	564	11	5. Tapung Lestari	765	21
		6. Cinta Damai	887	18			
		7. Beringin Lestari	587	12			
		8. Tandan Sari	876	18			
		9. Kijang Makmur	908	18			
		10. Koto Aman	978	20			
		11. Gerbang Sari	675	14			
		<i>Jumlah</i>	<i>8,671</i>	<i>173</i>		<i>3,993</i>	<i>110</i>

XIII Koto							
5	Kampar	1. Batu Bersurat	275	6	1. Muara Takus	189	5
		2. Koto Tuo	356	7	2. Pulau Gadang	181	5
		3. Ranah Sungkai	287	6	3. Tanjung Alai	265	7
		4. Binamang	254	5	4. Sibiruang	187	5
		5. Tanjung	234	5	5. Bandur Picak	213	6
		6. Gunung Malelo	356	7	6. Koto Tuo Barat	457	13
		7. Balung	178	4	7. Gunung Bungsu	165	5
		8. Koto Mesjid	282	6	8. Pongkai Istiqamah	432	12
		9. Lubuk Agung	187	4	9. Tabing	167	5
		10. Pongkai	377	8			0
<i>Jumlah</i>			2,786	56		2,256	62
JUMLAH			18,850	377		13,658	375
Sampel			377			375	
%			2.0			2.7	

4.2.3 Prosedur Pengumpulan Data Dan Kerja Lapangan

Sebelum pengumpulan data dan kerja lapangan dijalankan, penyelidik telah menghubungi Ibu Pejabat Kabupaten Kampar di Bangkinang untuk menjalankan kajian di Kampar. Selepas mendapat kebenaran dari pihak pejabat, penyelidik telah pula mengadakan beberapa siri perbincangan untuk mendapatkan maklumat data dengan pejabat Departemen Tenaga Kerja dan Transmigrasi, Provinsi Riau.

Pada bulan Jun 2012, penyelidik telah mengadakan kajian rentas (*pilot study*) ke atas 20 KIR di kawasan transmigrasi dan 20 KIR di kawasan bukan transmigrasi. Selepas soal selidik diperbaiki berdasarkan kajian rentas yang telah dibuat, pada Julai 2012 kerja lapangan telah dimulakan.

Kerja lapangan dijalankan oleh penyelidik dengan dibantu oleh empat orang pembanci Pembanci yang terdiri daripada anak-anak masyarakat tempatan (transmigrasi dan bukan transmigrasi) yang berpendidikan minimum Sekolah Menengah Atas (SMA).

Semua pembanci dilatih dengan tatacara pertanyaan dan proses mengisi borang soal selidik sebelum kerja lapangan dimulakan. Soal selidik menggunakan bahasa Indonesia walau bagaimanapun pembanci akan menemubual responden dalam bahasa Jawa untuk mudah difahami oleh masyarakat transmigrasi yang terdiri daripada transmigran dari pulau Jawa. Sebelum kerja lapangan dimulakan, penyelidik akan memaklumkan kepada ketua kampung tentang lawatan pihak penyelidik ke kampung-kampung yang berkaitan dan memaklumkan tentang tujuan lawatan dan memperkenalkan pembanci-pembanci yang menemubual KIR-KIR (responden kajian) di kampung yang berkenaan.

Sebelum responden ditemuramah mereka terlebih dahulu mereka diberi penerangan ringkas tentang tujuan kajian ini dan memberi jaminan bahawa segala maklumat yang diberikan oleh responden terhadap kajian hanya untuk tujuan penulisan ilmiah sahaja. Untuk meningkatkan validiti data yang diperoleh, penyelidik telah memaklumkan kepada responden bahawa kajian ini tidak ada hubungannya dengan parti atau fahaman politik atau dengan pihak keselamat kabupaten. Maklumat nama KIR dan AIR serta nombor pendaftaran pengenalan (kad pengenalan), rumah atau ladang juga tidak akan direkodkan. Dengan cara demikian responden dapat memberikan maklumat yang sebenarnya tanpa adanya kecurigaan.

Proses menemubual responden (KIR) akan bermula pada jam 4 petang hingga sekitar jam 7 malam. Masa ini dipilih kerana pada waktu itu KIR umumnya telah berada di rumah. Pembanci akan mengambil masa sekitar 45 minit untuk menemubual seorang responden dan dalam masa sehari seorang pembanci boleh menemubual lima orang responden. Kerja lapangan dijalankan dalam tempoh tiga bulan iaitu mulai daripada Julai 2012 hingga Oktober 2012.

4.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini ialah soalselidik bersemuka dengan responden melalui kerja lapangan. Soalan-soalan dalam soalselidik dirangka berdasarkan persoalan dan objektif kajian. Borang soalselidik terbahagi kepada tujuh bahagian utama seperti yang diringkaskan dalam Jadual 4.9 (rujukan borang soal selidik – Lampiran 1²⁰).

²⁰ Ruju juga borang soal selidik – Lampiran 1

Jadual 4.9

Bahagian dan Sub-Bahagian dalam Borang Soal selidik

Bahagian		Sub-Bahagian		Bil soalan	Bentuk jawapan
A	Maklumat KIR	A1-A7	Demografi KIR	7	Angka sebenar dan pilihan daripada senarai jawapan yang telah disediakan
		A8-A17	Pekerjaan utama, sampingan, pendapatan	10	Angka sebenar dan pilihan daripada senarai jawapan yang telah disediakan
		A18-A26	Pemilikan Rumah	9	Angka sebenar dan pilihan daripada senarai jawapan yang telah disediakan
B	Maklumat Perniagaan KIR	B1-B26	Aktiviti perniagaan	26	Angka sebenar dan pilihan daripada senarai jawapan yang telah disediakan
C	Maklumat AIR	-	Demografi dan Pekerjaan AIR, kemahiran AIR	17	Angka sebenar dan pilihan daripada senarai jawapan yang telah disediakan
D	Maklumat AIR	-	Kemahiran AIR	8	Angka sebenar dan pilihan daripada senarai jawapan yang telah disediakan
E	Informasi Ladang	E1-E4	Yang mengusahakan ladang, upah kenapa mengusahakan ladang	4	Angka sebenar dan pilihan daripada senarai jawapan yang telah disediakan
F	Kemudahan Awam	-	Fasiliti	13	Angka sebenar
G	Analisis Usahatani	-	Tanah, penggunaan baja, racun perosak, alat pertanian, kesihatan, akses perkumpulan	40	Angka sebenar

4.4 Analisis Data

Analisis data boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu analisis pendapatan dan kemiskinan, analisis agihan pendapatan; analisis model regresi logistik dan spesifikasi model.

4.4.1 Pendapatan dan Kemiskinan

Pendapatan yang digunakan ialah pendapatan bersih dalam satu tahun. Pendapatan bersih berasal daripada pendapatan kasar setelah ditolak dengan kos-kos yang diperlukan dalam kegiatan berladang. Kajian akan mengukur pendapatan peneroka daripada pelbagai sumber untuk mendapatkan jumlah pendapatan isi rumah tahunan purata dan pendapatan isi rumah tahunan purata perkapita, kadar kemiskinan dan agihan pendapatan bagi membandingkannya antara kawasan transmigrasi dengan bukan transmigrasi. Langkah-langkah dalam mendapatkan purata pendapatan isi rumah setahun (P) dan purata pendapatan isi rumah setahun perkapita (P perkapita) ialah seperti berikut;

- P1 = Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang (hasil ladang)
- P2 = Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang
+ pendapatan sampingan KIR
- P3 = Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang
+ pendapatan sampingan KIR
+ sumber-sumber pendapatan lain
- P4 = Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang
+ pendapatan sampingan KIR
+ sumber-sumber pendapatan lain
+ pemberian daripada AIR yang telah berpindah

P5 = Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang
 + pendapatan sampingan KIR
 + sumber-sumber pendapatan lain
 + pemberian daripada AIR yang telah berpindah
 + Jumlah pendapatan AIR
 + sumber-sumber pendapatan lain AIR
 + pemberian daripada anak AIR yang telah berpindah (cucu kepada KIR)

P perkapita = P5/bilangan ahli isi rumah

Pendapatan dari pekerjaan utama KIR merujuk kepada hasil dari aktiviti ladang (kelapa sawit) manakala jumlah pendapatan dari pekerjaan utama AIR merujuk kepada pendapatan dari pekerjaan semua anak-anak, isteri/suami, cucu dan semua mereka yang tinggal bersama dalam rumah tersebut (AIR).

Pendapatan sampingan KIR atau/dan AIR merujuk kepada semua jenis aktiviti pekerjaan KIR atau/dan AIR yang dibayar gaji atau hasilnya dijual dalam bentuk wang (tidak termasuk aktiviti saradiri). Sumber dari pendapatan lain KIR atau/dan AIR merujuk kepada harta-harta yang disewakan, dividen dan hadiah, bantuan kebajikan (termasuk biasiswa anak-anak) dalam bentuk wang. Pemberian daripada AIR atau anak kepada AIR (cucu kepada KIR) yang telah berpindah dan tidak lagi tinggal serumah dengan KIR.

Pendapatan purata pendapatan isi rumah setahun perkapita dikira dengan membahagikan purata pendapatan isi rumah setahun daripada semua sumber pendapatan dengan bilangan isi rumah. Bilangan ahli isi rumah yang digunakan untuk mengira pendapatan perkapita merujuk kepada bilangan keseluruhan ahli isi rumah (bilangan AIR+KIR).

Manakala bagi pendapatan tahunan KIR pula, ia akan dikira dengan menggabungkan pendapatan daripada pekerjaan utama, sampingan dan lain-lain sumber pendapatan KIR. Semua pendapatan/bantuan yang berbentuk bulanan didarabkan dengan 12 (bulan) bagi mendapatkan amaun tahunan. Manakala pendapatan (bantuan) yang diterima setiap enam bulan akan didarapkan dengan dua bagi mendapatkan amaun tahunan.

Tingkat kemiskinan diukur mengikut kaedah penggunaan beras per tahun yang dikemukakan oleh Sajogyo. Pada masa kajian dibuat, Julai 2012 harga beras menurut standar Depot Logistik Provinsi di Kabupaten ialah Rp 6,500 (RM.1.857) per kilogram. Berdasarkan harga beras ini kategori kemiskinan di kawasan kajian dapat dikelompokkan sebagai berikut:

1. Isi rumah paling miskin. Pendapatan tahunan purata perkapita lebih kecil daripada Rp 1,170,000 (RM.334) atau setara dengan penggunaan 180 kg beras setahun.
2. Isi rumah miskin sekali. Pendapatan tahunan purata perkapita antara Rp 1,170,000 (RM.334) hingga Rp 1,560,000 (RM.446) setara dengan penggunaan beras antara 180 hingga 240 kilogram beras setahun.
3. Isi rumah miskin. Pendapatan tahunan purata perkapita antara Rp 1,566,500 (RM.446) hingga Rp 2,080,000 (RM.594) atau setara dengan penggunaan beras antara 241 hingga 320 kilogram beras setahun.
4. Isi rumah tidak miskin. Pendapatan tahunan purata perkapita lebih besar daripada Rp 2,080,000(RM.594) atau setara dengan penggunaan beras yang lebih banyak dari 320 kilogram setahun.

Analisis ujian Khi Kuasa Dua²¹ (*Pearson Chi-Square*) digunakan bagi mengukur hubungan antara faktor-faktor penentu kemiskinan ke atas tingkat kemiskinan.

Faktor-faktor penentu kemiskinan ialah;

1. Luas tanah yang diusahakan
2. Tingkat penggunaan teknologi
3. Tingkat pendidikan
4. Bilangan ahli isi rumah
5. Tingkat kesihatan
6. Akses kepada institusi
7. Mempunyai pekerjaan ampingan

Faktor-faktor ini akan diuji berdasarkan hipotesis ;

H_0 : Tidak terdapat perbezaan signifikan diantara faktor penentu kemiskinan dengan tingkat kemiskinan

H_1 : Terdapat perbezaan signifikan di antara faktor penentu kemiskinan dengan tingkat kemiskinan

²¹ Analisis ujian Khi Kuasa Dua dikira dengan menggunakan SPSS Version 20. IBM Corp. © 2013.

4.4.2 Agihan Pendapatan

Bagi mengukur ketidakseimbangan agihan pendapatan daripada pelbagai sumber (ms 138-139). Koefisien Gini (atau Pekali Gini) digunakan dan diukur melalui kaedah berikut (Patimawati & Rahisam 2010) :

$$\text{Gini} = \sum_{t=1}^T P_t Q_{t-1} - \sum_{t=1}^T P_{t+1} Q_t$$

Di mana:

P_t = peratus penduduk terkumpul dalam kumpulan ke t

Q_t = peratus pendapatan dalam kumpulan ke t , di mana $t = 1, 2, \dots, t$.

Nilai Koefisien Gini ialah antara 0.0 hingga 1.0, dimana nilai 0.0 bermaksud agihan pendapatan adalah sempurna (*perfect distribution*) sedangkan tidak seimbang sempurna sekiranya nilai besar 1.0²².

Pendapatan isi rumah berdasarkan pelbagai sumber pendapatan (P1 hingga P5) ini kemudiannya akan dibahagikan kepada tiga kumpulan pendapatan utama iaitu;.

- i. 40% penduduk berpendapatan terendah
- ii. 40% penduduk berpendapatan pertengahan
- iii. 20% penduduk berpendapatan tertinggi

²² Keluk Lorenz dan Angkali Gini dikira menggunakan *Software Lorenz Curve Program Version 1.0*, Telesia Systems Ltd © 1994.

Model Regresi Linear Berganda (*multiple linear regression model*)²³ akan digunakan bagi menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi agihan pendapatan²⁴. Rumusan model yang digunakan ialah seperti berikut:

$$Y = a + b_1X_1 + b_2X_2 + b_3X_3 + b_4X_4 + b_5X_5 + b_6X_6 + e$$

Di mana;

Y = peratus pendapatan responden dari keseluruhan jumlah pendapatan

a = pemalar

X₁ = luas tanah yang diusahakan

X₂ = tingkat penggunaan teknologi

X₃ = tingkat pendidikan

X₄ = tingkat kesihatan

X₅ = akses kepada institusi

X₆ = mempunyai pekerjaan sampingan

e = kesalahan pengganggu

Luas tanah yang diusahakan (X₁) dikategorikan kepada tiga iaitu;

- a. Mengusahakan tanah kurang daripada 2 hektar
- b. Mengusahakan tanah antara 2 hingga 3 hektar
- c. Mengusahakan tanah seluas lebih 3 hektar hingga 4 hektar²⁵

Tingkat penggunaan teknologi (X₂) merujuk kepada kesediaan isi rumah dalam menggunakan input pertanian dalam hal ini baja, racun perosak dan perkakas. Pembolehubah ini dikira mengikut jumlah kos pengeluaran yang dibelanjakan oleh isi rumah bagi pembayaran pembelian baja, racun perosak dan perkakas.

²³ Analisis Regresi Linear Berganda dikira dengan menggunakan SPSS Version 20. IBM Corp. © 2913.

²⁴ Rujuk juga Model Regresi Linear Berganda yang digunakan oleh Rahmah & Ishak (2010) dalam kajian agihan pendapatan di Malaysia.

²⁵ Tiada petani yang memiliki tanah lebih dari 4 hektar di kawasan kajian.

Taraf pendidikan (X_3) merujuk kepada pendidikan formal KIR dan AIR :

- a. belum bersekolah (untuk AIR),
- b. tidak pernah bersekolah
- c. SD (sekolah rendah/darjah 1 hingga 6)
- d. SMP (menengah rendah/tingkatan 1 hingga 3)
- e. SMA (menengah atas/tingkat 4 hingga 5)
- f. Perguruan Tinggi (Kolej/Universiti)

Tahap kesihatan (X_4) dikira dengan menggunakan skala *Guttman* iaitu;

- a. angka (*score*) (1) bagi isi rumah yang pernah mengalami sakit dan meninggalkan kerja selama satu tahun terakhir
- b. angka (0) bagi isi rumah yang tidak pernah mengalami sakit.

Akses kepada institusi (X_5) merujuk kepada kesempatan isi rumah bagi menggunakan institusi ekonomi yang ada di luar Bandar (pedesaan). Akses tersebut dikira dengan menggunakan skala *Likert* iaitu;

- a. angka (3) jika tidak pernah
- b. angka (2) jika jarang-jarang (6 bulan sekali)
- c. angka (1) jika sering (setiap bulan)
- d. angka (0) jika selalu (setiap minggu)

Pekerjaan sampingan (X_4) merujuk kepada pekerjaan yang dijalankan oleh isi rumah selain daripada pekerjaan utama dan dibayar upah dalam bentuk wang chash. tahunan. Pembolehubah ini dikira dengan menggunakan skala *Guttman* seperti berikut;

- a. angka (1) jika mempunyai pekerjaan sampingan
- b. angka (0) jika tidak mempunyai pekerjaan sampingan

4.4.3 Model Regresi Logistik

Analisis regresi logistik (*Logistic Regression Model*)²⁶ digunakan untuk mengenalpasti pembolehubah yang signifikan sebagai faktor yang menentukan kemiskinan di kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi di Kabupaten Kampar.

Model ini dapat menunjukkan kebarangkalian (probabiliti) untuk suatu isi rumah berada dalam kemiskinan selepas diuji dengan pembolehubah-pembolehubah bebas faktor-faktor penentu kemiskinan yang digunakan dalam kajian ini. Seperti yang telah dibincangkan dalam Rajah 4.1, faktor-faktor ini meliputi luas ladang yang diusahakan oleh petani, tingkat dan akses kepada penggunaan teknologi, tingkat pendidikan, taraf kesihatan, akses kepada institusi (bank, koperasi, persatuan petani/penduduk) dan penglibatan dalam pekerjaan sampingan.

Kebarangkalian tersebut merupakan suatu kebarangkalian bersyarat (*conditional probability*) dengan andaian pembolehubah bebas yang diuji adalah berbentuk fungsi taburan logistik (*logistic distribution function*), dengan persamaan seperti berikut (Gujarati 1993; Hairunnizam, Sanep & Mohd Ali, 2008);

²⁶ Analisis regresi logistik dikira dengan menggunakan SPSS Version 20. IBM Corp. © 2013.

$$\text{Log Y} \left[\frac{\text{kebarangkalian (miskin)}}{\text{kebarangkalian (tidak miskin)}} \right] = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \dots + \beta_n X_n \quad (1)$$

Dimana; β_0 = pemalar dan $\beta_1, \beta_2, \beta_3, \dots, \beta_n$ = parameter bagi pembolehubah.

Persamaan (1) menunjukkan logistik koefisien boleh diterangkan sebagai perubahan dalam bentuk log 'odds' akibat daripada perubahan satu unit pembolehubah bebas.

Persamaan ini boleh ditulis semula seperti berikut;

$$\frac{\text{kebarangkalian (miskin)}}{\text{kebarangkalian (tidak miskin)}} = e^{\beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \dots + \beta_n X_n} \quad (2)$$

Jika nilai pemalar β_i adalah positif maka nilai nisbah kemungkinan (*odds ratio*) akan meningkat jika nilai pembolehubah bebas X_i meningkat. Sebaliknya jika nilai pemalar β_i negatif bermakna nisbah kemungkinan akan menurun jika nilai pembolehubah bebas X_i menurun.

Ujian Statistik Wald (ujian F) digunakan untuk menguji kesignifikanan parameter pembolehubah ($\beta_1, \beta_2, \beta_3, \dots, \beta_n$) yang teranggar pada darjah kebebasan satu, lima atau 10 peratus. Jika parameter yang dianggarkan tidak signifikan bermaksud pembolehubah penentu (X_i) adalah tidak penting dalam menerangkan model yang dianggarkan. Model yang cekap seharusnya memberi nilai F^* yang lebih besar daripada nilai kritikal F pada aras keertian α , darjah kebebasan ($k-1$) dan ($n-k$) dengan n ialah bilangan cerapan dan k ialah bilangan parameter dalam model tersebut (Hairunnizam, Sanep & Mohd Ali, 2008)

$$\text{Ujian Wald} = \frac{R^2 / k - 1}{1 - R^2 / n - k} \sim F_{k-1, n-k, \alpha} \quad \alpha = 1 \text{ atau } 5\% \quad (3)$$

4.4.4 Spesifikasi Model

Spesifikasi model regresi yang dianggarkan berdasarkan teori-teori dan kajian-kajian lepas berkaitan faktor-faktor penentu kemiskinan iaitu luas tanah yang diusahakan, tingkat penggunaan teknologi, tingkat pendidikan, tingkat kesihatan, akses kepada institusi (persatuan) dan penglibatan dalam pekerjaan sampingan. Dua model regresi akan dianggarkan iaitu untuk kawasan transmigrasi dan untuk kawasan bukan transmigrasi. Pembolehubah bersandar dalam kajian ini berbentuk diktomus iaitu sama miskin atau tidak miskin. Model yang sesuai dianggarkan dalam kajian ini ialah dengan menggunakan model logit binomial. Ini kerana pembolehubah bersandar berbentuk dikotomus dan terdapat pembolehubah bebas dalam kajian ini yang berbentuk dami.

Model yang dianggarkan adalah seperti berikut:

$$P_i = EY = 1/X_i = \frac{1}{1 + e^{-(B_1 + B_2 X_i)}} \quad (4)$$

Persamaan (4) dapat dipermudahkan seperti berikut :

$$P_i = \frac{1}{1 + e^{-Z_i}} \quad (5)$$

Dimana: Z_i ialah $B_1 + B_n X_i$ dan e ialah Log natural.

Skala P_i ialah antara 0 – 1 dan P_i berhubungan secara bukan linear dengan Z_i jika P_i ialah merujuk kepada isi rumah yang berstatus miskin dan $1 - P_i$ ialah merujuk kepada isi rumah yang tidak berstatus miskin. Oleh itu peluang bagi sesebuah isi rumah tidak berstatus miskin ialah seperti:

$$1 - P_i = \frac{1}{1 + e^{Z_i}} \quad (6)$$

Seterusnya dengan menggabungkan persamaan (5) dengan persamaan (6) diperolehi persamaan seperti berikut:

$$\frac{P_i}{1 - P_i} = \frac{1 + e^{Z_i}}{1 + e^{-Z_i}} = e^{Z_i} \quad (7)$$

Bagi menguji persamaan (7), persamaan tersebut terlebih dahulu harus diubah menjadi persamaan seperti berikut:

$$L = \ln \left(\frac{P_i}{1 - P_i} \right) = Z_i \quad (8)$$

Model spesifik yang sesuai dengan salah satu tujuan kajian iaitu bagi menganalisis faktor-faktor penentu kemiskinan, dimana faktor-faktor penentu kemiskinan tersebut merupakan pembolehubah bebas terhadap miskin dan tidak miskinnya isi rumah tersebut. Rumusan model yang digunakan ialah seperti berikut:

$$L = \ln [P_i/(1-P_i)] = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4 + \beta_5 X_5 + \beta_6 X_6 + \mu_i \quad (9)$$

Di mana;

$$\ln \left(\frac{P_i}{1-P_i} \right) = \text{Kebarangkalian miskin atau tidak miskin}$$

L = log bagi nisbah kemungkinan (*odds ratio*) miskin

β_0 = pemalar

X_1 = luas tanah yang diusahakan

X_2 = tingkat penggunaan teknologi

X_3 = tingkat pendidikan

X_4 = tingkat kesihatan

X_5 = akses kepada institusi

X_6 = mempunyai pekerjaan sampingan

μ_i = kesalahan pengganggu

Bagi mengetahui kemungkinan sesebuah isi rumah berstatus miskin seperti akibat pengaruh satu pembolehubah bebas digunakan model statistik nisbah kemungkinan (*Odds Ratio*) dengan formula seperti berikut :

$$OR = e^{b_i}$$

Dimana;

OR = nisbah kebarangkalian

e = Log natural

b_i = Pekali regresi pembolehubah ke i

BAB 5

DAPATAN KAJIAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini terbahagi kepada enam bahagian utama. Bahagian kedua bab ini akan membincangkan profil sosio demografi KIR dan AIR di setiap kawasan kajian. Bahagian ketiga bab ini akan membincangkan pendapatan, agihan pendapatan dan kemiskinan di kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi.

Seterusnya bahagian keempat akan membincangkan dapatan analisis secara deskriptif terhadap faktor-faktor penentu kemiskinan yang meliputi luas tanah yang diusahakan, tingkat penggunaan teknologi, tingkat pendidikan, bilangan ahli isi rumah, tingkat kesihatan, akses kepada institusi (persatuan) dan penglibatan dalam pekerjaan sampingan. Bahagian kelima bab ini akan membincangkan pengaruh faktor-faktor penentu kemiskinan dengan menggunakan model regresi logistik. Seterusnya bahagian terakhir bab ini iaitu kesimpulan.

5.2 Profil Sosio-Demografi

Profil sosio-demografi dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu agihan mengikut suku, struktur umur dan jantina dan taraf perkahwinan.

5.2.1 Agihan Mengikut Suku

Responden kajian terdiri daripada suku Melayu dan suku Jawa, hanya sebahagian kecil terdiri daripada lain-lain suku iaitu suku Minang, Batak dan Banjar. Di kawasan transmigrasi 90.3 peratus terdiri daripada suku Jawa dan bakinya 6.4 peratus suku

Melayu dan 3.3 peratus dari lain-lain kaum. Manakala di kawasan bukan transmigrasi pula 90.3 pula terdiri daripada suku Melayu dan 5.9 peratus suku Jawa dan 3.8 peratus dari lain-lain kaum (Jadual 5.1).

Jadual 5.1
Agihan Responden Mengikut Suku

Suku	Jumlah (KIR)		Transmigrasi (KIR)		Bukan Transmigrasi (KIR)	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Melayu	375	49.9	23	6.4	352	90.3
Jawa	350	46.5	327	90.3	23	5.9
Lain-lain	27	3.6	12	3.3	15	3.8
Jumlah	752	100	362	100	390	100

5.2.2 Struktur Umur dan Jantina

Dari segi umur KIR, sebahagian besar KIR berada dalam sela umur 35 hingga 54 tahun terutamanya dalam sela 45 hingga 49 tahun. Di keseluruhan kawasan kajian, 39.6 peratus KIR dalam sela umur 45 hingga 54 tahun. Manakala di kawasan transmigrasi 40.1 peratus dan di kawasan bukan transmigrasi 39.2 peratus (Jadual 5.2).

Jadual 5.2
Struktur Umur KIR

Sela	Jumlah (KIR)		Transmigrasi (KIR)		Bukan Transmigrasi (KIR)	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
15-24	39	5.2	19	5.2	20	5.2
25-34	98	13.0	51	13.9	47	12.2
35-44	217	28.9	105	28.7	112	29.0
45-54	298	39.6	148	40.1	150	39.2
55-64	80	10.6	38	10.4	42	10.9
65 +	20	2.7	8	2.2	12	3.1
Jumlah	752	100	369	100	383	100

Di keseluruhan kawasan kajian, 83.8 peratus KIR ialah dari kaum lelaki. Manakala di kawasan transmigrasi ialah 84.5 peratus KIR dan di kawasan bukan transmigrasi 83.1 peratus KIR ialah dari kaum lelaki. Secara bandingan KIR perempuan ialah lebih tinggi di kawasan bukan transmigrasi (16.9%) berbanding di kawasan transmigrasi (15.5%). (Jadual 5.3).

Jadual 5.3
Struktur Jantina KIR

Jantina	Jumlah		Transmigrasi		Bukan Transmigrasi	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Lelaki	630	83.8	305	84.5	325	83.1
Perempuan	122	16.2	56	15.5	66	16.9
Jumlah	752	100	361	100	391	100

AIR di kawasan kajian terdiri daripada suami/isteri kepada KIR, anak-anak KIR, menantu, cucu/cicit, ibu/bapa kepada KIR, abang/kakak/adik kepada KIR dan orang-orang lain yang bersaudara dengan KIR. Di keseluruhan kawasan kajian, sekitar 95.4 peratus AIR merupakan anak-anak kepada KIR (Jadual 5.4).

Oleh kerana anak-anak kepada KIR, merupakan peratusan terbesar KIR di kawasan kajian, sebahagian besar umur AIR kurang dari 14 tahun. Di kawasan transmigrasi, 41.4 peratus AIR berumur kurang dari 14 tahun, manakala di kawasan bukan transmigrasi ialah sebanyak 40.6 peratus AIR berumur kurang daripada 14 tahun (Jadual 5.5).

Jadual 5.4
Hubungan KIR dan AIR

Hubungan KIR dan AIR	Jumlah		Transmigrasi		Bukan Transmigrasi	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Anak KIR	2,534	95.4	1,300	96.2	1,234	94.6
Menantu	25	0.9	12	0.9	13	1.0
Cucu/cicit	38	1.4	21	1.6	17	1.3
Bapa/Ibu KIR @ suami/isteri	18	0.7	5	0.4	13	1.0
Abang/Kakak/adik KIR atau suami/isteri	16	0.6	2	0.1	14	1.1
Orang lain yg bersaudara	26	1.0	12	0.9	14	1.1
Jumlah	2,657	100	1,352	100	1,305	100

Jadual 5.5
Struktur Umur AIR

Sela	Jumlah		Transmigrasi		Bukan Transmigrasi	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
0-14	1,100	41.4	548	42.3	552	40.6
15-24	668	25.1	301	23.2	367	27.0
25-34	483	18.2	243	18.7	240	17.6
35-44	258	9.7	132	10.2	126	9.3
45-54	94	3.5	46	3.5	48	3.5
55-64	36	1.4	19	1.5	17	1.3
65+	18	0.7	8	0.6	10	0.7
Jumlah	2,657	100	1,297	100	1,360	100

Jadual 5.6
Struktur Umur Penduduk (KIR+AIR)

Sela	Jumlah		Transmigrasi		Bukan Transmigrasi	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
0- 14	1100	32.3	500	30.7	600	33.7
15-24	707	20.7	345	21.2	362	20.3
25-34	581	17.0	286	17.5	295	16.6
35-44	475	13.9	238	14.6	237	13.3
45-54	392	11.5	194	11.9	198	11.1
55-64	116	3.4	49	3.0	67	3.8
65+	38	1.1	15	0.9	22	1.1
Jumlah	3409	100	1627	100	1781	100

Struktur umur penduduk di kawasan transmigrasi dan kawasan bukan transmigrasi yang berbeza memperlihatkan nisbah tanggungan yang berbeza antara kedua-dua kawasan tersebut. Nisbah tanggungan umur muda lebih tinggi di kawasan bukan transmigrasi (51.7) berbanding di kawasan transmigrasi (44.9) manakala sebaliknya nisbah tanggungan umur tua juga lebih tinggi di kawasan bukan transmigrasi (1.7)

berbanding dengan di kawasan Transmigrasi (1.6). Bagi nisbah tanggungan keseluruhan, nilainya lebih tinggi di kawasan bukan transmigrasi (53.5) berbanding di kawasan transmigrasi (46.5) (Jadual 5.7).

Struktur jantina AIR memperlihatkan bilangan AIR dari kaum perempuan lebih ramai dari kaum lelaki terutamanya di kawasan transmigrasi. Di keseluruhan kawasan kajian, 53.0 peratus AIR ialah kaum perempuan, manakala 47.7 peratus di kawasan transmigrasi dan 46.3 peratus di kawasan bukan transmigrasi (Jadual 5.8). Peratusan kaum perempuan yang besar di kawasan transmigrasi ialah kerana, ramai anak-anak lelaki KIR telah berkahwin dan berpindah ke rumah lain.

Jadual 5.7
Nisbah Tanggungan

	Jumlah	Transmigrasi	Bukan Transmigrasi
Nisbah Tanggungan Umur Muda	48.4	44.9	51.7
Nisbah Tanggungan Umur Tua	1.6	1.6	1.7
Nisbah Tanggungan Keseluruhan	50.0	46.5	53.5

Nota:

Nisbah tanggungan umur muda = $\frac{\text{bilangan penduduk berumur kurang dari 15 tahun}}{\text{bilangan penduduk berumur 15 hingga 64 tahun}}$

Nisbah tanggungan umur tua = $\frac{\text{bilangan penduduk berumur lebih dari 64 tahun}}{\text{bilangan penduduk berumur 15 hingga 64 tahun}}$

Nisbah tanggungan keseluruhan = $\frac{\text{bilangan penduduk berumur kurang dari 15 tahun} + \text{berumur lebih dari 64 tahun}}{\text{bilangan penduduk berumur 15 hingga 64 tahun}}$

Jadual 5.8
Struktur Jantina AIR

	Jumlah		Transmigrasi		Bukan Transmigrasi	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Lelaki	1248	47,0	689	52,3	720	53,7
Perempuan	1409	53,0	628	47,7	620	46,3
Jumlah	2657	100,0	1317	100	1340	100

Dari segi struktur jantina keseluruhan (KIR+AIR), kaum lelaki lebih ramai dari kaum perempuan di kedua-dua kawasan. Di kawasan transmigrasi, peratusan kaum lelaki ialah sebanyak 55.1 peratus berbanding dengan peratusan kaum perempuan iaitu sebanyak 44.9 peratus. Nisbah jantina bagi keseluruhan penduduk di kawasan kajian ialah 82 orang perempuan bagi setiap 100 orang lelaki. Nisbah jantina di kawasan transmigrasi pula ialah 85 orang perempuan bagi setiap 100 orang lelaki, manakala di kawasan bukan transmigrasi, 78 orang perempuan bagi setiap 100 orang lelaki (Jadual 5.9).

Jadual 5.9
Struktur Jantina Penduduk (KIR+AIR)

Jantina	Jumlah		Transmigrasi		Bukan Transmigrasi	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Lelaki	1878	55.1	900	54.1	978	56.1
Perempuan	1531	44.9	765	45.9	766	43.9
Jumlah	3409	100	1665	100	1744	100
Nisbah						
Jantina	100:82		100:85		100:78	

Nota;

Nisbah Jantina = (bil. penduduk perempuan / bil penduduk lelaki) x 100
(bilangan penduduk perempuan bagi setiap 100 orang penduduk lelaki)

5.2.3 Taraf Perkahwinan

Taraf perkahwinan di kedua-kedua kawasan kajian menunjukkan sebahagian besar KIR telah berkahwih sama ada di kawasan transmigrasi atau di kawasan bukan transmigrasi. Oleh kerana struktur umur di kawasan transmigrasi yang lebih tua dari bukan transmigrasi, peratusan balu/duda ialah lebih besar di kawasan transmigrasi (9.5%) berbanding di kawasan bukan Transmigrasi (6.5%) (Jadual 5.10).

Bagi AIR pula, taraf belum pernah berkahwin merupakan peratusan yang tertinggi, walau bagaimanapun peratusannya hampir sama di kawasan transmigrasi dan kawasan bukan transmigrasi. Di kawasan bukan transmigrasi 68 peratus AIR belum berkahwinan manakala 67.9 peratus di kawasan transmigrasi. Di kawasan transmigrasi, sebanyak 31.3 peratus AIR telah berkahwin pula berbanding dengan 31.2 peratus di kawasan bukan transmigrasi (Jadual 5.11).

Jadual 5.10
Taraf Perkahwinan KIR

	Jumlah		Transmigrasi		Bukan Transmigrasi	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Berkahwin	686	91.2	340	89.5	346	93.0
Balu/duda	60	8.0	36	9.5	24	6.5
Bercerai/Berpisah	6	0.8	4	1.1	2	0.5
Jumlah	752	100	380	100	372	100

Jadual 5.11
Taraf Perkahwinan AIR

	Jumlah		Transmigrasi		Bukan Transmigrasi	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Belum pernah berkahwin	1806	68.0	900	67.9	906	68.0
Berkahwin	830	31.2	415	31.3	415	31.2
Balu/duda	15	0.6	75	0.5	7,5	0.6
Bercerai/Berpisah	6	0.2	3	0.2	3	0.2
Jumlah	2657	100	1325,5	100	1331,5	100

5.3 Insiden Kemiskinan


Insiden kemiskinan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu, tingkat pendapatan, agihan pendapatan dan kadar kemiskinan.

5.3.1 Tingkat Pendapatan

Pendapatan isi rumah dikira dengan menggunakan pendekatan pendapatan (*earning approach*). Pendapatan tersebut berasal dari kegiatan pekerjaan utama mahupun daripada pekerjaan sampingan. Pekerjaan utama KIR dikedua-dua kawasan ialah sebagai pekebun kelapa kelapa sawit. Manakala pekerjaan sampingan dalam kajian ini merujuk kepada pekerjaan yang dibayar gaji dalam bentuk wang atau untuk hasilnya dijual bagi mendapatkan wang. Ini kerana terdapat juga KIR mempunyai pekerjaan sampingan, tetapi hasilnya adalah untuk penggunaan KIR dan keluarga (AIR), seperti menanam tanaman kontan (terutamanya sayur, menternak ayam, itik).

Purata pendapatan tahunan KIR dari sumber utama (hasil ladang) (P1) adalah lebih tinggi di kawasan transmigrasi (Rp 17,692,315) berbanding dengan kawasan bukan transmigrasi (Rp 17,202,234). Perbezaan ini ada kaitannya dengan tahap penggunaan teknologi dan akses institusi yang lebih tinggi di kawasan transmigrasi (Rajah 5.1 dan Jadual 5.12). Selepas dicampur dengan pendapatan pendapatan sampingan KIR (P2), purata pendapatan tahunan KIR akan meningkat sebanyak 8.1 peratus kepada Rp 19,121,493 di kawasan transmigrasi, berbanding hanya 2.8 peratus kepada Rp 17,685,434 di kawasan bukan transmigrasi. Ini kerana walaupun peratusan mereka yang mempunyai pekerjaan sampingan (38%) adalah sama antara kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi, tetapi KIR di kawasan transmigrasi mempunyai lebih dari satu pekerjaan sampingan (pelbagai kerja sampingan yang dibayar upah).

Selepas dicampur dengan sumber-sumber lain pendapatan KIR (P3), purata pendapatan tahunan KIR di kedua-dua kawasan akan meningkat sekitar lapan peratus. Di kawasan transmigrasi purata pendapatan tahunan KIR meningkat kepada Rp 20,662,078 manakala di kawasan bukan transmigrasi meningkat kepada Rp 19,095,890. Ini kerana sumbangan pendapatan dari sumber-sumber lain pendapatan KIR hampir sama di kedua-dua kawasan sama ada daripada harta-harta yang disewakan, dividen dan hadiah, bantuan kebajikan (termasuk biasiswa anak-anak) yang berbentuk wang.



Nota;

- P1 = Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang (hasil ladang)
- P2 = Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang
+ pendapatan sampingan KIR
- P3 = Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang
+ pendapatan sampingan KIR
+ sumber-sumber pendapatan lain
- P4 = Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang
+ pendapatan sampingan KIR
+ sumber-sumber pendapatan lain
+ pemberian daripada AIR yang telah berpindah
- P5 = Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang
+ pendapatan sampingan KIR
+ sumber-sumber pendapatan lain
+ pemberian daripada AIR yang telah berpindah
+ Jumlah pendapatan AIR
+ sumber-sumber pendapatan lain AIR
+ pemberian daripada anak AIR yang telah berpindah (cucu kepada KIR)

Rajah 5.1

Tingkat Pendapatan Di Kawasan Transmigrasi dan Bukan Transmigrasi

Jadual 5.12
Pendapatan dan Perubahan Pendapatan di Kawasan Transmigrasi dan Bukan Transmigrasi

	Transmigrasi			Bukan Transmigrasi		
	Peningkatan			Peningkatan		
	Pendapatan	Pendapatan		Pendapatan	Pendapatan	
	(Rp)	(Rp)	%	(Rp)	(Rp)	%
P1	17,692,315			17,202,234		
P2	19,121,493	1,429,178	8.1	17,685,434	483,200	2.8
P3	20,662,078	1,540,585	8.1	19,095,890	1,410,456	8.0
P4	23,067,533	2,405,455	11.6	19,193,490	97,600	0.5
P5	23,387,012	319,479	1.4	19,265,490	72,000	0.4

Nota;

- P1 = Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang (hasil ladang)
- P2 = Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang
+ pendapatan sampingan KIR
- P3 = Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang
+ pendapatan sampingan KIR
+ sumber-sumber pendapatan lain
- P4 = Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang
+ pendapatan sampingan KIR
+ sumber-sumber pendapatan lain
+ pemberian daripada AIR yang telah berpindah
- P5 = Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang
+ pendapatan sampingan KIR
+ sumber-sumber pendapatan lain
+ pemberian daripada AIR yang telah berpindah
+ Jumlah pendapatan AIR
+ sumber-sumber pendapatan lain AIR
+ pemberian daripada anak AIR yang telah berpindah (cucu kepada KIR)

Seterusnya selepas dicampur dengan pemberian daripada AIR yang telah berpindah (P4), purata pendapatan tahunan KIR akan meningkat sebanyak 11.6 peratus kepada Rp 23,067,533 di kawasan transmigrasi berbanding hanya meningkat sebanyak 0.5 peratus kepada Rp 19,193,490 di kawasan bukan transmigrasi. Ini kerana struktur umur di kawasan transmigrasi yang lebih tua berbanding dengan struktur umur yang lebih muda di kawasan bukan transmigrasi, menyebabkan ramai anak-anak KIR transmigrasi ramai yang telah bekerja dan berpindah keluar dari kawasan transmigrasi.

Selepas dicampur dengan jumlah pendapatan yang diterima oleh semua AIR yang berkerja dan sumber-sumber pendapatan lain AIR serta pemberian daripada anak AIR yang telah berpindah (cucu kepada KIR) didapati purata jumlah pendapatan tahunan isirumah meningkat sebanyak 1.4 peratus di kawasan transmigrasi kepada Rp 23,387,012 manakala di kawasan bukan transmigrasi, ia meningkat sebanyak 0.4 peratus kepada Rp 19,265,490. Seperti yang telah diterangkan sebelum ini, perkara ini ada kaitannya dengan dengan struktur umur di kawasan bukan transmigrasi yang lebih muda.

5.3.2 Agihan Pendapatan

Secara amnya agihan pendapatan boleh dilihat berdasarkan agihan mengikut saiz dan agihan mengikut fungsian (Todaro, 2011). Kajian ini akan menganalisis agihan pendapatan isi rumah menggunakan dua pendekatan;

- a. Membahagikan kumpulan penerima pendapatan kepada;
 - iv. 40% penduduk berpendapatan terendah
 - v. 40% penduduk berpendapatan pertengahan
 - vi. 20% penduduk berpendapatan tertinggi
- b. Mengukur Koefisien Gini berdasarkan sumber pendapatan (P1 hingga P5)²⁷

Berdasarkan kepada kaedah (a), pembahagian 3 kumpulan utama ini dilakukan dengan menyusun mengikut jumlah tertinggi hingga terendah, pendapatan yang diterima oleh setiap responden di kawasan kajian. Seterusnya, senarai ini dikategorikan mengikut peratusan agihan penerima pendapatan, iaitu 40:40:20. Analisis agihan akan diulas berdasarkan kawasan kajian iaitu, kawasan bukan transmigrasi dan transmigrasi (rujuk Jadual 5.13, Lampiran 2 dan 3).

²⁷ Pengiraan Gini ini ditunjukkan dalam Lampiran 2 (kawasan bukan transmigrasi) dan Lampiran 3 (kawasan transmigrasi), sementara sumber pendapatan (P1-P5) berdasarkan 5 tahap pendapatan isirumah seperti yang dibincangkan dalam muka surat 138.

Kajian di kawasan bukan transmigrasi menunjukkan jika diambil kira hanya purata pendapatan tahunan KIR dari sumber utama (P1 - hasil ladang), didapati 15.7 peratus pendapatan teragih kepada atau dikuasai oleh 40 peratus responden kumpulan terendah, 38.1 peratus oleh 40 peratus responden kumpulan pertengahan dan 46.2 peratus oleh 20 peratus responden berpendapatan tertinggi. Ini bererti, sebahagian besar daripada jumlah pendapatan (46.2%) bertumpu kepada 20 peratus responden berpendapatan tertinggi berbanding kumpulan berpendapatan terendah yang menguasai hanya 15.7 peratus jumlah pendapatan. Situasi ini juga menggambarkan kedudukan ketidakseimbangan agihan yang agak ketara di antara kumpulan responden berdasarkan nilai Koefisien Gini 0.40.

Bagaimanapun, peratusan agihan di antara kumpulan utama menunjukkan tren perubahan apabila mengambil-kira tambahan pendapatan daripada sumber-sumber sampingan (P2 – P5). Jika di bandingkan, kumpulan 40 peratus terbawah berjaya meningkatkan perolehan pendapatan mereka daripada 15.7 peratus kepada 17.7 peratus, sementara perolehan kumpulan pertengahan agak stabil (38.1% kepada 38.6%). Bagaimanapun, keadaan agak berbeda dengan kumpulan 20 peratus teratas yang mencatatkan penurunan penguasaan pendapatan (daripada 46.2% kepada 43.7%), setelah diambil-kira jumlah pendapatan KIR (P1-P5).

Keadaan ini berlaku kerana pendapatan sampingan dan lain-lain sumber pendapatan KIR serta pendapatan AIR termasuk pemberian oleh AIR yang telah berpindah akan meningkatkan pendapatan 40 peratus penduduk pendapatan terendah dan 40 peratus penduduk pendapatan pertengahan yang dalam masa yang sama mengurangkan

mengurangkan peratusan penduduk dalam kumpulan 20 peratus penduduk pendapatan tertinggi.

Manakala di kawasan transmigrasi, jika diambil kira hanya purata pendapatan tahunan KIR dari sumber utama (P1 - hasil ladang), didapati 18.7 peratus pendapatan teragih kepada atau dikuasai oleh 40 peratus responden kumpulan terendah, 49.2 peratus oleh 40 peratus responden kumpulan pertengahan dan 32.1 peratus oleh 20 peratus responden berpendapatan tertinggi. Ini bererti, sebahagian besar daripada jumlah pendapatan (49.2) bertumpu kepada 40 peratus responden berpendapatan pertengahan berbanding kumpulan berpendapatan terendah yang menguasai hanya 18.7 peratus jumlah pendapatan. Situasi ini juga menggambarkan kedudukan ketidakseimbangan agihan yang agak seimbang di antara kumpulan responden berdasarkan nilai Koefisien Gini 0.26.

Peratusan agihan di antara kumpulan utama tidak banyak berubah apabila mengambil kira tambahan pendapatan daripada sumber-sumber sampingan (P2 – P5). Jika dibandingkan, kumpulan 40 peratus terbawah berkurangan daripada 18.7 peratus kepada 18.4 peratus. Begitu juga dengan perolehan kumpulan tertinggi yang berkurangan daripada 32.1 peratus kepada 31.2 peratus. Sementara ini, perolehan kumpulan berpendapatan pertengahan telah meningkat daripada 49.2 peratus kepada 50.4 peratus. Keadaan ini berlaku kerana pendapatan sampingan dan lain-lain sumber pendapatan KIR serta pendapatan AIR termasuk pemberian oleh AIR yang telah berpindah akan mengurangkan pendapatan 40 peratus penduduk pendapatan terendah dan 20 peratus penduduk pendapatan tertinggi yang dalam masa yang sama meningkatkan 40 peratus penduduk pendapatan pertengahan.

Di kawasan bukan transmigrasi nilai Koefisien Gini semakin berkurangan daripada 0.40 kepada 0.36. Secara tidak langsung, ini menjelaskan ketidakseimbangan agihan pendapatan responden semakin mengecil, serta membuktikan bahawa persekitaran agihan pendapatan adalah semakin baik apabila mengambil-kira pendapatan sampingan responden. Manakala di kawasan transmigrasi nilai Koefisien Gini dengan nilai yang tidak banyak berubah antara 0.26 hingga 0.27. Secara tidak langsung, ini menjelaskan ketidakseimbangan agihan pendapatan responden yang tidak banyak berubah di kawasan transmigrasi apabila mengambil-kira pendapatan sampingan responden.

Jika dibandingkan ketidakseimbangan antara kawasan memperlihatkan ketidakseimbangan agihan pendapatan yang lebih seimbang di kawasan transmigrasi dengan kawasan bukan transmigrasi. Keadaan ini sangat berkait rapat dengan saiz tanah (ladang kelapa sawit) di kawasan transmigrasi lebih seimbang berbanding dengan saiz tanah di kawasan bukan transmigrasi. Jika pendapatan hanya berdasarkan pendapatan dari sumber ladang sahaja, didapati Koefisien Gini di kawasan bukan transmigrasi (0.40) jauh lebih besar berbanding dengan kawasan transmigrasi (0.26).

Secara keseluruhannya, responden daripada kumpulan 40 peratus terendah khususnya di kawasan bukan transmigrasi berupaya meningkatkan perolehan pendapatan mereka melalui pendapatan sampingan daripada pelbagai sumber (meningkat daripada 15.7% kepada 17.7%), berbanding responden di kawasan transmigrasi dengan perolehan yang agak stabil (18.7% kepada 18.5%). Sementara itu, kumpulan 40 peratus pertengahan mencatatkan perolehan yang agak stabil (38.1% kepada 38.6%) bagi kawasan bukan transmigrasi berbanding peningkatan yang ketara bagi responden di

kawasan transmigrasi (49.2% kepada 50.4%). Bagaimanapun, agak berlainan jika kita teliti pendapatan kumpulan responden 20 peratus tertinggi yang mencatatkan kadar perolehan yang agak merosot bagi kawasan bukan transmigrasi (berkurangan daripada 46.2% kepada 43.7%), berbanding responden di kawasan transmigrasi yang agak stabil dengan catatan 32.1% kepada 31.2% (rujuk Rajah 5.2, 5.3 dan 5.4)

Selepas pendapatan KIR dicampur dengan pendapatan sampingan KIR, nilai Koefisien Gini di kawasan bukan transmigrasi berkurangan daripada 0.40 kepada 0.39, dan sebaliknya berlaku peningkatan daripada 0.26 kepada 0.27 di kawasan transmigrasi. Ini kerana di kawasan transmigrasi, kebanyakan pekerjaan sampingan ialah sebagai buruh upahan, dengan tambahan pendapatannya tidak seragam berbanding tambahan pendapatan yang agak seragam sebagai peniaga, pemborong atau pengusaha di kawasan bukan transmigrasi.

Jadual 5.13


Kumpulan Penerima Pendapatan mengikut Sumber Pendapatan

	Bukan Transmigrasi				Transmigrasi			
	40% penduduk pendapatan terendah	40% penduduk pendapatan pertengahan	20% penduduk pendapatan tertinggi	Koefisien Gini	40% penduduk pendapatan terendah	40% penduduk pendapatan pertengahan	20% penduduk pendapatan tertinggi	Koefisien Gini
P1 = Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang (hasil ladang)	15.66	38.14	46.20	0.40	18.69	49.19	32.12	0.26
P2 = Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang + pendapatan sampingan KIR	16.51	38.14	45.35	0.39	18.86	49.71	31.43	0.27
P3 = Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang + pendapatan sampingan KIR + sumber-sumber pendapatan lain	17.50	38.40	44.00	0.37	18.69	50.00	31.32	0.26
P4 = Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang + pendapatan sampingan KIR + sumber-sumber pendapatan lain + pemberian daripada AIR yang telah berpindah	17.60	38.50	43.90	0.37	18.47	50.21	31.32	0.27
P5 = Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang + pendapatan sampingan KIR + sumber-sumber pendapatan lain + pemberian daripada AIR yang telah berpindah + Jumlah pendapatan AIR + sumber-sumber pendapatan lain AIR + pemberian daripada anak AIR yang telah berpindah (cucu kepada KIR)	17.70	38.60	43.70	0.36	18.45	50.38	31.16	0.27


Nilai Koefisien Gini di kawasan bukan transmigrasi kekal sama iaitu 0.37 manakala meningkat daripada 0.26 kepada 0.27 apabila pendapatan KIR dicampur dengan pemberian daripada AIR yang telah berpindah (P4). Situasi ini ada kaitannya dengan struktur umur di kawasan bukan transmigrasi yang kebanyakannya lebih muda berbanding di kawasan transmigrasi. Sehubungan itu, bilangan anak lelaki KIR yang telah bekerja dan berpindah keluar dari kawasan transmigrasi lebih ramai dibandingkan dengan kawasan bukan transmigrasi (rujuk juga Jadual 5.7: nisbah tanggungan umur muda yang lebih tinggi di kawasan bukan transmigrasi dan Jadual 5.8 - bilangan AIR perempuan lebih ramai di kawasan transmigrasi). Seperti yang telah dibincangkan dalam Jadual 5.12, pemberian AIR yang telah berpindah akan meningkatkan pendapatan KIR di kawasan transmigrasi sebanyak 11.6 peratus (daripada Rp20,662,078 (RM.5,903) kepada Rp23,067,533 (RM.6,590) berbanding dengan peningkatan hanya sebanyak 0.5 peratus di kawasan bukan transmigrasi (daripada Rp19,095,890 (RM.5,455) kepada Rp19,193,490) (RM.5,483). Walaupun pemberian AIR yang berpindah ini lebih banyak di kawasan transmigrasi, tetapi jumlah pemberian adalah kurang seragam menyebabkan nilai Koefisien Gini di kawasan transmigrasi meningkat.

Apabila pendapatan KIR dicampur dengan pendapatan tetap dan sampingan AIR (P5), nilai Koefisien Gini di kawasan bukan transmigrasi berkurangan daripada 0.37 kepada 0.36, manakala kekal (0.27) di kawasan transmigrasi. Secara langsung, pendapatan tetap dan sampingan AIR telah meningkatkan pendapatan KIR sebanyak 1.4 peratus di kawasan transmigrasi berbanding peningkatan hanya sebanyak 0.4 peratus di kawasan bukan transmigrasi (Rujuk Jadual 5.12). Keadaan ini juga amat berkaitan dengan struktur umur di kawasan transmigrasi yang kebanyakannya lebih berusia dan


lebih ramai AIR yang telah berkerja di kawasan transmigrasi berbanding dengan kawasan bukan transmigrasi.



Rajah 5.2
Agihan Pendapatan Di Kawasan Bukan Transmigrasi



Rajah 5.3
Agihan Pendapatan Di Kawasan Transmigrasi



Nota;

- P1 = Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang (hasil ladang)
- P2 = Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang
+ pendapatan sampingan KIR
- P3 = Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang
+ pendapatan sampingan KIR
+ sumber-sumber pendapatan lain
- P4 = Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang
+ pendapatan sampingan KIR
+ sumber-sumber pendapatan lain
+ pemberian daripada AIR yang telah berpindah
- P5 = Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang
+ pendapatan sampingan KIR
+ sumber-sumber pendapatan lain
+ pemberian daripada AIR yang telah berpindah
+ Jumlah pendapatan AIR
+ sumber-sumber pendapatan lain AIR
+ pemberian daripada anak AIR yang telah berpindah (cucu kepada KIR)

Rajah 5.4

Koefisien Gini Di Kawasan Transmigrasi dan Bukan Transmigrasi

Secara keseluruhan, di kedua-dua kawasan analisis Model Regresi Linear Berganda (*multiple linear regression model*) memberikan pengaruh yang signifikan terhadap penentu-penentu agihan pendapatan (Jadual 5.14). Ini boleh dilihat dari nilai F hitung yang diperoleh lebih besar dari nilai F tabel (Sig = 0.000). Di kawasan transmigrasi, didapati empat pembolehubah yang signifikan mempengaruhi agihan pendapatan (Y) ialah luas tanah yang diusahakan (X_1), tingkat penggunaan teknologi (X_2), tingkat pendidikan (X_3), dan akses kepada institusi (X_5). Sementara di kawasan bukan transmigrasi empat pembolehubah mempengaruhi pendapatan ialah luas tanah yang diusahakan (X_1), tingkat penggunaan teknologi (X_2) dan tingkat pendidikan (X_3) dan pekerjaan sampingan (X_6). Semua pembolehubah yang signifikan ini berhubung secara negatif dengan agihan pendapatan yang bermaksud jika nilai (angka) pembolehubah tersebut meningkat, ketidakseimbangan agihan pendapatan akan berkurangan.

Di kedua-dua kawasan kajian, luas tanah yang diusahakan (X_1), menunjukkan pengaruh yang sangat signifikan (aras keertian 1%) dalam mempengaruhi agihan pendapatan. Apabila luas ladang yang diusahakan meningkat, agihan pendapatan menjadi semakin seimbang terutamanya di kawasan bukan transmigrasi (-0.74) berbanding dengan di kawasan transmigrasi (-0.58). Ini kerana sebahagian besar KIR mengusahakan tanah melebihi 3 hektar iaitu 318 KIR (84.4%) di kawasan transmigrasi berbanding 310 KIR (82.7%) di kawasan bukan transmigrasi. Pemilikan tanah di kawasan transmigrasi adalah lebih seimbang kerana di peringkat awal program transmigrasi setiap KIR (peserta program) diperuntukan dua hektar tanah. Oleh itu, agihan penguasaan tanah di kawasan transmigrasi lebih seimbang jika dibandingkan dengan kawasan bukan transmigrasi.

Jadual 5.14
Analisis Regresi Linear Berganda

Pembolehubah bebas	Transmigrasi	Bukan Transmigrasi
Pemalar	0.221 (8.806)***	0.357 (7.861)***
X ₁ = luas tanah yang diusahakan	-0.058 (-6.723)***	-0.074 (-4.794)***
X ₂ = tingkat penggunaan teknologi	-1.39 (10.869)***	-2.16 (-2.117)**
X ₃ = tingkat pendidikan	-0.021 (-4.433)***	-0.024 (-3.002)**
X ₄ = tingkat kesihatan	0.047 (3.449)	0.035 (1.421)
X ₅ = akses kepada institusi	-0.012 (-2.556)***	0.015 (.897)
X ₆ = mempunyai pekerjaan sampingan	0.016 (1.548)	-0.026 (-1.326)
<i>Adjusted R²</i>	0.447	0.100
<i>R²</i>	0.456	0.115
<i>Overall F</i>	51.647***	7.948***
N	377	375

Nota: ***Signifikan pada aras keertian 1%
 ** Signifikan pada aras keertian 5%
 * Singnifikan pada aras keertian 10%

Di kawasan Transmigrasi pembolehubah tingkat penggunaan teknologi (X₂) menunjukkan pengaruh yang lebih signifikan (aras keertian 1%), berbanding dengan di kawasan bukan transmigrasi (aras keertian 5%). Keadaan ini bermaksud semakin tinggi penggunaan teknologi akan semakin rendah ketidakseimbangan agihan pendapatan terutamanya di kawasan bukan transmigrasi. Ini kerana purata penggunaan teknologi bagi setiap satu hektar adalah lebih tinggi di kawasan transmigrasi berbanding dengan di kawasan bukan transmigrasi.

Tingkat pendidikan (X₃) di kawasan transmigrasi, sangat signifikan pengaruhnya terhadap agihan pendapatan (aras keertian 1%), berbanding dengan di kawasan bukan transmigrasi (aras keertian 5%). Ertinya semakin tinggi tahap pendidikan petani, agihan pendapatan menjadi semakin seimbang.

Tahap kesihatan (X_4) dan penglibatan dalam pekerjaan sampingan (X_6) tidak signifikan mempengaruhi agihan pendapatan di kedua-dua kawasan kajian. Manakala akses kepada institusi (X_5) hanya signifikan di kawasan transmigrasi (aras keertian 1%). Semakin tinggi penglibatan KIR dengan persatuan/institusi akan semakin rendah ketidakseimbangan agihan pendapatan. Peratusan petani di kawasan transmigrasi lebih kerap menggunakan perkhidmatan persatuan ekonomi yang ada di kawasan mereka berbanding dengan petani di kawasan bukan transmigrasi. Persatuan ekonomi yang banyak digunakan (akses) oleh petani ialah persatuan Penyuluh Pertanian Lapangan (PPL) yang aktif di kawasan transmigrasi.

5.3.3 Kadar Kemiskinan

Untuk dapat mengetahui tingkat kemiskinan isi rumah miskin, kajian ini akan mengelompokkan isi rumah dalam empat kategori sesuai dengan pengelompokkan yang dikemukakan oleh Sajogyo (Quibria 1996), iaitu tidak miskin, miskin, miskin sekali dan paling miskin. Harga beras Rp 6,500 per kilogram menurut piawai Depot Logistik Provinsi di Kabupaten pada bulan Julai 2012 akan digunakan dalam kajian ini. Pendapatan tahunan purata perkapita, iaitu jumlah pendapatan isi rumah (KIR dan AIR) dari semua sumber pendapatan akan digunakan bagi mengukur kadar kemiskinan di kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi.

Berdasarkan harga beras tersebut, kategori kemiskinan di kawasan kajian dapat dikelompokkan sebagai berikut:

1. Isi rumah paling miskin. Pendapatan tahunan purata perkapita lebih kecil daripada Rp 1,170,000 atau setara dengan penggunaan kurang daripada 180 kg beras setahun.
2. Isi rumah miskin sekali. Pendapatan tahunan purata perkapita antara Rp 1,170,000 hingga Rp 1,536,000 setara dengan penggunaan beras antara 180 hingga 240 kilogram beras setahun.
3. Isi rumah miskin. Pendapatan tahunan purata perkapita antara Rp 1,536,001 hingga Rp 2,080,000 atau setara dengan penggunaan beras antara 241 hingga 320 kilogram beras setahun.
4. Isi rumah tidak miskin. Pendapatan tahunan purata perkapita lebih besar daripada Rp 2,080,001 atau setara dengan penggunaan beras yang lebih banyak dari 321 kilogram setahun.

Disebabkan oleh faktor-faktor seperti yang telah dibincangkan dibahagian pendapatan dan agihan pendapatan sebelum ini, didapati purata pendapatan tahunan isirumah perkapita adalah lebih tinggi di kawasan transmigrasi dan agihan pendapatan isi rumah setahun perkapita di kawasan transmigrasi adalah lebih seimbang jika dibandingkan dengan kawasan bukan transmigrasi (Jadual 5.15).

Dalam masa yang sama, dengan menggunakan kriteria tersebut kadar (peratusan) kemiskinan isi rumah pada masing-masing kawasan ialah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.16.

Jadual 5.15

Pendapatan tahunan purata perkapita

	Transmigrasi		Bukan Transmigrasi	
	Pendapatan	Gini	Pendapatan	Gini
Pendapatan tahunan purata perkapita (Pk)	4,657,299	0.279	3,739,877	0.353

Nota;

P5 = Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang
+ pendapatan sampingan KIR
+ sumber-sumber pendapatan lain
+ pemberian daripada AIR yang telah berpindah
+ Jumlah pendapatan AIR
+ sumber-sumber pendapatan lain AIR
+ pemberian daripada anak AIR yang telah berpindah (cucu kepada KIR)

Pk = P5/bilangan ahli isi rumah

Jadual 5.16

Kadar Kemiskinan

No	Kawasan	Paling Miskin (%)	Miskin Sekali (%)	Miskin (%)	Jumlah Miskin (%)	Jumlah Tidak Miskin (%)	Jumlah KIR (sampel)
1	Transmigrasi	23 (6.1)	42 (11.1)	53 (14.1)	118 (31.3)	259 (68.7)	377
2	Bukan Transmigrasi	-	27 (7.5)	209 (55.7)	236 (62.9)	139 (37.1)	375
	Jumlah	23 (3.1)	69 (9.2)	262 (34.8)	354 (47.1)	398 (52.9)	752

Secara keseluruhan (jumlah), peratusan KIR (petani) yang hidup dalam kemiskinan di kawasan kajian ialah sebanyak 47.1 peratus berbanding yang tidak miskin 52.9 peratus. Kadar kemiskinan di kawasan bukan transmigrasi (62.9%) lebih tinggi jika dibandingkan dengan kawasan transmigrasi (31.3%). Dalam masa yang sama, bilangan KIR yang berstatus paling miskin dan miskin sekali lebih besar di kawasan transmigrasi. Ini kerana di kawasan transmigrasi terdapat KIR yang menguasai tanah

dalam sistem bahagi hasil (hasil dibahagi sama rata dengan tuan tanah). KIR ini bukan peserta program transmigrasi.

Dasri segi agihan pendapatan pula, agihan pendapatan isi rumah miskin (0.10) dan tidak miskin (0.09) di kawasan transmigrasi adalah lebih seimbang jika dibandingkan dengan agihan pendapatan miskin (0.13) dan tidak miskin (0.10) di kawasan bukan transmigrasi. (Jadual 5.17). Keadaan ini disebabkan secara keseluruhannya agihan pendapatan di kawasan transmigrasi (Gini =0.24) adalah lebih seimbang dari kawasan bukan transmigrasi (Gini=0.39), dirujuk dalam Jadual 5.14.

Jadual 5.17

Angkali Gini Pendapatan Berdasarkan Status Isi Rumah

No	Kawasan	Jumlah Miskin	Jumlah Tidak Miskin
1	Transmigrasi	0.10	0.09
2	Bukan Transmigrasi	0.13	0.10
	Jumlah	0.111	0.093

Insiden ketidakseimbangan pendapatan golongan isi rumah miskin tinggi akibat daripada ketidakseimbangan mengusahakan tanah yang menjadi sumber pendapatan utama. Analisis menunjukkan bahwa saiz tanah yang diusahakan KIR miskin sebagai sumber pendapatan cenderung lebih tidak seimbang (Gini=0.16)) berbanding KIR rumah tidak miskin (Gini= 0.07).

5.4 Faktor Penentu Kemiskinan

Faktor-faktor penentu kemiskinan ini meliputi saiz tanah, tingkat penggunaan teknologi, tingkat pendidikan, bilangan ahli isi rumah, tingkat kesihatan, akses kepada institusi dan penglibatan pekerjaan sampingan.

5.4.1 Saiz Tanah

Tanah merupakan salah satu sumber daya utama usaha pertanian khususnya di kawasan luar bandar dan ia adalah sebahagian daripada *status quo* dalam kehidupan seharian penduduk luar bandar, termasuklah di kawasan kajian.

Secara amnya, purata saiz tanah di kawasan kajian ialah 3.15 hektar, dengan saiz tanah perkapita (per-penduduk) 0.61 hektar. Kawasan transmigrasi mencatatkan purata saiz tanah 3.05 hektar dengan saiz tanah perkapita seluas 0.59 hektar berbanding 3.24 hektar dan perkapita 0.63 hektar di kawasan bukan transmigrasi (Jadual 5.18).

Jadual 5.18
Saiz Penguasaan Tanah dan Tanah Perkapita

Kawasan	Saiz (hektar)	Perkapita (hektar)
Transmigrasi	3.05	0.59
Bukan Transmigrasi	3.24	0.63
Purata	3.15	0.61

Nota ; Tanaman utama adalah Kelapa Sawit

Sementara itu, Jadual 5.19 menjelaskan bahawa sebahagian besar KIR mengusahakan tanah melebihi 3 hektar iaitu 318 KIR (84.4%) di kawasan transmigrasi berbanding 310 KIR (82.7%) di kawasan bukan transmigrasi.

Jadual 5.19

Saiz Mengusahakan Tanah

Kawasan	Bil (%)		
	< 2 Hektar	2 - 3 Hektar	3 - 4 Hektar
Transmigrasi	32 (8.5%)	27 (7.2)	318 (84.4)
Bukan Transmigrasi	35 (9.3)	30 (8.0)	310 (82.7)

Secara relatif lebih ramai KIR yang mempunyai tanah tiga hingga empat hektar kerana terdapat KIR di kawasan transmigrasi (peserta program transmigrasi) yang menjual tanah mereka kepada KIR lain sama ada kepada peserta program transmigrasi atau kepada penduduk tempatan yang tinggal di kawasan luar bandar mahupun kawasan bandar. Di peringkat awal program transmigrasi setiap KIR (peserta program) diperuntukan dua hektar tanah. Bagaimanapun, terdapat peserta program yang menjual tanah mereka sehingga menyebabkan purata keluasan tanah di kawasan transmigrasi berbeza di antara KIR di kawasan transmigrasi sendiri.

Dalam masa yang sama, terdapat 97 orang KIR (25.7%) di kawasan transmigrasi dan 218 KIR (58.1%) di kawasan bukan transmigrasi tidak memiliki tanah tetapi mengusahakan tanah melalui 'sistem bahagi hasil'. Dalam 'sistem bahagi hasil', KIR (petani) yang mengusahakan tanah milik orang lain akan mengusahakan tanah tersebut mulai dari membersihkan tanah (pemupukan) hingga mengeluarkan hasil (panen) dimana pemilik tanah akan menyediakan rumah (pondok) untuk petani beserta input pertanian (baja, racun perosak dan alat-alat pertanian). Pendapatan dari hasil

pertanian yang diperolehi akan dibahagi sama rata kepada petani yang mengusahakan tanah tersebut dengan pemilik tanah.

Secara keseluruhan agihan penguasaan tanah (0.13) adalah lebih seimbang jika dibandingkan dengan agihan tanah perkapita (0.16). Agihan penguasaan tanah di kawasan transmigrasi lebih seimbang jika dibandingkan dengan kawasan bukan transmigrasi (Jadual 5.20).

Jadual 5.20

Angkali Gini Penguasaan Tanah Total dan Perkapita Isi Rumah

Kawasan	Gini Tanah	Gini Tanah
	Total	Perkapita
Transmigrasi	0.11	0.14
Bukan Transmigrasi	0.15	0.18
Purata	0.13	0.16

Keseimbangan penguasaan tanah di kawasan kajian hubungannya dengan luas tanah yang dimiliki dan yang diusahakan melalui ‘sistem bahagi hasil’. Selain mengusahakan tanah milik sendiri, petani yang memiliki saiz tanah yang kecil akan terlibat dalam mengusahakan tanah milik petani lain (yang memiliki saiz tanah besar) melalui ‘sistem bahagi hasil’.

Dalam masa yang sama, petani yang tidak berstatus miskin mempunyai tanah relatif lebih luas jika dibandingkan dengan isi rumah yang berstatus miskin. Purata luas penguasaan tanah oleh petani yang berstatus tidak miskin ialah 5.01 hektar dan purata penguasaan tanah petani yang berstatus miskin 2.85 hektar (Jadual 5.21).

Jadual 5.21

Saiz Penguasaan Tanah Berdasarkan Status Isi Rumah (Hektar)

Kawasan	Isi Rumah Miskin	Isi Rumah Tidak Miskin
Transmigrasi	2.64	6.44
Bukan Transmigrasi	3.05	3.58
Purata	2.85	5.01

Selain itu, agihan penguasaan tanah dikalangan petani tidak miskin lebih seimbang jika dibandingkan dengan agihan penguasaan tanah dikalangan petani yang *miskin*. Ini dibuktikan melalui nilai purata Angkali Gini, iaitu 0.074 untuk isi rumah tidak miskin, berbanding-0.156 untuk isi rumah yang miskin (Jadual 5.22).

Jadual 5.22

Angkali Gini Luas Penguasaan Tanah Berdasarkan Status Isi Rumah

Kawasan	Isi Rumah Miskin	Isi Rumah Tidak Miskin
Transmigrasi	0.139	0.071
Bukan Transmigrasi	0.172	0.077
Purata	0.156	0.074

Secara keseluruhan, di kawasan transmigrasi, dapatan analisis ujian Khi Kuasa Dua (Pearson Chi-Square) ke atas luas tanah yang diusahakan berdasarkan tingkat kemiskinan (miskin; tidak miskin) mendapati anggaran $\chi^2 = 23.319$ dan $p < 0.05$. Oleh kerana anggaran $\chi^2 > 5.991$, maka H_1 boleh diterima dan menunjukkan wujudnya perbezaan yang ketara di antara luas tanah yang diusahakan dengan tingkat kemiskinan. Maksudnya, secara signifikan, sejumlah 84.4 peratus petani di kawasan transmigrasi (62.1% tidak miskin dan 22.3% miskin) mengusahakan tanah melebihi 3 hektar dan hanya 8.5 peratus petani (3.2 % tidak miskin dan 5.3% miskin) mengusahakan tanah kurang daripada 2 hektar (rujuk jadual 5.19). Manakala di

kawasan bukan transmigrasi, ($\chi^2 = 5.918$, $df=2$, $p>0.05$). Oleh kerana anggaran $\chi^2 < 5.991$ maka H_0 diterima, dan menunjukkan wujudnya tidak terdapat perbezaan secara signifikan antara luas tanah yang diusahakan dengan tingkat kemiskinan. Maksudnya sejumlah 82.7 peratus petani (32.8% tidak miskin dan 49.9% miskin) mengusahakan tanah lebih dari 3 hektar. Manakala 8.0 peratus petani (2.4% tidak miskin dan 5.6% miskin) mengusahakan tanah antara 2-3 hektar dan 9.3 peratus petani (1.9% tidak miskin dan 7.5% miskin) mengusahakan tanah kurang dari 2 hektar

H_0 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara luas tanah dengan tingkat kemiskinan

H_1 : Terdapat hubungan yang signifikan antara luas tanah dengan tingkat kemiskinan

Kesimpulannya, luas tanah yang diusahakan adalah signifikan dalam hubungannya dengan tingkat kemiskinan di kawasan transmigrasi kerana pemilikan tanah yang lebih tinggi (sekitar 75% KIR memiliki tanah pertanian, berbanding 50% KIR di kawasan bukan transmigrasi) dan agihan tanah (Gini tanah perkapita) yang lebih seimbang di kawasan transmigrasi.

5.4.2 Tingkat Penggunaan Teknologi

Penggunaan (adopsi) teknologi dalam kajian ini menggambarkan respon petani terhadap teknologi pertanian yang telah diperkenalkan oleh pemerintah. Di dalam kajian ini teknologi yang digunakan oleh petani terdiri dari baja, racun perosak dan penggunaan alat-alat pertanian modern (mesin). Tingkat penggunaan teknologi yang digunakan oleh petani menunjukkan kemampuan petani dalam mengeluarkan

sejumlah wang untuk membeli teknologi pertanian yang mereka perlukan (Jadual 5.23).

Jadual 5.23

Penggunaan Teknologi

Kawasan	Adopsi Teknologi
Transmigrasi	Rp 11,589,188 (RM.3,311)
Bukan Transmigrasi	Rp 5,105,897 (RM.1,458)
Purata	Rp 8,347,542 (RM. 2,385)

Tingkat penggunaan teknologi yang telah digunakan oleh petani ialah Rp 11,589,188 (RM. 3,311) di kawasan transmigrasi dan Rp 5,105,897 (RM.1,458) di kawasan bukan transmigrasi (Jadual 5.23). Purata penggunaan teknologi bagi setiap satu hektar pula, di kawasan transmigrasi ialah Rp 3,800,891 (RM.1,085) dan bukan transmigrasi Rp 1,573,304 (RM.449) sehektar.

Petani di kawasan transmigrasi menggunakan baja relatif lebih banyak jumlahnya jika dibandingkan dengan petani di kawasan bukan transmigrasi. Menurut petani petani di kawasan transmigrasi, penggunaan teknologi ini dilakukan untuk meningkatkan produktiviti dari tanaman kelapa sawit kerana umur pokok kelapa sawit yang telah tua, melebihi 25 tahun dan sudah memasuki waktu untuk tanam semula (*replanting*). Walaupun jumlah baja yang digunakan relatif besar namun, jumlah ini masih di bawah piawai yang dicadangkan oleh pemerintah iaitu 250 kg per hektar.

Jadual 5.24

Penggunaan Teknologi Untuk Input Pertanian

Kawasan	Alat (Rp)	Penggunaan Baja (Rp)			Racun Perosak	Jumlah (Rp)
		UREA	TSP	KCL		
Transmigrasi	617,304.4 (RM.176)	3,200,133 (RM. 914)	3,657,294 (RM 1,044)	4,114,456 (RM 1,175)	-	10,971,883 (RM3,134)
Bukan Transmigrasi	633,097 (RM 180)	974,000 (RM 278)	136,800 (RM 39)	1,461,600 (RM 417)	900.000 (RM 257)	4,472,800 (RM 1,277)
Purata	625,200 (RM 178)	2,087,066.5 (RM 596)	2,397,047 (RM 685)	2,788,028 (RM 797)	450,000 (RM 129)	7,722,342 (RM 2,206)

Nota: UREA = baja sebatian organik berasaskan Nitrogen

TSP = baja phosphate untuk mengalikan pertumbuhan akar

KCL = baja kompos atau baja konvensional

Sementara di kawasan bukan transmigrasi jumlah baja yang digunakan lebih sedikit daripada yang telah dicadangkan oleh pihak pemerintah. Perkara ini disebabkan oleh kerana kurangnya pemahaman petani tentang baja serta sukarnya untuk petani mendapatkan baja yang bersubsidi dari pemerintah. Baja bersubsidi lebih banyak diperuntukkan untuk petani di kawasan transmigrasi.

Disamping perbelanjaan untuk baja, petani juga mengeluarkan biaya untuk racun perosak, namun racun perosak hanya digunakan oleh petani di kawasan bukan transmigrasi sahaja. Ini kerana menurut petani di kawasan transmigrasi serangan hama maupun penyakit belum berlaku dan umumnya kegiatan pengendalian hama dan penyakit akan dilakukan oleh petani hanya apabila sudah telah ada gejala serangan pada tanaman. Dalam masa yang sama, kerajaan akan memberi bantuan kepada petani di kawasan transmigrasi apabila berlaku masalah serangan hama dan penyakit.

Tingkat penggunaan teknologi berdasarkan status petani (miskin dan tidak miskin) memperlihatkan tingkat responsif dan kemampuan membayar terhadap teknologi yang ada. Jadual 5.25 menunjukkan tingkat penggunaan teknologi oleh kelompok petani miskin adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan tingkat penggunaan teknologi oleh kelompok petani tidak miskin.

Jadual 5.25

Tingkat Penggunaan Teknologi

Kawasan	Isi Rumah Miskin (Rp)	Isi Rumah Tidak Miskin (Rp)
Transmigrasi	10,103,608 (RM 2,887)	12,266,015 (RM 3,505)
Bukan Transmigrasi	4,881,501 (RM 1,394)	5,846,885 (RM 1,670)
Purata	7,492,554 (RM 2,141)	9,056,450 (RM 2,587)

Secara purata, tingkat penggunaan teknologi kelompok petani miskin ialah sebanyak Rp 7,492,554 (RM 2,141) dan pada petani tidak miskin ialah Rp 9,056,450 (RM 2,587). Justeru, adalah jelas bahawa petani yang tidak miskin mempunyai kemampuan membayar untuk penggunaan teknologi yang lebih baik jika dibandingkan dengan petani miskin. Malahan, pengetahuan kelompok petani yang tidak miskin terhadap teknologi juga lebih tinggi jika dibandingkan dengan kelompok petani miskin.

Secara keseluruhan, di kawasan transmigrasi, dapatan analisis ujian Khi Kuasa Dua (*Pearson Chi-Square*) ke atas tingkat penggunaan teknologi berdasarkan tingkat kemiskinan (tidak miskin; miskin), mendapati anggaran $\chi^2 = 45.635$ dan $p < 0.05$. Oleh

kerana anggaran $\chi^2 > 5.991$, maka H_1 boleh diterima dan menunjukkan wujudnya perbezaan yang ketara diantara tingkat penggunaan teknologi dengan tingkat kemiskinan. Maksudnya secara signifikan sejumlah 84.1 peratus petani di kawasan transmigrasi (61.8% tidak miskin dan 22.3% miskin) tingkat penggunaan teknologinya lebih dari Rp 10,000,000 dan 10.9 peratus petani (6.9% tidak miskin dan 4.0% miskin) antara Rp 5,000,000 – Rp 10,000,000 dan 5.0 peratus petani tingkat penggunaan teknologinya kurang dari Rp 5,000,000 (5.0% miskin).

Manakala di kawasan bukan transmigrasi ($\chi^2 = 30.749$, $df=2$, $p<0.05$. Oleh kerana $\chi^2 > 5.991$ maka H_1 diterima yang menunjukkan terdapat perbezaan secara signifikan antara tingkat penggunaan teknologi dengan tingkat kemiskinan. Oleh yang demikian hipotesis I yang menyatakan terdapat hubungan yang signifikan antara tingkat penggunaan teknologi dengan tingkat kemiskinan, boleh diterima.

H_0 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tingkat penggunaan teknologi dengan tingkat kemiskinan

H_1 : Terdapat hubungan yang signifikan antara tingkat penggunaan teknologi dengan tingkat kemiskinan

Kesimpulannya, walau bagaimanapun kadar signifikan ini (χ^2) adalah lebih tinggi di kawasan transmigrasi berbanding dengan kawasan bukan transmigrasi. Ini kerana di kawasan transmigrasi petani mendapat subsidi baja dan racun (yang disalurkan melalui koperasi) dibanding dengan kawasan bukan transmigrasi.

5.4.3 Tingkat Pendidikan

Dari segi tingkat pendidikan KIR pula, sebahagian besar petani (KIR) di kedua-dua kawasan tidak pernah bersekolah. Di kawasan transmigrasi 36.6 peratus petani tidak pernah bersekolah, 26.8 peratus berpendidikan sekolah rendah dan 21.5 peratus berpendidikan sekolah menengah. Manakala di kawasan bukan transmigrasi, 35.5 peratus petani tidak pernah bersekolah, 14.9 peratus berpendidikan sekolah rendah dan 25.1 peratus petani berpendidikan sekolah menengah (Jadual 5.26).

Jadual 5.26
Tingkat Pendidikan Petani

	Jumlah		Transmigrasi		Bukan Transmigrasi	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Sekolah rendah (SD) (Darjah 1-6)	157	20.9	101	26.8	56	14.9
Menengah Rendah (SMP) (Tingkat 1-3)	173	23.0	81	21.5	92	24.5
Menengah Atas (SMA) (Tingkat 4-5)	151	20.1	57	15.1	94	25.1
Pendidikan Tinggi (Politeknik/Maktab/Kolej/Universiti)	0	0.0	0	0.0	0	0.0
Tidak Pernah Bersekolah	271	36.0	138	36.6	133	35.5
Jumlah	752	100	377	100	375	100

Bagi taraf pendidikan AIR pula, di kawasan transmigrasi sebanyak 41.4 peratus AIR berpendidikan sekolah rendah (telah tamat/berhenti atau sedang bersekolah), 14.9 peratus dan 10.3 peratus masing-masingnya berpendidikan sekolah menengah rendah dan menengah atas 0.1 peratus AIR pendidikan tinggi belum bersekolah 20.4 peratus dan 12.8 peratus tidak pernah bersekolah. Sebaliknya di kawasan bukan transmigrasi pula 42.5 peratus AIR berpendidikan sekolah rendah, 17.2 peratus

berpendidikan sekolah menengah rendah, 9.3 peratus berpendidikan bersekolah menengah dan 0.2 peratus pendidikan tinggi, 19.7 peratus belum bersekolah dan 12.2 peratus tidak pernah bersekolah (Jadual 5.27)

Jadual 5.27

Tingkat Pendidikan AIR

Taraf Pendidikan AIR	Jumlah		T		BT	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Sekolah rendah (Darjah 1-6)	1115	42.0	555	41.4	560	42.5
Menengah Rendah (Ting 1-3)	427	16.1	200	14.9	227	17.2
Menengah Atas (Ting 4-5)	260	9.8	138	10.3	122	9.3
Tinggi (Politeknik/Maktab/Kolej/Universiti)	4	0.2	2	0.1	2	0.2
Belum Bersekolah	533	20.1	273	20.4	260	19.7
Tidak Pernah Bersekolah	318	12.0	171	12.8	147	11.2
	2657	100	1339	100	1318	100

Nota : T = Transmigrasi, BT = Bukan Transmigrasi

Bagi taraf pendidikan anak-anak petani (KIR) sahaja (tidak termasuk lain-lain ahli keluarga yang tinggal bersama KIR), di kawasan transmigrasi 40.3 peratus anak-anak KIR berpendidikan sekolah rendah, 27.7 peratus berpendidikan sekolah menengah dan 0.2 peratus pendidikan tinggi, 21.3 peratus belum bersekolah dan 10.6 peratus tidak pernah bersekolah.

Sebaliknya di kawasan bukan transmigrasi pula sebanyak 46.4 peratus anak-anak KIR berpendidikan sekolah rendah, 25.1 peratus berpendidikan sekolah menengah dan

0.1 peratus pendidikan tinggi, 18.8 peratus belum bersekolah dan 9.5 peratus tidak pernah bersekolah.

Oleh kerana struktur umur di kawasan transmigrasi yang lebih muda dari di kawasan bukan transmigrasi, anak-anak petani yang berpendidikan sekolah menengah lebih ramai di kawasan transmigrasi berbanding di bukan transmigrasi. Manakala anak-anak KIR yang belum bersekolah lebih ramai di kawasan bukan transmigrasi berbanding dengan di kawasan transmigrasi (Jadual 5.28).

Jadual 5.28

Taraf Pendidikan, Anak-Anak Petani (KIR)

Taraf Pendidikan	Jumlah		Transmigrasi		Bukan Transmigrasi	
	Jumlah	%	T	%	BT	%
Sekolah rendah (Darjah 1-6)	1100	43.6	473	40.3	627	46.4
Menengah Rendah (Ting 1-3)	378	15.0	177	15.1	201	14.9
Menengah Atas (Ting 4-5)	286	11.3	148	12.6	124	10.2
Tinggi (Politeknik/Maktab/Kolej/Universiti)	4	0.2	2	0.2	2	0.1
Belum Bersekolah	504	20.0	250	21.3	254	18.8
Tidak Pernah Bersekolah	252	10.0	124	10.6	128	9.5
Jumlah	2524	100	1174	100	1350	100

Jika *dibandingkan* tingkat pendidikan petani dan anak-anak petani, didapati pencapaian anak-anak KIR lebih baik dibandingkan dengan tingkat pendidikan petani. *Tiada* petani yang berpendidikan tinggi, sebaliknya terdapat sebanyak 0.2 peratus anak-anak petani berpendidikan tinggi di kawasan transmigrasi dan 0.1 peratus di kawasan bukan transmigrasi. Perbandingan dari segi anak-anak petani yang berpendidikan sekolah rendah dan menengah tidak sesuai dibuat kerana terdapat anak-anak yang masih bersekolah (rendah atau menengah) dan yang masih belum

bersekolah. Walau bagaimanapun, boleh dibandingkan tingkat pendidikan tidak pernah bersekolah di antara anak-anak petani dengan petani.

Di kawasan transmigrasi 36.6 peratus petani tidak pernah bersekolah dibandingkan dengan anak-anak petani di kawasan transmigrasi, hanya 10.6 peratus tidak pernah bersekolah. Di kawasan bukan transmigrasi pula, 35.5 peratus petani tidak pernah bersekolah dibandingkan dengan anak-anak petani di kawasan bukan transmigrasi, yang hanya 9.5 peratus tidak pernah bersekolah (Jadual 5.29).

Jadual 5.29

Perbandingan Tingkat Pendidikan Petani dengan Anak-Anak Petani (%)

	Transmigrasi		Bukan Transmigrasi	
	KIR	Anak	KIR	Anak
Sekolah rendah (Darjah 1-6)	26.8	40.3	14.9	46.4
Menengah Rendah (Ting 1-3)	21.5	15.1	24.5	14.9
	15.1	12.6	25.1	10.2
Menengah Atas (Ting 4-5)	(36.6)	(27.7)	(49.6)	(25.1)
Tinggi (Politeknik/Maktab/Kolej/Universiti)	0.0	0.2	0.0	0.1
Belum Bersekolah	-	21.3	-	18.8
Tidak Pernah Bersekolah	36.6	10.6	35.5	9.5

Nota: () = peratusan menengah rendah + menengah atas

Jika tingkat tidak pernah bersekolah dikalangan anak-anak petani digunakan sebagai kayu ukur tahap pencapaian pendidikan, didapati pencapaian pendidikan ialah lebih berjaya di kawasan bukan transmigrasi berbandingan dengan di kawasan transmigrasi. Di kawasan bukan transmigrasi peratusan anak-anak petani yang tidak pernah bersekolah ialah lebih rendah berbandinng dengan anak-anak petani di kawasan transmigrasi.

Sebaliknya peratusan anak-anak petani yang berpendidikan tinggi (sedang belajar atau telah tamat) ialah lebih tinggi di kawasan transmigrasi berbanding dengan di kawasan bukan transmigrasi. Keadaan ini ada kaitannya dengan struktur umur anak-anak KIR di kawasan transmigrasi yang lebih tua berbanding dengan anak-anak petani di kawasan bukan transmigrasi yang struktur umurnya lebih muda. *Jika dikaitkan dengan program wajib belajar yang dicadangkan oleh pemerintah (tahun 2000) didapati bahawa tingkat pendidikan formal petani pada umumnya masih rendah.* Rendahnya tingkat pendidikan petani ini merupakan salah satu faktor yang menyebabkan rendahnya tingkat penggunaan masyarakat terhadap teknologi dan penglibatan (akses) kepada institusi (persatuan) yang ada.

Di kawasan transmigrasi, dapatan analisis ujian Khi Kuasa Dua (*Pearson Chi-Square*) ke atas tingkat pendidikan berdasarkan tingkat kemiskinan (tidak miskin; miskin), ($\chi^2 = 39.475$, $df=2$, $p<0.05$), menunjukkan ujian yang signifikan antara tingkat pendidikan yang dimiliki dengan tingkat kemiskinan. Ini bererti secara signifikan, dalam sampel kajian diambil menunjukkan bahawa kawasan transmigrasi 68.7 peratus petani tidak miskin tingkat pendidikan SMA seramai 12.5 peratus, SMP 27.8 peratus, SD 18.3 peratus dan tidak sekolah 18.8 peratus. 31.3 peratus petani miskin, tingkat pendidikan SMA 2.7 peratus, SMP 2.4 peratus, SD 8.5 peratus dan petani miskin tidak sekolah seramai 17.8 peratus. Oleh yang demikian hipotesis I yang menyatakan terdapat hubungan yang signifikan antara tingkat pendidikan dengan tingkat kemiskinan, boleh diterima.

Secara keseluruhan, di kawasan transmigrasi, dapatan analisis ujian Khi Kuasa Dua (*Pearson Chi-Square*) ke atas tingkat pendidikan berdasarkan tingkat kemiskinan

(miskin; tidak miskin) mendapati anggaran $\chi^2 = 39.475$ dan $p < 0.05$. Oleh kerana anggaran $\chi^2 > 7.815$, maka H_1 boleh diterima dan menunjukkan wujudnya perbezaan yang ketara di antara tingkat pendidikan dengan tingkat kemiskinan. Maksudnya, secara signifikan, sejumlah 68.7 peratus petani tidak miskin tingkat pendidikan SMA seramai 12.5 peratus, SMP 27.8 peratus, SD 18.3 peratus dan tidak sekolah 18.8 peratus. 31.3 peratus petani miskin, tingkat pendidikan SMA 2.7 peratus, SMP 2.4 peratus, SD 8.5 peratus dan petani miskin tidak sekolah seramai 17.8 peratus).

Manakala di kawasan bukan transmigrasi mendapati anggaran $\chi^2 = 14.383$, $df=2$, $p < 0.05$). Oleh kerana $\chi^2 > 7.815$ maka H_1 boleh diterima, yang menunjukkan terdapat perbezaan secara signifikan antara tingkat pendidikan dengan tingkat kemiskinan. Maksudnya secara signifikan sejumlah 37.1 peratus petani tingkat pendidikan SMA 12.3 peratus, SMP 10.4 peratus, SD 5.3 peratus dan 9.1 peratus tidak sekolah. 62.9 peratus petani miskin tingkat pendidikan SMA 12.8 peratus, SMP 14.1 peratus, SD 9.6 peratus dan tidak sekolah 26.4 peratus.

Ho : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tingkat pendidikan dengan tingkat kemiskinan

H1 : Terdapat hubungan yang signifikan antara tingkat pendidikan dengan tingkat kemiskinan

Kesimpulannya, walau bagaimanapun kadar signifikan ini (χ^2) adalah lebih tinggi di kawasan transmigrasi berbanding dengan kawasan bukan transmigrasi. Ini kerana struktur umur yang lebih muda dan ramai anak KIR yang belum bersekolah di

kawasan bukan transmigrasi. Selain itu, pencapaian anak-anak KIR di kawasan transmigrasi lebih baik dibandingkan dengan tingkat pendidikan KIR.

5.4.4 Bilangan Ahli Isi Rumah

Bilangan ahli isi rumah merupakan faktor yang menentukan besar atau kecilnya pendapatan perkapita. Besar atau kecilnya pendapatan perkapita kemudiannya akan mempengaruhi status miskin atau tidak miskinnya sebuah isi rumah (Jadual 5.30).

Jadual 5.30

Ahli Isi Rumah Purata

Kawasan	Jumlah (orang)
Transmigrasi	5.0
Bukan Transmigrasi	5.7
Purata	5.4

Purata bilangan ahli isi rumah di kawasan kajian sebesar 5.1 orang. Angka tersebut relatif lebih kecil jika dibandingkan dengan purata ahli isi rumah miskin untuk Indonesia pada tahun 2010 iaitu 6.7 orang.

Dari angka purata ini dapat ditafsirkan bahawa isi rumah di kawasan kajian telah melaksanakan pola keluarga kecil (perancangan keluarga) seperti yang dianjurkan oleh pemerintah. Selain itu, di kawasan transmigrasi purata bilangan ahli isi rumahnya lebih lebih kecil dari kawasan bukan transmigrasi kerana struktur umur di kawasan transmigrasi yang lebih tua. Terdapat anak yang telah berumahtangga dan migran keluar ke rumah yang lain.

Secara keseluruhan, di kawasan transmigrasi, dapatan analisis ujian Khi Kuasa Dua (*Pearson Chi-Square*) ke atas bilangan ahli isi rumah berdasarkan tingkat kemiskinan (miskin; tidak miskin) mendapati anggaran $\chi^2 = 93.963$ dan $p < 0.05$. Oleh kerana anggaran $\chi^2 > 9.488$, maka H_1 boleh diterima dan menunjukkan wujudnya perbezaan yang ketara di antara bilangan ahli isi rumah dengan tingkat kemiskinan. Maksudnya, secara signifikan, sejumlah 68.7 peratus petani tidak miskin, 0.3 peratus bilangan ahli isi rumah 2 orang (0.3%), 3 orang (1.1%), 4 orang (6.4%), 5 orang (52.8%), 6 orang (5.3%) dan 7 orang (2.7%) serta 8 orang (0.3%). Petani miskin, 31.3 peratus diantaranya memiliki bilangan ahli isi rumah 4 orang (3.7%), 5 orang (9.8%), 6 orang (9.0%), 7 orang (8.2%), 8 orang (0.5%).

Manakala di kawasan bukan transmigrasi mendapati anggaran $\chi^2 = 46.298$, $df=2$, $p < 0.05$. Oleh kerana anggaran $\chi^2 > 9.488$ maka H_1 boleh diterima, dan menunjukkan wujudnya perbezaan yang ketara diantara bilangan ahli isi rumah dengan tingkat kemiskinan. Maksudnya secara signifikan sejumlah 37.1 peratus petani tidak miskin, bilangan ahli isi rumah 3 orang (0.3%), 4 orang (1.6%), 5 orang (31.7%), 6 orang (2.1%), 7 orang (1.3%), dan tidak ada petani tidak miskin yang mempunyai ahli isi rumah 2 orang dan 8 orang. Petani miskin 62.9 peratus, bilangan ahli isi rumah 3 orang (1.9%), 4 orang (4.0%), 5 orang (32.5%), 6 orang (18.4%), 7 orang (6.1%).

H_0 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara bilangan ahli isi rumah dengan tingkat kemiskinan

H_1 : Terdapat hubungan yang signifikan antara bilangan ahli isi rumah dengan tingkat kemiskinan

Kesimpulanya, walau bagaimanapun kadar signifikan ini (χ^2) adalah lebih tinggi di kawasan transmigrasi berbanding dengan kawasan bukan transmigrasi. Ini kerana struktur umur yang lebih muda dan ramai anak KIR yang belum bersekolah di kawasan bukan transmigrasi. Bilangan ahli isi rumah yang lebih sedikit di kawasan transmigrasi akan berhubung secara negatif dengan pendapatan perkapita serta umur ahli isi rumah yang dewasa akan menambah pendapatan ahli isi rumah (bilangan ahli isi rumah yang berkerja meningkat).

5.4.5 Tingkat Kesihatan

Di kawasan transmigrasi 83.6 peratus petani dan di kawasan bukan transmigrasi 81.3 peratus petani tidak pernah menderita sakit selama satu tahun belakangan dan meninggalkan pekerjaan di kawasan transmigrasi. Purata hari kerja yang hilang akibat menderita sakit selama tahun 2012 adalah 5.6 hari. Penyakit yang diderita terdiri dari influenza, malaria, batuk, diare (cirit-birit), batuk kering (*tuberkulosis*), cacing dan reumatik (sendi).

Dari sekian banyak penyakit yang diderita petani penyakit diare merupakan penyakit yang paling utama. Banyaknya petani yang menderita sakit diare dan demam malaria disebabkan di kawasan kajian tidak mempunyai kemudahan bekalan air bersih. Masyarakat pada umumnya masih menggunakan air sungai Kampar untuk keperluan sehari-hari.

Disamping itu masih rendahnya pengetahuan dan kesadaran masyarakat terhadap kesihatan. Pada umumnya isi rumah tidak mempunyai saluran pembuangan air kubahan, belum adanya kemudahan tandas dalam rumah dan bentuk bangunan

perumahannya yang belum memenuhi syarat kesihatan, terutama bagi rumah untuk pekerja. Dari segi perubatan, pada umumnya mereka menggunakan khidmat Pusat Kesihatan Masyarakat (Puskesmas) dan bidan desa yang ada di setiap kecamatan (daerah).

Secara keseluruhan, di kawasan transmigrasi, dapatan analisis ujian Khi Kuasa Dua (*Pearson Chi-Square*) ke atas tingkat kesihatan berdasarkan tingkat kemiskinan (miskin; tidak miskin) mendapati anggaran $\chi^2 = 14.239$ dan $p < 0.05$. Oleh kerana anggaran $\chi^2 > 3.841$ maka H_1 boleh diterima dan menunjukkan wujudnya perbezaan yang ketara di antara tingkat kesihatan dengan tingkat kemiskinan. Maksudnya, secara signifikan, sejumlah 68.7 peratus petani tidak miskin, 41.4 peratus tidak pernah sakit, dan 27.3 peratus pernah sakit dalam satu tahun terakhir. 31.3 peratus petani miskin, 8.5 peratus diantaranya tidak pernah sakit dan 22.8 peratus pernah sakit.

Manakala di kawasan bukan transmigrasi mendapati anggaran $\chi^2 = 1.842$ dan $p > 0.05$). Oleh kerana anggaran $\chi^2 < 3.841$ maka H_0 diterima, dan menunjukkan wujudnya tidak terdapat perbezaan yang ketara diantara tingkat kesihatan dengan tingkat kemiskinan. Maksudnya secara tidak signifikan sejumlah 37.1 peratus petani tidak miskin, 5.6 peratus tidak pernah sakit, 31.5 peratus pernah sakit dalam satu tahun terakhir. 62.9 peratus petani miskin, 13.1 tidak pernah sakit dan 49.9 peratus pernah sakit.

Ho : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tingkat kesihatan dengan tingkat kemiskinan

H1 : Terdapat hubungan yang signifikan antara tingkat kesihatan dengan tingkat kemiskinan

Kesimpulannya, tingkat kesihatan hanya signifikan dalam mempengaruhi tingkat kemiskinan di kawasan transmigrasi kerana lokasinya yang jauh dipendalaman serta kemudahan infra sosial di kawasan ini yang masih berkurangan dibandingkan dengan kawasan bukan transmigrasi.

5.4.6 Akses Kepada Institusi

Pada umumnya masyarakat di kawasan kajian masih kurang akses kepada institusi (persatuan) ekonomi yang ada di luar bandar. Sekitar 14.9 peratus petani di kawasan transmigrasi menyatakan selalu (tiap minggu) menggunakan perkhidmatan persatuan ekonomi yang ada di kawasan mereka berbanding dengan hanya sebanyak 3.5 peratus petani di kawasan bukan transmigrasi. Persatuan ekonomi yang banyak digunakan (akses) oleh petani ialah persatuan Penyuluh Pertanian Lapangan (PPL). Dalam masa yang sama, tiada petani yang menggunakan perkhidmat bank.

Jadual 5.31

Akses Kepada Institusi

No	Akses Kepada Persatuan	Kawasan	
		Transmigrasi (KIR)(%)	Bukan Transmigrasi (KIR)(%)
1	Sering (setiap minggu)	56 (14.8)	13 (3.5)
2	Selalu (setiap bulan)	81 (21.5)	49 (1.3)
3	Jarang (6 bulan sekali)	67 (17.8)	280 (74.7)
4	Tidak Pernah	173 (45.9)	33 (8.8)

Melalui temubual penyelidik, rendahnya akses terhadap persatuan ekonomi ini adalah disebabkan oleh kurangnya kefahaman petani tentang aktiviti persatuan yang ada yang boleh membantu mereka dalam meningkatkan taraf hidup. Selai itu, bagi petani dalam 'sistem bahagi hasil', sebahagian besar urus dengan persatuan yang ada akan diuruskan oleh pemilik tanah. Terdapat juga petani yang hanya akan berurusan dengan persatuan jika mereka mendapat manfaat langsung dari persatuan tersebut.

Melalui pengamat penyelidik, jarak yang jauh antara persatuan ekonomi dengan kawasan tempat tinggal masyarakat terutama lembaga perbankan (BANK) yang terletak di ibu negeri kecamatan menyebabkan petani jarang atau tidak pernah berurusan dengan persatuan tersebut. Antara persatuan yang penting kepada petani ialah Lembaga Penyuluhan Pertanian (LPP). Walau bagaimanapun LPP tidak terdapat di kawasan penempatan/kampung mereka. Perkara ini akan mempersulit masyarakat dalam mendapatkan bimbingan. PPL merupakan agensi pemerintah yang secara rutin menemui petani untuk memberikan bimbingan dan nasihat (penyuluhan).

Secara keseluruhan, di kawasan transmigrasi, dapatan analisis ujian Khi Kuasa Dua (*Pearson Chi-Square*) ke atas akses kepada institusi berdasarkan tingkat kemiskinan (miskin; tidak miskin) mendapati anggaran $\chi^2 = 62.682$ dan $p < 0.05$. Oleh kerana anggaran $\chi^2 > 7.815$ maka H_1 boleh diterima dan menunjukkan wujudnya perbezaan yang ketara di antara akses kepada institusi dengan tingkat kemiskinan. Maksudnya, secara signifikan, sejumlah 68.7 peratus petani tidak miskin, 13.5 peratus diantaranya selalu, 20.4 peratus sering, 8.8 peratus jarang, 26.0 peratus tidak pernah. Manakala 31.3 peratus petani miskin, 1.3 peratus selalu, 1.1 peratus sering, jarang 9.0 peratus, dan tidak pernah 19.9 peratus.

Manakala di kawasan bukan transmigrasi mendapati anggaran $\chi^2 = 0.987$ dan $p > 0.05$). Oleh kerana anggaran $\chi^2 < 7.815$ maka H_0 diterima, dan menunjukkan wujudnya tidak terdapat perbezaan yang ketara diantara akses kepada institusi dengan tingkat kemiskinan. Maksudnya secara tidak signifikan sejumlah 37.1 peratus petani tidak miskin, 1.6 peratus diantaranya selalu akses kepada institusi,, 4.8 peratus sering, 26.9 jarang, dan 3.7 peratus tidak pernah. Manakala dari 62.9 peratus petani miskin, 1.9 peratus selalu, 8.3 peratus sering, 47.7 peratus jarang, 5.1 tidak pernah

H_0 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara akses kepada institusi dengan tingkat kemiskinan

H_1 : Terdapat hubungan yang signifikan antara akses kepada institusi dengan tingkat kemiskinan

Kesimpulannya, penglibatan dalam institusi ini hanya signifikan dalam mempengaruhi kadar kemiskinan di kawasan transmigrasi kerana KIR dalam kawasan tersebut terlibat secara langsung dalam program/dasar kerajaan untuk mengurangkan kadar kemiskinan melalui transmigrasi penduduk. Petani dalam kawasan transmigrasi disediakan dengan beberapa kemudahan institusi terutamanya Lembaga Penyuluhan Pertanian (LPP) dan khidmat sokongan daripada syarikat inti.

5.4.7 Pekerjaan Sampingan

Pekerjaan sampingan banyak dilakukan oleh petani diluar musim berkerja di ladang seperti diluar musim baja, racun atau mengambil buah sawit. Peratusan petani yang terlibat dengan pekerjaan sampingan adalah hampir sama di kedua-dua kawasan. Di kawasan transmigrasi sebanyak 38.2 peratus petani terlibat dengan pekerjaan sampingan manakala 38.1 peratus di kawasan bukan transmigrasi.

Pada umumnya mereka menyatakan melakukan pekerjaan sampingan dengan alasan untuk menambah pendapatan kerana pendapatan dari kegiatan pertanian tidak mencukupi. Sementara itu, terdapat juga petani yang melakukan pekerjaan sampingan untuk mengisi waktu lapang dan ingin mengembangkan usaha niaga.

Jika pekerjaan sampingan dikaitkan dengan penguasaan tanah, kajian memperlihatkan bahawa 88.1 peratus dari seluruh petani yang mempunyai tanah lebih kecil dari dua hektar akan mempunyai pekerjaan sampingan. Berbanding dengan yang hanya 29.0 peratus dari petani yang mempunyai tanah antara 2 hingga 3 hektar mempunyai pekerjaan sampingan. Seterusnya hanya sebanyak 22.4 peratus petani yang mempunyai tanah lebih besar dari tiga hektar mempunyai pekerjaan sampingan. Dengan memperhatikan informasi di atas dapat disimpulkan bahawa semakin kecil luas tanah yang dikuasai oleh kelompok petani tersebut semakin besar peratus isi rumah tersebut melakukan pekerjaan sampingan.

Jadual 5.32

Jenis Pekerjaan Sampingan

No	Jenis Pekerjaan Sampingan	Kawasan	
		Transmigrasi (KIR)(%)	Bukan Transmigrasi (KIR)(%)
1	Buruh	65 (45.1)	45 (31.5)
2	Peniaga/Pedangan	35 (24.3)	40 (28.0)
3	Industri/bengkel	24 (16.7)	43 (30.1)
4	Lain-lain	20 (13.9)	15 (10.5)
	Jumlah KIR yang mempunyai pekerjaan sampingan	144 (38.2)	143 (38.1)
	Jumlah Responden	377	375

Pekerjaan sampingan yang paling banyak dilakukan oleh petani ialah kegiatan buruh, baik sebagai buruh tani ataupun industri. Pekerjaan ini umumnya dilakukan oleh petani kerana pekerjaan tersebut tidak memerlukan kepakaran dan modal. Jika dikatikan dengan kualiti sumber daya manusia dan kemampuan ekonomi petani di luar bandar, didapati sebahagian besar mereka yang miskin terlibat dengan pekerjaan sebagai buruh bersesuaian dengan tingkat pendidikan mereka yang rendah.

Pekerjaan sampingan sebagai buruh tani dilakukan jika pekerjaan di tanah sendiri telah selesai. Kegiatan ini dilakukan oleh petani sebahagian besarnya di kawasan perkampungan mereka sendiri. Kegiatan berdagang/berniaga yang dilakukan oleh petani sebahagian besarnya berskala kecil seperti warung makanan, menjual ikan, berjaja makanan ringan/kuih/sayur/buah di hadapan rumah atau sekitar kampung, berniaga di pasar tani/harian dan sebagainya. Produktiviti kegiatan tersebut sangat rendah sekali kerana waktu dan tenaga yang dikorbankan dengan hasil yang diperoleh

tidak seimbang. Berniaga kecil-kecilan ini banyak dilakukan oleh mereka tidak mempunyai peluang untuk melakukan pekerjaan lain yang produktiviti lebih tinggi. Ini berarti mereka tidak mempunyai kos melepas (*oppurtunity cost*) untuk melakukan kegiatan tersebut kerana mereka tiada peluang untuk melakukan kerja lain.

Kegiatan industri yang dilakukan juga terbatas pada industri kecil. Kegiatan industri dengan cara sangat sederhana dan dengan modal yang kecil. Kegiatan industri kecil ini seperti membuat pasu, bahan pembinaan, perabut, pabrik tahu, peternakan ayam/lembu dan bengkel motor.

Kelompok petani miskin dan tidak berstatus miskin cenderung melakukan pekerjaan sampingan. Perbedannnya hanya terletak pada pemilihan pekerjaan sampingan tersebut. Petani miskin cenderung mempunyai pekerjaan sampingan yang bersifat usaha fizikal yang tidak memerlukan modal terlalu besar. Sedangkan isi rumah yang tidak berstatus miskin cenderung mempunyai pekerjaan sampingan yang bersifat usaha teknikal. Sebahagian besar kelompok isi rumah miskin melakukan pekerjaan sampingan sebagai buruh/pabrik (48.8%) dan pekerjaan sampingan lain seperti tukang ojek (penarik beca atau motor), kernek (pembantu pemandu), tukang jahit dan tukang sepatu (23.3%). Tiada petani dalam kelompok miskin yang melakukan pekerjaan sampingan dalam bidang industri.

Secara keseluruhan, di kawasan transmigrasi, dapatan analisis ujian Khi Kuasa Dua (*Pearson Chi-Square*) ke atas penglibatan dalam pekerjaan sampingan berdasarkan tingkat kemiskinan (miskin; tidak miskin) mendapati anggaran $\chi^2 = 11.645$ dan $p < 0.05$. Oleh kerana anggaran $\chi^2 > 3.841$, maka H_1 boleh diterima dan menunjukkan

wujudnya perbezaan yang ketara di antara pekerjaan sampingan dengan tingkat kemiskinan. Maksudnya, secara signifikan, sejumlah 68.7 peratus petani tidak miskin, 46.4 peratus diantaranya tidak punya pekerjaan sampingan, dan 22.3 peratus punya pekerjaan sampingan. Dari 31.3 peratus petani miskin, 15.4 peratus tidak punya pekerjaan sampingan, dan 15.9 peratus punya pekerjaan sampingan.

Manakala di kawasan bukan transmigrasi mendapati anggaran $\chi^2 = 9.505$ dan $p < 0.05$). Oleh kerana anggaran $\chi^2 > 3.841$ maka H_1 diterima, dan menunjukkan wujudnya perbezaan yang ketara diantara penglibatan dalam pekerjaan sampingan dengan tingkat kemiskinan. Maksudnya secara signifikan sejumlah 37.1 peratus petani tidak miskin, 26.7 peratus tidak punya pekerjaan sampingan, 10.4 peratus punya pekerjaan sampingan. Petani miskin, dari 62.9 peratus diantaranya, 35.2 peratus tidak punya pekerjaan sampingan, dan 27.7 peratus punya pekerjaan sampingan.

H_0 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan dalam pekerjaan sampingan dengan tingkat kemiskinan

H_1 : Terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan dalam pekerjaan sampingan dengan tingkat kemiskinan

Kesimpulannya, walaupun di kedua-dua kawasan menunjukkan terdapat perbezaan secara signifikan antara penglibatan dalam pekerjaan sampingan dengan tingkat kemiskinan tetapi kadar signifikan ini (χ^2) adalah lebih tinggi di kawasan transmigrasi dibandingkan dengan kawasan bukan transmigrasi.

5.5 Analisis Model Regresi Logistik

Di dalam kajian ini, perbincangan mengenai analisis faktor penentu kemiskinan dibahagi kepada dua kawasan iaitu analisis faktor penentu kemiskinan yang berlaku di kawasan transmigrasi dan kawasan bukan transmigrasi. Hasil kajian yang dianalisis akan menilai pengaruh luas tanah yang diusahakan, tingkat penggunaan teknologi, tingkat pendidikan, tingkat kesihatan, akses kepada institusi (persatuan) dan penglibatan dalam pekerjaan sampingan terhadap kemiskinan.

Model Regresi Logistik dengan pendekatan kebolehjadian maksimum (*maximum likelihood*) digunakan bagi menilai pengaruh faktor-faktor penentu tersebut kemiskinan. Jadual 5.33 dan 5.34 merupakan dapatan berkaitan regresi logistik untuk kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi. Untuk membincangkan perbandingan faktor-faktor penentu tersebut kemiskinan, dapatan daripada analisis regresi logistik untuk kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi digabungkan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.35.

Berdasarkan Jadual 5.35, di kawasan transmigrasi terdapat lapan (8) pembolehubah yang signifikan mempengaruhi kemiskinan. Empat pembolehubah yang sangat signifikan (pada aras 1%) ialah mempunyai pekerjaan sampingan, luas tanah yang diusahakan lebih dari tiga (3) hektar, tingkat pendidikan SMP (menengah rendah/tingkatan 1 hingga 3) dan jarang-jarang akses kepada institusi. Tiga lagi pembolehubah yang signifikan (pada aras 5%) ialah tingkat pendidikan SD (sekolah rendah/darjah 1 hingga 6), tidak pernah akses kepada institusi dan pernah sakit dan meninggalkan kerja di ladang dalam satu (1) tahun kebelakangan ini. Semua pembolehubah berhubung secara negatif dengan kemiskinan kecuali pembolehubah

tingkat kesihatan, pernah sakit dan meninggalkan kerja di ladang dalam satu (1) tahun kebelakangan ini yang berhubung secara positif dengan kemiskinan. Manakala pembolehubah tidak pernah akses kepada institusi mempunyai signifikan pada aras 10%.

Jadual 5.33

Analisis Model Regresi Logistik di Kawasan Transmigrasi

		Koefisien	S.E.	Ujian Wald	df	Sig.	Nisbah kemungkinan (Odds Ratio)
Step 1 ^a	X1			10.884	2	0.004	
	X1(1)	-1.181***	0.449	6.922	1	0.009	0.307
	X1(2)	0.020	0.658	0.001	1	0.976	1.020
	X2	0.0001	0.0001	1.302	1	0.254	1.000
	X3	-	-	21.854	3	0.0001	-
	X3(1)	-0.950**	0.463	4.204	1	0.040	0.387
	X3(2)	-2.058***	0.458	20.146	1	0.0001	0.128
	X3(3)	-0.532	0.329	2.607	1	0.106	0.587
	X4(1)	1.112***	0.363	9.384	1	0.002	3.041
	X5	-	-	34.902	3	0.0001	-
	X5(1)	-1.734***	0.560	9.603	1	0.002	0.177
	X5(2)	-2.536***	0.579	19.211	1	0.0001	0.709
	X5(3)	0.559*	0.336	2.774	1	0.096	1.749
	X6(1)	-1.082***	0.297	13.256	1	0.0001	0.339
	Constant	1.588***	0.494	10.324	1	0.001	4.892

Nota: ***Signifikan pada aras keertian 1%

** Signifikan pada aras keertian 5%

* Singnifikan pada aras keertian 10%

Jadual 5.34

Analisis Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kemiskinan Isi Rumah di Kawasan Bukan Transmigrasi

	Koefisien	S.E.	Ujian Wald	df	Sig.	Nisbah kemungkinan (Odds Ratio)
Step 1 ^a X1			4.510	2	0.105	
X1(1)	-0.941**	0.452	4.332	1	0.037	0.390
X1(2)	-0.687	0.606	1.285	1	0.257	0.503
X2	0.0001	0.0001	3.157	1	0.076	1.000
X3	-	-	9.224	3	0.026	-
X3(1)	-0.884***	0.303	8.514	1	0.004	0.413
X3(2)	-0.629**	0.302	4.342	1	0.037	0.533
X3(3)	-0.433	0.365	1.406	1	0.236	0.648
X4(1)	0.493*	0.297	2.753	1	0.097	1.638
X5	-	-	0.514	3	0.916	-
X5(1)	-0.142	0.684	0.043	1	0.835	0.867
X5(2)	-0.038	0.487	0.006	1	0.938	0.963
X5(3)	0.145	0.404	0.129	1	0.719	1.156
X6(1)	-0.571**	0.242	5.553	1	0.018	0.565
Constant	1.969***	0.648	9.221	1	0.002	7.165

Nota: ***Signifikan pada aras keertian 1%

** Signifikan pada aras keertian 5%

* Singnifikan pada aras keertian 10%

Jadual 5.35

Analisis Model Regresi Logistik di Kawasan Transmigrasi dan Bukan Transmigrasi

	Transmigrasi			Bukan Transmigrasi		
	Koefisien	Ujian Wald	Nisbah kemungkinan (Odds Ratio)	Koefisien	Ujian Wald	Nisbah kemungkinan (Odds Ratio)
X1(1)	-1.181***	6.922	0.307	-0.941**	4.332	0.390
X1(2)	0.020	0.001	1.020	-0.687	1.285	0.503
X2	0.0001	1.302	1.000	0.0001	3.157	1.0001
X3(1)	-0.950**	4.204	0.387	-0.884***	8.514	0.413
X3(2)	-2.058***	20.146	0.128	-0.629**	4.342	0.533
X3(3)	-0.532	2.607	0.587	-0.433	1.406	0.648
X4(1)	1.112**	9.384	3.041	0.493*	2.753	1.638
X5(1)	-1.734**	9.603	0.177	-0.142	0.043	0.867
X5(2)	-2.536***	19.211	0.709	-0.038	0.006	0.963
X5(3)	0.559*	2.774	1.749	0.145	0.129	1.156
X6(1)	-1.082***	13.256	0.339	-0.571**	5.553	0.565

Nota: Pembolehubah bersandar ialah samada KIR miskin atau tidak miskin

*** Signifikan pada aras keertian 1%

** Signifikan pada aras keertian 5%

* Signifikan pada aras keertian 10%

- X1(1) = jika luas tanah yang diusahakan lebih dari tiga (3) hektar
 X1(2) = jika luas tanah yang diusahakan kurang dari tiga (3) hektar
 X2 = jika menggunakan teknologi (Rp dibelanjakan untuk penggunaan teknologi)
 X3(1) = jika tingkat pendidikan SMP (menengah rendah/tingkatan 1 hingga 3)
 X3(2) = jika tingkat pendidikan SD (sekolah rendah/darjah 1 hingga 6)
 X3(3) = jika tidak pernah bersekolah
 X4(1) = jika tingkat kesihatan, pernah sakit dan meninggalkan kerja di ladang dalam satu (1) tahun kebelakangan ini
 X5(1) = jika akses kepada institusi, sering (setiap minggu)
 X5(2) = jika akses kepada institusi, jarang-jarang (6 bulan sekali)
 X5(3) = jika akses kepada institusi, tidak pernah
 X6(1) = jika mempunyai pekerjaan sampingan

Nisbah kemungkinan (Odds Ratio)

- Jika nilai β_i adalah positif bermakna nilai nisbah kemungkinan tidak miskin akan meningkat jika X_i meningkat.
- Jika β_i bernilai negatif bermakna nisbah kemungkinan tidak miskin akan berkurangan jika X_i meningkat

Kawasan bukan transmigrasi pula terdapat hanya lima (5) pembolehubah yang signifikan mempengaruhi kemiskinan. Satu pembolehubah yang sangat signifikan (pada aras 1%) ialah tingkat pendidikan SD (sekolah rendah/darjah 1 hingga 6) dan tiga lagi pembolehubah yang signifikan (pada aras 5%) ialah tingkat pendidikan SMP (menengah rendah/tingkatan 1 hingga 3), mempunyai pekerjaan sampingan dan luas tanah yang diusahakan lebih dari tiga (3) hektar. Semua pembolehubah ini berhubung secara negatif dengan kemiskinan. Manakala pembolehubah pernah sakit dan meninggalkan kerja di ladang dalam satu (1) tahun kebelakangan ini menunjukkan ianya signifikan pada aras 10%. Penjelasan yang lebih mendalam bagi kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi berdasarkan pembolehubah-pembolehubah yang terlibat secara langsung kepada KIR miskin atau tidak miskin adalah seperti subtopik berikutnya.

5.5.1 Saiz Tanah yang Diusahakan

Saiz tanah lebih dari tiga hektar [X1(1)] adalah signifikan untuk tidak berada dalam kemiskinan pada aras keertian 1% dan mempunyai hubungan negatif terhadap kemiskinan iaitu nilai anggaran koefisiennya adalah -1.181. Ini bermaksud di kawasan transmigrasi, saiz tanah lebih dari tiga hektar, memiliki kemungkinan untuk berada dalam kemiskinan sebesar 0.39 kali berbanding saiz tanah kurang dari tiga hektar²⁸. Manakala di kawasan bukan transmigrasi pula nilai anggaran koefisiennya adalah -0.941 dan signifikan pada aras keertian 5%. Berdasar nisbah kemungkinan, saiz tanah lebih dari tiga hektar memiliki kemungkinan untuk berada dalam kemiskinan sebesar 0.94 kali berbanding saiz tanah kurang dari tiga hektar. Kemungkinan untuk berada dalam kemiskinan yang lebih besar di kawasan bukan

²⁸ Nisbah kemungkinan (*Odds Ratio*) ini adalah berdasarkan andaian faktor-faktor lain tidak berubah (*ceteris paribus*).

transmigrasi ada kaitannya dengan keluasan tanah yang masih ada boleh diusahakan berbanding dengan kawasan transmigrasi dimana keluasan tanah adalah terhad dalam kawasan yang telah digazetkan sebagai kawasan transmigrasi oleh pemerintah.

Pembolehubah jika saiz tanah yang diusahakan kurang dari tiga (3) hektar [X1(2)] didapati tidak signifikan di kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi dalam menentukan hubungannya dengan kemiskinan. Ini kerana saiz tanah yang diusahakan secara puratanya lebih besar dari tiga hektar. Di kawasan transmigrasi, purata mengusahakan tanah ialah 3.05 hektar dan di kawasan bukan transmigrasi seluas 3.24 hektar (rujuk Jadual 5.17). Selain itu, agihan mengusahakan tanah juga adalah seimbang di kawasan transmigrasi ($Gini=0.11$) dan bukan transmigrasi ($Gini=0.15$) (rujuk Jadual 5.19),

5.5.2 Tingkat Penggunaan Teknologi

Tingkat teknologi yang digunakan oleh petani di kawasan kajian diukur berdasarkan jumlah perbelanjaan (Rp) untuk membeli input-input pertanian seperti baja, racun perosak dan alat-alat pertanian. Pembolehubah penggunaan teknologi [X2] didapati tidak signifikan di kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi dalam menentukan hubungannya dengan kemiskinan. Ini ada kaitannya dengan penggunaan teknologi yang rendah di kedua-dua kawasan. Contoh seperti penggunaan baja yang kurang dari 250 kg per hektar dicadangkan oleh pemerintah. Perbelanjaan untuk membeli baja dan racun perosak yang rendah di kawasan transmigrasi juga kerana petani (peserta program transmigrasi) menerima bantuan subsidi untuk membeli baja dan racun perosak. Subsidi serta peralatan pertanian ini diuruskan oleh koperasi

(Koperasi Unit Desa) yang berfungsi sebagai agen syarikat inti di kawasan transmigrasi.

5.5.3 Tingkat Pendidikan

Tingkat pendidikan SMP (menengah rendah/tingkatan 1 hingga 3) [X3(1)] dan pendidikan SD (sekolah rendah/darjah 1 hingga 6) [X3(2)] adalah signifikan dan mempunyai hubungan negatif terhadap kemiskinan. Berdasar nisbah kemungkinan, di kawasan transmigrasi pendidikan SMP mempunyai kemungkinan untuk berada dalam kemiskinan sebesar 0.39 kali, (signifikan pada aras keertian 5% dan nilai anggaran koefisiennya adalah -0.950), dan pendidikan SD 0.13 kali (signifikan pada aras keertian 1% dan nilai anggaran koefiseinnya adalah -2.058).

Kawasan bukan transmigrasi pula menunjukkan bahawa kemungkinan untuk berada dalam kemiskinan sebesar 0.41 (signifikan pada aras keertian 1% dan nilai anggaran koefisiennya adalah -0.884) dan pendidikan SD 0.53 kali (signifikan pada aras keertian 5% dan nilai anggaran koefiseinnya adalah -0.629).

Nisbah kemungkinan kemiskinan yang lebih besar di kawasan bukan transmigrasi berbanding dengan di kawasan transmigrasi kerana akses pendidikan di kawasan transmigrasi yang lebih baik. Selain itu pengaruh pendidikan di kawasan transmigrasi lebih berkemahiran teknikal pertanian berbanding pendidikan formal. Petani di kawasan transmigrasi mendapat bimbingan dan latihan teknikal pertanian dari syarikat inti. Berbanding dengan petani di kawasan bukan transmigrasi yang secara relatifnya banyak bergantung hanya kepada pendidikan formal dalam meningkatkan pendapatan. Selain itu, di kawasan transmigrasi taraf pendidikan yang lebih tinggi

akan membantu meningkatkan lagi pendapatan dari pekerjaan sampingan yang bersifat usaha teknikal dan modal berbanding dengan pendapatan dari pekerjaan sampingan oleh petani kawasan bukan transmigrasi yang bersifat usaha fizikal (buruh).

5.5.4 Tingkat Kesihatan

Di dalam kajian ini, pembolehubah tingkat kesihatan diukur sama ada petani pernah sakit dan meninggalkan kerja di ladang dalam tempoh satu (1) tahun kebelakangan (pada tarikh temubual dengan responden diadakan).

Tingkat kesihatan, pernah sakit dan meninggalkan kerja di ladang dalam satu (1) tahun kebelakangan ini [X4(1)] signifikan di kawasan transmigrasi dan juga di kawasan bukan transmigrasi. Kedua-dua kawasan ini mempunyai hubungan yang positif terhadap kemiskinan. Di kawasan transmigrasi, tingkat kesihatan dimana pernah sakit dan meninggalkan kerja dalam satu tahun belakangan (signifikan pada aras keertian 5% dengan nilai anggaran koefisiennya sebanyak 1.112) kemungkinan akan berada dalam kemiskinan sebesar 3.04 kali berbanding yang tidak pernah sakit. Di kawasan bukan transmigrasi pula, kemungkinan berada dalam kemiskinan sebesar 1.64 kali (signifikan pada aras keertian 10% dengan nilai anggaran koefisiennya sebanyak 0.493). Tingkat kesihatan yang baik bermaksud tidak pernah sakit, oleh itu petani tidak meninggalkan kerja di ladang (cuti sakit). Ia signifikan di kedua-dua kawasan kajian bermaksud tidak meninggalkan kerja di ladang akan meningkatkan hasil ladang yang seterusnya mengurangkan kemiskinan.

5.5.5 Akses Kepada Institusi

Pembolehubah petani yang sering (setiap minggu) akses kepada institusi [X5(1)] dan petani yang jarang-jarang (6 bulan sekali) akses kepada institusi [X5(2)] hanya signifikan di kawasan transmigrasi sahaja. Ia mempunyai hubungan yang negatif terhadap kemiskinan. Nisbah kemungkinan menunjukkan bahawa kemungkinan berada dalam kemiskinan sebesar 0.18 kali jika akses kepada institusi sering (signifikan pada aras keertian 5% dengan nilai anggaran koefisiennya sebanyak -1.734). Manakala yang jarang-jarang akses kepada institusi (6 bulan sekali) kemungkinan berada dalam kemiskinan sebesar 0.71 kali (signifikan pada aras keertian 1% dengan nilai anggaran koefiseinnya sejumlah -2.536). Keadaan ini menunjukkan lebih kerap petani akses kepada institusi kemungkinan kemiskinan akan kecil. Manakala tidak pernah akses kepada institusi, kemungkinan berada dalam kemiskinan sebesar 1.75 kali. (signifikan pada aras keertian 10% dengan nilai anggaran koefisiennya sebanyak -0.559).

Di kawasan transmigrasi institusi yang wajib ditubuhkan oleh petani ialah koperasi (Koperasi Unit Desa). Peserta program transmigrasi dimestikan menjual hasil ladang mereka kepada koperasi. Koperasi ini berfungsi untuk mengumpul hasil ladang untuk diserahkan kepada syarikat inti. Berbanding dengan di kawasan bukan transmigrasi, tiada koperasi dan hasil ladang dibeli oleh pemborong yang masuk ke kawasan kampung.

5.5.6 Pekerjaan Sampingan

Pembolehubah mempunyai pekerjaan sampingan [X6(1)] adalah signifikan dan mempunyai hubungan negatif terhadap kemiskinan di kedua-dua kawasan kajian. Di kawasan transmigrasi, kemungkinan berada dalam kemiskinan adalah 0.34 kali (signifikan pada aras keertian 1% dengan nilai anggaran koefisiennya sejumlah -1.082). Manakala di kawasan bukan transmigrasi adalah 0.57 kali (signifikan pada aras keertian 5% dengan nilai anggaran koefisiennya sejumlah -0.571).

Nisbah kemungkinan kemiskinan yang besar di kawasan bukan transmigrasi kerana peluang dan pendapatan yang diperolehi daripada pekerjaan sampingan yg lebih besar di kawasan transmigrasi. Seperti yang telah dibincangkan pekerjaan sampingan di kawasan transmigrasi lebih yang bersifat usaha teknikal dan modal berbanding dengan pendapatan dari pekerjaan sampingan di kawasan bukan transmigrasi yang bersifat usaha fizikal (buruh).

BAB 6

KESIMPULAN DAN IMPLIKASI DASAR

6.1 Pendahuluan

Bab ini terbahagi kepada tiga bahagian utama. Bahagian kedua akan membincangkan ringkasan dapatan kajian dari sudut struktur demografi, pendapatan dan ahiran pendapatan serta penentu-penentu kemiskinan di antara kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi. Seterusnya bahagian ketiga bab ini akan membincangkan kesimpulan dan implikasi dasar yang bersesuaian dengan dapatan kajian. Bahagian terakhir bab ini yang juga merupakan bahagian terakhir kajian ini ialah akan mencadangkan kajian-kajian lanjutan berkaitan isu kemiskinan dan agihan pendapatan di kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi yang boleh dijalankan selepas mengambilkira limitasi, skop dan dapatan daripada kajian ini.

6.2 Ringkasan Dapatan Kajian

Suku utama penduduk di kawasan transmigrasi ialah dari kaum Jawa dan di kawasan bukan transmigrasi (masyarakat tempatan) ialah dari kaum Melayu. Sebahagian besar KIR di kedua-dua kawasan berumur antara 35 hingga 54 tahun. Struktur umur di kawasan bukan transmigrasi lebih muda berbanding di kawasan transmigrasi. Ini dapat dilihat daripada umur purata KIR yang lebih rendah dan nisbah tanggungan umur muda yang lebih tinggi berbanding dengan petunjuk yang sama untuk kawasan transmigrasi (Jadual 6.1).

Bilangan isi rumah di kawasan transmigrasi lebih kecil berbanding dengan kawasan bukan transmigrasi. Perkara ini berlaku kerana anak-anak KIR telah berkahwin dan berpindah keluar. Di kawasan bukan transmigrasi, bilangan isi rumah yang merupakan bukan anak kepada KIR juga lebih ramai. Ini kerana, di kawasan bukan transmigrasi (perkampungan masyarakat tempatan), selain daripada saiz rumah yang lebih besar, kemudahan (perkakas rumah) yang ada juga secara relatifnya lebih baik jika dibandingkan dengan kawasan transmigrasi.

Jadual 6.1
Ringkasan Profil Demografi

	Transmigrasi	Bukan Transmigrasi
Suku	Jawa - 90.2%	Melayu -90.2%
KIR; Umur 35 – 54 tahun	68.8%	68.2%
AIR selain daripada anak	3.9%	5.5%
Bilangan isi rumah	5	6
Nisbah Tanggungan Umur Muda	44.9	51.7
Balu/duda	9.5	6.5

Selain itu, lokasi kawasan bukan transmigrasi terletak hampir dengan kemudahan jalanraya (berturap) dan kawasan pekan/bandar, berbanding dengan kawasan transmigrasi yang agak pedalaman dan disesetengah kawasan tiada jalan berturap ke kawasan dan dalam kawasan perkampungan tersebut transmigrasi. Dari segi kemudahan elektrik, terdapat di kedua-dua kawasan. Walau bagaimanapun kemudahan air bersih, Klinik Desa dan Sekolah Menengah Pertama. Secara keseluruhan berdasarkan pemerhatian penyelidik, kemudahan asas, pemilikan perkakas rumah dan kenderaan (motorsikal, kereta & lori) adalah lebih baik/banyak di kawasan bukan transmigrasi berbanding dengan di kawasan transmigrasi.

Purata pendapatan isi rumah setahun di kawasan transmigrasi ialah Rp 23,396,651 (RM6,607 setahun atau RM551 sebulan) dan di kawasan bukan transmigrasi ialah Rp 19,265,490 (RM5,440 setahun atau RM453 sebulan²⁹). Bagi purata pendapatan isi rumah setahun (Rp) perkapita pula, nilainya lebih rendah di kawasan bukan transmigrasi, bukan sahaja kerana purata pendapatan isi rumah setahun yang lebih rendah, tetapi ada kaitannya juga bilangan (saiz) isirumah di kawasan bukan transmigrasi yang lebih ramai dibandingkan dengan di kawasan transmigrasi (Jadual 6.2).

Jadual 6.2

Ringkasan Profil Kemiskinan dan Agihan Pendapatan

	Transmigrasi	Bukan Transmigrasi
Purata pendapatan isi rumah setahun (Rp)	23,396,651	19,265,490
Purata pendapatan isi rumah setahun (Rp) perkapita	4,657,299	3,739,781
Kadar kemiskinan	31.3%	62.9%
Angkali Gini Pendapatan KIR setahun dari pekerjaan utama (hasil ladang sahaja)	0.273	0.318
Angkali Gini Pendapatan isi rumah setahun dari semua sumber pekerjaan	0.257	0.349

Purata pendapatan isi rumah setahun perkapita yang rendah ini menyebabkan peratusan kemiskinan yang tinggi di kawasan bukan transmigrasi. Kadar kemiskinan di kawasan bukan transmigrasi (62.9%) ini merupakan satu kali ganda lebih tinggi di bandingkan dengan kawasan transmigrasi (31.1%).

²⁹ Pada kadar pertukaran RM1.00 = Rp 3,540 (pada Januari 2015)

Dari segi agihan pendapatan pula, Angkali Gini pendapatan isi rumah setahun dari semua sumber pendapatana adalah lebih seimbang di kawasan transmigrasi. Ini kerana saiz ladang yang lebih seimbang di kawasan transmigrasi berbanding dengan kawasan bukan transmigrasi. Walau bagaimanapun jika dibandingkan Angkali Gini pendapatan isi rumah setahun dari sumber pekerjaan utama sahaja dengan Angkali Gini dari semua sumber pendapatan didapati petunjuk yang berbeza.

Di kedua-dua kawasan, Angkali Gini yang dicatatkan adalah lebih rendah dari purata Angkali Gini Indonesia, 0.41 dan purata Angkali Gini Provinsi Riau, 0.37 (2013). Di kawasan transmigrasi Angkali Gini akan sedikit meningkat dari 0.26 kepada 0.27 selepas dicampur dengan lain-lain sumber pendapatan isi rumah. Sebaliknya di kawasan bukan transmigrasi, Angkali Gini akan berkurangan daripada 0.40 kepada 0.36 selepas dicampur dengan lain-lain sumber pendapatan isi rumah. Ketidakseimbangan ini banyak dipengaruhi oleh pendapatan dari pekerjaan sampingan (jenis pekerjaan yang berbeza), struktur umur anak-anak KIR, sumbangan pendapatan daripada anak-anak KIR yang telah bekerja sama ada yang telah berpindah atau tinggal bersama KIR.

Di kawasan transmigrasi, faktor terpenting yang mempengaruhi kadar kemiskinan ialah tingkat kesihatan KIR (nisbah kebarangkalian - 304%), tingkat pendidikan SMP (39%), mempunyai pekerjaan sampingan (35%), keluasan tanah pertanian lebih dari 3 hektar (31%) dan akses kepada persatuan setiap minggu (18%)(Jadual 6.3). Manakala di kawasan bukan transmigrasi, faktor terpenting yang mempengaruhi kadar kemiskinan ialah mempunyai pekerjaan sampingan (56%), tingkat pendidikan SD (53%) dan keluasan tanah pertanian lebih dari 3 hektar (39%).

Jadual 6.3
Ringkasan Faktor Penentu kemiskinan

	Transmigrasi	Nisbah kebarangkalian	Bukan Transmigrasi	Nisbah Kebarangkalian
Luas tanah purata	3.05		3.24	
Luas tanah 3 - 4 Hektar	84.4%	-31%	82.7%	-39%
Luas tanah purata - Miskin	2.64		3.05	
Luas tanah purata - Tidak Miskin	6.44		3.58	
Penggunaan teknologi	Rp 11,589,188	(tidak signifikan)	Rp 5,105,897	(tidak signifikan)
Penggunaan teknologi - Miskin	10,103,608		4,881,501	
Penggunaan teknologi - Tidak Miskin	12,266,015		5,846,885	
Pendidikan - SD	26.8%	-13%	14.9%	-53%
Pendidikan - SMP	21.5%	-39%	24.5%	-41%
Kesihatan - pernah sakit	13.3%	+304%	18.7%	(tidak signifikan)
Akses Kepada Persatuan - Sering, setiap minggu	14.8%	-18%	5.5%	(tidak signifikan)
Akses Kepada Persatuan - Jarang, 6 bulan sekali	17.8%	-8%	74.7%	(tidak signifikan)
Mempunyai pekerjaan sampingan	38.2%	-35%	38.2%	-56%
Jenis Pekerjaan sampingan - Buruh	45.1%		31.5%	
Jenis Pekerjaan sampingan - Peniaga/Pedagang / Pengusaha	41.0%		58.1%	

Secara amnya, faktor yang signifikan dalam mempengaruhi kemiskinan di kawasan transmigrasi boleh dibahagikan kepada empat iaitu; faktor sumber manusia (kesihatan dan pendidikan), faktor usaha dan peluang (untuk terlibat dengan pekerjaan sampingan), faktor harta fizikal (keluasan tanah), faktor institusi (koperasi desa). Manakala di kawasan bukan transmigrasi, tiga faktor yang signifikan dalam mempengaruhi kemiskinan ialah; faktor usaha dan peluang, faktor sumber manusia, dan faktor harta fizikal. Faktor penggunaan teknologi tidak signifikan di kedua-dua kawasan manakala faktor sumber manusia (kesihatan), faktor institusi tidak signifikan di kawasan bukan transmigrasi.

Faktor-faktor penentu pendapatan yang berbeza ini menyebabkan hasil per hektar di kawasan transmigrasi berbeza dengan kawasan bukan transmigrasi. Secara keseluruhan hasil per hektar sama ada dalam kilogram atau dalam Rupiah, adalah lebih tinggi di kawasan transmigrasi berbanding dengan kawasan bukan transmigrasi seperti yang dapat diringkaskan dalam Jadual 6.4.

Jadual 6.4
Hasil dan Pendapatan Per Hektar

	Transmigrasi	Bukan Transmigrasi
Hasil Per Hektar (Kilogram)	14,132	13,066
Pendapatan Per Hektar (Rupiah)	5,800,759	5,309,331

6.3 Kesimpulan, Implikasi Teori dan Dasar

Perpindahan penduduk melalui program transmigrasi ini merupakan salah satu strategi kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup penduduk melalui peningkatan pendapatan yang lebih stabil dan mengatasi masalah kemiskinan. Walau bagaimanapun kemiskinan bukanlah fenomena yang berdiri sendiri tetapi dipengaruhi oleh beberapa faktor penentu kemiskinan. Secara amnya, faktor penentu kemiskinan yang berlaku di kawasan transmigrasi dan kawasan bukan transmigrasi yang dimasukkan ke dalam Model Regresi Logistik dengan pendekatan nisbah kemungkinan (*Odds Ratio*) dan kebolehjadian maksimum (*maximum likelihood*) ialah luas tanah yang diusahakan, tingkat penggunaan teknologi, tingkat pendidikan, taraf kesihatan, aksesibiliti kepada persatuan dan pekerjaan sampingan. Walaupun faktor-faktor penentu ini hampir sama di kawasan masyarakat tempatan (bukan transmigrasi) dan di kawasan transmigrasi, tetapi kesannya (signifikannya) kepada kemiskinan dan agihan pendapatan adalah berbeza.

Seperti juga kajian-kajian lain yang pernah dijalankan di Indonesia, kajian ini menyokong bahawa faktor kemiskinan ditentukan oleh luas tanah yang diusahakan, tingkat penggunaan teknologi, tingkat pendidikan, taraf kesihatan, aksesibiliti kepada persatuan dan pekerjaan sampingan. Walau bagaimanapun kajian ini menunjukkan kesan kemiskinan, agihan pendapatan faktor-faktor penentu kemiskinan tersebut adalah berbeza jika dibandingkan antara kawasan transmigrasi dan kawasan masyarakat tempatan (bukan transmigrasi)

Kajian perbandingan faktor-faktor penentu kemiskinan dikawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi yang telah dijalankan oleh penyelidik ini secara khusus memberi sumbangan lanjutan kepada kajian kemiskinan luar bandar yang pernah dijalankan di Indonesia. Secara amnya kajian ini juga memberi sumbangan ilmu kepada bidang ilmu ekonomi pembangunan dan perancangan khususnya berkaitan dengan pendapatan, kemiskinan, agihan pendapatan, migrasi dan penempatan semula penduduk (pembangunan tanah baru). Selain itu kajian ini juga penting kepada pembuat dasar dalam merangka dasar khusus untuk kawasan transmigrasi atau masyarakat tempatan serta dasar yang akan menjadi pelengkap kepada dasar-dasar yang sedia ada atau yang akan dirancang di kawasan-kawasan berkenaan.

Jika merujuk kepada dakwaan *Down to Earth' – Britain* (Julai 2001) bahawa program transmigrasi telah memindahkan penduduk miskin dari pulau Jawa ke pulau yang lain yang menyebabkan kemiskinan di kawasan menerima transmigran itu lain meningkat ada benar secara kumulatif³⁰. Tetapi ia tidak bermaksud kerana adanya program transmigrasi, pendapatan yang diterima oleh masyarakat tempatan berkurangan yang menyebabkan kemiskinan masyarakat tempatan akan meningkat. Malah secara bandingan dengan masyarakat tempatan (bukan transmigrasi), walaupun kawasan transmigrasi mempunyai kekurangan (*disadvantage*) dari segi lokasi dan kemudahan infra-sosial, pencapaiannya dari segi pendapatan, kadar kemiskinan, agihan pendapatan dan hasil per hektar adalah lebih baik jika dibandingkan kawasan bukan transmigrasi (masyarakat tempatan).

³⁰ Contoh - Kacamatan A meliputi 1 kawasan penempatan masyarakat tempatan dan 1 kawasan penempatan masyarakat transmigrasi. Kemiskinan di kawasan masyarakat tempatan ialah a% dan kemiskinan di kawasan transmigrasi ialah b%. Oleh itu kemiskinan di Kacamatan A meningkat kepada a%+b% kerana adanya program transmigrasi di Kacamatan A.

Secara khusus, berdasarkan kajian di lima Kacamatan dalam Kabupaten Kampar, untuk petani yang mengusahakan tanaman kelapa sawit, sumbangan kajian ini menunjukkan bahawa;

1. Struktur umur adalah lebih tua dan bilangan ahli isi rumah adalah lebih sedikit di kawasan transmigrasi berbanding dengan kawasan bukan transmigrasi;
2. Hasil dalam kilogram per hektar buah kelapa sawit basah (BTB) adalah lebih tinggi di kawasan transmigrasi;
3. Purata pendapatan isi rumah setahun dan purata pendapatan isi rumah perkapita setahun adalah lebih tinggi di kawasan transmigrasi;
4. Kadar kemiskinan adalah lebih rendah di kawasan transmigrasi;
5. Agihan pendapatan isi rumah setahun dari semua sumber pendapatan adalah lebih seimbang di kawasan transmigrasi.
6. Ketidakseimbangan agihan pendapatan di kawasan transmigrasi akan berkurangan jika dicampur dengan lain-lain sumber pendapatan isi rumah;
7. Ketidakseimbangan agihan pendapatan di kawasan bukan transmigrasi akan meningkat selepas dicampur dengan lain-lain sumber pendapatan isi rumah.
8. Di kawasan transmigrasi, faktor terpenting yang mempengaruhi kadar kemiskinan ialah tingkat kesihatan KIR, diikuti oleh tingkat pendidikan,

mempunyai pekerjaan sampingan, keluasan tanah pertanian yang diusahakan dan akses kepada persatuan;

9. Di kawasan bukan transmigrasi, faktor terpenting yang mempengaruhi kadar kemiskinan ialah mempunyai pekerjaan sampingan, diikuti oleh tingkat pendidikan dan keluasan tanah pertanian yang diusahakan.

6.3.1 Implikasi Teori

Dari segi implikasi teori, seperti yang banyak dibincangkan oleh Chenery (1979) dan Todaro (1989), pembangunan di kawasan luar bandar sama ada di kawasan transmigrasi atau bukan transmigrasi memerlukan satu proses pergerakan ke hadapan dalam sistem sosial secara keseluruhannya. Ia meliputi peningkatan dalam produktiviti, persamaan sosial dan ekonomi, pengetahuan moden, perubahan institusi sosial dan sikap, pengurangan kadar kemiskinan dan agihan pendapatan yang lebih seimbang. Dalam masa yang sama, adalah dijangka ketidakseimbangan di kawasan luar bandar sama ada di kawasan transmigrasi atau bukan transmigrasi akan berkurangan bersesuaian dengan pendapat Lewis (1954) (teori perubahan struktur Lewis) apabila lebih buruh (anak-anak petani) di kawasan luar bandar akan berpindah keluar dan bekerja di sektor moden. Pengurangan AIR ini secara langsung akan meningkatkan pendapatan perkapita KIR selain daripada peningkatan pendapatan KIR melalui sumbangan kewangan oleh anak-anak yang telah berkerja dan tidak tinggal bersama KIR.

Dalam masa yang sama, pemukiman baru atau penempatan semula penduduk (*resettlement*) merupakan satu bentuk perpindahan penduduk yang dirancang dan ditaja oleh pihak pemerintah (*government-sponsored migrants*) melalui program transmigrasi ini secara langsung berkaitan dengan perancangan pembangunan jangka panjang ke arah “pembangunan pusat pertumbuhan baru”. Ia bersesuaian dengan perbincangan oleh Higgins (1978) yang berkaitan dengan “teori kutub pertumbuhan” (*growth pole theory*), dimana sektor pertanian yang berkembang di pusat pertumbuhan kawasan transmigrasi merupakan teras aktiviti ekonomi yang akan menjana perkembangan kawasan transmigrasi serta saling berkait dengan aktiviti ekonomi dengan kawasan sekitarnya (kawasan bukan transmigrasi).

Selain itu produk pertanian kawasan transmigrasi (kelapa sawit) juga merupakan ekport utama wilayah Riau. Industri berasaskan eksport ini akan menjana pembangunan ekonomi wilayah selaras pendapat oleh Isard (1960) dalam bidang ekonomi wilayah melalui “teori asas eksport” (*export base theory*). Selain itu, jika merujuk kepada tahap-tahap pembangunan Rostow (1960) (*Rostow's Stages of Growth*), bermaksud ekonomi wilayah Riau adalah berdasarkan eksport (petroleum dan kelapa sawit) dan telah bersedia untuk terus berkembang (*take-off*). Oleh itu adalah sewajarnya masyarakat di kawasan transmigrasi dan masyarakat tempatan mendapat faedah dari pembangunan ekonomi yang sedang dan akan berlaku.

Seperti yang dinyatakan oleh pihak World Bank (2004), proses penempatan semula boleh menjejaskan sosioekonomi dan kesejahteraan (*well-being*) masyarakat di kawasan penempatan semula. Walau bagaimanapun, untuk program transmigrasi, perpindahan penduduk adalah atas dasar sukarela dan tanpa paksaan. Program

penempatan semula telah dilaksanakan dengan baik dan ia memberi peluang pembangunan khusus untuk masyarakat migran berdikari dalam memperbaiki taraf hidup mereka melalui bantuan tanah, kemudahan asas dan subsidi di kawasan penempatan baru (transmigrasi). Para migran yang berpindah secara sukarela ini pastinya tertakluk kepada jangkaan yang mereka akan perolehi di kawasan penempatan semula (selepas berpindah) sebagai timbangtara dengan cabaran di kawasan kediaman sekarang (sebelum berpindah).

Perkara ini seperti yang disebut oleh teori migrasi Everett Lee pada tahun 1966 bahawa wujud faktor tolakan dan tarikan (*push-pull model*) sebagai punca berlakunya migrasi. Faktor tarikan yang paling utama kenapa para migran berpindah ke kawasan transmigrasi ialah bantuan tanah (ladang) rumah dan kemudahan asas untuk memperbaiki taraf hidup mereka. Manakala faktor tolakan yang paling utama ialah tidak memiliki tanah pertanian, tingkat pendapatan yang rendah dan belungu kemiskinan. Selain itu tingkat kepadatan penduduk yang tinggi yang mereka alami di lokasi sebelum berpindah (di pulau Jawa), menyebabkan kombinasi faktor tanah-sumber manusia yang tidak ekonomik (pengagihan sumber ekonomi yang tidak cekap) selain daripada peluang³¹ untuk memperbaiki taraf hidup yang lebih kompetitif.

Oleh itu, pendekatan transmigrasi ini juga bersesuaian dengan pendekatan migrasi Sjaastad, pada tahun 1962 yang menekankan faktor peruntukan dan pengagihan sumber ekonomi yang cekap melalui proses migrasi. Menurut Sjaastad, migrasi adalah satu pelaburan dalam mempertingkatkan daya pengeluaran (produktiviti). Pengagihan

³¹ Peluang untuk mendapat pekerjaan adalah rendah kerana pasaran buruh yang telah tepu dan upah yang telah tegar (*rigid*).

sumber dalam kes transmigrasi merujuk kepada pengagihan sumber tanah di kawasan penempatan baru kepada sumber manusia iaitu para migran.

6.3.2 Implikasi Dasar

Berdasarkan dapatan kajian di kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi, tumpuan dasar dalam pembasmian kemiskinan dapat dibahagikan kepada empat faktor iaitu;

1. Meningkatkan keupayaan sumber manusia.
2. Memperbanyakkan usaha dan peluang.
3. Meningkatkan pemilikan harta fizikal.
4. Mengaktifkan penglibatan institusi koperasi
5. Meningkatkan Penglibatan Institusi Zakat dan Bait al Mal
6. Meningkatkan penggunaan teknologi.

1. Meningkatkan Keupayaan Sumber Manusia Melalui Infra-Sosial

Meningkatkan keupayaan sumber manusia yang paling penting ialah dari segi kemudahan penjagaan kesihatan petani dan keluarga terutamanya di kawasan transmigrasi (singnifikan paling besar dalam mengurangkan kemiskinan di kawasan transmigrasi). Di kawasan transmigrasi, struktur umur yang lebih tua sama ada kepada petani atau keluarga memerlukan suatu dasar yang lebih komprehensif dalam menjaga tingkat kesihatan penduduk dan persekitaran tempat tinggal yang sihat. Secara am, persekitaran kawasan tempat tinggal di kawasan transmigrasi adalah tidak kondusif berbanding dengan di kawasan perkampungan sekitarnya (kawasan bukan transmigrasi).

Persekitaran yang kondusif ini bukan sahaja penting untuk meningkatkan taraf kesihatan penduduk malah juga dalam meningkatkan pencapaian dan minat untuk bersekolah, tingkat keselamatan dan kemudahan akses ke kawasan kampung serta meningkatkan penerimaan dan penggunaan kemudahan infra-sosial. Dasar khusus untuk kawasan transmigrasi dari segi meningkatkan kemudahan infra-sosial perlu dinilai semula. Konsep pembangunan rancangan pembangunan tanah baru harus ditumpukan kepada untuk menjadikan kawasan transmigrasi sebagai satu pusat pertumbuhan baru yang dilengkapi dengan kemudahan infra-sosial yang setaraf dan sebagai pelengkap dengan kawasan sekitarnya.

2. Memperbanyakkan Usaha dan Peluang

Memperbanyakkan usaha dan peluang petani dan keluarga untuk terlibat dalam pekerjaan sampingan adalah penting (signifikan) di kedua-dua kawasan dalam meningkatkan pendapatan isirumah. Usaha ini boleh ditingkatkan dengan sokongan daripada institusi-institusi latihan/bimbingan dan bantuan kewangan. Dalam masa yang sama masyarakat luar bandar sama ada dari kawasan transmigrasi atau bukan transmigrasi sewajarnya diberi peluang yang untuk terlibat secara aktif dalam proses pembangunan arus perdana di kawasan mereka. Peluang ini boleh ditingkatkan dengan menyediakan kemudahan kepada mereka untuk terlibat dalam aktiviti yang meningkatkan pendapatan mereka. Ini kerana Provinsi Riau merupakan wilayah terkaya di Indonesia dengan sumber utama petroleum dan tanaman kelapa sawit.

Peluang ini boleh ditingkatkan seperti menyediakan kemudahan pengangkutan (bus kilang) untuk membawa pekerja ke kawasan industri atau menyediakan asrama pekerja (untuk pekerja dari kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi/pendalamam) di kawasan industri. Selain itu peluang untuk terlibat sebagai peniaga/pengusaha juga boleh ditingkatkan dengan menyediakan bantuan-bantuan kewangan dan lot-lot perniagaan sama ada di kawasan transmigrasi atau di luar kawasan transmigrasi. Peluang untuk terlibat sebagai pekerja atau peniaga dengan syarikat inti juga perlu ditingkatkan.

Dalam masa yang sama pihak pemerintah melalui kerjasama agensi yang terlibat dengan kebajikan masyarakat, pengembangan belia boleh membantu dari segi meningkatkan latihan dan kemahiran peserta dan generasi kedua transmigrasi. Dengan kemahiran-kemahiran asas ini diharap mereka boleh berkerja sendiri, menikmati pendapatan sampingan dan tidak terlalu mengharapkan bantuan daripada pemerintah.

3. Meningkatkan Pemilikan Harta Fizikal

Faktor pemilikan harta fizikal yang paling penting di kawasan kajian ialah pemilikan tanah. Secara purata, petani memiliki tanah seluas tiga hektar (sekitar 6 ekar) tanah yang ditanam dengan pokok kelapa sawit. Secara amnya, hasil dari keluasan tanah ini cukup sebagai sumber pendapatan untuk satu keluarga (5 AIR). Walau bagaimanapun melalui masa apabila bilangan AIR semakin meningkat (contoh terdapat AIR yang berkahwin dan tinggal bersama KIR) menyebabkan keluasan tanah ini tidak mencukupi untuk menampung bilangan AIR yang semakin meningkat sama ada di kawasan transmigrasi dan

bukan transmigrasi. Bilangan AIR yang ramai ini cenderung menyebabkan pendapatan perkapita semakin kecil.

Tiga kaedah mungkin sesuai dalam merangka dasar untuk meningkatkan pemilikan tanah per-petani di kawasan kajian. Pertama ialah dengan menggalakkan migrasi keluar golongan belia ke kawasan bandar atau perindustrian dengan menyediakan bantuan awal dari segi tempat tinggal (asrama pekerja) dan wang saku. Kedua ialah dengan membuka kawasan transmigrasi yang baru disekitar kawasan transmigrasi yang sedia ada (jika masih mempunyai tanah kerajaan untuk diteroka) untuk generasi kedua masyarakat transmigrasi. Ketiga ialah dengan mengusahakan tanah milik syarikat inti atau milik kerajaan melalui pajakan. Dalam masa yang sama, sistem bahagi hasil yang sedang diamalkan di kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi harus dinilai semula dengan memperkenalkan suatu kaedah yang lebih formal yang akan menguntungkan kedua-dua belah pihak.

4. Meningkatkan Penglibatan Institusi Koperasi

Institusi ekonomi yang paling penting di kawasan kajian ialah koperasi zakat terutamanya di kawasan transmigrasi. Penglibatan petani dalam institusi ini memberi kesan yang signifikan dalam meningkatkan pendapatan di kawasan kajian. Di kawasan transmigrasi, peranan utama koperasi ialah sebagai wakil kepada syarikat inti dalam mengumpul hasil kelapa sawit. Selain itu koperasi juga berfungsi sebagai wakil daripada pemerintah dalam mengagihkan peruntukan baja dan racun bersubsidi (koperasi desa) dan mengutip bayaran kredit peserta transmigrasi. Manakala di kawasan bukan transmigrasi, koperasi

tidak dimestikan kerana tiada keperluan kepada pemerintah, syarikat inti atau petani.

Suatu dasar berkaitan peranan koperasi ini harus dinilai semula supaya tidak hanya sebagai wakil kerajaan, syarikat inti atau petani tetapi juga sebagai satu institusi yang akan menggalakkan petani menabung dalam koperasi (menambah saham) dan kemudiannya koperasi boleh untuk terlibat dalam aktiviti perniagaan di kawasan penempatan (kampong) petani atau dalam aktiviti hiliran pertanian yang lain. Di kawasan penempatan, koperasi boleh berperanan dalam menyediakan kemudahan kedai runcit, kedai peralatan pertanian atau terlibat dalam sektor pengangkutan (bus sekolah, teksi dan lain-lain). Dalam aktiviti hiliran pertanian, koperasi boleh terlibat dalam aktiviti memproses produk pertanian kontan yang ada di kawasan kajian. Petani termasuk peserta transmigrasi, bukan sahaja akan menikmati dalam bentuk dividen dari tabungan (saham) dengan pihak koperasi tetapi juga peluang pekerjaan sampingan melalui aktiviti-aktiviti koperasi. Selain itu, dalam jangka panjang, koperasi boleh mengambil alih peranan mengutip bayaran kembali kos pembukaan tanah daripada peserta transmigrasi dengan kadar faedah yang lebih rendah daripada kadar yang dikenakan oleh institusi kewangan³².

Koperasi yang ditubuhkan tidak harus beroperasi di kawasan transmigrasi sahaja, malah berfungsi sebagai pelengkap yang harus juga merangkumi kawasan bukan transmigrasi. Melalui kawasan operasi yang lebih besar,

³² Kadar faedah yang dikenakan oleh institusi kewangan ialah antara 15% hingga 19% berbanding dengan kadar faedah untuk peserta program penempatan semula (FELDA) di Malaysia iaitu 6.25%.

bilangan ahli dan tabungan boleh ditingkatkan yang kemudiannya boleh meluaskan lagi aktiviti koperasi. Dalam masa yang sama, koperasi juga akan terlibat dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan khairat kematian. Melalui cara ini, ia akan dapat memupuk semangat setiakawan dan meningkatkan perpaduan dikalangan masyarakat transmigrasi (suku Jawa) dan bukan transmigrasi (suku Melayu).

5. Meningkatkan Penglibatan Institusi Zakat dan Bait al Mal

Sebahagian besar penduduk di kawasan Transmigrasi dan bukan transmigrasi beragama Islam. Sehubungan itu salah satu institusi yang berpotensi dibangunkan ialah institusi zakat dan Bait al Mal. Bantuan pinjaman kepada petani untuk program-program produktif bagi pembasmian kemiskinan boleh dilaksanakan sebagai satu sumber finansial baru. Melalui institusi zakat pemimpin tempatan tidak terlalu bergantung kepada dana luaran seperti bantuan pemerintah pusat atau provinsi. Namun begitu, supaya institusi zakat mempunyai pungutan (tabungan) yang mencukupi, penguatkuasaan undang-undang tentang pelaksanaan syariat Islam perlu diwujudkan dahulu bagi meningkatkan Pendapatan Asli Daerah (PAD) seperti yang dilaksanakan di Provinsi Aceh.

6. Meningkatkan Penggunaan Teknologi

Penggunaan teknologi iaitu baja dan racun perosak didapati tidak signifikan dalam meningkatkan pendapatan sama ada di kawasan transmigrasi dan bukan kawasan transmigrasi. Di kedua-dua kawasan penggunaan baja adalah lebih rendah daripada yang dicadangkan oleh pihak pemerintah. Walau

bagaimanapun hasil perhektar adalah lebih tinggi di kawasan transmigrasi. Ini kerana di kawasan transmigrasi, pihak pemerintah dan syarikat ini memberi bimbingan dan latihan kepada para peserta transmigrasi untuk meningkatkan hasil pengeluaran kelapa sawit mereka.

Sehubungan itu, tingkat penggunaan teknologi harus ditingkatkan tidak hanya meliputi baja dan racun sahaja. Walau bagaimanapun penggunaan teknologi-teknologi baru di kawasan kajian agak lambat kerana kos buruh yang murah berbanding dengan kos membeli jentera. Sehubungan itu, peningkatan penggunaan teknologi harus ditumpukan kepada teknologi yang dapat meningkatkan kualiti buah kelapa sawit (harga BTB – buah tandan basah bergantung kepada kualiti buah kelapa sawit).

Dalam masa yang sama, pihak pemerintah boleh mencontohi kejayaan program pembangunan tanah baru seperti yang dilaksanakan di Malaysia melalui program FELDA. Konsep asas program FELDA dan transmigrasi adalah sama iaitu pembasmian kemiskinan melalui program penempatan semula penduduk untuk terlibat dalam sektor pertanian komersial (produk eksport). Cuma yang berbeza ialah di Indonesia ia melibatkan perpindahan penduduk dari pulau Jawa yang sebahagian besarnya kaum Jawa ke pulau-pulau lain dalam negara Indonesia. Keadaan ini menyebabkan berlaku proses asimilasi sosio-budaya di kawasan yang menerima masyarakat transmigrasi. Dalam sesetengah keadaan wujud konflik dan persaingan antara masyarakat transmigrasi dengan masyarakat sekitarnya. Walau bagaimanapun atas dasar semangat setiakawan dan perpaduan nasional, ia telah dapat diatasi dengan baik oleh pihak pemerintah Indonesia.

Seperti yang telah dibincangkan, dalam jangka panjang kawasan transmigrasi harus boleh berfungsi sebagai pusat pertumbuhan baru di kawasan luar bandar. Antara program yang boleh dilaksanakan seperti berikut;

1. Selain daripada kegiatan berasaskan perladangan kelapa sawit, kegiatan ekonomi di kawasan transmigrasi boleh dipelbagaikan meliputi juga aktiviti industri kecil dan sederhana (IKS) berasaskan tani sebagai punca pendapatan tambahan.
2. Meningkatkan dan mempelbagai kaedah untuk memberi ilmu pengetahuan baru atau latihan teknikal dan vokasional kepada peserta transmigrasi terutamanya kepada generasi baru.
3. Mewujudkan program seperti “satu wilayah satu industri” atau “satu kampung satu produk” di kawasan luar bandar sebagai pelengkap (saling berkerjasama) diantara kawasan transmigrasi dan masyarakat sekitarnya³³.
4. Mengembangkan anak-anak generasi kedua petani (di kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi) sebagai penggerak dalam setiap program pembangunan ekonomi dan kemasyarakatan di kawasan masing-masing.

³³ Di Malaysia, program satu wilayah satu industri ini disebut sebagai “Program SAWARI” dan dilaksanakan di kawasan FELDA. Manakala program satu kampung satu produk di sebut sebagai “Program IKIP” dilaksanakan di kawasan luar bandar (selain daripada kawasan FELDA) oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

6.4 Kajian Lanjutan

Kajian lanjutan boleh dibuat dengan membandingkan kawasan transmigrasi dengan kawasan bukan transmigrasi dengan tanaman utama bukan sawit. Dalam kajian ini perbandingan hanya dilakukan untuk isi rumah yang bercucuk tanam sawit sahaja di kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi. Selain itu, kajian yang telah dijalankan ini merupakan kajian berbentuk kajian kes di kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi di Kabupaten Kampar Provinsi Riau. Oleh itu dapatan kajian ini adalah terhad dan tidak boleh digunapakai di peringkat nasional. Kajian yang sama boleh dilakukan dengan membesarkan skop kajian (sample kajian) supaya meliputi semua kawasan kajian transmigrasi dan bukan transmigrasi dengan tanaman utama sawit di Indonesia supaya hasilnya boleh menggambarkan di peringkat nasional.

Di kawasan kajian ramai bilangan isi rumah yang mengusahakan tanah dengan sistem bagi hasil. Perlu pula dilakukan kajian lanjutan dalam merangka satu sistem bahagi hasil yang menguntungkan kedua-dua belah pihak. Selain itu, kajian sosio budaya perlu juga dilakukan utamanya yang berkaitan dengan etnik (suku) isi rumah di kawasan kajian. Selain menggunakan model ekonomi pembangunan dalam mengkaji gelagat seharian petani dalam bertindakbalas terhadap penentu-penentu kemiskinan yang telah dikaji, satu kajian yang menggunakan pendekatan pelbagai bidang (*multidisciplinary approach*), terutamanya dalam bidang antropologi dan sosiologi (gelagat membuat keputusan dari sudut antropologi dan sosiologi) dijangka akan dapat menerangkan faktor-faktor penyebab kemiskinan dan ketidakseimbangan agihan pendapatan di kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi dengan lebih mendalam.

Selain itu, kajian juga boleh dilaksanakan berdasarkan konsep utiliti pengguna dengan iaitu mengukur taraf hidup berdasarkan tingkat kepuasan para migran selepas berpindah ke kawasan transmigrasi. Kepuasan ini meliputi penerimaan dan penggunaan kemudahan infra-sosial yang disediakan, kualiti perumahan, nilai haratanah, peluang untuk terlibat dalam aktiviti ekonomi sampingan, penerimaan serta kerjasama dan perpaduan antara peserta dengan masyarakat setempat, peluang untuk masa lapang (*opportunity for leisure*) dan peluang untuk menyertai projek-projek pembangunan arus perdana yang ada di kawasan kajian.

6.5 Penutup

Masalah kemiskinan tetap menjadi persoalan utama oleh pihak pemerintah dalam melaksanakan dasar-dasar pembangunan sosioekonomi negara. Pelbagai dasar telah dilancarkan oleh pihak pemerintah sejak era Oder Baru dan antara yang paling utama ialah program transmigrasi. Walau bagaimanapun di kawasan luar bandar, golongan miskin masih terdiri daripada mereka yang bekerja dalam bidang pertanian sama ada di kawasan transmigrasi atau bukan kawasan transmigrasi.

Kajian yang telah dijalankan di kawasan transmigrasi dan bukan transmigrasi dalam Kabupaten Kampar, Povinsi Riau, Sumatera menunjukkan bahawa golongan yang miskin masih ramai kerana dua faktor utama iaitu saiz ladang dan sumber pendapatan sampingan yang kecil. Selain itu, faktor-faktor yang memberi kesan langsung kepada masalah kemiskinan ialah tingkat penggunaan teknologi, taraf pendidikan, jumlah ahli isi rumah, tingkat kesihatan dan akses kepada institusi. Selain itu, kualiti (harga) hasil ladang yang turun naik, serta upah (hasil) dari pekerjaan sampingan yang rendah dan bermusim juga boleh menyukarkan lagi para petani untuk keluar dari perangkap

kemiskinan. Seseengah faktor kemiskinan ini menyebabkan masalah lain seperti meningkatkan kos purata malah juga mengurangkan produktiviti pengeluaran.

Seperti juga kajian-kajian lain berkaitan kemiskinan secara global, insidens kemiskinan dan ketidakseimbangan agihan pendapatan di kawasan kajian memperlihatkan satu rantai yang kompleks dan berhubungkait antara satu sama lain. Selain itu faktor demografi, sosioekonomi dan budaya yang berbeza antara masyarakat transmigrasi (majoriti dari suka Jawa) dengan masyarakat tempatan juga mempunyai kaitan dengan masalah kemiskinan di kawasan kajian.

Akhir sekali, kerjasama antara pemerintah di peringkat provinsi dengan agensi-agensi pemerintah di peringkat pusat termasuk dengan syarikat-syarikat inti (sama ada yang dimiliki oleh pihak pemerintah atau swasta) perlu terus dipergiatkan dalam menangani masalah petani. Campurtangan kerajaan dalam menentukan harga hasil pertanian (kelapa sawit), kadar bunga (faedah) pinjaman kredit untuk tanaman ladang dari institusi kewangan serta pemberian insentif kepada petani merupakan antara faktor utama yang boleh mengurangkan kadar kemiskinan di kawasan luar bandar. Tanpa perubahan minda golongan miskin untuk berubah, kerjasama petani sebagai satu pasukan, struktur harga hasil pertanian yang menarik, kadar bunga yang kompetitif dan insentif serta bantuan subsidi yang bersesuaian, masalah kemiskinan dijangka akan terus tinggi di kawasan luar bandar secara mutlak dan lebih lagi secara relatif.

RUJUKAN

- Abbas, Sabaruddin. 1994. 'Peranan Kesehatan Dalam Pengentasan Kemiskinan'. *Pidato Pengukuhan Guru Besar Dalam Ilmu Kesehatan Masyarakat*, Fakultas Kedokteran, UNAND, Padang.
- Alberts, T. 1983. *Agrarian Reform and Rural Poverty, A Case Study of Peru*. Colorado: Westview Press.
- Almond, G.A. and Powel, G.B. 1965. *Comparative Politics: A Development Approach*. Boston: Little Brown.
- Amid, Mohammad Javad. 1990. *Agriculture, Poverty and Reform in Iran*. London: Routledge. Ananta, 1988
- Ananta, Aris. 1988. *Ekonomi Sumber Daya Manusia*, Fakultas Pascasarjana, UI, Jakarta.
- Andi Nuhung, Iskandar. 2006. *Bedah Terapi Pertanian Nasional*, P.T BPI, Jakarta.
- Arief, Sritua. 1990. *Dari Prestasi Pembangunan Sampai ke Ekonomi Politik*, Jakarta, UI.Press.
- Arifin Saleh. 2009. *Sovereignty, Prosperity and Dignity of Indigenous Peoples. Re-finding the Relation Between the State and Indigenous Peoples*. Indigenous Peoples Alliance of the Archipelago, Indonesia.
- Arndt. 1992. *Pembangunan dan Pemerataan*, LP3ES, Jakarta.
- Arndt, H.M. 1988. 'Transmigration in Indonesia', in Oberai, A.S. *Land Settlement Policies and Population Redistribution in Developing Countries, Achievement, Problem and Prospects*. New York: Praeger.
- Aruna Shantha & Asan Ali Golam Hassan. 2012. 'Efficiency and Managerial Ability of Paddy Farming Under Irrigation Condition'. *The Journal of Agricultural Sciences*, 2012, vol.7, No.3.
- Asan Ali Golam Hassan & Devamany S.K. 2015. 'Habitat Masyarakat Orang Asli: Impak Program Penempatan Tersusun', dlm. Hamidi Ismail, Tuan Pah Rokiah Syed Hussain & Haryati Shafii (eds), *Habitat Manusia dan Pengurusannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asan Ali Golam Hassan & Hassan Ali. 2003. 'Migrasi Keluar Generasi Kedua: Impaknya Terhadap Sosio-Ekonomi Masyarakat FELDA', dlm. Yahya Ibrahim & Mohd Razali Agus (eds), *Penilaian Impak Sosial*. Utusan Publication. 191-202.
- Asan Ali Golam Hassan, Mahani Mohd, Noor Al-Huda Abdul Karim & Hassan Ali. 1999. *Insidens Kemiskinan dan Agihan Pendapatan di Tanah Rancangan FELDA*. Sintok: Penerbit UUM.

- Asan Ali Golam Hassan, Rosita Suhaimi & Fatimah Saad. 2003. 'Migrasi Penduduk dan Pembangunan', dlm. Rahmah Ismail (ed). *Ekonomi Pembangunan: Isu Sumber Manusia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Asan Ali Golam Hassan & Muszafarshah Mohd Mustafa. 2012. 'Income Distribution to Regional Disparities: a Cumulative Causation from Malaysia's Experience', dlm. Aris Ananta & Rick Barichello (eds), *Poverty, Food, and Global Recession in Southeast Asia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Asan Ali Golam Hassan. 1998. 'Ketidakseimbangan Agihan Industri dan Migrasi Penduduk Di Negeri Kedah', *Jurnal Analisis*, Jld.5(1): 99-118.
- Asan Ali Golam Hassan. 2004. *Growth, Structural Change and Regional Inequality in Malaysia*. Aldershot: Ashgate Publishing Ltd, England.
- Asan Ali Golam Hassan. 2006. 'Disadvantage Cycle in the Less Developed States: Evidence from Malaysia'. *International Journal of Management Studies*, Jilid 13. Bil.1, Jun 2006. 95-129.
- Atiq, Rahman. 1994. *Development Perspective For The Most Disadvantages in Bangladesh Agriculture*, Asian and Pacific Centre Publisher, Kuala Lumpur.
- Babcock, Timothy. 1983. 'Transmigrasi dan Resettlement: Beberapa Kebutuhan Akan Penelitian Sosio-Ekonomi'. *Prisma*, No. 9, September 1983: 74-80.
- Badan Pusat Statistik. 1994. *Konsumsi Kalori dan Protein Penduduk Indonesia tahun 1990 dan 1993*, Biro Pusat Statistik, Jakarta.
- Badan Pusat Statistik. 1994. *Laporan Perekonomian Indonesia 1993*, Biro Pusat Statistik, Jakarta.
- Badan Pusat Statistik. 1994. *Sistem Neraca Sosial Ekonomi Indonesia*, Biro Pusat Statistik, Jakarta.
- Badan Pusat Statistik. 2007. *Data BPS Indonesia*. Jakarta.
- Badan Pusat Statistik. 2012. *Data BPS Indonesia*. Jakarta.
- Badan Pusat Statistik Provinsi Riau Kerjasama BAPPEDA Provinsi Riau .(2005). *Riau Dalam Angka*, Pekanbaru.
- Badan Pusat Statistik. 1995. *Tabel Input-Output Indonesia 1995*, Biro Pusat Statistik, Jakarta.
- Badan Pusat Statistik. 2001. *Laporan Perekonomian Indonesia*. Jakarta.
- Badan Pusat Statistik. 2010. *Kampar Dalam Angka*, Bangkinang, Kampar.

Badan Pusat Statistik. 2013. Data BPS Indonesia. Jakarta.

Badan Pusat Statistik. 2014. Berita Resmi Statistik. No. 16/02/Th. XVII, 5 Februari.

Badan Pusat Statistik, BAPPENAS & UNDP. 2001. *Menuju Konsensus Baru. Demokrasi dan Pembangunan Manusia di Indonesia*, Laporan Pembangunan Manusia 2001, Oktober, Jakarta.

BAPPEDA & Badan Pusat Statistik Kampar. 2006. *Kampar Dalam Angka*. BAPPEDA kerjasama BPS Kampar, Bangkinang.

BAPPENAS. 2013. Kementerian Perencanaan Pembangunan Nasional/Badan Perencanaan Pembangunan Nasional. *Perkembangan Ekonomi Indonesia*. Laporan Perekonomian Indonesia Triwulan I Tahun 2013. Jakarta.

BAPPENAS, BPS & UNDP. 2000. *Menuju Konsensus Baru. Demokrasi dan Pembangunan Manusia di Indonesia*, Laporan Pembangunan Manusia 2001, Oktober, Jakarta.

BAPPENAS. 2000. Sekilas Tentang Propenas. Naskah No. 20, Juli-Agustus 2000. Jakarta.

Barro, J.R. and Sala-i-Martin, Xavier. 1999. *Economic Growth*. Cambridge: MIT Press.

Barron, P., Kaiser, K. & Pradhan, M. 2004. 'Local Conflict in Indonesia. Measuring Incidence and Identifying Patterns'. *World Bank Policy Research Working Paper*. No. 3384, August 2004.

Batten, TR (1989). *Rural Development*. Kuala Lumpur: Social Studies University of Malaya

Baydar, N, White M.J., Simkins, C. and Babakol, O. 1990. 'Effects of Agricultural Development Policies on Migration in Peninsular Malaysia'. *Demography*, Vol.27 (1): 97-109.

Bernstein, H. 1971. 'Modernization Theory and the Sociological Study of Development', *Journal of Development Studies*, Vol.7 (2).

Bornscher, V., 1983. 'World Economy, Level Development and Income Distribution: An Integration of Different Approaches to the Explanation of Income Inequality'. *World Development*, Vol.11 (1): 11-20.

Both, Anna & Firdausy. 1994. *The Effect of Price and Market Reform on The Poverty Situation Of Rural Communities and Firm families*, New York: Economic and Social Commision For Asia and Pacific.

Brinkman, R. 1995. 'Economic Growth versus Economic Development: Toward a Conceptual Clarification'. *Journal of Economic Issues*, Vol.29 (4): 1171-1185.

Britain. 2001. *Down to Earth*, July 2001.

Chambers, Robert (1995). *Poverty And Livelihood: Whose Reality Counis*. Kuala Lumpur : Institute of development Studies

Chamhuri Siwar. 2004. 'Kemiskinan dan Pendidikan', dalam Asan Ali Golam Hassan (ed), *Prognosis Pembangunan Dan Transformasi Struktur*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Chamhuri Siwar. 2014. 'Kemiskinan dan Agihan Pendapatan: Satu Tinjauan Terhadap Dasar, Strategi Dan Program Sejak DEB Hingga DWN', dalam Chamhuri Siwar & Asan Ali Golam Hassan (eds). 2013. *Dari DEB Ke DWN: Menoleh Ke Belakang, Memandang Ke Kehadapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Chattopadhyay, A. 1998. 'Gender, Migration, and Career Trajectories in Malaysia'. *Demography*, Vol.35 (3): 335-344.

Chaudhuri, P. 1989. *The Economic Theory of Growth*. London: Harvester Wheatshesf.

Chen, Shaohua & Martin Ravallion. 2001. 'What Can New Survey Data Tell Us About Recent Changes In Distribution and Poverty', *World Bank Economic Review*. No.11.

Chenery, Hollis B. 1979. *Structural Change and Development Policies*. Baltimore: Johns Hopkins University Press.

Chole, Eishetu and Mulat, Teshome. 1988. 'Land Settlements in Ethiopia: A Review of Development', dalam Oberai, A.S.(ed). *Land Settlement Policies and Population Redistribution in Developing Countries, Achievement, Problem and Prospects*. New York: Praeger.

Collier ,W.L. 1986. *Comparison of Input Use and Yield of Various Rice Varities by Large Farmer and Representative Farmer*, Bogor, Pusat Agro Ekonomika.

Dartanto, T. 2007. 'Kritik atas Kebijakan Kemiskinan'. *Koran Tempo*,10 Februari. 2007 – A8, Jakarta.

De Tray, D. 1983. 'Children's Work Activities in Malaysia'. *Population and Development Review*, Vol.9 (3): 437-455.

Depnakertrans. 2004. *Transmigrasi di Indonesia*. Jakarta

Disbun Provinsi Riau. 2005. *Dinas Perkebunan Provinsi Riau*, Laporan Tahunan. Riau.

Djojohadikusumo, Sumitro. 1994. *Perkembangan Pemikiran Ekonomi Dasar, Teori Ekonomi Pertumbuhan dan Ekonomi Pembangunan*. Jakarta: Penerbit Gramedia.

- Elfindri. 1994. *Manfaat Relatif Program Kesehatan Melalui Posyandu*. Sebuah Pengujian Terhadap Tingkah Laku Kesehatan, Ekonomi dan Keuangan Indonesia No 4. Tahun XLII.
- Esmara, Hendra. 1986. *Perencanaan dan Pembangunan Indonesia*, Gramedia, Jakarta.
- Fold, N. 2000. 'Oiling the Palms: Restructuring of Settlements Schemes in Malaysia and the New International Trade Regulation'. *World Development*, Vol.28 (3): 473-486.
- Fong, C. 1985. 'Integrated Population-Development Program Performance: The Malaysian FELDA Experience', *Journal of Developing Areas*, Vol.19: 149-170.
- Fong, C. 1987. 'Population Development Program Implementation: The Malaysian Experience', *Economic Development and Cultural Chang*, Vol.35: 539-557.
- Forbes, D.K. 1984. *The Geography of Underdevelopment*. Kent: Groomthelm.
- Foster-Carter, A. 1985. *The Sociology of Development*. Cornwall: Causeway.
- Friedmann, John. 1996. *Planning in The Public Domain: From Knowledge to Action*. Oxford, UK: Princeton University.
- Ghaiha, Ragghav. 1985. 'Poverty Technology and Infrastructure in Rural India', *Cambridge Journal of Economics*, Vol 9.
- Goldfhorpe, JE. 1992. *Sosiologi Dunia Ketiga, Kesenjangan dan Pembangunan*, PT.Gramedia Pustaka Utama, Jakarta.
- Goulet, D. 1971. *The Cruel Choice. A New Concept in the Theory of Development*. New York: Atheneum.
- Gray, Alison & Elliott, Susan. 2001. *Refugee Resettlement Research Project, Refugee Voices*. Department of Labour, New Zealand Immigration Service.
- Gujarati, D. 1993. *Basic Econometrics*. Tokyo: Mc.Graw Hill.
- Gunawan, Memed & Erwidodo. 1992. *Urbanisasi dan Pengurangan Kemiskinan*. Prisma No. 3, Tahun XII.
- Gunawan, Wardi. 1984. *Ketenagakerjaan Dalam Struktur agraris di Perdesaan Jawa*, Penerbit Yayasan Dian Desa, Yogyakarta.
- Hadiwegeno, Soetatwo & Agus Pakpahan. 1993. *Identifikasi Wilayah Miskin di Indonesia*, Prisma Nomor 3, Tahun XII.
- Hagul, Peter. 1986. *Pembangunan Desa dan Lembaga Swadaya Masyarakat*, Yogyakarta, Yayasan Dian Desa.

- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Noor. 2008. *Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Malaysia*. Kumpulan Kajian Ekonomi & Kewangan Islam. Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Hanafiah. 1989. *Strategi Pembangunan Wilayah Pedesaan Kerangka Pemikiran Bagi Pembangunan Desa Terpadu*, Bogor Jurusan Sosial Ekonomi Pertanian, IPB
- Hardjono, J. 1977. *Transmigration in Indonesia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Hardoy, Jorge E & Satterthwaite, D. 1981. *Shelter: Need and Response*. Chichester: John Wiley and Sons.
- Hashim, Shireen-Mardziah. 1997. *Income Inequality and Poverty in Malaysia*. Lanham: Rowman and Littlefield.
- Hayami & Ruthan. 1985. *Agricultural Development an International Prespective*. London: John Hopkins Press..
- Henriques, Maria Helena F.T. 1988. 'The Colonization Experience in Brazil', dlm. Oberai, A.S. *Land Settlement Policies and Population Redistribution in Developing Countries, Achievement, Problem and Prospects*. New York: Praeger.
- Hernanto, Fadholi (1996). *Ilmu Usahatani*. Jakarta: Penerbit Swadaya.
- Higgins, B. 1978. 'Development Poles: Do They Exist?', in Lo, Fu-Chen and Salih, K. *Growth Pole Strategy and Regional Development Policy*. Oxford: Pergamon Press.
- Hinderink, J. 1981. 'Geography and the Study of Development'. *The Indonesian Journal of Geography*, Vol.II (42).
- Hoover, M.E. & Giarratani, F. 1999. 'An Introduction to Regional Economics', dalam *Web Book of Regional Science*. Regional Research Institute. West Virginia University. <http://www.rri.wvu.edu/regscweb.htm>
- IFAD. 2001. 'Rural Poverty Report 2001, The Challenge of Ending Rural Poverty'. *International Fund for Agricultural Development*. Oxford: Oxford University Press.
- Ilave, Hulamari & Elizabeth. 1994. *Planed Rural Development Bias Or Institutionalized Gender Bias. Resetlement Schemed and Woman in Papua New Guinea*, Asian and Pacipic Development Centre, Kuala Lumpur.
- Ilhalauw, John & Sardi Kartoredjo. 1991. *Penguasaan Tanah Serta Implikasinya Terhadap Kekekatan Budaya*, BPFE UGM, Yogyakarta.
- Isard, W. 1960. *Methods of Regional Analysis: An Introduction to Regional Science*. Cambridge: MIT Press.

- Ishak Shari & Asan Ali Golam Hassan. 2001. 'Growth and Quality of Life', dalam Fatimah Wati Ibrahim & Norehan Abdullah (eds). *Issues on Economic Growth and Quality of Life in Malaysia*. Sintok: Universiti Utara Malaysia Publication.
- Ishak Shari. 2000. 'Globalization and Economic Disparities in East and Southeast Asia: New Dilemmas'. *Third World Quarterly*, Vol.21(6): 963-975.
- Jinghan, ML. 1978. *The Economics of Depeloment and Planning*. New Delhi: Vikas Publishing House.
- Joanna P. Estudillo. 1999. 'Green Revolution, Human Capital and Off-Farm Employment: Changing Sources of Income Among Farm Households in Central Luzon 1966-1994'. *Economic Development and Cultural Change*. Vol.47(3):497-523.
- Johnson R.W. and DaVanzo J. 1998. 'Economic and Cultural Influences on the Decision to Leave Home in Peninsular Malaysia'. *Demography*, Vol.35 (1): 97-114.
- Kakwani, N. and Krongkaew, M. 2000. 'Economic Growth, Poverty and Income Inequality', Special Issue *Journal of the Asia Pacific Economy*, Vol.5 (1&2): 9-13.
- Kartasasmita, Ginandjar. 1996. *Pembangunan Untuk Rakyat Memadukan Pertumbuhan dan Pemerataan*, Jakarta: CIDES.
- Kikuchi, Masao. 1977. *Polarisation of Alaguna Village, Dynamic of Agrarian Change*. Los Banos: International Rice Research Institute.
- Komalig, Aske. 1989. *Perkembangan Struktur Kesempatan Kerja Di Pedesaan*, Penerbit Rajawali, Jakarta.
- Kuncoro, Mudrajat. 1997. *Otonomi Daerah - Reformasi, Perencanaan, Strategi dan Peluang*. Jakarta: Penerbit Erlangga.
- Kunkel, J.H. 1965. 'Values and Behaviour in Economic Development', *Economic Development and Cultural Change*, Vol.13 (3).
- Kuznets, S. 1955. 'Economic Growth and Income Inequality'. *American Economic Review*, Vol.49: 1-28.
- Kuznets, S. 1963. 'Quantitative Aspects of the Economic Growth of Nations: The Distribution of Income by Size'. *Economic Development and Cultural Change*, Vol.11: 1-92.
- Lains, Alfian. 1987. 'Peranan Kualitas Sumber Daya Penduduk Dalam Pembangunan di Indonesia'. *Pidato pengukuhan Guru Besar Ilmu Ekonomi Fakultas Ekonomi*. UNAND, Padang.
- Lanjouw J. and Ravallion M. 1995. 'Poverty and Household Size'. *The Economic Journal*, Vol.105 (433) : 1415-1434.

- Lewis, A.W. 1954. 'Economic Development with Unlimited Supplies of Labour'. *Manchester School* 22 (May): 139-191.
- Loehr, W. & Powelson, J.P. 1981. *The Economics of Development and Distribution*. New York: Harcourt Brace.
- Lucas, Jr., R.E. 1988. 'On the Mechanics of Economic Development'. *Journal of Monetary Economics*, Vol.22(1):3-42.
- Luthfi, Ibrahim. 1993. *Profil Aktivitas Ekonomi dan Kemiskinan Di Indonesia*, Bogor, Lemlit, IPB.
- Malasis. 1975. *Agriculture and Development Proces.*, Whashington: UNESCO Press.
- Malaysia. 1981. *Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985*. Kuala Lumpur: National Press.
- Malaysia. 2001. *Rancangan Malaysia Kelapan, 2001-2005*. Kuala Lumpur: National Press.
- Manning, Chris. 1984. *Angkatan Kerja dan Kesempatan Kerja Di Indonesia*, Jakarta: Rajawali Press.
- Mary G. McDonald. 1996. 'Farmers as Workers in Japan's Regional Economic Resstructuring, 1965-1985'. *Economic Geography*, Vol.72(1):49-72.
- McNicoll, G. & Cain, M. 1989. 'Institutional Effects on Rural Economic and Demographic Change'. *Population and Development Review*, Vol. 15: 3-42.
- Meier, M.G., 1988. *Leading Issues in Economic Development*. 4th ed. New York: Oxford University Press.
- Mellor J.W Agriculture. 1976. *On The Road to Industrialization*, Baltimore: John Hopkins University Press.
- Mintoro, A. 1983. *Distribusi Pendapatan*. Studi Dinamika Perdesaan, Bogor.
- Moore, W.E. 1975. *Social Change*. New Delhi: Prentice Hall.
- Morse Stephen & McNamara Nora. 2013. *Sustainable Livelihood Approach, A Critique of Theory and Practice*. Springer. London.
- Mubyarto. 1984. *Pengantar Ekonomi Pertanian*, Penerbit LP3ES, Jakarta.
- Mubyarto. 1991. *Pengantar Ekonomi Pertanian*, Penerbit LP3ES, Jakarta.

- Muchtar, Muchlis. 1992. *Strategi Pengembangan Agroindustri di Indonesia*. Makalah Seminar Pembangunan Pertanian Dalam Menyongsong Era Globalisasi, Cisarua, Bogor.
- Oberai, A.S. 1986. 'Land Settlement Policies and Population Redistribution in Developing Countries', *International Labour Review*, Vol.125: 141-161.
- Osman Rani Hassan.1983. 'Polisi Perindustrian dan Penglibatan Bumiputera', dalam Jaafar Muhamad & Abdul Shukor Ariffin (eds). *Masalah dan Prospek Ekonomi Bumiputera*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Patmawati Ibrahim & Rahisam Ramli. 2010. 'Kesan Agihan Zakat Dalam Membasmi Kemiskinan Dan Ketidakeimbangan Agihan Pendapatan Di Negeri Sembilan'. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke V (PERKEM V)*, Port Dickson, Negeri Sembilan, 15 – 17 Oktober 2010. PROSIDING PERKEM V, JILID 2 (2010) 104 – 113.
- Pakpahan, Agus. 1989. *Aspek Kelembagaan Dalam Pembangunan Pertanian*, Pusat studi Dinamika Perdesaan, Bogor.
- Prayitno. 1992. *Teknik Bimbingan di Berbagai Jenjang Pendidikan Formal*, Penerbit Ghalia Indonesia, Jakarta.
- Pusat Analisis Sosial Ekonomi dan Kebijakan Pertanian. 2007. *Penanggulangan Kemiskinan dan Pengangguran di Pedesaan*. PSEKP, Bogor.
- Pusat Penelitian Sosial Ekonomi Departemen Pertanian. 1995. *Identifikasi Wilayah Miskin dan Alternatif Upaya Penanggulangannya di Indonesia*, Bogor Litbang Departemen Pertanian.
- Quibria, M.G. 1996. *Rural Poverty In Asia: Indonesia, Republic of Korea, Philippenes and Thailand*, Asian Development Bank, Manila.
- Radwan, S. 1986. *Agrarian Change in Egypt: An Anatomy of Rural Poverty*. London: Croom Helm.
- Rahmah Ismail & Ishak Yussof. 2010. 'Human Capital and Income Distribution in Malaysia. A Case Study'. *Journal of Economic, Cooperation and Development*. 31,2 (2010), 25-46.
- Rahman, Md.Aminur. 1999. 'Inequality and the Growth Process: An Essay on Development Dynamics'. Paper Presented at the *Annual Meeting of the Society for Computational Economics*, Boston College. June 24-26.
- Rajah Rasiah and Ishak Shari. 2001. 'Market, Government and Malaysia's New Economic Policy'. *Cambridge Journal of Economics* Vol.25: 57-78.
- Rekrohadiprodjo. 1996. *Ekonomi Sumber Daya Alam dan Energi*, BPFE UGM Yogyakarta
- Rodgers, Gerry. 1996. *Social Eclution, Reticor Reality Respont*. New York: International Institute For Labour Studies.

- Rostow, W.W. 1960. *The Stages of Economic Growth: A Non-Communist Manifesto*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Sajogyo, 1991. *Kemiskinan dan Pembangunan di Nusa Tenggara Timur*, Pusat Studi Pembangunan, IPB Bogor.
- Salim, Emil. 1984. *Kebijaksanaan Pemerataan Mengatasi Kemiskinan*. Jakarta: Indayu Press.
- Scholz, U. 1988. 'Types of Spontaneous Pioneer Settlement in Thailand', dlm. Manshard, W. & Morgan, W.B. (ed), *Agricultural Expansion and Pioneer Settlements in the Humid Tropics*. Hong Kong: The United Nations University.
- Schubert, Renate. 1994. *Poverty in Developing Countries Its Definition, Extent, And Implication*. Economics A Bianual Collection of Recent German Studies, Vol 49/50.
- Seers, D. 1979. *Birth, Life and Death of Development Economics. Development and Change*. London: Sage.
- Sekaran, U. 1999. *Research Methods for Business: a Skill-building Approach*. New York: John Wiley & Sons.
- Shand R.T.1987. 'Income Distribution in a Dynamic Rural Sector : Some Evidence from Malaysia'. *Economic Development and Cultural Change*, Vol.36(1) : 35-50.
- Sigit, Hananto. 1993. *Deregulasi Investasi, SDM dan Pemerataan*, Makalah Kongres ISEI, Surabaya.
- Simanjuntak, Payaman. 1992. *Kebijaksanaan Tenaga Kerja dan Peranan Pendidikan Ilmu Pengetahuan*, Kerjasama dalam Sarasehan Forum Komunikasi Pimpinan FPIPS se Indonesia, Padang.
- Sinaga, Rudolf & Benjamin Whithe. 1984. *Beberapa Aspek Kelembagaan di Perdesaan Jawa, Hubungannya Dengan Kemiskinan Struktural*. Pusat Studi Dinamika Perdesaan, IPB Bogor.
- Sitorus, MTP. 1993. *Peranan Sosial Ekonomi Wanita Dalam Rumah Tangga Miskin*, PSW IPB, Bogor.
- Smith, C.S. 1997. *Case Studies in Economic Development*. 2nd ed. New York: Addison-Wesley.
- Soemaryanto. 1989. *Penawaran Tenaga Kerja Pada Usahatani Padi dan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhinya*, Bogor, IPB.
- Squire, L. 1993. 'Fighting Poverty'. *The American Economic Review*, Vol.83 (2): 377-382.
- Sulong Mohamad. 1985. *Petempatan Felda : Perspektif Perancangan Bandar dan Desa*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Sumodiningrat, Gunawan. 2000. *Pembangunan Ekonomi Melalui Pembangunan Pertanian*, Jakarta, PT.Bina Aksara
- Suratman & Guinness. 1977. 'The Changing Focus of Transmigration'. *Bulletin of Indonesian Economic Studies*, 13 (July): 78-101.
- Suwanmontri, Montri. 2010. 'Resettlement: A New Paradigm', *Hydro Review Worldwide Magazine*. October 7, Essex, United Kingdom.
- Tambunan, Tulus. (2006. *Perekonomian Indonesia Sejak Orde Lama Hingga Pasca Krisis*. Jakarta: Penerbit Pustaka Quantum.
- Tjondronegoro, SMP. 1990. 'Strategi Pengembangan Masyarakat Desa', *Makalah Seminar Pengembangan Masyarakat Desa Di Indonesia*, Hipipwi.
- Todaro, M.P. 1976. 'Rural-Urban Migration, Unemployment and Job Probabilities: Recent Theoretical and Empirical Research', in A.J. Coale. *Economic Factors in Population Growth*. London: McMillan.
- Todaro, M.P., 1989. *Economic Development in the Third World*. London: Longman.
- Todaro, M.P. 1998. *Pembangunan Ekonomi Di Dunia Ketiga*, Terjemahan Amirudin dan Mursid. Jakarta: Penerbit Ghalia Indonesia.
- Tunku Shamsul Bahrain & Lee Boon Thong. 1988. *FELDA 3 Decades of Evolution*. Kuala Lumpur: FELDA.
- Tunku Shamsul Bahrain and Perera, P.D.A. & Lim Heng Kow. 1992. *Kemajuan Tanah dan Penempatan Semula di Malaysia*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tunku Shamsul Bahrain. 1971. 'Policies of Land-Settlement in Insular South-East Asia a Comparative Study', *Modern Asian Studies*, Vol.5 (1): 21-34.
- UNDP. 1997. *Human Development Report*. Oxford.
- UNDP. 1995. *Spatial Planning Policies in Malaysia. National Spatial Planning Project*. Kuala Lumpur.
- Universitas Indonesia, 2001. *Lembaga Kajian Ekonomi dan Manajemen*. Universitas Indonesia, Jakarta.
- Uphoff N & A.Rasahan. 1992. *A Strategi For Sustainable Agriculture and Rural Development With Poverty Alliviation*, Ithaca, Cornel University.
- Wahyuni, Ekawati. 1993. *Strategi Nelayan Dalam memenuhi Kebutuhan Ekonomi Keluarga*, Bogor, IPB.
- Webster, A. 1984. *Introduction to the Sociology of Development*. London: Macmillan.

- Wikkramatileke R. 1972. 'The Jengka Triangle, West Malaysia: A Regional Development Project'. *Geographical Review*, Vol.62 (4): 479-500.
- Wikkramatileke, R. 1962. 'A Study of Planned Land Settlement in the Eastern Marchlands of Malaya'. *Economic Geography*, Vol.38 (4): 330-346.
- Williams, D.R. 1991. 'Structural Change and the Aggregate Poverty Rate'. *Demography*, Vol. 28 (2): 323-332.
- Williamson, J.G. 1965. 'Regional Inequality and the Process of National Development: A Description of Patterns'. *Economic Development and Culture Change* 13.
- Wiradi, Gunawan. 1984. *Ketenagakerjaan Dalam Struktur Agraris di Perdesaan Jawa*. Yogyakarta: Penerbit Yayasan Dian Desa.
- Visaria, P. 1991. *The Incident of Poverty and Characteristics of The Poor in Paninsular Malaysia*. Malaysian Economic Journal Vol.5.
- World Bank. 1990. *Employment and Income Distribution In The Indonesia*. Washington.
- World Bank. 2006. *World Development Report 2006. Equity and Development*. Washington.
- World Bank. 2001. *World Development Report 2000/2001, Attacking Poverty*. Oxford: Oxford University Press.
- World Bank. 2004. *Involuntary Resettlement Sourcebook, Planning and Implementation in Development Projects*. Washington.
- World Bank. 2013. *Country At A Glance, Indonesia*. World Bank Web Page (10 Oktober 2013), <http://www.worldbank.org/en/country/indonesia>
- Woube, Mengistu. 2005. *Effect of Resettlement Schemes on the Biophysical and Human Enviroments: The Case of Gambela Region, Ethiopia*. Florida: Universal Publishers.
- Yin, Robert K. 1989. *Case Study Research, Design and Methods*. London: Sage Publication.
- Vreeland, N., Dana, G.B., Hurwitz, G.B., Just, P., Moeller, P.W. and Shinn, R.S. 1977. *Area Handbook for Malaysia*. Washington: U.S. Government Printing Office.
- Zuvekas, C. 1979. *Economic Development an Introduction*. New York: The Macmillan Press.